PERJUANGAN
ANTI-CESSION
SARAWAK

PERANAN UTAMA PERSATUAN
KEBANGSAAN MELAYU
SARAWAK

HAJI MOHD. HASBIE SULAIMAN

KUCHING - 1989.

PERJUANGAN ANTI-CESSION SARAWAK
PERANAN UTAMA PERSATUAN KEBANGSAAN
MELAYU SARAWAK

Hakcipta: HAJI MOHD. HASBIE SULAIMAN

Penerbit: PERSATUAN KEBANGSAAN MELAYU SARAWAK
BANGUNAN PKMS,
LOT, 209-210, TINGKAT DUA,
JALAN HAJI TAHA,
93400, KUCHING.

Cetakan Pertama 10 Oktober 1989
ISBN 983-99640-0-3

Rekabentuk Kulit:
HAJI MOHD. HASBIE SULAIMAN

Grafik:
BUJANG JENAL
SALMIAH KASSIM
POZIAH ATAN

Typesetting dan dicetak oleh:
SAMASA PRESS SDN. BHD.
LOT 1277, SEKSYEN 66, JALAN KEMAJUAN,
KAWASAN PERINDUSTRIAN PENDING,
P.O.BOX 666, KUCHING.
TELEPHONE: 082-484426/484427.
FAX: 082-481588.

ISTIMEWA UNTUK:

Ayah dan Bonda
Encik Sulaiman bin Mohamad
Hajjah Ramlah bt. Sulong
disertai al-fatihah

Terutama para pejuang
Barisan 338 Pegawai-Pegawai
Kerajaan Negeri Sarawak
yang berkorban periuk nasi
mereka untuk membangkit
semangat Nasionalisma
dan membawa obor kemerdekaan

Ahli-Ahli
Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak

Kata Pengantar Dari Yang Di-Pertua PKMS

Alhamdulillah, pada hari ulangtahun ke 50 kelahirannya, Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak menempah satu lagi sejarah dengan pelancaran buku ini yang kita harap boleh menjadi rujukan kepada generasi baru amnya dan ahli-ahli PKMS khasnya berkenaan perjuangan orang-orang Melayu Sarawak dalam tiga zaman iaitu zaman pemerintahan Brooke, zaman pemerintahan Jepun dan zaman pemerintahan Jajahan Inggeris (British Colony).

Saya sangat bersyukur dan terharu kerana salah seorang ahli seumur hidup PKMS iaitu Tuan Hj. Hasbie Sulaiman telah sanggup menerima cabaran dan tanggungjawab untuk menyusun sejarah perjuangan orang-orang Melayu sebelum merdeka dari berbagai-bagai sumber yang ada padanya, bagi pihak PKMS. Dengan terbitnya buku ini nyatalah daya usaha gigih yang telah beliau curahkan untuk tatapan dan diteladani oleh generasi akan datang. Buku ini adalah satu-satunya usaha ulung berkenaan sejarah orang-orang Melayu di bumi kenyalang ini, disusun dan dipersembahkan dari perspektif anak watan.

Kepada Tuan Haji Hasbie serta semua rakan-rakan yang telah membantu menjayakan penerbitan buku ini. Saya, selaku Yang Di-Pertua PKMS mengucapkan syabas dan tahniah. Moga-moga Allah membalas jasa mereka ini dengan ganjaran yang sebaik-baiknya.

"BERUSAHA BAHAGIA"

Wassalam.

(DATUK WAN YUSUF TUN DATUK PATINGGI TUANKU HJ. BUJANG)
Yang Di-Pertua, PKMS.

Kata-Kata Sambutan Daripada Timbalan Yang Di Pertua PKMS

Alhamdullilah, syukur yang tidak terhingganya kehadirat Allah S.A.W., kerana di atas limpah kurniaNya, Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak dapat merayakan ulangtahun ke-50 dengan jaya dan dalam suasana aman dan muhibbah. Beberapa kegiatan telah dilaksanakan berkaitan dengan sambutan perayaan ini, dan saya selaku Timbalan Yang di-Pertua mengucap setinggi-tinggi tahniah kepada pengelola penerbitan buku PKMS bertajuk "Perjuangan Anti-Cession Sarawak-Peranan Utama Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak" terutama sekali penulisnya Sdr. Haji Mohd. Hasbie Sulaiman serta semua mereka yang menyumbang untuk menjayakan buku itu. Tahniah juga kepada PKMS atas penerbitan majalah ulangnya ini iaitu "50 tahun PKMS dalam Kenangan".

Memang menjadi adat resam bangsa Melayu, mereka tidak lupa kepada jasa dan bakti orang-orang sebelum mereka, maka sempena ulangtahun ke-50 Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak, pamiran sejarah yang telah kita adakan bertema "Jasamu tetap dikenang" amat tepat sekali dimana kita mencatit dengan tinta emas segala sejarah dan perjuangan pengasas-pengasas dan pejuang-pejuang Persatuan Melayu yang ulung dan tunggal ini supaya kita dan anakcucu kita boleh mengenal mereka dengan lebih dekat lagi. Hasil perjuangan mereka amatlah besar dan bernilai hingga boleh membiak ahli cendikiawan negeri, pejuang-pejuang bangsa dan agama dari Sarawak. Dimasakini amat cepat sekali jasa dan budi itu dilupakan dan menjadi tugas kita selaku orang Melayu menghidup semula tabiat yang baik ini.

Kesinambungan telah ujud diantara mereka yang tua dengan yang muda dalam PKMS, dan sebagai pelapis marilah kita berikrar untuk terus berkhidmat kepada agama, bangsa dan negara dan menjunjung patuh kepada perlembagaan PKMS supaya ianya akan terus berkembang hingga 500 tahun lagi!! Insya Allah.

Akhir kata saya ucapkan semoga Allah membalas jasa orang-orang yang telah berkhidmat untuk PKMS - dahulu, sekarang dan yang akan datang.

Wassalam, "Berusaha Bahagia"

Yang Ikhlas,

(Datuk Hajjah Hafsah Hj Harun P.N.B.S., JMN., PPT)

Muqaddimah dari Pengarang

Alhamdulillah, dengan rasa penuh tawaduk dan rendah hati, saya menyusun jari sepuluh, menadah tangan bagi memanjatkan kesyukuran kehadrat Allah kerana telah memberi hidayah dan inayahNya memperkuatkan azam dan cita-cita saya untuk menyusun kisah "Perjuangan Anti-Cession Sarawak". Buku ini mengupaskan peranan utama Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak, para pengasasnya, pemimpin-pemimpin, dan penyokong-penyokongnya sebagai pembawa obor semangat perjuangan dan semangat kemerdekaan di Bumi Kenyalang ini.

Sempena dengan Upacara Menyambut Ulang Tahun ke-50, iaitu Jubli Emas Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak pada 10 Oktober, 1989 ini, maka lahirlah sebuah buku kecil ini untuk dihidangkan kepada masyarakat di tanahair kita. Usaha mengumpul bahan-bahan, data-data, detik-detik sejarah dan cerita-cerita dalam buku ini telah menelan masa yang amat panjang dan mencabar. Empat tahun sekurang-kurangnya usaha ini dimulakan sehingga hari ini. Ini berlaku diantara tugas lain yang sedia ada.

Saya amat berasa terhormat sekali apabila menerima sepucuk surat bertarikh 21 Januari 1985 dari Yang Berhormat Datuk Haji Wan Yusuf bin Tun Datuk Patinggi Haji Bujang selaku Yang di-Pertua telah melantik saya untuk menyusun sebuah riwayat para pemimpin dan perjuangan Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak sejak ianya ditubuhkan dalam tahun 1939.

Pada mulanya saya termenung beberapa ketika, berfikir dengan mendalam bahawa ini adalah tugas yang amat berat sekali. Akhirnya saya mengambil kesimpulan bahawa lamaran ini harus diterima sebagai satu cabaran bagi diri saya. Berdasarkan bahawa hubungan saya amat lama dan rapat dengan PKMS, selaku ahli PKMS seumur hidup dan telah pernah dipilih sebagai Naib Yang Di-Pertua PKMS sejak tahun 1964 hingga ke tahun 1975, selain dari itu pernah menjadi ahli Majlis Tertinggi sejak kepimpinan Tuan Haji Abdul Rahman Haji Kassim, pengasas PKMS sendiri dalam tahun 1953-1957. Diwaktu itu saya telah ditugaskan untuk mengasaskan sebuah badan kesenian yang diberi nama Lembaga Kebudayaan dan Kesenian PKMS. Berhidmat di bawah kepimpinan Tan Sri Datuk Haji Muhamad Haji Bakeri dari tahun 1957-1959; dibawah kepimpinan Tuan Haji Dawi Abd. Rahman dalam tahun 1964-1975; dibawah kepimpinan Tan Sri Datuk Amar Marzuki Nor dalam tahun 1975-1982.

Yang paling mendorongkan saya ialah sebagai salah seorang ahli Barisan Perjuang 338 Anti-Cession Sarawak, saya sendiri yang telah terlibat secara langsung dalam perjuangan yang telah berlaku itu. Rela meletak jawatan sebagai Pegawai Kastam di pejabat Perniagaan dan Kastam, Kuching. Menjawat jawatan sebagai Setiausaha Majlis Kampung PKMS beberapa tahun. Ditugas untuk melukis reka bentuk Lencana Barisan Pemuda Sarawak yang asal. Melukis beribu-ribu spandok Anti-Cession untuk rapat-rapat raksasa dalam Demonstrasi Anti-Cession di Kuching dan sebagainya. Berdemonstrasi di hadapan Rombongan ahli Parliamen Inggeris di hadapan Darul Kurnia bersama saudara-saudara dari Maktab Latihan Guru-guru Melayu, Kuching. Sebanyak sedikit pengelibatan saya itu masih meninggal kesan memori pahit maungnya perjuangan Anti-Cession itu.

Apa yang terkandung dalam buku ini BUKANLAH pendapat saya sendiri sewenang-wenangnya. Faktor-faktor yang berkaitan dipaparkan disini telah pun pernah tersiar, tercatit sebagai sejarah dalam beberapa buku yang terdahulu dari buku ini dalam bahasa Inggeris tetapi belum lagi dalam bahasa ibunda kita. Yang paling penting ialah kupasan dalam buku ini dihidangkan dalam wadah kacamata anak watan sendiri mempunyai persfektif yang menebus meruah bangsa Melayu sendiri.

Sejarah tidak dapat dilupakan maupun diselindungi; dikikis dan dilengis; tidak boleh dihapus dan dipupus, setiap detik berlakunya peristiwa insan, negara sekitarnya akan tetap bersemadi dalam lipatan sejarah jua.

Tidak terlintas dihati, tidak juga terguris dikalbi ini untuk mendaifkan yang hidup maupun yang mati. Setiap yang benar wajib dipelihara dan diabadi untuk pedoman generasi kemudian hari.

Perjuangan PKMS bukanlah suatu yang enteng, segenap langkahnya merupakan benteng. Benteng bangsa menyangga runtuh, tanpa Melayu bersatu teguh, zuriat warisan kelak akan rubuh. Melayu layu laksana debu ditiup bayu. Berterbangan di udara tanpa dituju, dipermukaan bumi akan tersapu, maka pemimpin-pemimpinlah akan disumpah oleh generasi baru.

Dengan hakikat inilah saya memberanikan diri menulis dengan pena yang tumpul dan berkarat ini. Saya dengan tulus ikhlas mengakui bahawa buku ini BELUMLAH LENGKAP lagi, masih banyak lapangan boleh diterokai, dan masih banyak ruang belum diisi. Oleh itu saya memohon kerjasama yang ikhlas dari pembaca disebaliknya agar memberi teguran yang membina dan dapat sama-sama kita membetulkannya kelak. Apa yang tercatit disini hanya merupakan sumbangan yang terdaya oleh saya dalam tahap permulaan di alam persuratan.

Buku ini ditulis dengan cara bahasa lama, stail lama dalam bentuk "Classical Old Timer". Mungkin terdapat saki baki ejaan pun lama. Saya akui saya tidak mungkin dapat sejajar dengan penulis-penulis generasi baru. Namun demikian

hati kecil ini tidak mahu ketinggalan berbakti untuk menyahut seruan para cendiakawan bangsa dan tuntutan Agama Islam bahawa "Sampaikanlah penerangan kepada masyarakat bangsamu, walaupun dengan satu ayat".

Disini saya sertai dengan tuntutan maaf sekiranya terdapat kesilapan dan kecanggungan dalam buku dan haraplah tidak tersinggung perasaan. Kesilapan mahluk seperti kita ini, sewajarnya berlaku kerana kita masih daif disisi Allah S.W.T. selama lama nya. Hanya Allah jua yang Maha Suci dari semua itu.

Akhir Qalam saya mengambil kesempatan untuk melafazkan ribuan terima kasih kepada isteri sahabat-sahabat karib yang mendorongkan saya serta memberi tunjuk ajar mereka. Kepada yang Di-Pertua PKMS dan ahli-ahli Majlis tertinggi sekalian, dirakamkan penghargaan tidak terhingga atas kerjasama yang diberi kepada saya bagi menerbitkan buku kecil ini. Didoakan agar Allah memberi ganjaran yang setimpal banyaknya kepada mereka sekalian, Amin.

Alfakir disisi Allah,



Haji Mohamad Hasbie Sulaiman
Kuching, 15 September, 1989.

Isi Kandungan

Bahagian I
Kebangkitan Nasionalisma Di Bumi Kenyalang

Kebangkitan Nasionalisma Di Bumi Kenyalang

Kebangkitan semangat Nasionalisma di kalangan orang-orang Melayu Sarawak khususnya, telahpun wujud sejak di zaman Empayar Brunei dalam abad yang ke 19.

Pada waktu Sultan Omar Ali Saifuddin Ibnu Sultan Mohamad Jamalul-alam menaiki tahta Kerajaan Brunei, Baginda telah melantik Pengiran Mahkota sebagai Gabenor bagi wilayah Sarawak.

Pengiran Mahkota telah mentadbir Negeri Sarawak dengan gaya yang tersendiri dan penuh dengan kezaliman. Dalam pemerintahannyalah tercetusnya peperangan saudara dan pemberontakan dalam tahun 1836. Rakyat Sarawak sudah tidak tahan lagi bersabar kerana diperas dengan cukai yang melambung tinggi, ditindas dengan paksaan yang pedih sebagai hamba abdi Pengiran Mahkota. Beliau memonopolikan perusahaan logam antimoni dan perniagaan amnya di kalangan kaum Dayak Darat. Kaum Dayak Darat dipaksa bekerja di lombong logam antimoni dan lombong emas dengan pembayaran gaji yang rendah dan tidak setimpal. Ini telah menimbulkan kemarahan yang amat sangat kaum Dayak Darat di kawasan itu. Pemberontakan rakyat Sarawak ini dipimpin oleh Datuk Patinggi Ali, berketurunan bangsawan Melayu Sarawak yang berdarah raja dari keturunan Raja Jarum di Tanah Jawa.

Datuk Patinggi Ali yang berwibawa dan penuh keberanian telah dapat menyatukan penduduk-penduduk Sarawak yang terdiri daripada kaum Melayu dan Dayak bangun menentang Pentadbiran Pengiran Mahkota. Sarawak yang kecil itu telah menjadi huru-hara dengan rakyat yang berjuang untuk mencari keadilan dan seterusnya menuntut kemerdekaan Sarawak daripada Empayar Brunei. Mereka telah menubuhkan kerajaan sendiri dan mendirikan sebuah kubu dan pusat pemerintahan di Lidah Tanah, sebuah perkampungan di ulu Sungai Sarawak. Hura-hara yang berlaku di Sarawak telah merungsingkan Kerajaan Brunei. Sultan Omar Ali Saifuddin amat mengambil perhatian berat terhadap perkara ini dengan mengirimkan bapa saudaranya Baginda Raja Muda Hashim, Bendahara Brunei, ke Sarawak untuk menyelesaikan perang saudara itu.

Raja Muda Hashim yang bersifat lemah lembut dan terlalu baik hati tidak berupaya menyelesaikan masalah pemberontakan di Sarawak. Kebetulan pada 15hb Ogos 1839, James Brooke, seorang pengembara Inggeris telah sampai ke Sarawak buat pertama kalinya dan ingin berkenalan dengan Muda Hashim. Pada ketika itulah Pengiran Muda Hashim mengambil kesempatan menerang-

kan keadaan huru-hara yang berlaku di Sarawak kepada James Brooke. James Brooke amat tertarik hati kepada sifat Raja Muda Hashim, yang berbadan kecil dan berusia kira-kira 45 tahun, walaupun menghadapi masalah, tetapi cergas dan bijaksana. Beliau nampaknya kurang berminat dalam perniagaan. Setelah dua bulan berada di Sarawak, James Brooke berangkat menuju ke Sulawesi dengan kapal Royalist yang dibelinya dari wang pusaka peninggalan ayahnya untuk beliau mengembara di sebelah timur ini.

Lawatan kedua James Brooke

Pada 29hb Ogos 1840, James Brooke kembali lagi ke Kuching untuk mengunjungi Raja Muda Hashim. Keadaan huru-hara di Sarawak masih belum reda lagi malah semakin memuncak. Raja Muda Hashim terpaksa memujuk James Brooke supaya membantu baginda menyelesaikan perperangan yang berlaku dengan berjanji jika James Brooke dapat memadamkan pemberontakan itu baginda akan melantik beliau sebagai Gabenor bagi Wilayah Sarawak. James Brooke bersetuju menunaikan permintaan Raja Muda Hashim dan terus berangkat menyerang kubu pemberontak Sarawak di Sekudis dengan alat kelengkapan yang moden dan cukup dalam kapal Royalist.

Pada 20hb Disember 1840, Datuk Patinggi Ali dan pengikut-pengikutnya terpaksa menyerah kalah dan sanggup menyerahkan kubu mereka di Belidah kerana berpegang kepada perjanjian yang dibuat oleh James Brooke iaitu mereka tidak akan dihukum bunuh. Brooke memberi jaminan untuk melindungi mereka dan pengikut-pengikutnya dari serangan dan tindasan oleh Pengiran-pengiran Brunei. Dengan demikian, peperangan di antara penduduk Sarawak dengan Pengiran Mahkota dan pengikut-pengikutnya reda, tetapi Pengiran Mahkota tidak berhenti di situ sahaja. Beliau telah merancang satu komplot lagi dengan satu serangan balik dengan membujuk kononnya 2,500 orang Iban untuk menyerang sungai Sarawak tetapi komplot itu dapat dipatahkan. Tindakan Pengiran Mahkota itu telah menimbulkan kemarahan kepada James Brooke dan beliau menyatakan akan bertindak dengan kekerasan kalau Pengiran Mahkota tidak disingkirkan dari jawatannya. Raja Muda Hashim sedar akan perasaan rakyat Sarawak pada masa itu dan mereka akan tetap menyokong tindakan menyingkir Pengiran Mahkota. Oleh itu baginda telah mengambil tindakan segera dengan memecat Pengiran Mahkota dari menjadi Gabenor Sarawak.

Pada 24hb September 1841, James Brooke telah dilantik menjadi Gabenor Sarawak yang mempunyai kawasan dari Tanjung Dato hingga ke Batang Semerahan sahaja, bukan seperti kawasan yang ada pada hari ini.

James Brooke Gabenor Baru Sarawak

Dengan perlantikan James Brooke sebagai Gabenor Sarawak maka timbullah satu era baru dalam pemerintahan Wilayah Sarawak yang dikendalikan oleh seorang bangsa kulit putih. Keadaan huru-hara telah pulih dan para pejuang kemerdekaan Sarawak tidak dapat melanjutkan perjuangan mereka sebagaimana yang dicita-citakan sewaktu menentang Pengiran Mahkota sejak dalam tahun 1839.

James Brooke yang berpengalaman sebagai pegawai tentera di Syarikat India Timur dalam perang Burma yang pertama berserta dengan serba sedikit kelengkapannya telah dapat menukar corak pemerintahan Pengiran Mahkota yang zalim kepada suasana aman dan damai. Langkah pertama yang diambil oleh James Brooke ialah melantik semula ketua-ketua Melayu terutama Datuk-Datuk yang telah dipecat oleh kerajaan Brunei di bawah Pengiran Mahkota. Pada awal tahun 1842, perlembagaan dan undang-undang yang tersusun telah diwujudkan di negeri Sarawak.

Pengesahan Perjanjian James Brooke Sebagai Gabenor Oleh Sultan Brunei

Setelah dilantik oleh Raja Muda Hashim sebagai Gabenor pada 24hb September 1841, James Brooke telah berangkat ke Brunei untuk mendapat pengesahan yang rasmi dari Sultan Brunei sendiri. Ketibaan James Brooke ke Brunei telah mendapat sambutan yang mesra. Sebelum itu, iaitu pada 31hb Julai 1842, para pemimpin tinggi Brunei yang terdiri daripada Pengiran-pengiran berkuasa eksekutif telahpun mengadakan mesyuarat khas untuk melantik James Brooke sebagai Gabenor Sarawak. Dengan persetujuan ini, Sultan Brunei telah membuat pengesahan rasmi ke atas perjanjian yang dibuat oleh Raja Muda Hashim di Sarawak yang telah melantik James Brooke sebagai Gabenor Sarawak dengan syarat:

i) beliau dikehendaki menghantar ufti sebanyak $2,500.00 setahun kepada Baginda Sultan dan waris-warisnya.

ii) segala adat istiadat dan agama penduduk-penduduk tempatan tidak boleh diganggu atau ada campur tangan didalamnya.

iii) **NEGERI SARAWAK TIDAK BOLEH** diserahkan kepada sesiapa tanpa kelulusan daripada Baginda Sultan.

Adalah diterangkan bahawa James Brooke bukanlah ditabalkan sebagai pemerintah yang merdeka; beliau hanya seorang pegawai Baginda Sultan, seperti Pengiran Mahkota sebelumnya. Perbezaannya ialah bahawa James Brooke adalah seorang Eropah yang mendatang.

Terjemahan penuh mengenai perjanjian ini telah dirakamkan dalam buku yang berjodol "Treaties and Engagements Affecting the Malay States and Brunei" karangan W.G. Maxwell dan W.S. Gibson, Jes. Truscott and Son Ltd, London 1924. (muka 185-186)

Menurut teks terjemahan itu, kekuasaan James Brooke adalah terhad. Baginda Sultan berhak campurtangan dalam urusan Sarawak. James Brooke hanya diberi kuasa iaitu "hanya dalam lingkungan Wilayah Sarawak sahaja" (kawasan Tanjung Dato hingga Batang Semerahan). Oleh itu beliau tidak berhak mengganggu kawasan atau Wilayah lain.

Dalam perjanjian tersebut juga, James Brooke hanya diberi gelaran Tuan Besar sahaja, bukan sebagai Raja dan bukan juga sebagai Gabenor. Gelaran Raja itu adalah gelaran diberi oleh pemimpin-pemimpin Melayu Sarawak yang bermesyuarat pada 25hb Oktober 1855 dengan Mr Spencer St. John, Consul General Pulau Borneo. Wilayah sekeliling Sarawak pada masa itu telah diperintah oleh Gabenor-gabenor Melayu dari Brunei seperti:-

1) Sharif Sahap – memerintah di Sadong
2) Sharif Mular – memerintah di Skrang
3) Sharif Jaafar – memerintah di Lingga
4) Sharif Mashor – memerintah di Sarikei
5) Pengiran Nipa – memerintah di Mukah
6) Sharif Osman – memerintah di Merudu

Perlantikan James Brooke menjadi Gabenor Sarawak bukan saja menyakiti hati Pengiran Mahkota, tetapi Gabenor-gabenor Wilayah yang berdekatan dan yang lain pula merasa curiga dan marah. Mereka sentiasa berjaga-jaga dan menunggu masanya Wilayah mereka akan diserang oleh James Brooke pula.

Sharif Mashor - Pejuang Melayu - 1810-1890

Sharif Mashor telah dilahirkan di Brunei dalam tahun 1810. Daripada namanya saja beliau sudah dapat dikenal sebagai anak watan yang boleh mencipta sejarahnya sendiri. Ini telah menjadi kenyataan, apakala beliau telah dilantik menjadi pentadbir, pemimpin dan Gabenor Wilayah Sarikei. Beliau dilahirkan sebagai seorang pejuang tanahair dan seluruh masa kehidupan beliau telah diisi dengan semangat perjuangan menentang cubaan dan cabaran orang Eropah untuk menduduki dan memerintah Pulau Borneo.

Beliau amat disegani oleh pengikut-pengikutnya atas keberaniannya memimpin dan berjuang menghadapi musuh sehingga beberapa kali beliau tertembak, tetapi oleh kerana belum ajal berpantang mati, beliau masih hidup untuk meneruskan perjuangan.

Diwaktu berusia masih muda lagi, beliau menetap di kampung kecil di Igan, Batang Igan, (Bahagian Ketiga Sarawak sekarang ini). Di sanalah beliau mendirikan rumah kediamannya yang tegap dan kuat dan di sekeliling rumahnya itu terdiri pula rumah-rumah pengikutnya, yang terdiri daripada orang-orang Melayu dan Melanau. Beliau berpindah ke Sarikei, sebuah pekan kecil di Batang Rajang di mana beliau mendirikan pusat kediaman barunya bersama dengan pengikut-pengikutnya. Dengan kebijaksanaannya, beliau berjaya memikat hati penduduk-penduduk Iban yang tinggal di persekitaran sungai itu sehingga terjalinnya tali persahabatan yang mesra di antara mereka.

Sharif Mashor juga dikenali kerana mempunyai perawakan yang tampan dan gagah serta tabiat yang berani. Ciri-ciri ini telah menyebabkan beliau berjaya menjadi pemimpin sehingga beliau dapat memegang tampok pentadbiran Daerah Rajang bagi pihak Kerajaan Brunei daripada tangan Datu Abdul Rahman, wakil Sultan bagi daerah Rajang pada masa itu.

Berita pengistiharan James Brooke menjadi Gabenor Sarawak dalam bulan September 1841, telah menimbulkan kemarahan kepada Sharif Mashor. Namun walau bagaimana marah Sharif Mashor pada masa itu, beliau masih dapat bersabar dan berwaspada serta tidak tergesa-gesa untuk melakukan sesuatu yang tidak diingini. Beliau sentiasa berjaga-jaga dan memerhati setakat manakah langkah-langkah James Brooke mentadbir wilayah yang dikhaskan untuknya itu. Sharif Mashor dengan bijaknya telah mengkaji dengan secara mendalam sejauh mana James Brooke akan berpuas hati dengan wilayah yang sebesar "tapak tangan" itu.

Adakah James Brooke akan bernafsu pula untuk meluaskan penjajahannya kepada wilayah-wilayah yang berdekatan dengan sempadan Tanjong Dato dan Semarahan itu. Kalau ini berlaku beliau tidak akan berlengah lagi untuk bertindak dan menentang musuh yang cuba mencabuli wilayah yang di bawah Empayar Kesultanan Melayu Brunei itu.

Pada tahun 1851, adik Sharif Mashor telah berkahwin dengan salah seorang anak perempuan Datuk Patinggi Abdul Gapur, seorang pembesar kanan Melayu Sarawak dalam pentadbiran James Brooke. Wujudnya hubungan kekeluargaan ini telah merapatkan lagi hubungan Sharif Mashor dan Datuk Patinggi Gapur. Ini menyebabkan James Brooke merasa risau dan marah, bak kata pepatah "seperti duri dalam daging" kepadanya.

Kebencian dan kemarahan James Brooke telah memuncak sehingga dia tergamak memarahi Datuk Patinggi Gapur di khalayak pembesar-pembesar Melayu di Kuching dengan menuduh bahawa Datuk Patinggi Gapur telah memungut cukai yang lebih tinggi daripada penduduk-penduduk tempatan.

Tindakan ini amat memalukan Datuk Patinggi Gapur sehingga beliau nekad untuk membalas dendam dengan bantuan daripada Sharif Mashor. Mereka merancang untuk membunuh semua pegawai kerajaan Brooke yang ada di Kuching. Pada masa itu James Brooke berada di Singapura.

Kerajaan James Brooke pada masa itu menghadapi masalah yang rumit di mana kerajaan British sendiri telah mencurigai tindakan James Brooke di Wilayah Sarawak.

Dalam tahun 1854, atas permintaan rakyat British di England dan juga di Singapura, Kerajaan British telah menubuhkan sebuah Suruhanjaya Penyiasat di Singapura untuk menyiasat beberapa tuduhan yang menyatakan bahawa James Brooke telah menyalahgunakan kapal perang Angkatan Laut British untuk menindas bumiputera di Pulau Borneo.

James Brooke sentiasa menganggap kaum bumiputera, terutama kaum Dayak sebagai lanun, perompak dan pengganggu keamanan yang sentiasa ingin menentangnya. Beliau telah menyerang kaum Dayak dan Melayu dengan menggunakan kapal dari Angkatan Laut British.

Bagi penduduk-penduduk di wilayah persekitaran Sarawak, mereka bukanlah Lanun atau Perompak. Sebenarnya mereka adalah rakyat yang cuba mempertahankan diri dan tanah tumpah darah mereka dari dirampas oleh James Brooke bagi meluaskan wilayah penjajahannya untuk kepentingannya sendiri di Pulau Borneo.

Datuk Patinggi Gapur dan Sharif Mashor merancang untuk membalas dendam mereka dengan membunuh semua pegawai-pegawai kerajaan Brooke, sementara James Brooke sedang sibuk membela diri atas tuduhan seperti tersebut di atas di Singapura.

Malangnya rancangan Datuk Patinggi Gapur dan Sharif Mashor telah diketahui oleh Datuk Temenggong, anak kepada seorang pemimpin Melayu, dan di sampaikannya berita itu kepada Spencer St. John, setiausaha kepada James Brooke. Ini telah menyebabkan Datuk Patinggi Gapur diarahkan untuk berangkat ke Mekah sebagai tempat buangan sementara oleh James Brooke, sementara Sharif Mashor pula terpaksa berpatah balik.

Perkelahian telah tercetus di Mukah di antara dua orang pemimpin Melayu iaitu Pengiran Matusin dengan sepupunya Pengiran Arshad. Sharif Mashor telah dijemput untuk menyelesaikan perselisihan faham di antara mereka itu. Dalam perselisihan yang sengit itu Pengiran Matusin telah membunuh Pengiran Arshad. Kedua-dua pemimpin ini mempunyai pengikut yang ramai. Mereka juga berkelahi sesama mereka. Sharif Mashor telah mengambil tindakan bagi membela nasib mereka yang terancam.

Beliau telah mengetuai lebih seribu orang hulubalangnya yang terdiri daripada orang Iban dari Sungai Kanowit dan Saribas. Mereka telah berjaya mengepong dan membunuh ramai pengikut-pengikut Pengiran Matusin. Pengiran Matusin pula telah berjaya melarikan diri ke Kuching dan meminta bantuan James Brooke. Inilah satu-satu peluang terbuka kepada James Brooke untuk mengorak langkah untuk membesarkan lagi tanah jajahannya.

"Singa yang lapar diberi daging" - begitulah disifatkan James Brooke pada masa itu. Beliau mengirimkan anak saudaranya Charles Johnson untuk membantu Pengiran Matusin dan menyiasat perkara itu di Mukah. Mukah pada masa itu BUKANLAH termasuk dalam sempadan Sarawak.

Perbuatan James Brooke campurtangan dalam hal-ehwal di Mukah adalah amat ketara menunjukkan minatnya untuk menyerang dan menakluki Mukah. Hasil dari tipu helah penyiasatan palsu itu, James Brooke telah menuduh dan terus menghukum Sharif Mashor yang dianggap oleh James Brooke telah bersalah kerana turut campurtangan dalam hal Mukah dengan melucutkan jawatan Gabenor Sarikei yang disandangnya. Sharif Mashor telah dituduh membekalkan garam dan senjata kepada orang-orang Iban yang tinggal di dalam wilayah Sarawak.

Sesungguhnya James Brooke sendiri tidak berhak sama sekali menceroboh serta campurtangan di dalam wilayah yang beliau TIDAK ditugaskan sebagai Tuan Besarnya disana. Tetapi demi untuk melindungi dan menegakkan tindakan buasnya , James Brooke telah memberi keterangan bahawa Sultan Brunei kononnya telah memberi kuasa kepadanya untuk memelihara keamanan dalam kawasan di muara Rejang itu. Dalam bulan Jun 1855 beliau berangkat ke Brunei untuk mendesak banyak lagi permohonan kuasa dari Sultan, tindak tanduk James Brooke itu amat menyakitkan hati dan mendatangkan kemarahan Sharif Mashor.

Desakan-desakan James Brooke itu pada mulanya tidak diambil indah oleh Sultan, tetapi oleh kerana kurang tegasnya baginda, dan juga ugutan-ugutan keras yang berupa ancaman terus oleh James Brooke terhadap Brunei, Sultan terpaksa menerima desakan James Brooke itu yang memberi alasan bahawa beliau akan menghantarkan Charles Brooke ke Sarikei untuk mendirikan kubu disana dan mengugut untuk menyerang orang-orang Iban yang tinggal dalam kawasan itu, sekiranya mereka mengganas dan tidak berkelakuan baik. Sultan Brunei terpaksa bersetuju supaya James Brooke bertanggungjawab untuk menjaga keamanan dalam kawasan Mukah. Baginda memberi satu syarat agar Sharif Mashor dilantik semula menjadi Gabenor Sarikei.

Sharif Mashor kemudian balik memerintah di Sarikei dengan dinasihati agar berbaik baik dengan keluarga James Brooke. Sebaliknya disudut kalbu beliau sentiasa hendak berjuang untuk membebaskan tanah pusaka tercinta dan akan berikhtiar menghancurkan kerajaan baru di Sarawak. Beliau menunggu tiba masanya James Brooke dan anak saudaranya balik ke England, beliau akan tidak putus asa untuk menghapuskan orang-orang Eropah yang amat dibenci-kan itu.

Sharif Mashor telah menerima berita bahawa James Brooke telah menghubungi kerajaan British supaya Sarawak diiktirafkan sebagai sebuah Negeri yang merdeka, telahpun gagal. James Brooke telah memohon supaya Sarawak dinaungi oleh negara-negara Eropah seperti Holland, France, Belgium dan

Spain. Sebaliknya James Brooke juga bertindak untuk mendapatkan pengiktirafan sebagai seorang Pemerintah yang sah negeri Sarawak. Sharif Mashor bersumpah akan mempertahan dan menghalangkan sebarang kemungkinan yang akan berlaku kepada bumi Borneo yang dicintai itu.

Apakala Sharif Mashor dilantik semula sebagai Gabenor Sarikei, Charles Johnson Brooke, Tuan Muda telah berangkat ke Mukah untuk menyelesaikan pergaduhan Pengiran Matusin dan Pengiran Nipa, Sharif Mashor telah diajak berangkat bersama. Disana C.J. Brooke telah menghukum seorang ketua kaum di Mukah yang bernama Serail yang telah dituduh menimbak Bendera Sarawak yang berada di luar kawasan perairan Sarawak sendiri. Ini memarahkan pula Sharif Mashor, beliau amat kesal akan perbuatan itu dan beliau juga berpendapat yang sebaliknya. Beliau menasihati Serail untuk berangkat ke Brunei secara peribadi mengadap Sultan Abdul Mumin untuk mengadu tindakan C.J. Brooke terhadapnya. Akhirnya C.J. Brooke bersetuju menyerahkan hukuman itu kepada baginda Sultan dan kes ini mengembirakan hati Sharif Mashor.

Sharif Mashor, Datuk Patinggi Gafur dan pembesar-pembesar Brunei tetap tidak berpuas hati atas tindak tanduk Brooke yang sentiasa cuba mengembangkan penjajahannya di daerah-daerah lain sekelilingnya, dengan helah dan alasannya bahawa orang-orang yang diam berhampiran Sarawak itu disifatnya sebagai penyamum, perompak lanun dan penceroboh.

Tuduhan liar seperti itu meracuni fikiran dan membarakan dendam yang mendalam di sanubari pemimpin-pemimpin Melayu dan Iban disekeliling, terutama pemimpin-pemimpin seperti Sharif Mashor, Datuk Patinggi Gafur dan yang lain yang berjiwa pejuang tanah air dan kedaulatan Sultan Melayu dizaman itu.

Sharif Mashor dan Datuk Patinggi Gafur dengan disokong oleh beberapa pemimpin-pemimpin lain telah berazam akan mempertahan wilayah-wilayah lain daripada dijajah Brooke. Mereka merancangkan beberapa pemberontakan yang boleh menghancur pemerintahan Brooke. Mereka menunggu peluang tatkala James Brooke dan Capt. Brooke yang sudah pun bergelar Tuan Besar bercuti atau berangkat keluar negeri adalah masa yang amat sesuai bagi mereka memulakan serangan-serangan.

Tujuan utama mereka ialah untuk mengadakan perjuangan anti-orang Eropah dalam masa yang serentak di Kanowit, Sarikei, Lundu dan Kuching. Dengan adanya pemberontak itu mudahlah mereka dapat membunuh pegawai-pegawai Kerajaan Brooke dan orang-orang yang bersekutu dengan mereka. Mereka percaya tindakan-tindakan ini akan menakutkan mubalik-mubalik Kristen dan pedagang-pedagang asing. Pemberontakan serupa itu juga akan diadakan serentak di Pontianak dan kawasan-kawasan lain di Kalimantan Barat yang diperintah oleh Belanda. Mereka mencuba untuk mengugutkan ketaatan orang Melayu dan Iban kepada Brooke. Tetapi malangnya rancangan ini telah ter-

gandala sekali lagi kerana Charles Brooke telah dapat tahu segala-galanya terlebih dahulu.

Dalam bulan Jun 1859 peperangan pertama berlaku di Kanowit dan telah mengorban Fox dan Steel, Pegawai Kerajaan Brooke telah terkorban di waktu mereka berjalan di kubu Kanowit. Gerombolan mereka itu terdiri dari orang Iban dari Kanowit dan Banyok yang bersahabat baik dengan Sharif Mashor. Dengan adanya kejadian itu berlaku Charles Johnson Brooke, Tuan Muda, telah menganggap bahawa perbuatan itu adalah atas suruhan Sharif Mashor. Biarpun bagaimana C.J. Brooke tidaklah bertindak dengan serta merta terhadap Sharif Mashor beliau hanya menunggu bila-bila masa saja akan berlaga dengan Mashor. Beliau telah menghukum pemberontak-pemberontak itu dan meruntuhkan kubu pertahanan di Kanowit dan Kabah sebelum beliau balik ke Kuching. Kubu di Kanowit telah didiri semula diketuai oleh seorang pemimpin Melayu yang taat kepada Brooke Abg. Ali (Kemudian Datuk Patinggi Ali).

Apakala Tuan Muda sampai ke Kuching beliau telah diberitahu bahawa Datuk Patinggi Gafur telah bergiat semula menyusunkan pasukan orang Iban untuk menumbangkan Kerajaan Brooke. Dengan tidak lengah lagi Charles Brooke mengadakan suatu mesyuarat tergempar dengan Ketua Melayu di Kuching dan memutuskan supaya Datuk Patinggi Gafur dibuang negeri ke Singapura. Kemudian Datuk Patinggi Gafur dihantar ke Singapura.

Sharif Mashor tidak pernah sedikit pun patah harapan ataupun patah semangat di sebab tekanan dan pukulan hebat dari Charles Brooke itu, walaupun rakan seperjuangannya telah dianiaya dan dihukum sedemikian rupa. Beliau merancang semula strategi barunya dalam skim serampang tiga mata:-

Pertama: Datuk Patinggi Gafur di rancang untuk berangkat dari Singapura ke Pontianak secara rahsia dan akan memimpin rakyat disana dalam satu pemberontakkan melawan perintah Belanda apakala selesai saja pemberontak di Kalimantan barat mereka akan masuk ke Sarawak membantu Sharif Mashor.

Kedua: Seorang pemimpin Brunei bernama Tajang, akan menyamar sebagai Putera Mahkota Brunei, akan datang ke Sadong dan akan disambut oleh Datuk Bandar Kassim adik kepada Datuk Patinggi Gafur, kemudian menyeru dan menggumpul orang-orang Melayu dan Dayak di Lundu, Landak, Sanggau dan Pontianak untuk bangkit menyerang orang Eropah.

Ketiga: Pada ketika kacau bilau di Kuching, Sharif Mashor akan datang ke Sarawak membawa bekelan wang dan akan membunuh orang-orang Eropah disana dan juga membunuh Tuan Muda.

Datuk Patinggi Gafur dan Tajang telah memulakan gerakan-gerakan mereka dalam bulan Januari 1860, malangnya telah dapat ditangkap serta di penjara

oleh Kerajaan Belanda. Sharif Mashor sendiri telah masuk ke Sungei Sarawak tetapi telah dihalang dan diberi arahan supaya balik ke Sarikei. Tetapi beliau telah mengepong kapal Tuan Muda menuju ke Semunjan dan bahteranya telah ditembak oleh angkatan tentera Charles Brooke. Dalam pertempuran yang berikutnya Sharif Mashor terpaksa melari diri dari serangan ganas angkatan tentera C. Brooke. Kebanyakan dari tentera-tentera Charles Brooke itu terdiri dari orang-orang Melayu dan mereka tidak tergamak hendak membunuh Sharif Mashor yang berasal keturunan Rasulullah itu.

Sharif Mashor selamat balik ke Sarikei tetapi tidak berapa lama Charles Brooke telah mengarah supaya Abang Ali kawan baiknya mengusir dan mengepung Sharif Mashor. Sharif Mashor terpaksa berundur ke Igan tetapi di kepung pula oleh Charles Brooke yang berjaya meroboh rumah kediamannya dan merampas harta-harta Sharif Mashor yang berharga, kemudian Sharif Mashor terpaksa pula berundur bersama sama Pengiran Nipa di Mukah.

Pengiran Nipa telah menyambut kedatangan Sharif Mashor dengan berbesaran, kemudian kerana pertemuan jodoh Pengiran Nipa telah berkahwin dengan adik perempuan Sharif Mashor. Perdagangan di Mukah telah tergendala kerana peniaga-peniaga di Sarawak tidak akan dapat masuk ke Mukah tanpa kebenaran.

Sharif Mashor telah berangkat ke Brunei untuk menerangkan kepada Sultan apa yang sebenarnya berlaku di Sarawak dan menafi sekeras-keras segala tuduhan Brooke ke atasnya seperti dituduh membunuh dan kegiatan peras ugut dan sebagainya. Ketibaannya ke Brunei kebetulan sama waktunya dengan masa perlantikan seorang Gabenor British di Labuan iaitu G. W. Edwardes sebagai Consul General ke Brunei, bagi menggantikan Spenser St. John.

Edwardes memang tidak senang dengan tindakan Brooke itu. Sharif Mashor telah berkesempatan berjumpa dengan Edwardes dan beliau telah mengemukakan hakikat pejuangannya yang sebenar dan tindak tanduk Brooke. Edwardes yakin bahawa Kerajaan Brooke di Sarawak akan mencemar dan merosakan kepentingan British di Pulau Borneo.

Sharif Mashor telah dengan lantangnya memberitahu Edwardes bahawa sebenarnya pentadbiran Brooke di Sarawak hanya bertujuan hendak menakluk lebih luas lagi wilayah-wilayah Sultan Brunei untuk kepentingan dan keuntungan dirinya sendiri.

Dalam bulan Julai 1860, Edwardes sampai ke Mukah dengan Kapal Victoria. Ini kebetulan untuk mencegahkan Cpt. Brooke dan sepupunya Charles Brooke dari menakluk Bandar Mukah serta niat mereka hendak menghukum pengikut-pengikut Sharif Mashor.

Tindakan Edwardes ini menimbulkan kemarahan kepada keluarga Brooke dan penyokong-penyokong beliau di England. Akhirnya dapat juga mereka memohon Kerajaan British untuk memindahkan Edwardes berkhidmat dilain

tempat.

Brooke dan juga Consul baru British Spencer St. John berjaya memujuk Sultan Brunei menyerah Mukah kepada James Brooke. Sultan telah memerintah Pengiran Nipa agar jangan cuba hendak melawan angkatan tentera Brooke dan Sharif Mashor terpaksa berhijrah ke Singapura.

James Brooke telah menghantar sebuah angkatan tentera yang besar untuk mengawal Mukah sehingga suatu pentadbiran baru telah sempurna ditubuhkan disana.

Dalam bulan Ogos 1861, Mukah dan semua kawasan-kawasan pantai sehingga ke Kidurong telah diserah dengan rasminya kepada James Brooke oleh Sultan Abdul Mumin. Sehingga disinilah waktunya kekuasaan Sharif Mashor telah di binasakan.

Sharif Mashor telah bermastautin di Singapura sehingga akhir hayatnya. Beliau telah meninggal dunia dalam bulan Februari 1890.

1






2



3

1. *James Brooke, Raja Pertama Sarawak*
2. *Charles Brooke, Raja Kedua Sarawak*
3. *Raja Sir Charles Vyner Brooke G.C.M.G., Raja Negeri Sarawak yang Ketiga (1917-1946)*



Perkembangan Sarawak dizaman pemerintahan Brooke



Sharif Mashor: Pemimpin Sarawak yang berketurunan Arab, menentang pemerintahan Brooke. Beliau adalah seorang pejuang yang berani dan gigih yang tidak rela tanah airnya dijajah orang Eropah.



RAJA MUDA HASHIM

Bahagian II
Riwayat
Tertubuhnya Persatuan
Melayu Sarawak

Riwayat tertubuhnya Persatuan Melayu Sarawak

Kebangkitan nasionalisma muncul kembali di Sarawak selepas perang dunia kedua, dizaman pemerintahan Raja Charles Vyner Brooke, Raja ketiga keturunan Brooke di Sarawak, dengan lahirnya sebuah Persatuan Melayu Sarawak. Sejak dalam tahun 1936 lagi cita cita untuk menyatu padukan orang orang Melayu Sarawak memang telah ketara dalam masyarakat Melayu di Kuching. Tetapi usaha para penajanya sentiasa menghadapi tentangan dari golongan pembesar pembesar Melayu sendiri. Kerajaan Brooke pada masa itu tidak merasa senang dengan riak-riak pergerakan seperti itu ditubuhkan, ini akan membangkitkan kesedaran dikalangan rakyatnya serta memperkuatkan kedudukan dan perpaduan yang mungkin boleh menggugat kerajaan nya di masa akan datang. Sehingga pada 10 Oktober, 1939 barulah Persatuan Melayu Sarawak diluluskan pendaftarannya oleh kerajaan.

Apakala kita memperkatakan tentang kebangkitan nasionalisma, tidaklah kita boleh melupakan bahwa sejak abad ke 19 lagi telah ujud semangat nasionalisma di Sarawak iaitu di zaman kegemilangan Kerajaan Sultan Brunei menakluk Sarawak seluruhnya.

Dalam tahun 1841, muncul beberapa tokoh pahlawan Sarawak yang tidak mahu tanah air mereka dijajah Brooke seperti Syed Mashor, Datuk Patinggi Gafur, Pengiran Nipa, Rentap dan lain-lain lagi.

Para pengasas utama Persatuan Melayu Sarawak adalah terdiri daripada beberapa orang anak Melayu terpelajar yang bukan dari golongan "Perabangan". Mereka insaf dan sedar akan untung nasib bangsa dan tanahair mereka disaat itu yang masih lagi mundur dan bagaimana masa depan mereka dibawah pemerintahan Brooke itu. Apa yang akan terjadi kepada Brooke? Kepada siapa Sarawak akan diserah? Ilham berpolitik mulai bersemadi disanubari, dan mereka mendapat ilham dari sebaran media massa yang diterima dari Semanjung Tanah Melayu, Singapura dan jiran terdekat Indonesia.

Sejak tahun 1930 lagi, mereka telah memainkan peranan penting dengan membentangkan pendapat-pendapat mereka bagi menyedari masyarakat Melayu melalui akhbar **Fajar Sarawak.** Mereka itu merupakan kumpulan tiga sekawan yang setia dan gigih iaitu, Encik Mohd. Rakawi bin Yusuf, Tuan Haji Abdul Rahman bin Haji Kassim dan Encik Johari bin Anang.

Fajar Sarawak ialah sebuah akhbar Melayu yang pertama sekali diterbitkan di Sarawak dalam bulan Februari 1930. Walaupun usianya tidak berpanjangan,

Fajar Sarawak tetap memberi kesan yang tidak boleh dilupakan oleh masyarakat Melayu. Fajar Sarawak telah dipimpin oleh Encik Mohd. Rakawi bin Yusuf, seorang bekas pegawai Kastam dan ahli kesenian Melayu yang disegani. Beliau dikenali sebagai "Master Rakawi" dikalangan masyarakat Melayu, dan beliau juga merupakan seorang pengarang dan penulis Sarawak yang pertama muncul dalam arena persuratan dalam tahun 1932. Buku-buku beliau yang bertajuk "Hikayat Sarawak" (Sejarah Kemunculan Pemerintahan Brooke), dan sebuah novel "Melati Sarawak" telah diterbitkan oleh Syarikat Sarawak Printing Company yang dipunyai oleh Tuan Haji Abdul Rahman Hj. Kassim, seorang peniaga Melayu yang terkenal di Kuching. Hingga hari ini syarikat beliau yang dikenali sebagai H.K. Abdul Rahman Bros., masih lagi wujud diwarisi dan diselenggarakan oleh anak-anaknya. Encik Mohd. Rakawi sebagai seorang pengarang yang aktif dalam pertubuhan-pertubuhan masyarakat Melayu di Singapura dan Tanah Melayu.

Beliau adalah ahli yang giat dalam **Persaudaraan Sahabat Pena Melayu** salah sebuah persatuan yang menjadi tenaga penggerak Nasionalisma di Semenanjung Tanah Melayu pada masa itu. Encik Rakawi tidak juga ketinggalan menghadiri persidangan persatuan itu di Singapura. Beliau telah memainkan peranan penting dalam penubuhan cawangan pertubuhan itu di Sarawak dalam tahun 1936. Selain dari itu beliau juga sentiasa berhubung rapat dengan ahli-ahli Kesatuan Melayu Singapura yang tertubuh dalam tahun 1926 (sebuah pertubuhan yang pertama di Semenanjung bercorak separa-politik).

Dalam tahun 1934, Encik Mohd. Rakawi telah dilantik oleh Kerajaan Brooke sebagai seorang konsellor untuk mewakili masyarakat Melayu dalam Majlis Kebersihan dan Perbandaran Kuching - salah sebuah Lembaga Kuasa Tempatan yang pertama ditubuh di Sarawak. Beliau telah berkhidmat selama dua tahun lamanya iaitu dalam tahun 1934-1936.

Encik Mohd. Rakawi Yusuf, Tuan Haji Abdul Rahman dan Encik Johari Anang merupakan rakan seperjuangan yang sentiasa gigih berusaha melancarkan Fajar Sarawak di Bumi Kenyalang.

Segala perbelanjaan untuk Fajar Sarawak dibiayai oleh Encik Rakawi sendiri dari wang gratuiti yang didapatinya apabila beliau bersara dari Jabatan Kastam. Usaha mereka ini telah bertambah kuat lagi dengan adanya bantuan tenaga dari seorang ulama yang terkemuka di Sarawak iaitu Tuan Haji Daud bin Abdul Ghani dan seorang lagi adik Encik Johari Anang iaitu Enik Awi bin Anang. Encik Awi ialah Pengurus Besar Syarikat Putra Sarawak yang ditubuh khas untuk mengendali penerbitan akhbar Fajar Sarawak.

Fajar Sarawak Menyinar Inspirasi

Tujuan utama Fajar Sarawak dilancarkan ialah antara lain untuk mengembangkan syiar Islam, pelajaran dan politik. Para pengarangnya tidak ketinggalan memupuk semangat kesedaran dan perpaduan Masyarakat Melayu dan berikhtiar mengukuh hubungan muhibbah sesama rumpun Melayu diseluruh nusantara. Mereka mempunyai pandangan yang luas dan jauh untuk mengembangkan waris keturunan Melayu dan sedia pula menerima orang-orang Islam yang mengamalkan bahasa dan budaya Melayu, adat resam Melayu sama ada mereka itu berketurunan Arab atau India akan diterima sebagai orang Melayu seperti keadaannya di Semenanjung Tanah Melayu.

Pandangan ini telah mendapat tentangan dari pihak perabangan. Ini pula menimbulkan salah faham diantara golongan konsevetif dengan golongan yang progresif dalam Persatuan Melayu sendiri. Diwaktu itu golongan orang-orang yang berketurunan Syed dan yang mempunyai titisan darah dari India tidaklah diterima menjadi ahli Persatuan Melayu Sarawak.

Kumpulan para intelek dari kumpulan Fajar Sarawak berpegang teguh bahwa dengan berpegangkan ajaran dan pengetahuan agama Islam yang sempurna, mereka yakin bahwa orang-orang Melayu akan dapat mengubah sikap mereka kearah pembaharuan pemikiran dan dapat mencapai matlamat kemajuan dunia dan akhirat serta bebas dari menyerahkan diri bulat-bulat kepada nasib dan takdir semata mata. Hakikat inilah ditunjulkan dengan lantang kepada masyarakat dan generasi muda masyarakat Melayu.

Rencana rencana mengenai pengetahuan Islam disebar dalam Fajar Sarawak dari masa kesemasa. Ia mendapat sambutan hangat dari masyarakat.

Ruangan mimbar Islam dipimpin oleh Tuan Haji Daud bin Abdul Ghani, Imam Masjid India, Kuching dan seorang guru agama yang terkenal di Almaderasah Morshidiah (sekarang Almadersahtul-Islamiah) di Jalan Gambier, Kuching. Haji Daud telah berjaya dalam karyanya sebagai seorang pengarang dan dapat menerbitkan sebuah kitab yang bertajuk "Pedoman Ibadat" yang diguna untuk mengajar fiqah disekolah sekolah rendah Melayu di seluruh negeri di zaman itu. Haji Daud mendapat didikan agama dari seorang ulama yang terkenal iaitu Datuk Imam Abang Haji Morshidi, seorang tokoh agama yang pintar dizamannya yang mendapat didikan agama di Mekah.

Haji Daud juga salah seorang ulama yang keras menentang pengaruh "Kaum Muda" yang cuba meresap ke Sarawak melalui akhbar akhbar dari Tanah Melayu dan Indonesia.

Fajar Sarawak juga menitikberatkan usaha mereka bagi membaiki kedudukan socio-ekonomi orang Melayu. Pada masa itu orang orang kita terlalu ketinggalan dalam sebarang lapangan terutama sekali disegi ekonomi.


فجر سراوق
"FAJAR SARAWAK"
ڤوجيع سراوق (بورنيو)
محمد رقاوي بن يوسف
علامت تيليݢرام "FAJAR"

Ia menganjurkan agar orang Melayu bekerja keras membantu sesama sendiri membuka perniagaan dengan mengada perkongsian dan sebagainya untuk mengiksploitasikan sumbar kekayaan bumi asli di Sarawak ini. Selain dari itu ia berusaha menyedari orang-orang Melayu supaya memelihara hak hak mereka dan jangan menjual hak milik tanah mereka kepada bangsa asing, walau pun di zaman kemelesetan ekonomi. Inilah satu satu jalan untuk mempertahankan keturunan anak cucu kita agar tidak terusir bertaburan tinggal terpencil di segenap hutan rimba dan pergunungan dipendalaman. Seterusnya Fajar Sarawak mendesak Kerajaan supaya memberi setiap orang Melayu sekurang-kurangnya tiga ekar tanah pusaka yang tidak boleh dijual atau tidak boleh dicagarkan kepada sesiapa. Dalam kempen ini Fajar Sarawak membentangkan kritik yang membina terhadap Kerajaan Brooke dengan tegas dan pedasnya.

Dalam bidang pelajaran, Fajar Sarawak mendesak Kerajaan Brooke supaya menyediakan peruntukan kewangan yang sewajar cukupnya untuk meninggikan pelajaran anak-anak Melayu. Seruan ini telah mendapat perhatian dan sambutan baik dari Kerajaan pada masa itu.

Tidak berapa lama kemudian Kerajaan mula mendiri beberapa buah sekolah, seperti Sekolah Merpati Jepang telah dirasmikan pembukaannya dalam tahun 1930 dan sekolah Encik Buyong dalam tahun 1931. Sekolah Permaisuri adalah sekolah khas bagi perempuan Melayu yang pertama dibuka dalam tahun 1930 juga.

Sebelum Tahun Tiga Pulohan

Ranee Margaret, isteri kepada Raja Charles Brooke, (Raja kedua Sarawak telah berusaha menubuhkan sebuah kelas Bahasa Melayu bagi isteri-isteri datuk-datuk dan wanita Melayu dalam awal tahun 1850. Ranee Margaret sendiri memang berminat benar untuk belajar bahasa Melayu. Beliau gemar bergaul dengan isteri-isteri datuk-datuk dan suka mendengar cerita cerita lama, syair dan lagu lagu Melayu bagi mengisi masa lapangnya diwaktu suaminya pergi menjalan tugas diluar bandar. Oleh kerana ketekunan dan kerajinannya belajar bahasa Melayu, beliau boleh menyanyi, membaca dan menulis jawi serta bijak berpantun dan menyanyi lagu lagu Melayu. Beliau telah belajar dengan seorang guru yang bernama Encik Shawal bin Abdul Hamid yang berasal dari Bancoolin, iaitu bekas tanah jajahan British di Sumatera, Minangkabau. Setelah beberapa bulan, Datin Isah isteri kepada Datu Bandar Haji Bolhassan merasa takjub apakala mengetahui bahawa Ranee Margaret telah begitu mahir berbahasa Melayu, berpantun dan boleh membaca Al-Quran.

Memandang kebolehan dan kejayaan Ranee Margaret itu, Datin Isah pun ter-

tarik hati untuk menggalakkan anak anak perempuannya memasuki kelas pelajaran Melayu yang diusahakan oleh Ranee Margaret di Istana itu. Nampaknya kejayaan kelas ini sungguh menggalakkan sehingga Dayang Shahada (menantu Datin Isah) isteri Datuk Bandar Kassim telah dapat mengarang sejarah Sarawak. Melihat kejayaan itu Datuk Bandar Kassim sendiri pun menubuh pula sebuah kelas dirumahnya sendiri.

Tidak lama dari itu Raja Charles Brooke sendiri pula berasa yakin dan gembira, apakala melihat kelas itu terlalu ramai penuntut penuntutnya, beliau pun memerintah supaya sebuah sekolah formal yang pertama didirikan dengan segera. Sekolah itu telah diberi nama Sekolah Abang Kassim dan dalam tahun 1889, bilangan murid yang menuntut disekolah itu telah meningkat kepada jumlah 117 orang. Gurubesar yang pertama sekolah itu tidak lain dan tidak bukan ialah Encik Shawal, guru kepada Ranee Margaret itu. Dia mendapat pendidikan bahasa Arab disana serta mahir membaca Al-Quran dan kesusteraan Melayu. Ia mula berkhidmat di Sarawak sebagai juru tulis Melayu kepada Raja Brooke dan beliau adalah diantara orang yang disegani dalam masyarakat Melayu di Kuching.

Sebuah lagi sekolah telah didirikan dalam tahun 1893 dan diberi nama Sekolah Encik Abu Bakar bertempat di Kampung Gersik Kuching. Encik Abu Bakar sendiri yang menjadi pengasas dan gurubesar yang pertama. Sebagaimana Encik Shawal, Encik Abu Bakar bin Buyong juga berasal dari Sumatra. Encik Abu Bakar bin Buyong adalah seorang yang terkenal dalam masyarakat Melayu, pernah menjadi ketua Jabatan Kastam dan sebagai Jurubahasa Mahkamah di Kuching. Malah Encik Abu Bakar lebih popular lagi dikalangan kaum intelek Melayu sehingga rumahnya dijadikan pusat perjumpaan golongan terpelajar di Kuching. Encik Abu Bakar bin Buyong memang dikenali bijak selain dari menguasai pelajaran Melayu, beliau juga bijak membaca dan menulis dalam bahasa Inggeris, satu kebolehan yang jarang terdapat pada zaman itu. Kedua dua sekolah yang tersebut diatas itu telah mengajar pelajaran asas untuk penuntut penuntut lelaki dan perempuan di Kuching. Oleh kerana tiada adanya buku teks tertentu dizaman itu, penuntut-penuntut diajar membaca dan menulis jawi, dan pelajaran asasnya ialah pelajaran Al-Quran menurut kebijaksanaan guru guru disitu. Kemudian baharulah pelajaran pelajaran lain diajar seperti Sejarah, Ilmu Alam dan Ilmu Hisab apakala buku buku panduan didapati dari Semenanjung dan Singapura. Bahasa Inggeris diajar disekolah-sekolah Mission saja.

Kemudian diberapa bahagian di Sarawak sekolah sekolah mulai didirikan untuk keperluan penduduk di bahagian masing-masing. Sebuah sekolah agama telah didirikan di Sibu dalam tahun 1889 tetapi tidak begitu dikenali umum. Dalam tahun 1912 sekolah sekolah Kerajaan telah didirikan di Bintulu dan Oya.

Kerajaan Sarawak dibawah Charles Brooke telah menunjuk perhatian serius terhadap persekolahan Melayu, nyatalah dalam masa diantara kedua peperangan dunia ujudnya sekolah sekolah yang didiri oleh Kerajaan disemua bahagian.

Sebuah kolej kebangsaan (National College) telah ditubuh dalam 1919 demi untuk menampongkan keperluan melatih orang orang Melayu untuk berkhidmat sebagai kerani dipejabat pejabat. Kolej ini adalah hasil fikiran Charles Brooke sendiri sejak tahun 1901 lagi. Disinilah orang-orang Melayu, Iban dan Cina berganding bahu belajar dibawah satu bumbong. Penuntut penuntut itu diajar menurut bahasa mereka masing masing.

Tahun tiga puluhan merupakan perkembangan persekolahan untuk orang Melayu dengan ujudnya 3 buah sekolah di Kuching dan di lain lain tempat. Sekolah sekolah yang didirikan itu ialah Sekolah Permaisuri pertama sekali untuk wanita, sekolah Merpati Jepang dan Madarasah Melayu. Bandar bandar lain juga menerima pembangunan seperti itu termasuklah Lawas yang terletak disempadan Sarawak dan Sabah.

Madarasah Melayu merupakan sebuah sekolah baru yang penting sekali dimasa itu dan ia juga dikenali dengan nama 'Charles Brooke Malay College'. Ia merupakan gabungan dua buah sekolah iaitu Sekolah Kampung Jawa dan National College yang terkenal dengan gelaran Government Lay School. Ujudnya Kolej ini membawa harapan cerah untuk membentuk masa depan yang lebih baik kepada rakyat Sarawak seluruhnya bukan bagi orang orang Melayu saja. Di kolej ini penuntut penuntut didedah dengan ide-ide baru dan diberi pelajaran menengah termasuklah ilmu pertanian, kesihatan, kejuruteraan asas, sukat menyukat, perhutanan, dan latihan latihan guru guru.

Bahasa pengantar kolej tersebut ialah bahasa Melayu. Kumpulan pertama mendaftar di Kolej tersebut ialah 270 orang termasuk 120 Iban. Dalam tahun 1933 penuntut penuntut telah bertambah kepada 400 orang dan ini merupakan sekolah yang terbesar di Sarawak.

Perkembangan Pelajaran telah beransur baik dalam tahun 1940, Kerajaan telah memberi dermasiswa kepada penuntut penuntut Melayu untuk berlatih di Sultan Idris Training College, Tanjong Malim, Perak dan ditempat tempat lain. Diantara mereka bernasib baik itu ialah Cikgu Abang Anuar Abang Juaini, Cikgu Abang Saufi Abang Abdul Gapor, Cikgu Mohamad bin Bujang, Cikgu Yusuf bin Johari, Cikgu Arfan Salleh, Cikgu Morshidi Nambi, Cikgu Osman Zainuddin dan Cikgu Abang Kacon, dan Cikgu Yusuf Sadon. Penuntut penuntut berpelajaran Inggeris dihantar ke Singapura. Keperluan mendapat guru guru terlatih telah dirasai dalam tahun tiga puluhan, oleh yang demikian Kerajaan telah merancang hendak mendirikan pusat latihan untuk tujuan tersebut. Dalam tahun 1940 maka ujudlah pusat itu dengan diberi nama Kolej Latihan Guru guru Melayu Sarawak, atau lebih dikenali dengan nama Inggerisnya iaitu 'Sarawak Malay Training College'.

Malangnya Kolej tersebut terpaksa ditutup dimasa pendudukan Jepun. Ia dibuka semula apakala Kerajaan Brooke balik memerintah, kemudian tertutup lagi kerana semua guru guru pelatih yang belajar disitu berhenti beramai ramai kerana membantah Penyerahan Sarawak kepada Kerajaan Koloni British.

Kemajuan kemajuan yang telah tercapai ini merupakan kebangkitan kesedaran Socio-Budaya yang berlaku dikalangan orang Melayu di Kuching. Nyatalah pergerakan kempen yang dipimpin oleh "Tiga Sekawan" (Encik Mohd. Rakawi, Tuan Haji Abdul Rahman dan Encik Johari Anang) menerusi ruangan akhbar mereka yang ulung itu, telah memberi kesan yang menafaat sekali.

Pergesaran Pendapat Antara Pemimpin-Pemimpin Melayu

Dizaman Pemerintahan Brooke para pembesar Melayu yang terdiri dari datuk datuk memperjuangkan hak orang orang Melayu melalui kedudukan dan hubungan terus mereka dengan Raja bagi mendapat pekerjaan dalam perkhidmatan awam Kerajaan.

Terdapat anggapan dari pihak yang tertentu bahawa orang-orang Melayu Sarawak pada masa itu keseluruhan "belum bersedia menerima perubahan di segi ekonomi dan pelajaran". Sebenarnya sistem kepimpinan tradisi yang ada itu sendiri adalah tidak lagi mendatangkan faedah bagi masyarakat Melayu.

Kepimpinan tradisional masyarakat Melayu dibawah datuk datuk telah mendapat kritikan dan sindiran dari Fajar Sarawak. Ini membayangkan para pemimpin diwaktu itu menurut pendapat Fajar Sarawak tidak begitu bérkesan memberi kepimpinan untuk seluruh rakyat dan malah hanya menumpukan perhatian kepada golongan **perabangan** saja untuk menjawat perkerjaan sebagai Pegawai Halehwal Peribumi (Native Officer) Merinyu Polis dan lain lain jawatan tinggi. Dasar pilih kasih diamalkan berleluasa dan anak keturunan bukan perabangan menjadi mangsa.

Kepimpinan serupa itu membangkitkan rasa tidak puas hati yang mendalam kepada sebahagian besar golongan terpelajar.

Kerajaan Brooke memanglah suka mengekalkan kedudukan-kedudukan dan corak pemimpin pemimpin sedemikian rupa diwaktu itu demi untuk mempertahankan kedudukan politiknya yang bercorak sistem "Patronage" itu.

Kritik kritik yang pedas itu, menyinggung perasaan dan membangkitkan kemarahan pemimpin-pemimpin tradisional itu sehingga Fajar Sarawak menghadapi masa depan yang gelap akhirnya golong tikar dalam bulan Jun 1930, hanya berupaya ujud dengan 10 keluaran saja dalam beberapa bulan hidupnya, kerana tekanan hebat dari pihak aristokrat dimasa itu.

Walaupun usia Fajar Sarawak itu amat singkat namun kesan kesedaran, kesan semangat yang ditanamkannya terlekat disanubari rakyat. Ia tetap menjadi sumber inspirasi angkatan baru. Sekurang-kurangnya, ujudnya Fajar Sarawak itu merupakan satu bukti yang ketara bahawa anak anak Melayu Sarawak sendiri sudah ada berkebolehan mengeluarkan akhbar yang ulung di Sarawak ini dalam abad ketiga puluhan.

Encik Mohd. Rakawi Yusuf, walau pun gagal melanjutkan usahanya dalam lapangan persuratkhabaran, tetapi beliau tetap giat berusaha menubuhkan persatuan Melayu seperti persatuan persatuan yang ujud di Semenanjung dan Singapura diwaktu itu. Daripada kegigihan daya usaha beliau dan rakan-rakan yang begitu dinamis akhirnya tertubuhlah Persatuan (Kebangsaan) Melayu Sarawak yang didaftarkan pada 10 Oktober, 1939, dibantu oleh rakan seperjuangannya tidak lain dari Tuan Haji Abdul Rahman Haji Kassim dan Encik Johari Anang.

Malangnya Encik Rakawi Yusuf tidak sempat melihat persatuan yang ditubuhnya itu, menjelma berbakti untuk bangsa dan tanah airnya, tetapi jasa bakti beliau tetap juga dikenang dalam sejarah Persatuan Melayu Sarawak. Dia meninggal dunia sebelum Persatuan Melayu Sarawak dirasmikan, tetapi penjelmaannya adalah dari cita cita dan hasratnya juga.

Persatuan Melayu Sarawak Menjelma Ditengah-tengah Tentangan Hebat

Lahirnya Persatuan Melayu Sarawak bukanlah begitu mudah, ia menjelma ditengah tentangan hebat dari sebilangan pembesar-pembesar dan golongan "Perabangan" serta Kerajaan Brooke sendiri dalam beberapa tahun. Dalam mesyuarat pertama penubuhannya yang dihadiri oleh 72 orang pemimpin Melayu, 40 orang dari mereka telah keluar meninggal mesyuarat itu kerana tidak bersetuju Persatuan Melayu Sarawak ditubuh disebabkan takut kepada golongan aristokrat. Pendaftaran Persatuan Melayu akan dilulus oleh kerajaan dengan syaratnya Yang Berhormat Datuk Patinggi Abang Haji Abdillah sanggup menjadi Penaongnya dan Datuk Amar Abang Sulaiman sebagai Presidennya. Akhirnya demi untuk menjaya cita cita mereka hendak mewujudkan pertubuhan ini, para penaja terpaksa bersifat tolaransi dalam pendirian mereka dan bersetuju dengan cadangan tersebut.

Ujudnya Fajar Sarawak dan ujudnya juga Persatuan Melayu Sarawak melambangkan kebangkitan Nasionalisma Melayu di Sarawak.

Selain dari tiga sekawan iaitu Encik Mohd. Rakawi, Haji Abdul Rahman Haji Kassim dan Encik Johari Anang yang bertungkus lumus menubuhkan persatuan

itu, mereka telah dibantu oleh sahabat-sahabat karib mereka yang menyokong usaha yang berat itu. Mereka itu adalah terdiri dari Encik Rashidi bin Muslim, Encik Bolhassan Matasip, Encik Mohamad Haji Kassim, Abang Ariffin bin Datuk Imam Tua, Encik Tuah Kasa, Encik Mat Ibrahim, Almarhum Encik Édham bin Bojeng dan Encik Mohamad Ma'amoon bin Nor.

Undang-undang Persatuan Melayu Sarawak yang pertama telah digubah oleh Almarhum Encik Mohd. Rakawi Yusuf dengan bantuan dari Tuan Haji Abdul Rahman Haji Kassim, Encik Mohd. Ma'amoon Nor, dan Encik Bolhassan Matasip. Encik Mohd. Rakawi bin Yusuf tidak sempat melihat Persatuan Melayu Sarawak berdiri dan mengorak langkahnya kerana beliau meninggal dunia sebelum diadakan mesyuarat pertama.

Apakala Persatuan Melayu Sarawak telah terdaftar, kempen mengambil ahli-ahli baru telah dilancarkan. Sambutan masyarakat Melayu amat menggalakkan dicerok rantau negeri Sarawak. Mohamad Ma'amoon Nor telah dapat mengumpul kira-kira 4,000 orang ahli dan ayahanda Encik Ghani telah dapat mengumpul 2,000 di Bahagian Kedua. Ia merupakan perkembangan Nasionalisma Melayu yang bersinar memancar merata Tanah Air Sarawak, laksana Sinar Sang Suria diwaktu pagi, membangun yang lena tertidur, bangun terus berusaha untuk menuju medan perjuangan bangsa.

Pemimpin Bertukar Ganti

Pemimpin sesuatu pertubuhan itu tidak akan kekal seumur hidupnya. Ia bertukar ganti. Persatuan Melayu Sarawak juga tidak terkecuali dari lumrah alam dan cabaran seperti ini. Ia merupa satu pertubuhan yang mengeluar dan melatih para pemimpin masyarakat Melayu bukan secara tradisional dipilih turun temurun tetapi menerusi proses amalan demokrasi.

Sebelum itu Sarawak hanya bergantung kepada pemimpin pemimpin tradisi iaitu datuk-datuk menurut keturunan dan pemimpin yang diangkat oleh Raja dan diwarisi turun menurun oleh anak cucunya.

Kisah para pemimpin tradisional Sarawak mempunyai sejarah yang tersendiri kalau dilihat kembali sejarahnya akan membawa kita kepada kisah keturunan raja-raja Melayu yang berasal dari Sumatera iaitu keturunan anak Raja Jarum berasal dari Minangkabau itu keturunan pemimpin aristokrat. Benih benih inilah melahirkan keturunan perabangan disebut pada awal awal sejarah Persatuan Melayu Sarawak ini. Untuk memberi manfaat kepada generasi baru, adalah elok kalau dengan ringkas susunan sejarah aristokrat itu.

Susunan Ringkas Pemimpin-Pemimpin Aristokrat Sarawak

Keturunan Datu Patinggi Ali

Keturunan datuk datuk asli Sarawak adalah berasal dari keturunan seorang Putera Raja dari Minangkabau bernama Raja Jarum, juga dikenali sebagai Datu Undi, telah datang ke Sarawak bersama sama pengikut-pengikutnya. Baginda mempunyai 7 orang anak dan anak perempuan (Puteri) yang tua bernama Datu Permaisuri telah berkahwin dengan Putera Raja dari Jawa terkenal sebagai Datu Merpati atau Adipati.

Daripada tujuh anak baginda hanya lima saja diketahui tinggal di Sarawak. Anak perempuannya yang tua Datu Permaisuri tinggal di Kuching sementara yang kedua, Datu Kembali tinggal di Saribas, Yang ketiga Datu Terawoh di Samarahan, Yang keempat Datu Sabtu di Rejang dan Yang Kelima Datu Makau di Emperoh. Tiap-tiap seorang dari mereka telah membawa pengikut-pengikutnya. Dua orang lagi putera baginda, seorang Datu Lenggang yang mula-mulanya tinggal di Saribas dan seorang lagi dikenali sebagai Datu Pengetahuan, telah balik ke Jawa. Dari Datuk Permaisuri ke Datu Patinggi Ali adalah sudah 15 keturunan, dari Datu Patinggi Ali ke Datu Patinggi Abang Haji Abdillah adalah tujuh keturunan.

Dalam tahun 1844 Datu Patinggi Ali telah meninggal dunia dalam perjuangan di Skrang. Tidak seorang pun dari anaknya yang boleh mengantikan beliau. Mereka lagi masih kecil belaka, oleh yang demikian menantu beliau Haji Abdul Ghafur yang juga menjadi Pemimpin masyarakat Melayu pada masa itu telah dilantik mengganti Datu Patinggi Ali dengan gelaran Datu Patinggi Ghafur.

Kemudian anak tua Datu Patinggi Ali iaitu Abang Mohamad Lana dilantik menjadi Datu Bandar. Dalam 1854, Datu Patinggi Ghafur telah dibuang di Melaka kerana difitnah oleh Abang Pata, anak sulong Datu Marsal (dari keturunan lain) sebagai orang yang cuba hendak mengulingkan Kerajaan Brooke. Beliau telah meninggal di Melaka. Apakala Datuk Marsal telah meninggal dunia anaknya yang bungsu Abang Mohd. Hassan telah dilantik menjadi Datu Temenggong.

Setelah Datu Patinggi Ghafur meninggal dunia Abang Haji Bolhassan, anak kedua kepada Datu Patinggi Ali telah dilantik sebagai Imam dan kemudian ditabal sebagai Datu Imam. Apakala Datu Bandar Abang Lana meninggal dunia, Abangnya Datu Imam Abang Haji Bolhassan telah dilantik menjadi Datu Bandar. Seorang lagi dari keturunan lain pula iaitu Abang Haji Abdul Karim telah dilantik Kerajaan sebagai Datuk Imam tetapi beliau telah meninggal dunia dalam tahun 1877. Dengan demikian anak bungsu Datu Patinggi Ali dilantik menjadi Datu Imam.

Dalam tahun 1906, Datu Bandar Haji Bolhassan telah meninggal dunia dan beliau telah diganti oleh anaknya Datuk Muda Abang Haji Mohamad Kassim sebagai Datu Bandar.

Dalam tahun 1921, Datuk Bandar Kassim diikuti oleh isteri dan dua orang anak beliau telah pergi menunai fardhu Haji ke Mekah dan meninggal di Mekah pada 18.7.1921. Kemudian anaknya yang kedua, Abang Haji Abdillah, siapa yang pada masa itu telah menjawat jawatan sebagai Merinyo Polis telah dilantik sebagai Datu Muda, kemudian beliau telah dinaik ke pangkat Datu Bandar, Datu Shah Bandar dan akhirnya ke darjah Datu Patinggi oleh Raja Brooke yang ketiga Sir Charles Vyner Brooke. Pada masa Datuk Patinggi masih lagi menjawat jawatan Datu Bandar, anak beliau Abang Mohd. Taha tetap dilantik menjadi Datu Muda, tetapi malangnya sebelum pun sempat beliau ditabalkan beliau telah kembali kerahmatullah.

ABANG HAJI ABDILLAH SEORANG NATIONALIS YANG BERANI

Datuk Patinggi Abang Haji Abdillah bin Datuk Patinggi Abang Haji Mohamad Kassim adalah seorang pemimpin Melayu yang gigih menentang Penjajahan Negeri Sarawak kepada Mahkota British sehingga ke akhir hayatnya. Beliau berasal dari keturunan pemimpin-pemimpin yang telah meneroka dan membuka Negeri Sarawak. Cucu kepada Datuk Bandar Abang Haji Bolhassan dari keturunan Datuk Patinggi Ali yang terkenal sebagai perwira yang berjuang menuntut kemerdekaan dari rejim Pengeran Mahkota Indera yang sentiasa menindas rakyat Sarawak itu. Datuk Patinggi Ali sendiri adalah keturunan Datuk Patinggi Hashim, Datuk Patinggi Betong dan Datuk Patinggi Kuntum dan Datuk Merpati Jepang.

"Abang Antik"

Datuk Patinggi Abang Haji Abdillah dilahirkan dalam tahun 1862, diwaktu lagi muda beliau diberi nama timangan iaitu Abang Antik. Bagaimanakah nama "Antik" itu datangnya dilekat kepada dadanya mungkin ia berwajah "Cantik" rupawan dan disayangi oleh kedua ibu bapanya "Seperti menantang minyak yang penuh". Sudah menjadi kebiasaan orang tua dahulu amat sayangkan harta pusakanya seperti "Antik" begitulah kesayangan yang dicurahkan kepada Abang Abdillah lebih dari pemeliharaan antik-antik itu.

Beliau bercita-cita tinggi sejak muda-muda lagi dan ingin menjadi seorang pendidik. Ditakdirkan Allah cita-cita itu terkabul beliau telah diambil bertugas menjadi seorang guru dalam tahun 1887 dengan mendapat gaji hanya $10.00 sebulan selama enam tahun dan dinaikkan kepada $12.00 sebulan kemudiannya.

Dalam tahun 1840 beliau berpindah berkhidmat di Jabatan Tanah, kemudian dalam 1905 berpindah pula ke Pejabat Kerjaraya. Akhirnya dalam tahun 1917 beliau berkhidmat dalam Jabatan Polis sebagai Sub-Inspector.

Minat Dalam Lapangan Pendidikan

Walau pun telah berhenti menjadi guru dan berkhidmat dipejabat yang lain, citarasa ingin mengembangkan pendidikan kepada anak bangsanya, beliau menganjurkan kelas malam dirumahnya mengajar kanak-kanak menulis dan membaca termasuk pelajaran Bahasa Inggeris. Ayahandanya memang terkenal berminat memberi galakan dan Datuk Bandar Kassim sendiri telah menyediakan kelas-kelas pelajaran rendah dirumahnya dengan bantuan dari Encik Shawal bin Abdul Hamid. Kemudian dibantu pula oleh Encik Ismail dari Tanah Melayu. Usaha-usaha ayahandanya disambung oleh Datuk Patinggi Abang Haji Abdillah dengan tidak mengira penat dan lelah.

Ayah meninggal di Mekah

Berikutan dengan kematian ayahnya Datuk Bandar Abang Kassim di Mekah dalam tahun 1921, beliau telah dilantik ke jawatan Datuk Muda. Ini adalah satu cabaran kepada beliau untuk memimpin bangsanya dalam bidang pentadbiran. Dalam tahun itu juga beliau dianugerahkan pula pangkat Datuk Bandar.

Bakat kepimpinannya terserlah ketara dalam pandangan Raja Brooke maka dalam 1937 beliau dinaikkan pangkat kepada Datuk Patinggi, pangkat kedudukan yang tertinggi bagi anak watan Sarawak didalam pemerintahan Brooke.

Di waktu itu keturunan waris Datuk Asli adalah berasal dari keturunan Aristokrat iaitu pemimpin-pemimpin seperti Datuk Patinggi Kuntum, Bandar Tanduk, Bandar Rancah, Datuk Bandar Haji Abdul Gapor, Datuk Bandar Mohamad Lana dan Datuk Bandar Abang Mohamad Kassim.

Selain dari Datuk Bandar, terdapat Datuk Temenggung, Datuk Imam dan Datuk Hakim saja. Semua datuk-datuk yang tersebut diatas adalah keturunan Datuk Asli.

Raja Charles Vyner Brooke telah mewujudkan tiga jawatan Datuk baru iaitu Datuk Menteri Abang Zain, Datuk Amar Abang Sulaiman Shahdan dan Datuk Bintara Haji Hashim bin Haji Arif. Perlantikan Datuk Patinggi kepada Abang Haji Abdillah, menempatkan beliau diatas kedudukan yang tertinggi dalam hiraki Datuk-datuk di Sarawak.

Ujudnya Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak dalam tahun 1939, beliau telah di lantik sebagai Penaung yang pertama.

Dalam pemerintahan Brooke, Datuk Patinggi Abang Haji Abdillah sangat ditakuti dan disegani oleh pihak kerajaan sebagai seorang pentadbir yang berwi-

bawa, cekap dan bijak. Segala-gala polisi Kerajaan dan pentadbiran negeri adalah dibawa kedalam Majlis Masyarakat Raja dan Datuk-datuk.

Menjalankan Tugas-tugas Raja

Apabila Raja dan Tuan Muda berangkat keluar negeri, Datuk Patinggi Abang Haji Abdillah memangku dan mengambil alih tugas-tugas pentadbiran. Ini adalah satu kehormatan yang luarbiasa bagi Datuk Patinggi Abang Haji Abdillah malah juga kehormatan bagi orang-orang Melayu seluruhnya.

Brooke Menyerah Sarawak

Dalam tahun 1946, cadangan untuk menyerah Sarawak kepada Kerajaan Inggeris telah mengegarkan negeri Sarawak. Setelah tamat Perang Dunia Kedua, Sarawak telah dibebaskan dari tangan tentera Jepun dan tentera Australia mendarat pada 14hb Ogos 1945.

Raja Charles Vyner Brooke telah tergesa-gesa mengambil keputusan hendak menyerah negeri Sarawak kepada Kerajaan Inggeris dengan tidak berunding dengan waris-waris tahta Kerajaan Brooke iaitu Tuan Muda, Betram Brooke dan Anthony Brooke. Vyner Brooke telah mungkir menta'ati sumpah dan janji-nya waktu di tabal dahulu.

Raja Brooke mengirim Gerald MacBryan Setiausaha sulitnya ke Sarawak untuk memutar belit pemimpin-pemimpin Melayu terutama Datuk-datuk dan memberi sogokan wang kepada mereka termasuk Datuk Patinggi Abang Haji Abdillah sendiri.

Datuk Patinggi sedar bahawa semuanya itu adalah tipu helah dan perangkap MacBryan beliau mengembalikan wang sogokan itu kepada wakil Kerajaan BMA. Beliau seterusnya memberitahu Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak perkara itu. Semenjak dari saat itu beliau telah membankang penyerahan Negeri Sarawak dalam Persidangan Counsil Negeri dengan lantangnya beliau membangkang. Beliau berjuang bersama-sama Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak menentang terus penyerahan Sarawak kepada Inggeris sehingga ke akhir hayatnya.

Meninggal Dunia

Datuk Patinggi Abang Haji Abdillah telah meninggal dunia pada 22 November 1946. Berita kematian seorang perwira ini telah memeranjatkan rakyat seluruh Negara dan dunia luar dan takziah datang mencurah kepada keluarganya.

Pemergian Datuk Patinggi Abang Haji Abdillah telah menjadi kehilangan se-orang "Patriot" yang sukar diganti.

Mesyuarat Agong Pertama Persatuan Melayu Sarawak

Persatuan Melayu Sarawak lahir dari tajaan anak peribumi yang terdiri dari rakyat jelata, ini adalah benar benar merupakan satu usaha oleh rakyat untuk Rakyat pada hakikatnya. Kisah ini menggambarkan faktor-faktor sejarah mengenai keadaan masyarakat Melayu Sarawak dizaman itu dan corak kepimpinan dizaman Raja yang sebenarnya.

Setelah dilulus pendaftaran Persatuan Melayu Sarawak oleh Kerajaan pada 10 Oktober, 1939, mesyuarat agung pertama telah diadakan di Darul Kurma Kuching pada 13 Januari 1940 dan telah penuh sesak dibanjiri oleh orang-orang Melayu, lelaki dan perempuan menghadiri upacara lahirnya Persatuan Melayu Sarawak dengan rasminya.

Para pemimpin hadir dengan semangat berkobar-kobar menyeru orang-orang Melayu agar bersatu teguh dalam persatuan yang ditubuh itu. Antara orang yang berucap ialah Y.B. Datuk Amar Abang Sulaiman sebagai Presiden Pertama dan Tuan Haji Abdul Rahman Haji Kassim sebagai mewakili pengasas Persatuan Melayu Sarawak, telah menyampaikan hasrat Persatuan Melayu Sarawak bukan saja bagi menyatukan kaum bapa, malah menarik kaum ibu didalamnya untuk menjadi sayap Persatuan Melayu Sarawak dalam perjuangannya. Antara lain Tuan Haji Abdul Rahman berkata:- "Telah difikir dan dipertimbangkan oleh anggota-anggota Persatuan Melayu Sarawak bahawa kaum wanita adalah diterima menjadi ahli-ahli persatuan, ialah supaya mereka itu dapat berdamping dan bersaing dengan kaum lelaki untuk menuju kemedan kemajuan agar supaya mereka membaharui azam membuangkan adat istiadat yang lama lama yang tidak sesuai diseliputi kekolotan, keborosan dan kekarutan, supaya kaum lelaki dapat bantuan-bantuan yang boleh meringankan pikulan kita."

Kira-kira 700 orang ahli persatuan telah menghadiri perhimpunan agong itu, termasuk wakil-wakil dari daerah-daerah dan bahagian-bahagian dalam Sarawak. Mesyuarat itu telah dipengerusi oleh Datuk Amar Abang Sulaiman. Majlis itu juga telah diserikan dengan persembahan Nasyid terdiri dari Kumpulan Koir anak-anak sekolah Melayu yang dipimpin oleh Cikgu Ajibah Abol.

Tujuan Persatuan Melayu Sarawak ditubuhkan telah diterangkan di majlis itu seperti berikut:-

(1) Untuk menyatupadukan orang Melayu dan bekerja untuk kemajuan mereka.

(2) Untuk mengalakkan dan meninggikan Perniagaan (Ekonomi) Pelajaran, Kebudayaan dan Bahasa Melayu.

(3) Memelihara dan menjaga serta meluaskan Syiar Agama Islam.

(4) Bertindak untuk mewakili orang-orang Melayu dengan Kerajaan.

Inilah suatu bukti yang ketara sekali timbulnya suatu kesedaran untuk mencari jalan keluar dengan mengwujudkan perwakilan terus menerusi sebuah persatuan bagi menghubungi Kerajaan, jikalau mereka mahu kemajuan dilapangan Social dan Ekonomi mereka itu hendak ditinggikan.

Mesyuarat Agong pertama itu telah memilih dengan rasminya Abang Sulaiman (Datuk Amar) sebagai Yang Di-Pertua yang pertama Persatuan Melayu Sarawak. Naib-naib Yang Di-Pertua ialah Tuan Haji Abdul Rahman Haji Kassim, Tuan Haji Ali bin Hussein dan Tuan Haji Kawi bin Saed.

Datuk Amar Abang Sulaiman telah menjawat jawatan Yang Di-Pertua Persatuan Melayu Sarawak dalam tahun 1939 hingga 1941 iaitu zaman Pemerintahan Tentera British (BMA) di Sarawak. Dengan adanya kemasukan beberapa orang keturunan perabangan dalam Persatuan Melayu Sarawak itu, sekurang-kurangnya meredakan gelora bantahan yang ujud pada mulanya itu. Menurut laporan Almarhum Encik Johari Anang, Pengasas dan Setiausaha Persatuan Melayu Sarawak dalam laporannya diupacara sambutan ulang tahun ke 22, Persatuan Melayu Sarawak.

Beliau menegaskan:- "Suyugia diingatkan bahawa Yang Di-Pertua pertama Persatuan Melayu Sarawak ialah Almarhum Abang Sulaiman (Datuk Amar Sarawak). Beliau sangat peramah orang nya dan suka memanggil dirinya PAK LEMAN saja. Beliau juga adalah seorang ahli dalam reka bentuk dan perhiasan. Hasil ciptaan beliau adalah merupakan pintu gerbang Persatuan Melayu Sarawak bagi menyambut ulang tahun ke 100 Tahun Sarawak Merdeka dibawah Brooke yang didirikan dihadapan rumahnya di Jalan Datuk, Kampung Bintangor, Kuching.

Ahli-ahli Jawatankuasa Persatuan Melayu Sarawak, yang terpileh dalam mesyuarat agung Pertama adalah seperti berikut:-

TAHUN 1939-1940

Penaong	–	*Datuk Patinggi Abang Hj. Abdillah bin Datuk Bandar Kassim*
Yang Di-Pertua	–	*Y.B. Datuk Amar Abang Sulaiman bin Abang Taha Sahdan*
Naib-naib Yang Di-Pertua:	–	*Tuan Haji Bolhassan bin Haji Daud.*
"	–	*Tuan Haji Ali Bin Hossen.*
"	–	*Tuan Haji Kawi Bin Saed.*
"	–	*Tuan Haji Abdul Rahman Bin Haji Kassim.*
Setiausaha Yang Kehormat	–	*Encik Johari Anang.*
Penolong Setiausaha	–	*Encik Bolhassan Bin Matasip.*
Penyimpan Wang	–	*Abang Mohamad Daim Bin Abang Abdul Rahim.*
Pemeriksa Kira-Kira	–	*Encik Mohamad Tuah Bin Kasa.*
Penolong Pemeriksa	–	*Tuan Haji Supian Azahari.*
Jawatankuasa	–	*Tuan Haji Bakawi Bin Bahar.*
	–	*Tuan Haji Busrah Bin Osman.*
	–	*Tuan Haji Ibrahim Kena Bin Haji Salleh.*
	–	*Tuan Haji Sulaiman Bin Haji Saed.*
	–	*En. Mohamad Rashidi Bin Muslim.*
	–	*En. Mohamad Karim Bin Haji Ali.*
	–	*En. Abang Ariffin Bin Abang Haji Merais.*
	–	*En. Mohamad Daud Bin Ismail.*
	–	*En. Ali Bin Hassan.*
	–	*Tuan Haji Yaman Bin Haji Abdul Rahman.*
	–	*Tuan Haji Bolhir Bin Madon.*

Mengorak Langkah Yang Aktif

Persatuan Melayu Sarawak sejak mesyuarat agungnya yang pertama itu telah mengorak langkah begitu aktifnya merancangkan kegiatan-kegiatan yang sihat menyatupadu orang-orang Melayu, mengadakan kempen membanyak ahli-ahli baru. Mengada perhubungan dengan pertubuhan Kelab-kelab Social di Sibu, Miri dan dibeberapa bahagian Sarawak. Anggota tertingginya telah berusaha memunggut yuran dan derma-derma hingga dapat membeli sebuah rumah kedai dengan harga $6,500.00 di No. 26, Rock Road - (sekarang Jalan Tun Abang Haji Openg Kuching) dijadikan sebagai Ibu Pejabat Persatuan Melayu Sarawak hingga hari ini. Pada mulanya wang untuk membeli rumah itu diperolehi dari wang yuran dan pinjaman dari Kwong Lee Bank. Dalam masa 3 bulan saja pinjaman itu selesai dijelaskan.

Dalam mempertinggikan rancangan ekonomi, Persatuan Melayu Sarawak telah berjaya menggumpul $5,000.00 untuk menubuh sebuah Syarikat Kerjasama. Ahli Jawatankuasa Tertinggi telah berusaha untuk membeli sebuah lagi rumah kedai di India Street, segala perundingan sudah pun tamat tetapi oleh kerana kemasukan Jepun dan juga dituruti oleh masalah "Cession" maka rancangan itu terpaksa dibatalkan.

Persatuan Melayu Sarawak telah mengirim satu perwakilan untuk mengambil bahagian dalam persidangan Persatuan Melayu Semalaya, yang berlangsung di Singapura pada 24 dan 25 Disember, 1940. Perwakilan Persatuan Melayu Sarawak itu terdiri dari Abang Haji Zaini, Encik Johari Anang, Tuan Haji Mohd. Ma'amoon Bin Nor dan Tuan Haji Bolhassan Daud.

Perwakilan dari Sarawak itu adalah berminat hendak mengadakan perhubungan perniagaan dengan orang-orang Melayu di Malaya dan Singapura. Wakil Persatuan Melayu Sarawak mengsyorkan supaya ditubuhkan syarikat perniagaan dengan modal permulaan $100,000.00 dan menjalan perdagangan import-export antara negeri-negeri Tanah Melayu dan Singapura. Sayangnya cadangan itu tidak dapat perhatian sewajarnya oleh wakil wakil dalam persidangan itu.

Perayaan 100 Tahun Sarawak Dibawah Pemerintahan Brooke

Apakala Kerajaan Brooke merayakan Ulang Tahun Ke 100 pemerintahannya di Sarawak pada 24 September, 1941, Persatuan Melayu Sarawak telah mengambil peranan penting dalam perayaan itu, dengan mendirikan pintu gerbang, membina sebuah kereta berhias yang merupakan sebuah schooner "ROYALIST" iaitu sebuah bahtera yang membawa James Brooke masuk ke Sungai Sarawak buat pertama kalinya dan sampai ke Kuching pada 15 Ogos,

1839.

"Bahtera Royalist" ciptaan Persatuan Melayu Sarawak itu diisi dengan para pelakon yang merupakan James Brooke sendiri dan klasi-klasinya, dihiasi dengan api yang berwarna warni dan gemarlapan selain dari itu mereka mengadakan pertunjukan Kebudayaan dan acara sukan.

PKMS Berkempen Menyokong Sekolah Agama Didirikan

Satu-satunya langkah yang diusahakan oleh PKMS ialah berkempen untuk mendapat sokongan orang ramai supaya kerajaan meluluskan sebuah Sekolah Agama ditubuhkan di Kuching. Lembaga Amanah Mesjid India telah berusaha untuk mendirikan sebuah Sekolah agama tingkatan permulaan berdekatan dengan Mesjid India, di India Street Kuching. Permohonan pendaftaran menubuhkan sekolah tersebut tidak akan diluluskan sekiranya sekolah itu dikhaskan kepada anak-anak keturunan India saja.

Dengan yang demikian salah seorang dari ahli Lembaga Amanah Masjid telah membuat penyelidikan yang mendalam dalam hal pungutan-pungutan derma bagi membena masjid tersebut. Nyatalah bahawa orang Melayu tempatan juga bersama-sama ada menyumbangkan derma terhadap pembinaan masjid tersebut, maka adalah wajar sekolah yang akan dibina itu haruslah menerima anak-anak orang Islam selain dari anak-anak keturunan India saja.

Menurut keterangan dari Tuan Haji Ma'amoon Nor, salah seorang dari ahli PKMS yang aktif berkempen pada masa itu untuk menyokong pembinaan sekolah itu berkata:-

"Ahli-ahli PKMS berusaha keras membantu Lembaga Amanah tersebut dan memungut tandatangan orang Islam di Kuching supaya menyokong pembinaan sekolah itu dan akan menerima anak-anak selain dari keturunan India, akhirnya sokongan ini berjaya."

Orang-orang Melayu yang menyokong projek itu kemudian masuk pula menjadi ahli Persatuan Melayu Sarawak.



Masyuarat Agung Pertama Persatuan Kebangsaan Melayu telah diadakan pada hari Sabtu 13 Januari, 1940 di Darul Kurnia, tempat kediaman Datuk Patinggi Abang Haji Abdullah, siapa yang duduk no. 8 dari kanan. Datuk



Ahli-ahli Kaum Ibu Persatuan Melayu Sarawak, Cawangan Kuching yang juga ahli jawatankuasa Sekolah Ugama Perempuan yang pertama dalam tahun 1946. Cikgu Lily pengerusinya, duduk No. 5 dari kanan.

Barisan hadapan (dari kiri ke kanan): Dayang Mariam Abang Zawawi, Puan Seni Madon, Dayang Rahmah Abang Hj. Said, Puan Mordiah Lias, Puan On Pet, Puan Ketti Abdullah, Dayang Rosdiah Abang Hj. Fadil, Cikgu Lily Eberweine, Dayang Hajjah Ukah Datuk Dol (dari Sri Aman), Dayang Aliah Abang Juaini, Puan Jahrah Haji Yusuf, Dayang Bahjah Datuk Iman Haji Marais.

Belakang (dari kiri ke kanan): Datuk Ajibah Abol, Cikgu Raliah Mohamad, Puan Badiah Mohamad, Maimunah Tuan Hj. Bolhassan, Cikgu Masni Bakar, Puan Yok Mohammad, Puan Nor Tambi, Puan Salmah, Puan Maimunah Bujang, Puan Radiah Dol, Cikgu Hasnah Hj. Abdul Rahman.



Ahli-ahli kaum Ibu dari Kuching bergambar beramai-ramai bersama Sh. Hajjah Sipah (duduk No. 6 dari kiri), ketua Kaum Ibu Sibu dalam tahun 1947. Di sebelah kiri beliau ialah Puan Lily Eberweine.

Barisan hadapan (dari kiri ke kanan): Dayang Bahjah Datuk Iman Hj. Marais, Dyg. Mariam Abg. Hj. Azahari (J/kuasa), Cikgu Ajibah Abol (Setiausaha), Puan Duri Ali (Bendahari), Puan Sharifah Uteh Tuanku Mashor (J/kuasa), Puan Sharifah Sipah (Sibu), Cikgu Lily Eberweine (Pengerusi), Dayang Rosdiah Abg. Hj. Fadil (J/kuasa), Puan Hajjah Zahrah Haji Zahari, Puan Hajjah Masnah Abdul Rahman, Puan Hajjah Amai Haji Jaya.

Belakang (dari kiri ke kanan): Puan Ejah Hj. Rais (J/kuasa), Puan hajjah Hamdiah Sulong, Puan Hajjah Rafiah Haji Tahir, PuanHajjah Haji Salleh, Puan Nor Tambi, Hajjah Arot Hj. Salleh, Cikgu Hasnah Abdul Rahman, Cikgu Masni Bakar (Pen. Setiausaha), Puan Ipot (J/kuasa).



Kumpulan Kaum Ibu Persatuan Melayu Sarawak sentiasa bergiat memajukan kegiatan Kaum Ibu sekitar Kampung dan desa.



Ranee Margaret dan sahabat-sahabat yang karibnya, dari kanan, Puan Maxwell, Ranee Margaret, Dayang Sahada dan Dayang Lehot. Kedua Wanita yang berdiri di belakang itu ialah pengiring-pengiring mereka.



Pemimpin-pemimpin Melayu Sarawak dari golongan aristokrat dizaman pemerintahan Brooke. Duduk dari kanan: Datuk Imam Haji Mataim, Datuk Bandar Haji Bolhassan. Berdiri dari kanan: Tuan Haji Seruddin, Encik Abu Bakar bin Encik Buyong dan Datuk Temenggong Haji Ali.



Encik Johari Anang

***Encik Johari Anang** telah dilahirkan di Kuching dalam tahun 1889 dari keturunan Minangkabau. Encik Johari mendapat pelajarannya daripada banyak berusaha sendiri mengejar ilmu dan pendidikan. Beliau bekerja sebagai guru bahasa Inggeris dan peniaga sambilan. Beliau telah mengasaskan surat khabar "Fajar Sarawak" bersama-sama dengan Encik Mohd Rakawi Yusuf dan salah seorang dari penaja utama Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak. Beliau telah dilantik sebagai Setiausaha Agung Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak dan sejak tertubuhnya persatuan itu sehingga beliau meninggal dunia dalam tahun 1965.*



Ahli-ahli Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak Daerah Kalaka bergambar kenangan sempena menyambut Ulang Tahun 100 Sarawak di bawah Brooke.



Sempena menyambut Ulang Tahun Ke-100 Sarawak Merdeka di bawah Pemerintah Brooke, Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak telah membina sebuah sekunyir besar menurut bentuk asal Kapal "Royalist" - Kapal Kepunyaan James Brooke mula-mula masuk ke Sarawak dalam tahun 1841.



Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi Abang Haji Abdillah bin Datuk Bandar Kassim, D.P., D.S.B., D.B., D.M., C.S.S. Keturunan Putera Raja Jarum dari Jawa, Pemimpin Pejuang "Anti-Cession" yang berwibawa dan gigih sehingga ke akhir hayatnya.



Tuan Haji Abdul Rahman Bin Haji Kassim

Beliau berasal dari Palembang, Sumatera. Beliau bersama dengan Encik Rakawi Yusuf dan Encik Johari Anang telah mengasaskan penerbitan akhbar FAJAR SARAWAK, dalam awal tahun 1930. Beliau dikenali sebagai seorang ahli usahawan Melayu yang disegani. Beliau adalah tuan punya Sarawak Printing Company dan menerbitkan buku-buku tulisan Encik Mohd Rakawi bertajuk "Hikayat Sarawak" dan novel "Melati Sarawak." Selepas kematian Encik Mohd Rakawi, beliau adalah penyambung usaha sehingga tertubuhnya PKMS pada 10.10.39.



Encik Mohd. Rakawi Yusuf

***Encik Mohd. Rakawi Yusuf**, Pengasas Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak dalam tahun 1939. Beliau juga seorang Pengarang Novel "Melati Sarawak" dan "Hikayat Sarawak". Pengasas akhbar pertama iaitu "Fajar Sarawak". Kounselor bagi Majlis Perbandaran Kuching 1934-1936.*

Bahagian III
Zaman Pemerintahan Jepun Di Sarawak (1941-1945)

Zaman Pemerintahan Jepun Di Sarawak (1941-1945) *

Apakala tercetusnya huru-hara peperangan dunia kedua, suasana pengeboman yang berlaku di Pearl Harbour, America Syarikat oleh tentera Jepun pada 7hb. Disember, 1941, bukan saja menggempar America Syarikat tetapi seluruh dunia. Hanya sebelas hari saja setelah Pearl Harbour diserang itu, tentera Jepun telah menduduki Kota Miri pada 17hb. Disember 1941. Pada 24hb. Disember 1941, Kuching pula telah diduduki tentera Jepun. Pemerintahan Jepun bermula di Sarawak dari Januari 1942 hingga Ogos 1945.

Kerajaan Great Britain telah tidak berdaya hendak memberi naungan sebagai dikehendaki dalam syarat Perjanjian (Treaty) tahun 1888 antara Kerajaan Brooke dengan Britain.

Raja Sarawak pada masa itu berada di Australia, disana beliau telah menubuh Kerajaan sementara dan kemudian daripada itu telah memindah tanggungjawabnya bagi mentadbirkan hal ehwal Kumpulan wang negeri itu kepada sebuah Jemaah Perwakilan di England dan Jemaah itu diketuai oleh Betram Brooke, Tuan Muda (yang sentiasa menjalan Kewajipan sebagai Pesuruhjaya Khas Sarawak di England).

Diwaktu pemerintahan Jepun, tidak banyak catitan mengenai kegiatan-kegiatan Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak yang dapat dijumpai, dan tidak banyak yang dicatit peristiwa sejarah secara teliti, kerana darurat, ketakutan dengan tekanan Jepun, kemelesetan ekonomi, kepayahan makanan, pakaian dan kekurangan serba serbinya.

Keseluruhannya kerajaan tentera Jepun ha-nya mengawasi kawasan pesisiran ditepi pantai Sarawak, kota-kota dan pekan yang ditepi sungai saja. Di kawasan pendalaman, hanya diawasi sekali sekala, mereka tidaklah mengawasi kawasan-kawasan itu dengan jagaan yang ketat. Dalam bahagian pendalaman, kawasan seperti Dataran Kelabit tidak langsung dikawal, sehingga tentera payung terjun Ahli Bersekutu dengan mudahnya dapat mendarat disana dalam tahun 1945. Kehadiran mereka dalam kawasan itu tidak disedari masa peperangan itu berlaku. Keseluruhan pulau Borneo adalah dibawah jagaan Angkatan Laut Jepun. Sarawak, Brunei dan North Borneo dianggap sebagai satu wilayah dikuasai oleh satu Angkatan yang dikenali sebagai Angkatan ke 37 yang beribu pejabat di Kuching pada mulanya, kemudian pindah ke North Borneo (Sabah sekarang) dalam masa akhir-akhir tahun 1943, apakala mereka sedar bahawa

mereka akan menghadapi serangan balas dari angkatan Tentera Bersekutu. Untuk kemudahan pentadbiran Wilayah British Borneo dibahagikan kepada lima Bahagian (Prefectures):- Kuching Shu, Sibu Shu, Miri Shu, Sarikei-Shu (Jesselton) dan Tokai-Shu (Sandakan).

Pentadbiran Jepun di Sarawak telah mengalami kerugian yang besar apakala 4 buah kapal yang membawa pegawai-pegawai pentadbiran mereka telah ditenggelamkan oleh kapal terbang tentera Belanda dimuara Sungai Sarawak. Ini menyebab kemarahan Jepun dan mereka telah meningkatkan lagi kawalan tentera dipesisir kawasan perairan pantai dan di kawasan yang ramai penduduk dari kawasan yang cukup bekalan perniagaan dan pembekalan tenaga manusia dan hasil mahsul bagi membantu usaha peperangan Jepun. Tumpuan utama Jepun adalah untuk membolot telaga minyak Miri di mana tenaga kerja dikerahkan untuk memulihkan telaga Miri yang telah dimusnahkan sebelum Jepun mendarat. Jepun telah berjaya menggali semula 16 buah telaga minyak baru dan mengembalikan keadaan pemulihan telaga minyak Miri dan Seria kepada produksi hampir setengah penghasilannya sebelum perang. Dengan tertakluknya Indo-China dan Malaya, Jepun telah dapat hasil getah yang berlebihan, walaupun nampaknya mereka tidak memerlukannya getah dan lada begitu banyak pada waktu itu. Jepun memberi tekanan khusus kepada penanaman padi disebabkan perlunya mendapat bekalan beras yang banyak untuk mencapai matlamatnya setelah 1943.

Tokoh yang paling berpengaruh dalam pentadbiran di waktu itu, Setno Yamada, kelulusan Universiti Oxford, England telah ditugaskan ke Sarawak dalam tahun 1943, sebelum itu beliau telah berkhidmat di Jabatan Dalam Negeri di Tokyo. Beliau telah dilantik sebagai Ketua Angkatan Tentera Jepun yang ke 37 (Bahagian Penyelidikan). Setno Yamada juga telah dilantik mengetuai Bahagian Penyelanggaraan Umum di Kuching dan bertanggungjawab keatas penubuhan **Ken Sanjikai** atau - Majlis Penasihat Perbandaran oleh pihak angkatan tentera Jepun pada 1hb. October, 1943.

Kuasa penubuhan Majlis itu telah memberi keutamaan bagi bumiputera mengambil bahagian aktif secara berpolitik dalam pentadbiran Wilayah Borneo British. Tetapi orang-orang Cina, India dan lain-lain diberi juga peluang menjadi ahli luarbiasa. Dengan kefasihan Setno Yamada berbahasa Inggeris, bahasa yang digunakannya sebagai bahasa rasmi majlis itu, beliau menjadi seorang yang paling popular di antara semua pemimpin kaum dan masyarakat tempatan.

Ken Sanji

Ken Sanji (ahli Majlis atau Councellor) yang dipilih oleh beliau adalah terdiri dari orang-orang kenamaan dari generasi lama. Mereka ialah:- Datu Amar Abang Sulaiman, Datu Pahlawan Abang Haji Mustapha Haji Moasili dan Abang Openg, Pegawai Bumiputera (Native Officer) dan Tuanku Bujang bin

Tuanku Osman mewakili perabangan dari Kuching dan Sibu masing-masingnya, sementara Haji Abdul Rahman Haji Kassim mewakili orang Melayu umumnya.
Datuk Patinggi Abang Haji Abdillah dan Baba Ong Tiang Swee telah memohon menarik diri disebab kelanjutan umur mereka, tetapi anaknya Baba Ong Kuan Hin dan Baba Lee Wing Thoong telah dipilih untuk mewakili masyarakat Cina Kantonese. Wakil Masyarakat Iban dalam Majlis itu ialah Charles Mason dan Philip Jitam.

Adalah samar-samar bagi kita untuk mengetahui sama ada "KEN SANJI" (Majlis Perbandaran) itu bertanggungjawab untuk menasihati Pentadbiran Jepun dalam masalah politik dan kemasyarakatan (Social) atau tidak. Tujuan utama pemerintahan Jepun ialah; bahawa majlis itu untuk membantu dalam pelbagai masalah projek-projek ekonomi yang telah dirancangkan termasuklah pembinaan Lembongan Kapal untuk membina kapal-kapal dari kayu tempatan dan sebuah kilang memproses getah.

Sebagaimana di Malaya dan di Indonesia, dasar Jepun ialah untuk mengajak pemimpin-pemimpin tempatan berusaha meninggikan rasa tanggungjawab, berdikari, menggerak tenaga buruh untuk membina lapangan kapalterbang dan lain-lain. Majlis persidangan ini bukanlah satu majlis yang bersifat "Persidangan - Pak Turut", tetapi terbukti bahawa atas bantahan terang-terangan oleh Philip Jitam ke atas kecurangan seorang pegawai bekalan Jepun menyebabkan akhirnya ia malu dan membunuh diri.

Kerajaan Jepun juga menggalakkan masyarakat tempatan menubuhkan persatuan-persatuan suku kaum tempatan seperti di Tanah Melayu. Maka ujudlah beberapa persatuan baru seperti The Indian Independence League (Lega Kemerdekaan orang-orang India) untuk mewakili suku India yang kecil itu. Persatuan Cina Nanyang (seberang laut) dan Perhimpun Dayak mewakili Cina dan Dayak.

Pemimpin-pemimpin mereka adalah dipertanggungjawabkan untuk tindakan satu-satu Kaum dan untuk mengatur kegiatan-kegiatan bagi menggambar ketaat-kesetiaan dan mengadakan acara-acara kebudayaan pada hari perayaan seperti:- Harijadi Emperor, Hari Pahlawan dan lain-lain temasya keramaian diperingkat negeri.

Sungguh pun Jepun menggalak penubuhan persatuan-persatuan suku kaum, dan boleh mengunakan Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak yang sudah ada itu, tetapi Jepun tidak mengakuinya dan tidak membenarkan Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak bergerak membuat kegiatan yang cergas kerana mereka percaya ianya adalah sebuah pertubuhan politik dan dianggap merbahaya oleh Jepun. Jepun lebih suka mengikut cara Brooke dahulu, iaitu membuat perhubungan menerusi Pemimpin-pemimpin Tradisional dengan keyakinan bahawa dengan pengaruh Datuk-datuk itu mereka boleh melanjutkan tujuan dan kepentingan Jepun, daripada pengaruh kumpulan Melayu yang terpelajar yang masih berkurangan pada masa itu.

Hal ehwal orang Melayu pada masa itu adalah dipertanggungjawabkan ke atas sebuah Jabatan yang diketuai oleh Tuanku Bujang Tuanku Othman dan Abang Openg Abang Safiee, walau bagaimana pun Persatuan Kebangsaan Melayu dan cawangan-cawangannya masih tegap tersusun dan tidaklah ada riak-riak untuk mengadakan kegiatan yang berlawanan dengan undang-undang. Ada juga cubaan hendak menubuh satu cawangan Kesatuan Melayu Muda yang ditaja oleh Ibrahim Ya'akub seorang Pemimpin dari Semenanjung dalam 1942, tetapi dimusnah oleh Kempeitai (Polis Tentera) Jepun.

Diantara persatuan-persatuan suku kaum yang ditubuh di waktu Jepun, yang anehnya ialah Perhimpun Dayak, kerana semua ahli pertubuhan itu adalah terdiri dari ahli-ahli Kesatuan Syarikat Kerjasama Dayak. Encik Charles Mason telah menjadi Yang Di-pertuanya dan Encik Philip Jitam dipilih menjawat setiausahanya. Nyatalah seperti kata pepatah "Minyak dia - perendang dia."

Pertubuhan Kaum Ibu

Jepun telah menggalakkan penubuhan sebuah persatuan yang diberi nama KAUM IBU atau Persatuan Wanita di Kuching, mengandungi 4 Perwakilan dari keturunan suku kaum besar di Kuching.

Puan Lily Eberwine telah dilantik sebagai setiausaha Bahagian Melayu, Puan Mary Ong, Bahagian Cina, Puan Babara Bay, Bahagian Iban dan Puan Gopal, Bahagian orang India. Semua pemimpin-pemimpin ini adalah dipilih sendiri oleh Setno Yamada memandang kepada kedudukan dan kebolehan mereka masing-masing. Puan Lily Eberwine, guru besar pertama Sekolah Permaisuri Melayu, adalah wanita Melayu yang mendapat pendidikan yang terbaik dalam Sarawak, Puan Mary Ong ialah cucu kepada Baba Ong Tiang Swee dan Ketua Jururawat (Nursing Sister) yang terlatih dan Puan Babara Bay ahli Syarikat Kerjasama Dayak dan Puan Gopal ialah isteri kepada seorang doktor keturunan India. Kewajipan utama KAUM IBU ialah menggumpul puruh besi atau besi yang sudah tidak terpakai dan mengadakan pasar ria untuk memungut wang untuk dijadikan hadiah kepada saldadu Jepun. Mereka juga dikerahkan untuk mengadakan kumpulan nyanyian dan tarian untuk pertunjukan pentas ditemasya-temasya tertentu. Selain dari itu dikerah untuk menanam pokok ubi kayu untuk menambah makanan bagi menggantikan beras yang amat berkurangan di masa itu.

Jikeidan Dan Kyodohei

Susunan struktur pengandalian masyarakat yang diadakan oleh Jepun dalam bulan Mac, 1943 adalah berupa satu sistem **Jikeidan** atau sistem Vigilante Corp

untuk mengawasi kawasan yang ramai. Penduduknya dibahagikan menjadi unit-unit kecil mengandungi lebih kurang 30 buah rumah yang mana dilantik seorang ketua bertanggungjawab kepada pihak polis untuk mengawasi sebarang kemungkinan akan berlaku dalam kawasan-kawasan mereka.

Di rumah panjang juga tidak ketinggalan diadakan unit-unit Jikeidan. Unit ini menjadi mata dan telinga Kerajaan sebagai satu rangkaian tidak rasmi mengintip rahsia yang membolehkan pihak Jepun mengetahui sebarang anasir pemberontakan dan sebagainya serta anasir-anasir pro-British. Unit-unit ini juga telah menjadi badan social dan mempunyai tanggungjawab yang belum pernah dikenali di Sarawak.

Pihak Jepun juga telah menubuhkan pasukan KYODOHEI (Pasukan Ketenteraan) yang kebanyakannya terdiri dari Suku Iban Balau dari Bahagian Kedua. Ketua Penguasa Pasukan ini adalah terdiri dari orang-orang Melayu antara lain mereka itu ialah Wan Abdul Rahman bin Tuanku Bujang, Abang Hadi Abang Suhai dan Haji Bohari bin Haji Su'ut. Sebahagian dari mereka ditugaskan di bandar-bandar besar dan sebahagian lagi dipendalaman membuat kubu kawalan tentera yang tetap disana.

Kubu Iban di Bahagian Kedua adalah di bawah ketuaan pegawai Jepun sendiri seperti di Betong dan Saratok. Kubu-kubu di Pusa, Lingga dan Engkilili, kadang-kadang tidak dikawal oleh ketua tertentu.

Apakala ibu Pejabat Angkatan Tentera Jepun yang ke 37 berpindah ke North Borneo dalam bulan Oktober 1943, sebahagian dari Kyodohei ini dikirim kesana. Semua unit-unit Kyodohei dipendalaman ditutup dan dikirim balik ke Bahagian Kedua di waktu Angkatan Tentera Bersekutu mendarat dalam 1945. Seorang dari Iban Balau telah dinaikkan pangkatnya menjadi Captain dalam tentera Jepun dan terbunuh waktu Tentera Bersekutu menyerang Jesselton.

Akhbar Harian Kuching

Propaganda Jepun di Sarawak tidaklah sebegitu hebat seperti di Malaya dan Indonesia yang secara menyeluruh menanam perasaan bencikan orang Eropah. Gambar-gambar orang Eropah, buku-buku bahasa Inggeris dibakar dan musnah oleh Jepun.

Jepun telah mengeluarkan sebuah akhbar mingguan tulisan rumi yang bernama Khabar Harian Kuching. Encik Johari Anang telah ditugas sebagai Pengarang. Poster-poster ditampal dimerata bandar Kuching dan bandar-bandar besar lain, memuji-muji kegagahan Angkatan Tentera Jepun, Kemakmuran Bersama Wilayah Asia Timur. Apakala Perdana Menteri Jepun, General Tojo melawat Kuching, sambutan yang berbesaran telah diadakan begitu juga sambutan kepada Chandra Bose, Ketua Liga Kemerdekaan Orang India, di Singapura.

Propaganda Jepun

Pada upacara menyambut Harijadi Emperor Horohito, dan ulang Tahun Peperangan Pacific diadakan Perhimpunan ramai dan pertunjukan pentas mempersembahkan kebudayaan semua kaum di Sarawak. Pada masa itu tidak ada surat khabar yang lain diterbit oleh orang awam kecuali yang dikeluarkan oleh tentera Jepun saja, alat pancaran radio diadakan disudut-sudut bandar besar menyiarkan berita kegagahan tentera Jepun saja.

Salah satu thema propaganda Jepun ialah menunjulkan kelemahan dan kegagalan Brooke untuk memajukan negeri Sarawak terutama dilapangan ekonomi dan memperbaiki kebajikan umum bagi rakyat seluruhnya. Rupa-rupanya apakala Perjanjian Sulit Rajah Sir Charles Vyner Brooke dengan Jawatankuasa Pentadbiran telah diketahui, ia merupakan sebagai "bukti" bahawa Rajah telah menjual Negeri Sarawak kepada British sebelum lari ke Australia. S. Suzuki, Pegawai Polis Jepun yang telah mengetuai hal-hal propaganda ini, menjadikan bahan itu sebagai propaganda baik bagi beliau untuk dihebahkan di antara orang-orang Iban di Simanggang.

Sekolah Inggeris Tutup

Semua sekolah mission yang mengajar bahasa Inggeris telah ditutup, tetapi sekolah Melayu dan China dibuka setelah beberapa bulan Jepun masuk. Ini adalah usaha Jepun untuk menggunakan sekolah-sekolah itu untuk mengajar bahasa Jepun, terutama sekali di Sibu, guru-guru telah diberi kursus khas bahasa Jepun.

Dua orang penuntut Melayu Sarawak telah dikirim untuk mendapat latihan profesional. Mereka ialah Encik Ahmad Zaidi bin Wan Adruce (Ahmad Zaidi Adruce bin Mohd. Noor), Encik Razali bin Haji Yusuf yang menuntut ilmu kedoctoran haiwan di Institute Technologi di Bogor, dan sepuluh orang lagi yang lain dihantarkan ke Jepun untuk melanjut pelajaran. Sekumpulan pegawai-pegawai kanan juga dicadangkan untuk melawat Jepun termasuklah Datuk Pahlawan Abang Haji Mustapha, tetapi rancangan itu telah terlambat dan Jepun pun telah kalah.

Jepun Menyerah Kalah

Semenjak peperangan bermula, perasaan pemusuhan telah ujud dikalangan Kaum Cina dengan Jepun, tetapi orang-orang Jepun masih popular dikalangan orang-orang Melayu dan Iban hingga awal tahun 1944. Apakala Kapal Jepun telah dihalang oleh Tentera Sekutu membawa bekalan makan, pakaian, seperti kain-kain susah didapati di bandar dan pekan lagi, Jepun telah berusaha keras

untuk mendapat padi dari penduduk-penduduk pendalaman terutama petani-petani - walaupun propaganda Jepun semakin deras dilancarkannya namun kedudukan mereka nampak ketara bertambah lemah. Mereka tidak terdaya menentang serangan udara dari Tentera Bersekutu dan telah lari dari kawasan pantai masuk ke dalam hutan pendalaman dan nyatalah mereka telah menghadapi saat-saat terakhir. Jepun terpaksa mengguna kekerasan untuk mendapat padi, ini menyebabkan orang-orang Iban marah, apa lagi Jepun telah cuba merampas senapang mereka yang digunakan untuk berburu binatang itu.

Setelah pemberontakan orang-orang Cina di Jesselton dihapus dengan ganasnya oleh Jepun dalam bulan Oktober 1943, Panglima Tentera Jepun telah memerintah supaya semua senjata api dirampas. Apakala Jepun hendak berbuat demikian mereka telah mendapat bantahan dari orang-orang Iban, seorang dari pegawai polis Jepun S. Suzuki, kawan baik kepada Encik Eliab Bay, telah berjaya membatalkan perampasan senjata Iban dalam daerah Simanggang. Dengan adanya usaha beliau dapatlah perhubungan baik dengan Kaum Iban tempatan dikukuhkan, tetapi dia sendiri telah diancam dengan hukuman "Court Martial" kerana melengah-lengahkan perintah tentera.

Banyak pula perkara dahsyat berlaku diwaktu pemerintahan Jepun yang menyebabkan kesengsaraan kepada rakyat jelata yang amat menyedih sekali.

Tentera Australia Mendarat

Apakala Jepun mengaku kalah dalam peperangan kedua, pada 14hb. Ogos 1945 dan Tentera Australia telah mendarat di Sarawak maka jatuhlah tentera Jepun pada 11hb. September, 1945. Rakyat jelata merasa lega dan gembira atas kekalahan Tentera Jepun itu. Mereka berduyun-duyun balik dari tempat-tempat perlarian mereka dipendalaman kekota-kota dan kampung halaman masing-masing - Kampung halaman yang menjadi sunyi senyap seolah-olah berpuaka dimasa serangan balik Tentera Bersekutu itu.

Kekalahan Jepun ditangan Amerika dan British telah diberi penerangan luas oleh Kerajaan Chiang Kai-Shek yang mengaku bahawa ini kemenangan mereka juga sebagai ahli bersekutu. Ini telah membangkitkan semangat berkobar-kobar orang Cina diseberang laut termasuk orang Cina di Sarawak. Apakala Tentera Australia masuk ke Kota Kuching dalam pada 11hb. September 1945, mereka terpegun sekali melihat Lorong-lorong Kota Kuching, telah dihiasi dengan bendera Cina Nasionalis seolah-olah mereka itu masuk di Ibu Kota Hong Kong atau dimana-mana negeri China, dan tidak terdapat bendera Sarawak dan British (Penulis sendiri telah sama menyaksi apa yang dikebarkan ditiang-tiang bendera dan dikedai-kedai di kota Kuching pada masa itu.)

Di Saratok dan di tempat yang terpencil yang lain, apakala bendera Jepun di-

turunkan, maka bendera Cina Nasionalis telah dinaikkan serta merta oleh orang-orang Cina tempat kerana mereka telah mempunyai keyakinan bahawa tentera yang membebaskan Sarawak itu, adalah Tentera Cina yang akan mengambil alih Kerajaan Sarawak. Orang-orang Iban telah mendesak supaya bendera Cina itu diturunkan dan bendera Sarawak dinaikkan. Tindakan menghalangkan berkebarnya bendera Cina itu telah berlaku di Simanggang dan Betong.

Setelah tiga tahun lebih dalam kancah-kancah peperangan dan tidak ada khabar dari berita dari Pihak Bersekutu, dan apakala Jepun menyerah diri maka terpancarlah da'ayah memuji-muji Chiang Kai-Shek yang telah membantu memupuk semangat patriotik orang Cina Sarawak. Poster-poster yang bersemarak warna-warni datangnya dari Singapura dan Hong Kong telah mengagung-agung Chiang Kai-Shek yang memimpin angkatan tenteranya menyebabkan tentera Jepun membungkuk menyerah diri. Siaran Radio China dari Station yang tidak ketahui di Singapura telah menyiarkan berita bahawa tentera British adalah telah kehilangan tenaga.

Kebanyakan dari masyarakat Cina dalam Sarawak pada masa itu, percaya bahawa negeri China lah yang mengalahkan Jepun, dan menyifatkan bahawa jatuhnya Bomb Atom di Nagasaki dan Hiroshima itu seakan-akan serangan pukulan maut terakhir saja oleh Amerika. Semuanya pemikiran serupa ini adalah menjadi galakkan semangat, dan mungkin memang sudah tertanam difikiran sebahagian dari orang-orang Cina, bahawa Kerajaan China akan bergerak untuk mencantumkan "Nan Yang" - Lautan Selatan, termasuk seluruh Borneo, Malaya dan Hindia Belanda sebagai Wilayah takluknya. Apakala Vietnam Utara telah diduduki oleh tentera Cina Nasionalis dalam bulan Ogos 1945, berita angin merebak di Malaya dan Sumatera, menyatakan bahawa tentera Cina akan mendarat disana dan juga di Sarawak. Pentadbiran Angkatan Tentera British telah bertubi-tubi ditanya oleh orang-orang Cina tempatan bilakah tentera Cina akan datang ke Sarawak. Kekuatan dan keupayaan China Nasionalis telah dilaung-laungkan dan pereka-pereka propaganda Pihak Bersekutu telah menyebabkan sambutan hebat para patriot Cina itu mudah difahami dan kepada mereka, masalah penyerahan Sarawak kepada Britain pada mulanya, adalah suatu pekara yang dianggap tidak apa-apa bagi mereka. Walaupun Pentadbir Tentera Australia di Kuching dan Sibu mendapati bahawa orang-orang Cina adalah mesra dan suka bekerjasama, tetapi disebaliknya, mereka juga adalah orang yang sentiasa mahukan maksud dan hasrat mereka yang ingin menguasai sesuatu, dimasukkan dalam polisi Kerajaan. Sebagai satu dari "4 Kuasa Besar" mereka merasa juga sama memain peranan yang besar dalam kemenangan pihak Bersekutu.

10hb. Oktober, 1945 telah dirayakan di Kuching secara sekali gus sebagai Hari Perayaan Kemenangan Pihak Bersekutu dan Hari Kebangsaan China. Pentas upacara itu dihias dengan bendera-bendera China Nasionalis, British, dan Australia. Ucapan-ucapan telah disampai oleh pemimpin-pemimpin Cina ter-

masuk Baba Ong Tiang Swee. Selain dari itu diadakan upacara perbarisan, acara sukan, jamuan makan malam yang diberi oleh Baba Ong Tiang Swee dirumahnya diikuti oleh pertunjukan pentas dan lain-lainnya.

Peristiwa 10/10 - Pergaduhan Cina/Melayu

Keesukan harinya, awal pagi lagi berlakunya pergaduhan di antara orang-orang Cina dengan orang Melayu di kawasan Main Bazaar Kuching pada jam 9.30 pagi. Lebih dari 1,000 orang Cina telah bergumpul dijalanraya di hadapan Brooke Dockyard, dalam keadaan siap sedia untuk menyerang Masjid dan Kampung Melayu disitu. Mereka menganggap bahawa orang Melayu adalah kononnya sebagai pembelut kepada Kerajaan Sarawak dan nekad untuk memukul orang Melayu.

Dengan kudrat Allah, Pegawai Tentera Australia telah ternampak Kumpulan Cina itu dan dengan segera menghantar pasukan tentera dalam sebuah lori yang penuh serta berjaya merampas senjata bakal-bakal perusuh itu dan perintah berkurung telah dikuatkuasakan sepanjang 24 jam dalam kawasan bandar Kuching.

Timbul pula satu cerita iaitu pergaduhan itu hanya dapat diselsaikan apakala Baba Ong Tiang Swee telah bersetuju menanda tangani perjanjian dengan Datuk Pahlawan Abang Haji Mustapha Moasili bahawa orang Cina patutlah menjauhkan diri dari berpolitik. Ini telah menjadi penjelasan mengapa Ketua Cina tidak terlibat dalam masalah penyerahan Sarawak kepada British yang berlaku beberapa bulan kemudian.

Kebanyakan persatuan-persatuan kaum sebelum perang agak mengambil masa untuk menyusun semula pertubuhan-pertubuhan mereka masing-masing. Sungguhpun Persatuan Kebangsaan Melayu ternyata berkobar-kobar diperangsangi oleh apa yang telah dibuat oleh Kaum Cina di waktu perayaan 10hb. October, 1945 itu tetapi mereka masih menunggu ketika yang agak sesuai untuk mengadakan kesyukuran. Akhirnya Jawatankuasa Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak telah memperkenalkan diri mereka dan menyatakan kegembiraan dan kesyukuran atas berjayanya Pihak Bersekutu membebas Sarawak dari tindasan Jepun kepada Panglima Angkatan Bersenjata Australia, Brigedier T.C. Eastick pada 11hb. November, 1945. Mereka telah mengadakan temasya Perlumbaan Perahu **MELAYU** selaras dengan pertunjukan Kaum Cina.

Lebih ketara lagi ialah, Persatuan itu telah menggunakan namanya dalam corak baru iaitu **Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak** atau The Malay National Union of Sarawak (MNU). Perhimpunan Dayak pada waktu itu berada dalam keadaan sedang disiasat oleh pihak Pentadbiran Tentera sebagai Persatuan yang dicurigai bersekutu dengan pihak musuh ataupun tidak.

Apakala berita penyerahan Negeri Sarawak telah di terima pada awal bulan Februari 1946, Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak dan Perhimpun Dayak Sarawak telah mendapat dorongan semangat yang terkuat secara mengejut, keakhirannya mengubah langkah dari persatuan kebajikan kepada tahap kegiatan Parti Politik.



◁ Putera Maide yang telah melawat Negeri Sarawak dalam zaman pemerintahan Jepun. Sekembalinya dari lawatan singkat ke Sarawak itu tiba-tiba pesawat terbang yang dinakinya itu telah menemui kerosakan dan terhempas berdekatan dengan Wilayah Bintulu.


▽ Ibu Pejabat Kempetai di Jalan Jawa sekarang ini Jalan P. Ramli Kuching di mana orang-orang yang di tuduh bersalah disiksa dengan buasnya oleh tentera Jepan.



SETNO YAMADA, *Seorang pentadbiran Jepun yang berkelulusan Universiti Oxford ditugaskan ke Sarawak dalam tahun 1943, sebelum itu beliau telah berkhidmat di Jabatan Dalam Negeri di Tokyo.* ▷



Bangunan Pejabat Kerajaan yang dibina oleh Pemerintah Tentera Jepan di Kuching yang menutup lalulintas dari India Street ke Carpenter Street. ▽



MA'LUMAT

dari

Jeneral Sir Thomas Albert Blamey, GBE, KCB, CMG, DSO, ED

Pemimpin Tinggi Tentera Australia

KEPADA :

Semua penduduk dari BORNEO, TIMOR, CERAM, AMBON, KAI, AROE, TANIMBAR, PULAU2 dilautan ARAFURA, PAPUA INGGERIS, NEW BRITAIN, NEW IRELAND, pulau2 SOLOMON, BOUGAINVILLE dan pulau2 dekatnya, OCEAN, NAURU dan pulau2 BISMARCK.

MENGINGATKAN bahwa dengan adanya surat menyerah yang ditanda tangani di Tokio pada hari yang kedua bulan lapan, 1945, atas perentah dan atas nama Kaisar Jepun, Pemerentah Jepun dan Pemimpin2 yang berlaku dari tentera Kerajaan Jepun dan disetujui oleh Wakil2 dari Amerika Serikat, Republik Tionkok, Kerajaan Inggeris dan Russia, telah dilakukan menyerahnya Pemimpin2 yang berlaku dari tentera Kerajaan Jepun dan semua tentera Jepun dan semua tentera yang dikepalai oleh Jepun di mana saja pada negeri2 Serikat tersebut di atas dengan tiada memakai janji apa2. MENGINGATKAN PULA, bahwa telah dikeluarkan "Perentah yang berlaku No 1 — dari tentera Laut dan Darat" oleh Pemimpin yang besar dari tentera Jepun di mana saja untok memerentahkan semua tentera Jepun dan semua tentera yang di ketuai Jepun, supaya segera memberhentikan permusohan, meletakkan senjatanya tinggal diam di tempatnya sekarang dan menyerah dengan tiada memakai janji apa2 pada ketua2 tentera yang mewa kili Negeri2 Serikat tersebut di atas :

DAN MENGINGATKAN LAGI, bahwa saya Jeneral Sir Thomas Blamey GBE KCB CMG DSO ED Pemimpin Tinggi dari tentera Australia telah di tunjokkan untok menerima penyerahannya semua tentera Jepun di pulau2, daerah2 dan tempa.2 tersebut di atas.

Maka saya menyampaikan salam dan pemberian selamat pada tuan, semua penduduk tersebut di atas, dan terutama pada semua TAWANAN PERANG dan lain2 ra'yat Negeri Serikat yang sekarang ada di pulau2, daerah2 dan tempat2 tersebut berhubong dengan akan segera datangnya kebebasan tuan oleh tentera Australia.

SAYA MEMERENTAHKAN PADA TUAN UNTOK MENURUT Ma'lumat2, Perentah2 dan pertunjok2 yang saya keluarkan atau di keluarkan oleh Ketua tentera Australia yang saya tunjokkan buat pulau, daerah atau tempat tuan.

SELANJUTNYA SAYA MEMERENTAHKAN pada tuan supaya tinggal tenang2 saja, pekerjaan tuan sehari hari kerjakanlah baik2 dan berdiamlah pada tempat atau rumah tuan sekarang untok menunggu Ma'lumat2, Perentah2 dan Pertunjok2 dari saya atau dari wakil2 saya.

Tertanda pada hari yang kedua bulan, 9, 1945.

T.A. Blamey,

Pemimpin Tinggi
dari
Tentera Australia.

Bahagian IV
Cadangan Menyerah Sarawak Kepada Britain

Cadangan Menyerah Sarawak Kepada Britain

Sebagai yang telah disebut dalam Bahagian Ketiga buku ini, diwaktu Sarawak jatuh ketangan Jepun pada 24hb. Disember, 1941, Rajah Sir Charles Vyner Brooke, Rajah ketiga Sarawak dari keturunan James Brooke itu telah berada di Brisbane, Australia bersama Setiausaha Sulit beliau Gerald MacBrayn. Beliau telah menubuh Kerajaan sementara disana, kemudian menyerahkan tanggungjawabnya untuk mentadbirkan simpanan wang negeri ini kepada sebuah Jemaah Perwakilan di England yang diketuai oleh adiknya Betram Brooke, Tuan Muda, yang sentiasa menjalankan kewajiban sebagai Persuruhjaya Khas Sarawak di England.

Anthony Brooke, anak kepada Betram Brooke, yang bergelar Raja Muda Sarawak, memang telah menduga bahawa Kerajaan British akan berkeras mendesak untuk mendapat peluang tanggungjawab yang agak luas dalam pentadbiran negeri Sarawak setelah lepas perang. Oleh itu beliau telahpun bersedia menghadapi pekara itu dengan cara bertolak ansur setakat yang boleh. Beliau sedar bahawa perlu adanya suatu perubahan terhad dalam undang-undang agar boleh memelihara keperibadian Raja dan untuk melayani permintaan Pejabat Jajahan (Colonial Office). Apakala beliau telah dilantik oleh Raja untuk mengetuai pihak Kerajaan sementara dalam tahun 1945 untuk mengambil bahagian dalam satu rundingan dengan Pejabat Jajahan, beliau berharap akan balik ke Sarawak menjadi Raja. Tetapi Pejabat Jajahan telah mendesak supaya Akta Kuasa Wilayah Luar Negeri 1890 (Foreign Jurisdiction Act of 1890) dilaksanakan, yang mana melibatkan pemindahan Kedaulatan negeri ini kepada Mahkota British dan mengurangkan kuasa dan martabat Brooke kepada taraf Raja-raja Melayu mengikut rancangan perjanjian MacMicheal, iaitu rancangan Malayan Union yang terkenal itu.

Pada bulan Januari 1944, Pejabat Jajahan British telah mengambil keputusan untuk menjajah Negeri-negeri Borneo Utara. Mereka telah berunding dengan Raja Sarawak untuk menggubal satu perjanjian baru bagi memberi kuasa kepada Kerajaan membuat undang-undang baru bagi mentadbirkan negeri ini dan mewujudkan suatu "Sistem Penasihat" yang sama seperti sistem di "negeri-negeri Melayu yang tidak Bersekutu" di Semenanjung. Kabinet Perang British pada masa itu telah dipujuk untuk menerima dasar yang dicadangkan itu. Dasar ini telah disediakan oleh Kerajaan Buruh dalam bulan Julai 1945. Rancangan awal mereka ialah untuk menukar taraf kekuasan yang ada pada Raja Vyner Brooke kepada seorang Yang Di Pertua Negeri yang dilantik seperti

perlantikan Raja-Raja Melayu. Kerajaan Buruh tidak bersetuju menghidupkan semula Kerajaan Raja Kulit Puteh dalam Kerajaan Empire British setelah tamat peperangan.

Pejabat Jajahan Inggeris berkehendak supaya Pentadbiran Tentera di Borneo selepas perang hendaklah di tangan Tentera Inggeris; ini akan menguatkan lagi kedudukan mereka dalam usaha mendesak Raja dalam rundingan menyerah Sarawak kepada Kerajaan Inggeris.

Oleh kerana Tentera Australia adalah ditugas untuk membebaskan Borneo, Australia telah berazam untuk menguasai pentadbiran tentera disitu sepenuhnya, maka timbullah rasa curiga pula pihak Inggeris mengenai tujuan pihak Australia itu. Tidak disangka-sangka Jepun telah menyerah diri terlebih awal, maka British perlu menyelesaikan kebuntuan masalah itu dan diadakan perundingan Kerajaan British dengan Kerajaan sementara Sarawak.

Penyerahan Sarawak memanglah satu-satunya tujuan Pejabat Jajahan sebagaimana yang telah digambarkan oleh mereka akan maksud dan niat mereka itu sejak dalam tahun 1944 lagi, maka logiklah keputusan mereka itu untuk membawa Sarawak keperingkat Pentadbiran Penjajahan (koloni) British seperti ditanah-tanah jajahan Takluk British dirantau Asia Tenggara patutlah diperketatkan lagi. Sebaliknya, Raja Vyner Brooke memang telahpun membayangkan rasa tidak percayanya pada anak saudaranya Anthony Brooke itu. Segala perundingan yang dibuat oleh Raja dengan Pejabat Tanah Jajahan adalah tidak banyak diketahui umum. Dalam bulan Jun 1944 Oliver Stanley telah memberitahu kepada Raja supaya menyelesaikan perhubungan Britain dengan Sarawak dengan segera.

Kedudukan Sarawak Sebenarnya Sebelum Diserah

Sebelum kita meninjau berkenaan dengan pekara-pekara penyerahan Sarawak kepada Britain, lebih baik kita meninjau kembali perihal Sarawak yang sebenar sebagaimana yang dicatitkan oleh Anthony Brooke. Jika tidak demikian kita tidak akan dapat mengenal kedudukan sebenarnya dengan jelas mengapa Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak melancarkan bantahan kepada penyerahan Sarawak kepada Mahkota British itu. Berikut merupakan latar belakang riwayat Sarawak dibawah pemerintahan Brooke:-

Negeri Sarawak yang luasnya hampir-hampir sama besarnya dengan Semenanjung Malaysia itu, asalnya ialah sebahagian dari kawasan tanah jajahan Sultan Brunei, tetapi pada 24hb. September, 1841 Kerajaan Sarawak telah diserahkan oleh Raja Muda Hashim kepada James Brooke, kerana membalas jasa James

Brooke membantu beliau mengamankan Sarawak dari peperangan rakyat Sarawak menentang Brunei. Kawasan yang diserah itu bukanlah sebesar kawasan yang ada hari ini (melainkan kawasan Kuching, Lidah Tanah dan Seniawan saja).

Dalam tahun 1851 Sarawak telah diiktirafkan oleh Kerajaan Amerika Syarikat sebagai sebuah negeri yang merdeka dan dalam tahun 1863 Kerajaan British pula telah memberi pengiktirafan seperti itu.

James Brooke Meninggal Dunia

James Brooke telah meninggal dunia dalam tahun 1868 setelah memerintah Sarawak selama 17 tahun. Surat wasiatnya yang bertarikh 15hb. April 1867 telah menentukan susunan waris penggantinya. Antara lain "Saya James Brooke berwasiat bahawa segala hak ketuanan saya di Sarawak .... dan segala hak apa juga keutamaan yang ada bersabit dengannya ialah dipunyai oleh anak saudara saya, Charles Johnson Brooke, Tuan Muda Sarawak .... dan waris sah bagi dirinya yang lelaki dan jika tidak warisnya yang demikian itu maka diserahkan pula kepada anak saudara saya Stewart Johnson .... dan waris sah bagi dirinya yang lelaki dan jika tidak yang demikian itu saya pulangkan hak ketuanan dan hak-hak serta keutamaan itu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen England dan waris-waris Kebawah Duli itu hingga berkekalan selama-lamanya ...."

Charles Johnson Brooke Naik Tahta

Anak saudaranya Charles Johnson Brooke telah naik tahta menggantikan James Brooke dan telah memerintah daripada tahun 1868 hingga ketahun 1917. Dengan suatu treaty (Perjanjian) bertarikh 5hb. Sept. 1888 yang telah dimetrikan di antara Great Britain dengan Raja Charles Brooke maka telah dipersetujui bahawa:

Pertama: Great Britain sayugialah:-

(a) Menaongi Sarawak.

(b) Tidak mempunyai hak boleh mencampuri Hal Ehwal Dalam Negeri bagi Kerajaan Negeri itu.

(c) Menguasai pekara-pekara yang berkenaan perhubungan Sarawak dengan negeri-negeri luar.

(d) Memutuskan sesuatu masalah yang berbangkit berhubung dengan hak menggantikan Raja.

Kedua: Sarawak tidak boleh menyerah Negeri itu dengan tidak mendapat persetujuan Great Britain.

Wasiat Politik Charles Brooke

Wasiatnya pada bahagian politik yang bertarikh 16hb. September 1913, berbunyi demikian: "Bagi mengesahkan wasiat orang yang terdahulu daripada saya maka saya wasiatkan hak ketuanan saya di Sarawak serta segala hak-hak dan keutamaan yang selama ini dipunyai saya kepada anak lelaki saya yang sulung Vyner dan waris-waris dirinya yang lelaki kemudian daripadanya anak lelaki saya kedua Betram dan waris-waris dirinya yang ketiga Harry dan waris-waris dirinya yang lelaki dan kemudian daripadanya kepada anak lelaki dari mendiang adinda-adinda lelaki saya Stewart dan waris-waris dirinya yang lelaki dan kemudian daripadanya kepada Duli Yang Maha Mulia Baginda King England ...."

Yang empunya wasiat itu telah melantik anak lelakinya yang kedua Betram Brooke seperti yang tersebut itu, "Bagi memegang suatu jawatan yang berkuasa dalam Pemerintahan itu pada peringkat yang kedua saja disisi kedudukan." Anak lelaki yang sulung Vyner sambil merakam perkataan, "Bahawa tidak boleh dijalankan apa-apa langkah atau pun perubahan dalam negeri itu atau dalam kerajaan itu .... oleh anak lelaki saya jika tidak terlebih dahulu berunding dengan anak lelaki saya Betram." lebih lanjut lagi ia telah menegaskan bahawa dasar serta cara peraturan Kerajaan Sarawak yang selama itu dijalankan oleh Raja Brooke yang pertama dan ianya sendiri itu hendaklah kekal dipegang. Dasar yang dimaksudkan itu (menurut kehendak wasiat itu yang lebih luas) bolehlah dihuraikan sebagai mengandungi makna bahawa kerabat Brooke sayugialah jangan memandang negeri Sarawak itu sebagai harta sendiri bagi diperas kerana faedah diri mereka sendiri, bahkan hendaklah mereka itu menyifatkan diri mereka sebagai hamba dan pemegang amanah bagi bangsa anak negeri maka faedah-faedah dan kemajuan mereka itulah yang mesti diutamakan terdahulu daripada memikirkan muslihat yang lain-lain.

Vyner Brooke Naik Tahta

Charles Vyner Brooke, Raja Sarawak Ketiga telah naik tahta kerajaan Sarawak dalam tahun 1917 dan waktu mengangkat sumpah setia dimajlis istiadat naik tahta, ia telah bersumpah: "Bagi pihak dirinya sendiri dan pengganti-penggantinya" akan kekal berpegang kepada syarat-syarat yang telah tersebut dalam wasiat ayahandanya dan akan taat dan menurut kehendak-kehendak Raja yang telah lalu itu dalam pekara menyusun perlembagaan Negeri itu.

Vyner Brooke ada mempunyai tiga orang anak perempuan tetapi tiada seorang pun anak lelaki, menurut seperti yang tersyarat dalam wasiat tersebut tadi, maka adindanya, Betram Brooke, Tuan Muda itulah waris penggantinya. Betram ada mempunyai seorang lelaki, Anthony Brooke (Raja Muda), dan ia juga ada mempunyai seorang anak lelaki.

Pada 31hb. Mac 1941, Raja Vyner Brooke tanpa berunding dengan adindanya Betram telah mungkir kepada syarat-syarat wasiat ayahandanya sendiri. Beliau telah membuat suatu perjanjian dengan Jawatankuasa Pentadbiran Sarawak berkaitan dengan suatu muslihat wang termasuklah suatu bayaran sejumlah $200,000 yang akan diberi kepadanya dengan syarat belian bersetuju mengadakan beberapa perubahan dalam perlembagaan negeri.

Pada masa itu Anthony Brooke memegang jawatan sebagai seorang Pegawai rendah dalam Jabatan Pentadbiran Awam Sarawak dan tidak digemari oleh Pegawai Pentadbir Kerajaan C.D.L. Lee Gross-Clarke, sebab menentang Perlembagaan negeri mengikuti cara yang telah dicadangkan itu, demikian juga sebab pergi ke Singapura dengan tidak mendapat kebenaran, kerana meminta bantuan Sir Shenton Thomas, Gabenor Negeri-negeri Selat, yang menjadi wakil British bagi negeri Sarawak. Ringkasnya Anthony Brooke telah diberhentikan daripada Jawatan itu.

Raja Vyner Brooke telah membuat suatu Perentah 21 (Perlembagaan) yang telah dinamakan "Suatu Perentah diadakan bagi Kerajaan Sarawak yang akan datang" telah dikanunkan pada 24hb. September 1941. Dan kuatkuasanya berjalan mulai dari tarikh itu.

Ujudnya Majlis Mesyuarat Negeri Dan Majlis Mesyuarat Tertinggi

Dengan Perintah ini:- Dia telah menubuhkan semula kedua buah majlis mesyuarat yang ada, iaitu Majlis Mesyuarat Negeri dan Majlis Mesyuarat Tinggi serta menentukan siapa yang patut menjadi ahli-ahlinya.

Dia telah menerangkan berkenaan dengan setengah-setengah perubahan dalam susunan perlembagaan yang nampak nyata melampaui kuasanya disisi undang-undang, misalnya:-

Walaupun haknya mewarisi Raja Kerajaan itu, hanya dalam masa ada hayatnya sahaja dan orang-orang yang menggantikan dia itu telah ditentukan menurut kehendak wasiat-wasiat Raja-raja yang terdahulu daripadanya. (Orang yang akhir sekali mempunyai hak ialah Duli Yang Maha Mulia Baginda King,

England). Ia telah menerangkan supaya dikanunkan apabila Raja meninggal dunia. "Orang yang akan diisytiharkan menjadi Raja Sarawak oleh Majlis Mesyuarat Tinggi", perkataan-perkataan itu sungguh tidak tepat, haruslah boleh diartikan ada berkait dengan perjanjian berkenaan Perlembagaan itu dengan mensyaratkan bahawa sekiranya Betram meninggal dunia sebelum berjalan perubahan-perubahan dicadangkan itu, maka Jawatankuasa Pentadbiran "Setelah menimbang dan mengkajinya dengan halus," akan melantik "Seorang waris" kepada tahta Kerajaan Sarawak itu.

Sungguhpun wasiat Raja yang terdahulu daripada itu ada mensyarat bahawa dalam masa Raja tidak ada di negeri Sarawak, maka adinda lelakinya, Betram hendaklah memangku jawatan itu. Perintah itu telah menerangkan juga bahawa Raja dalam majlis mesyuarat diberi masa, boleh melantik seorang timbalan yang seperti itu.

Perlembagaan yang baru itu memberi kuasa undang-undang yang penuh kepada Majlis Mesyuarat Negeri.

Menurut Perlembagaan ini (Fasal 6 (1) sebuah Majlis Mesyuarat Negeri diadakan dengan mengandungi 25 orang ahli - 14 "Rasmi" yang dilantik dari ahli-ahli Jabatan Pentadbiran Awam Sarawak. 11 orang lagi ialah "Bukan Rasmi" yang terdiri dari wakil-wakil orang ramai seberapa yang terdapat diantara orang-orang yang berkediaman dalam negeri itu serta mewakili faedah-faedah mereka. Sekalian ahli-ahli "Yang Bukan Rasmi" ini adalah dilantik oleh Raja dalam Majlis Mesyuarat bagi tempuh selama tiga tahun dan ia berkuasa pula melantik semula mereka itu. anak negeri anak negeri Sarawak yang menjadi ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negeri yang lama itu, adalah dijadikan ahli-ahli seumur hidup bagi Majlis Mesyuarat yang baru itu.

Tersebut juga dalam (Fasal 3 (1) sebuah Majlis Mesyuarat Tinggi yang mengandungi tidak kurang dari lima (5) orang ahli-ahlinya. Kebanyakan diantara mereka itu mestilah Pegawai Jabatan Pentadbiran Awam Sarawak, Chief Secretary (Setiausaha Kerajaan) dan Penyimpan Wang kerana jawatannya itu akan menjadi ahli juga bagi majlis itu dan ahli-ahli yang lain dilantik oleh Raja. Adapun ahli-ahlinya itu ialah seperti ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negeri juga, iaitu bagi tempuh selama tiga tahun dan ahli-ahli Majlis Mesyuarat Tinggi yang lama itu menjadi ahli seumur hidup bagi Majlis Mesyuarat yang baru itu.

Pada 22hb. November 1941, Kerajaan Baginda King yang telah membuat suatu Perjanjian dengan Negeri itu sebagai tambahan kepada Treaty (Perjanjian) yang telah dimetrikan pada tahun 1888 dengan mensyaratkan supaya dilantik ditempat persemayaman Raja seorang wakil Kerajaan British, nasihatnya berhubung dengan pekara-pekara luar negeri dan Pertahanan hendaklah "dipinta dan dijalankan" dan ia akan bebas memberi fikiran "diatas pekara yang mengenai Pentadbiran Am Negeri itu" dan akan menghadiri Majlis Mesyuarat Tinggi dan Majlis Mesyuarat Negeri tetapi tidak mempunyai kuasa mengundi.

Dalam bulan Disember 1941, Great Britain tidak berdaya hendak memberi naungan sebagaimana yang dikehendaki dalam syarat Treaty (Perjanjian) tahun 1888 itu, maka negeri Sarawak telah ditakluk oleh Jepun.

Raja Sarawak pada masa itu berada di Australia, disana dia telah menubuhkan Kerajaan sementara dan kemudian daripada itu pula memberhentikannya dengan menukarkan tanggungjawab bagi mentadbirkan hal ehwal Kumpulan Wang Negeri itu kepada sebuah Jemaah Perwakilan di England dan Jemaah itu diketuai oleh Betram Brooke, Tuan Muda.

Dengan surat bertarikh 19hb. Jun 1944, Setiausaha Jajahan Takluk telah membuat suatu cadangan kepada Raja bagi menyemak semula Perjanjian (Treaty) Perhubungan yang ada bagi menambah lagi kekuasaan Kerajaan British diatas hal ehwal Sarawak, Raja dalam jawabannya telah berkata demikian:- "Saya dan famili saya ialah Pemegang amanah bagi negeri dan rakyat Sarawak. Mereka adalah cukup mengerti bahawa negeri itu bukanlah kedudukannya sebagai sebuah "Tanah jajahan yang dinaungi" oleh hal yang demikian persetujuan mereka patutlah didapati terlebih dahulu diatas apa-apa langkah yang hendak diperbuat bagi menghasilkan tujuan seperti itu. Pada masa sekarang persetujuan itu tidaklah boleh didapati manakala disebabkan kejadian yang tiada dapat dielakkan pihak berkuasa yang menaungi itu tidak berdaya upaya hendak menyelamatkan mereka itu daripada lenggaran musuh maka sekarang sedang berada dibawah perintah bangsa dagang (Asing).

Dalam bulan Disember 1944, Anthony Brooke dengan perantaraan Raja Sarawak dan Pejabat Tanah Jajahan Takluk telah dibawa balik ke England daripada berkhidmat dalam angkatan tentera British di India kerana mengambil bahagian dalam rundingan-rundingan dengan pihak Pejabat Jajahan Takluk yang berhajat menguraikan keterangan berkenaan dengan perhubungan selepas perang diantara Sarawak dengan Kerajaan British. Bersabit dengan keuzurannya maka Tuan Muda (Betram Brooke) yang telah bersara daripada mengurus pekerjaan pentadbiran dan Anthony Brooke yang telah dikurnia gelaran Raja Muda (dahulunya yang telah disahkan dan telah ditarik balik) telah menjadi Ketua bagi Jemaah Perwakilan Sarawak yang telah ditubuhkan semula oleh Raja sebagai sebuah seperti berikut:- H.D. Aplin, Pegawai Tadbiran Awam Sarawak yang telah bersara, T. Corson, Pegawai Tadbiran Awam Sarawak, F.H. Pollard, Pegawai Tadbiran Sarawak, J.A. Smith, kerani besar Pejabat Kerajaan Sarawak di London, G.S. Swayne, Pegawai Tadbiran Awam Sarawak yang telah bersara.

Krisis Famili Brooke

Pada 28hb. Februari 1945, Anthony Brooke dengan sokongan yang sebulat suara dari rakan-rakan sejawatnya telah menulis kepada Setiausaha Jajahan

Takluk menyatakan bahawa dia dan rakan-rakannya sukacita kerana dapat mewakili rakyat Sarawak untuk berunding dengan Setiausaha Jajahan Takluk dalam apa-apa pekara untuk faedah bersama. Kerajaan sementara itu janganlah merosakan perhubungan diantara Kerajaan Sarawak dengan Kerajaan Baginda King dengan membuat perkara yang bertelagah dengan kehendak Perjanjian perhubungan yang telah dimetrikan diantara kedua buah Kerajaan itu. Ia seharusnya menjadi asas bagi menjalankan rundingan-rundingan seperti yang dimaksudkan itu, dan dilakukan sebelum rakyat Sarawak dibebaskan dan Pemerintahan Negeri itu pulih seperti sediakala.

Apabila terbit kenyataan itu maka rundingan-rundingan itupun langsung terbangkalai, pihak Kerajaan sementara itu tidak mahu menerima tuntutan Pejabat Takluk itu ialah atas dua sebab iaitu:-

(a) Hak menjalankan urusan Undang-undang Sarawak terletak dibawah kehendak Undang-undang Kuasa memerintah Negeri Asing.

(b) Meluaskan kuatkuasa wakil British dengan memberi kepadanya suatu suara yang memberi bekas dalam segala pekara yang mustahak berhubung dengan dasar dan Pentadbiran.

Anthony Brooke Dipecat

Lepas itu Setiausaha Jajahan Takluk telah menulis kepada Raja (Julai 1945) mengadukan bahawa wakil-wakil Kerajaan sementara itu tidak boleh "bertanggungjawab dengan sendiri" diatas cadangan-cadangan kerajaan mulamulanya Raja telah menyuruh Setiausaha Jajahan Takluk supaya bertanya balik kepada Kerajaan sementara itu tetapi berhubung dengan keadaankeadaan yang tidak dapat ditentukan pada setakat ini, maka pada akhirnya Raja telah memegang sendiri kuasa mengurus hal ehwal Sarawak bagi menggantikan Kerajaan Sementara (yang telah dimansuhkannya itu), lepas itu ia telah menulis kepada Anthony Brooke, "Saya sangat terkejut kerana kamu telah menggunakan sikap cemerkap seperti itu dalam rundingan-rundingan diplomatik" dan telah menyatakan lagi kepadanya bahawa dalam masa yang akan datang dia harus tidak lagi boleh menyandang gelaran Raja Muda atau menyangka dia ada hak boleh naik Tahta Kerajaan Sarawak. Anthony Brooke telah memberi jawaban dengan hormat dan takzimnya menyatakan tidak bersetuju kepada langkah dipecat gelaran itu dan dihalangan dianya daripada mewarisi tahta Kerajaan Sarawak. Sementara itu pula, Corson dan F.H. Pollard kedua-keduanya ahli Kerajaan sementara yang dipecat sebagai tidak boleh "bertanggungjawab sendiri" itu telah terpaksa bersara daripada Jawatan

Pegawai Tadbir Awam Sarawak. Tidak berapa lama kemudian dari itu dalam musim buah tahun 1945, terbayanglah Raja telah memaklumkan kepada Setiausaha Jajahan Takluk bahawa dia berhajat hendak menyerah negeri itu kepada Baginda King. Setiausaha Jajahan Takluk telah menjawab bahawa penyerahan seperti itu haruslah boleh diterima oleh pihak Baginda King.

Pada 6hb. Februari 1946, Setiausaha Jajahan Takluk telah berucap dalam Dewan Mesyuarat Orang ramai bahawa setelah Raja menerima keterangan ini, dia telah mengutus Setiausaha Sulitnya (G.T.M. MacBryan) ke Sarawak bagi berunding dengan "Ketua-ketua wakil Rakyat" maka penerimaan mereka atas masalah penyerahan itu sangatlah memuaskan hati sebagaimana difahamkan "dalam surat-surat yang telah dialamatkan kepadanya (Raja) oleh Ketua-Ketua kaum Melayu dan Cina" dan bersabit dengan itu maka surat rasmi yang mustahak telah dibuat dan akan diberi kepada Wakil-wakil Rakyat bagi mendapat persetujuan mereka tentang perkembalian Raja ke Sarawak pada penghujung bulan. MacBryan telah disertai oleh "Seorang Pegawai Tinggi dari Pejabat Jajahan Takluk" sebagai Pemerhati Setiausaha Jajahan Takluk telah menerangkan bahawa Kumpulan wang cagaran Sarawak adalah berjumlah £2,750.000, maka dengan persetujuan pihak rakyat yang telah diajak berunding itu, wang ini akan diserahkan bersama-sama dengan negeri itu, tetapi jumlah sebanyak £1,000.000 akan diketepikan bagi muslihat Kumpulan Wang Amanah yang pertamanya untuk kegunaan Raja dan orang-orang tanggungannya dalam masa ada hayat mereka, demikian juga wang itu akan digunakan bagi kebajikan tempatan supaya pulih keadaanya menurut anggaran sebagaimana yang telah dijalankan dalam masa sebelum Jepun melanggar dahulu. Kemudian daripada itu hasil pendapatan akan digunakan membaiki keadaan masyarakat yang memberi faedah kepada rakyat negeri itu.

Perutusan Raja

Pada 6hb. Februari, 1946, Raja telah juga menggeluarkan satu "utusan" kepada rakyat.

> "...... Dalam pekara Sarawak segala pemerintahan datangnya dari Raja. Pihak rakyat percaya kepada Raja, serta apa jua nasihat-nasihat Raja bagi faedah rakyat ialah bersifat kemahuan rakyat. Saya ialah jurucakap bagi kehendak rakyat. Tidak siapa melainkan saya sendiri saja yang berhak bercakap bagi pihak kamu, tidak seorang pun diantara kamu yang harus menyoal walau apa sekalipun pekara yang saya lakukan bagi faedah yang besar. Tidak ada sebarang kuasa demikian juga tidak ada muslihat seseorang yang boleh merosakkan kesentosaan dan kemakmuran kamu adalah terletak didalam lingkungan Kerajaan lain. Tidak akan ada seorang Raja Sarawak kemudian daripada saya. Rakyat saya akan menjadi rakyat Baginda King .... titah saya ini ialah bagi muslihat kebajikan kamu."

Vyner Tidak Menghormati Janjinya

Menurut kehendak wasiat politik ayahandanya, Vyner Brooke mestilah terlebih dahulu berunding dengan Tuan Muda diatas apa jua pekara yang mustahak mengenai Kerajaan Sarawak, sesungguhnya Tuan Muda telah tidak langsung diajak berunding diatas cadangan penyerahan itu dan bagi kali pertamannya dia mendengar pekara itu ialah menerusi siaran radio B.B.C. yang menghuraikan Kenyataan Setiausaha Jajahan Takluk di Dewan Mesyuarat Orang-ramai di London bertarikh pada 6hb. Februari 1946 itu.

Pada 27hb. Mac, 1946 Setiausaha Jajahan Takluk dalam Dewan itu, mengatakan dia telah merancang hendak menghantar dua orang Ahli Dewan Mesyuarat Orang-ramai, iaitu Capt. Gammans dan Lt. Colonel Rees-Williams, untuk melawat Sarawak "atas tujuan hendak mengesahkan dengan penyiasatan secara bebas bahawa cadangan Raja bagi menyerahkan negeri itu kepada Baginda King diterima oleh segala golongan kaum bumiputera negeri itu." Jika kedua Ahli Dewan Mesyuarat Orang-ramai itu cukup puashati (katanya) maka tidaklah ada apa-apa halangan yang boleh menangguhkan undang-undang memberi kuasa penyerahan itu bagi dibentangkan kepada Majlis Mesyuarat.

Pada mula-mulanya Setiausaha Jajahan Takluk telah enggan memberi kemudahan kepada Tuan Muda yang ingin hendak melawat Sarawak atau tujuan hendak melahirkan fikiran kepada Majlis-majlis Mesyuarat itu - sikap yang telah diambil oleh Setiausaha Jajahan Takluk itu ialah disebabkan pekara itu urusan Raja sendiri. Raja telah enggan membenarkan pemergian Tuan Muda itu. Bagaimana pun oleh kerana desakan, maka akhirnya, pada 2hb. April, 1946, akaun telah diberi dengan syarat bahawa Tuan Muda hendaklah bersedia menerima keputusan Majlis-majlis Mesyuarat diatas pekara penyerahan itu, dan Tuan Muda telah terbang ke Sarawak dengan tiga orang pengiring iaitu Tuan F.H. Pollard, dan Tuan J.R. Comby (kedua-duanya bekas Pegawai Tadbir Awam Sarawak) dan Sir Theodore Adams, bekas British Residen, Selangor, Malaya.

Syarat-syarat dari surat-surat rasmi Ketua-ketua Melayu dan Cina yang telah dikatakan oleh Setiausaha Jajahan Takluk "Menerima dengan baik cadangan Penyerahan itu" dipercayai telah tidak disiarkan. Menurut suatu kenyataan yang telah diperbuat oleh MacBryan kepada pihak akhbar, terjemahannya ialah seperti berikut:- "Kami dengan ini mengesahkan dan mengaku cukup yakin diatas timbangan yang saksama dan adil Duli Yang Mulia serta sokongan kami dengan sepenuhnya atas apa jua langkah-langkah Duli Yang Mulia hendak dijalankan kerana kami cukup mengetahui bahawa tujuan yang utama pihak Duli Yang Mulia ialah untuk Kebajikan seluruh rakyat dari segala bangsa yang berkediaman di Sarawak."

Utusan Datu Patinggi Kepada PKMS

Datuk Patinggi Abang Haji Abdillah (Datuk Melayu Asli Sarawak) telah memberi satu huraian diutuskan kepada Presiden Persatuan Melayu Sarawak (10hb. Februari 1946) beliau telah menjelaskan "...... berhubung dengan warta rasmi yang telah ditanda tangan oleh ahli-ahli Majlis Mesyuarat Tertinggi itu, menurut sepanjang pengetahuan saya, ada mengandung suatu permohonan bahawa Raja hendaklah balik ke Sarawak menurut sebagaimana kenyataan MacBryan itu. Jika saya enggan menanda tangani surat itu tentulah Raja tidak akan balik, maka itulah sebabnya saya menurunkan tanda tangan. Pada 8hb. Februari saya telah terkejut dan keciwa apabila membaca utusan daripada Raja yang bertarikh pada 6hb. Februari menyatakan bahawa Ahli-ahli Majlis Mesyuarat tertinggi telah bersetuju dengannya dalam pekara menyerah Negeri Sarawak itu kepada Baginda King. Saya tidak sekali-kali menyangka boleh terlintas pada fikiran saya kerana memikirkan perkataan MacBryan seperti yang telah saya sebutkan diatas itu.

Perutusan Datu Patinggi Kepada Gascoigne

Pada 4hb. Januari, 1946, Datuk Patinggi telah mengalamat surat yang seperti berikut dibawah ini, yang katanya tidak mendapat apa-apa jawaban. Kepada Lt. Col. C.A. Gascoigne dari Pasukan Hal Ehwal Awam British Borneo di Kuching.

"Dengan hormatnya saya berhajat untuk menyampaikan kepada pengetahuan pihak Kerajaan, satu pekara yang menyebabkan sedikit kebimbangan kepada saya.

Pada 1hb. Januari, G.T.M. MacBryan Setiausaha Sulit Kepada Duli Yang Mulia Raja dengan tidak disangka-sangka telah datang kerumah saya dengan membawa surat rasmi yang ditandatangani oleh Raja dengan memerintahkan saya membuat apa jua yang dikehendaki oleh MacBryan. Setibanya dia telah memerintahkan saya supaya menandatangani satu surat yang dibawanya, kandungan-kandungan surat itu tidak terang, kerana itu telah enggan menandatanganinya. Waktu itu dia telah menyatakan kepada saya supaya jangan menyebut-nyebut pekara itu kepada sesiapa pun orang Eropah.

Pada 2hb. Januari, Datuk Amar dan Datuk Menteri diringi oleh Abang Mohd. Daim telah memujuk saya supaya menandatangani surat itu dan juga mereka telah mengugut saya. Sebab saya khuatir bahawa pekara ini harus akan mendatangkan bahaya kepada diri saya maka berharap dengan tulus ikhlas serta beri nasihat kepada saya, dengan seberapa segeranya, apa yang saya patut perbuat.

Pada hari Isnin 7hb. Januari telah dibuat rancangan dengan perintah MacBryan, bahawa saya hendaklah menandatangani surat itu dirumah saya bersama-sama dengan Datuk Amar, Datuk Menteri dan Datuk Pahlawan, dan saya menulis ini ialah dengan tujuan hendak maklumkan kepada tuan perihal ini, serta saya harap Tuan akan maklumkan juga kepada Lt. Col. Ditmas. "Lt. Col. Ditmas ialah seorang Pegawai Tadbir dari Jabatan Tadbir Awam Sarawak, pada masa itu dia berkhidmat dalam Pentadbiran Tentera British."

Bagaimana Sarawak Diserah
Rahsia Sanggokkan Terbuka

Rahsia terbuka bahawa Datuk Patinggi seorang Ahli Seumur Hidup bagi Majlis Mesyuarat Tertinggi, pada masa itu telah menerima wang sebanyak $12,000 dari MacBryan. Menurut kata MacBryan bahawa wang itu ialah sebagai satu "Hadiah" - seorang lagi ahli Mesyuarat Seumur Hidup iaitu Datuk Menteri, Datuk Hakim, dan Datuk Amar telah juga menerima $10,000 tiap-tiap seseorang, dan Datuk Pahlawan (Penulung Pesuruhjaya Polis) yang dilantik menjadi ahli Majlis Mesyuarat Tinggi dalam bulan September, 1941, bagi masa selama tiga tahun itu telah juga menerima $10,000, Datuk Patinggi dalam sepucuk suratnya lagi kepada Persatuan Melayu Sarawak, (12hb. Februari, 1946) telah menyebutkan perihal bayaran-bayaran itu dan menambah kata bahawa MacBryan telah juga memberi $2,000 kepada Tuan Haji Nawawi (seorang Ahli Seumur Hidup bagi Majlis Mesyuarat Negeri) yang telah menyaksikan tanda-tanda tangan itu. Surat itu berbunyi demikian:-

> "Wang yang saya terima dari MacBryan telah saya serahkan kepada pihak Pasukan Pentadbir Hal Ehwal Awam British Borneo kerana saya pandang wang itu sebagai suap."

Sesungguhnya Datuk Patinggi dengan serta merta telah menyerah wang $12,000 itu kepada Pihak Pentadbiran British dengan satu surat keterangan. Keempat orang yang lain itu telah memaklumkan kepada Tuan Muda sebagai menjawab pertanyaannya, bahawa wang yang telah diterima oleh mereka itu bersifat sebagai bantuan dari Raja disebabkan oleh kesengsaraan-kesengsaraan yang telah dideritai mereka dalam masa pendudukan Jepun itu. Berikut dengan itu waktu ditemui oleh wakil akhbar maka Raja telah menafikan bahawa bayaran itu sebagai suap dan ia telah berkata wang itu ialah elaun-elaun tahunan yang belum dibayar kepada Datuk-datuk itu dalam masa semenjak Pendudukan Jepun."

Patutlah diperhatikan bahawa ahli-ahli Perkhidmatan bangsa Asia yang lain tidak menerima elaun-elaun seperti itu, malahan pula Perbendaharaan Sarawak telah menyatakan kepada pihak yang menuntut bahawa tidak ada cadangan hendak membayar kepada sesiapa jua selain daripada mereka yang telah kena

tahan dalam masa pendudukan Jepun, dengan demikian sangatlah sukar hendak memaham apakah sebab bayaran-bayaran ini telah dilakukan dalam sebuah rumah biasa dan tidak menurut peraturan yang lazim iaitu menerusi Perbendaharaan.

Pada dewasa itu di Sarawak tidak ada ditubuhkan Majlis Mesyuarat Negeri ataupun Majlis Mesyuarat Tinggi yang sempurna, kebanyakan daripada ahli-ahlinya (Sebagaimana yang telah dikatakan menjadi ahli selama tiga tahun saja itu) telah habis tempuhnya lama sebelum itu, dan tidak pula diadakan lantikan-lantikan baru. Dalam pada itu adalah nyata bahawa dalam masa lawatan MacBryan itu, apa yang dikatakan persidangan-persidangan bagi kedua-dua Majlis Mesyuarat itu (iaitu Persidangan-persidangan penerimaan-penerimaan dan pembayaran-pembayaran yang disebutkan diatas - ahli-ahli seumur hidup yang lain, kira-kira 12 orang ramainya nampaknya tidak dijemput), dan perintah-perintah telah diluluskan bagi merombakkan Perlembagaan tahun 1941 dan bagi menyerahkan hak-hak .... kepada Raja semua kuasa-kuasa dan hak kekuasaan yang ada pada Raja dalam mesyuarat .... "Adalah difahamkan bahawa wakil Pejabat Jajahan Takluk yang telah bersama-sama MacBryan itu, telah hadir juga dalam perjumpaan-perjumpaan yang luar biasa ini:- yang lebih-lebih lagi luar biasanya ialah kerana kuasa undang-undang yang tinggal di Sarawak pada mada itu terletak dalam tangan pihak Pentadbiran Tentera British yang terdahulunya dikuasai oleh Kerajaan Negeri itu sendiri.

Tidaklah diketahui bilakah masanya Pejabat Jajahan Takluk mula-mula sedar bahawa perintah-perintah ini No. 56 dan 63; Majlis Mesyuarat Tinggi (telah ditubuhkan semula dengan sempurnanya)- "bagi mengelakkan salah sangka" telah menyatakan bahawa seperti yang tersebut diatas itu "tidak ada lagi sebarang kuasanya."

Berkenaan dengan pekara mendirikan semula kedua-dua buah Majlis Mesyuarat itu telah difahamkan bahawa Tuan Aikman, yang dilantik menjadi Residen bagi Bahagian Ketiga, dan kerana Jawatannya itu dia berhak juga menjadi Ahli Majlis Mesyuarat Negeri dan telah berada di Australia setelah lepas dari tahanan, telah menulis kepada pejabat Kerajaan Sarawak di London, menentang sebarang langkah meluaskan pengaruh Kerajaan Baginda King dalam hal ehwal negeri Sarawak. Dia telah diperintahkan dengan sepucuk kawat supaya jangan lagi balik ke Sarawak sebelum penghujung bulan Mei (iaitu sehingga selesai Majlis-majlis Mesyuarat itu mengundi diatas cadangan-cadangan penyerahan).

Sebaliknya pula, Tuan Field, seorang Pegawai Kastam Sarawak juga berada di Australia pada masa itu setelah lepas dari tahanan (dia bukanlah seorang Ahli Majlis-majlis Mesyuarat) telah menerima sepucuk kawat memerintahkan dia balik memegang jawatan pada penghujung bulan April.

Sesungguhnya kedua orang pegawai kanan dari Jabatan Tadbir Awam Sarawak sebagaimana telah disebut dahulu, iaitu Corson dan Pollard, (Pollard kerana dia juga menjadi Ahli Majlis Mesyuarat Negeri), keduanya itu diketahui tidak ber-

setuju dengan penyerahan itu, oleh yang demikian keduanya telah dimasukkan oleh Raja kedalam daftar orang-orang yang bersara, walau sekalipun umur keduanya itu belum lagi mencapai kepada umur orang yang patut bersara itu dikira sebagai muslihat untuk menarik perhatian lain-lain Ahli Jabatan Tadbir Awam diMajlis Mesyuarat Negeri itu daripada mengundi membantah kehendak-kehendak Raja dan mempersetujui pihak yang pada kepercayaan mereka menurut kemahuan Rakyat.

Ahli-ahli Majlis Mesyuarat itu yang tinggal diluar daerah telah ditemui oleh Chief Secretary (Ketua Setiausaha) pada waktu mereka itu tiba di Kuching kerana menghadiri Majlis Mesyuarat itu dan telah diberitahu bahawa mereka diharap bersuara mengundi mempersetujukan rang undang-undang itu.

Tatkala tiba di Sarawak, Tuan Muda dan Pengiring-pengiringnya telah cukup faham bahawa sebahagian besar daripada penduduk-penduduk negeri ini menyangka bahawa langkah penyerahan telah sempurna dan langkah itu telah diambil dengan persetujuan penuh dari pihak Tuan Muda dan anak lelakinya.

Penerangan-penerangan dalam bahasa Melayu dan Dayak diatas perisytiharan yang telah dikeluarkan oleh Raja pada 6hb. Februari 1946 telah menzahirkan sangkaan yang demikian itu dan sudah tentu seorang residen telah mempercayai bahawa penyerahan itu telah selsai. Patutlah diingat bahawa perisytiharan ini telah dikeluarkan kemudian daripada Majlis Mesyuarat Negeri yang mengeciwakan itu bersidang, jika lah persidangan itu sah disisi undang-undang maka haruslah terserah kuasa-kuasa penuh kepada Raja bagi menanda tangani surat penyerahan itu.

Encik Philip Jitam dan Encik Edward Jerah, dua orang ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kaum Dayak, telah percaya bahawa Tuan Muda cukup setuju dengan penyerahan itu dan manakala keduanya mendapat tahu daripada Tuan Muda bahawa dia tidak pun diberitahui terlebih dahulu akan hajat hendak menyerahkan Negeri itu maka kedua mereka itupun berubah sikap menjadi pembantah keras kepada cadangan-cadangan itu.

Adalah juga terang bahawa kenyataan Raja yang menyatakan bahawa dia masih berhak menggunakan Istana, tempat kediaman Rasminya itu dan akan selalu datang melawat Sarawak "seperti pada masa yang sudah-sudah" hal ini telah mengelirukan sebilangan besar orang-orang Dayak yang diam diluar bandar, mereka menyangkakan bahawa penyerahan itu tidak ada apa-apa perubahan. Pihak Pejabat Jajahan Takluk telah menyatakan kepada seorang Dayak yang bertanya kepadanya dalam masa dia menghadiri barisan kemenangan di London bahawa umat Sarawak masih ada mempunyai Raja tetapi yang sebenarnya dalam masa umur Sir Charles Vyner Brooke mereka hanyalah akan mempunyai seorang yang bergelar Raja tetapi tiada mempunyai kuasa.

Pandangan Wakil Parlimen Inggeris

Ketika Captain Gammans berada di Sarawak dia telah menulis satu rencana yang disiar dalam Sunday Times, 2hb. Jun, 1946 seperti berikut:- "Rakan ahli Parlimen saya Lt. D.R. Reese Williams dan saya telah diminta pergi ke Sarawak menyiasat sehingga kemana pendirian rakyat Sarawak menyokong penyerahan itu. Kedua-dua kami tahu berbahasa Melayu." "Disana tidaklah ada alat bagi menzahirkan fikiran orang ramai yang diakui sebagaimana yang ada di Great Britain. Penduduk-penduduk Dayak, Melayu, Cina dan beberapa kaum asli yang masih buta huruf, kemajuan-kemajuan mereka terkadang-kadang berlawanan. Hanya yang boleh dikatakan bayang-bayang badan perwakilan, ialah Majlis Mesyuarat Negeri, yang telah ditubuhkan dalam tahun 1941, Majlis itu hanya telah mengadakan satu Mesyuarat saja sebelum negeri itu ditakluk Jepun. Ahli-ahlinya telah dilantik oleh Raja dan Kaum Dayak yang lebih ramai bilangannya itu, tidak seimbang perwakilannya jika dibandingkan dengan orang Melayu.

Kebanyakan wakil-wakil mereka itu yang telah berjumpa dengan kami masih kurang faham atas baik buruknya Perintahan Jajahan Takluk British itu. Kepada mereka pekara itu sangat mudah iaitu duduk dibawah perintah Baginda King yang tidak diketahui mereka, ataupun dibawah perintah Raja mereka sendiri.

Orang yang semata-mata menyokong penyerahan itu kerana muslihat mereka sendiri kebanyakannya ialah Cina, mereka memikirkan bahawa pemerintah British harus akan membawa perniagaan yang lebih banyak, dan haruslah jika ditelek hal yang berlaku baru-baru ini di Malaya, akan berfaedah untuk menghasilkan cita-cita mereka hendak berkuasa dalam bahagian Politik.

Pada pemandangan Tuan Muda, Tuan Pollard, Tuan Comby dan Sir Theordore Adams, bahawa cara-cara menjalankan mesyuarat-mesyuarat tentang mengundi pekara penyerahan itu patut sangat dicela. Chief Secretary, Tuan Archer, yang telah mengetahui mesyuarat itu, telah membuat tiga ucapan dan dengan tenangnya menyerukan kepada tiap-tiap seorang supaya bersuara mengundi memberi sokongan kepada cadangan penyerahan itu, dengan berkata bahawa ialah dengan kemahuan Raja dan jika tidak dengan kerana itu (dimaksudkan wang) maka Sarawak harus "tenggelam", Sarawak telah menjadi papa dan tidak boleh mendapat pinjaman wang. Manakala seseorang telah bertanya adakah telah dicuba hendak meminjam wang maka pihak perbendaharaan telah menjawab bahawa dalam pekara itu dia tidak hendak memberi apa-apa ulasan. Menurut penyiasatan adalah ternyata bahawa kedudukan ekonomi Sarawak agak kuat (Sarawak ada mempunyai wang cagaran sebanyak £2¾ juta.) Dengan yang demikian itu tidaklah susah hendak mendapat pinjaman wang. Tun Archer telah juga berkata bahawa dia telah diberi kuasa oleh

Setiausaha Jajahan Takluk bagi menyatakan bahawa "Adat lama" dan "Undang-undang" tidak akan diubah walau sedikit pun. Huraian tentang percakapan ini tidaklah menepati maknanya sebenar dan haruslah boleh diterangkan sekurang-kurangnya kepada Kaum Dayak, sebarang rupa perubahan harus dipandang mereka sebagai satu perubahan dari "Adat Lama" atau pun "Undang-undang."

Sesungguhnya pekara yang menyenangkan hati tidak dihuraikan kepada ahliahlli itu, mereka semata-mata diminta bersuara mengundi - kebanyakan diantara mereka itu jahil daripada mengetahui hal (yang sebenarnya) melainkan semata-mata kerana hendak menyukakan hati Raja saja. Bahasa-bahasa Inggeris, Melayu dan Dayak telah digunakan. Tuan F.H. Pollard dalam sepucuk suratnya kepada "The Times" (2hb. Julai, 1946) telah menghuraikan demikian:-

"Saya telah hadhir di Persidangan Majlis Mesyuarat Negeri dan berani berkata iaitu dari pandangan yang berbagai-bagai itu, bahawa sungguhpun ucapan-ucapan yang telah dilafazkan itu dalam tiga bahasa, tidak ada satu pun ucapan dalam bahasa Inggeris diterjemahkan kedalam bahasa Dayak -hanya sekadar beberapa ulasan akhir Presiden itu saja - diterjemahkan kedalam bahasa Melayu.

Tidak ada sepatah perkataan pun daripada ucapan yang amat menarik hati yang telah diucapkan oleh Rev. P. Howes yang berdiri memberi ucapan dan membangkang penyerahan itu diterjemahkan kedalam salah satu bahasa itu. Presiden Majlis Mesyuarat itu menyatakan dalam bahasa Inggeris dan Melayu bahawa menurut pendirian wang bolehlah dikatakan negeri itu telah "tenggelam". Tatkala ditanya dalam bahasa Inggeris, adakah telah dibuat apa-apa percubaan hendak mendapat pinjaman, jawaban yang telah diberi oleh pihak Perbendaharaan ialah "Saya tidak ada apa-apa ulasan berkenaan dengan pekara itu. Soal jawab dalam pekara itu satu pun tidak diterjemahkan.

Tidak ada disediakan terjemahan rasmi, sekalipun ucapan-ucapan itu telah dibuat dalam tiga bahasa. Kecuali sangat sedikit diantara orang-orang yang mengetahui ketiga-tiga bahasa yang hadhir dimajlis itu, maka sudah mesti perjalanan persidangan itu tidak difahamkan oleh orang-orang yang lain. Misalnya, tatkala dimajukan satu soalan dalam bahasa Inggeris, adakah seperti telah difahamkan bahawa pihak Kerajaan British pernah menerangkan kepada Kerajaan Sarawak, "tiada penyerahan, tidak pinjaman" soal itu telah tidak diterjemahkan dan tidak pula berjawab.

Rang undang-undang penyerahan itu telah disokong oleh seorang ahli kaum Dayak Tuan Philip Jitam, yang telah disebut tadi, tetapi tatkala dia mengetahui bahawa Tuan Muda tidak diajak berunding dalam pekara cadangan penyerahan itu, dia telah bercakap dengan perasaan yang terharu mencelakan Rang Undang-undang itu dan telahpun berpaling tadah membangkangnya.

Perhubungan diantara rakyat Sarawak dengan Rajanya adalah tersimpul kuat, dan kepercayaan mereka kepadanya sangat kukuh, hingga perasaan mereka itu sentiasa menerima dan menyukai sebarang yang dicadangkan keatas mereka. Dalam hal yang demikian perasaan khuatir kalau-kalau hilang kasih Raja, faedah wang yang telah dikurniakan kepada lima orang ahli-ahli Majlis Mesyuarat serta cara ahli-ahli Mesyuarat itu telah dikelirukan, maka haruslah dijangka boleh menyebabkan kehendak-kehendak Raja diterima dengan sepenuh hati. Masa tidak membenarkan kedua-dua buah Persatuan Melayu dan Dayak yang baru ditubuh untuk menginsafi serta mengerti sebenar-benarnya perkara itu, apalagi hendak mendidik kaum-kaum bumiputera supaya faham akan masalah itu. Tuan Muda telah berpendapat bahawa tidak patut baginya ataupun sebarang ahli dalam kumpulannya itu mengeluarkan apa-apa daayah atau pun melayankan apa-apa pertanyaan yang ditanya kepada mereka. Dalam pada itu dan walau bagaimana keras pun desakan yang ditimpakan keatas mereka itu, namun ahli-ahli Mesyuarat dari kaum-kaum bumiputera itu telah juga dapat melebihi undian menentang cadangan penyerahan itu dengan 12 suara lawan 9.

Amat ketara kebimbangan pihak Pejabat Jajahan Takluk hendak menunjukkan bukti bahawa pihak bumiputera berpuas hati diatas penyerahan itu dengan pengertian "diterima oleh kaum-kaum bumiputera amnya". Suara ramai membantah Penyerahan itu harus diterima sebagai keputusan akhir akan tetapi ahli-ahli kulit putih dari Majlis Mesyuarat itu, kebanyakannya pegawai-pegawai Tadbir Awam yang bergantung kepada Kerajaan Sarawak kerana jawatan-jawatan mereka itu, telah dibenarkan mengundi dan dengan melakukan hal yang demikian itu mereka telah dapat undi lebih dan menolak kehendak-kehendak pihak bumiputera. Keputusannya setelah disertai oleh suara mereka itu telah didapati lebih tiga suara menyokong penyerahan itu. Bagi pihak Pejabat Jajahan Takluk perkara ini memadailah sekurang-kurangnya sebagai dalih bagi mengesahkan surat perjanjian penyerahan itu.

Selain daripada itu, siaran-siaran yang telah dihebahkan berhubung dengan perkara bertukar tangan itu semakin menyedarkan pihak bumiputera bahawa Kerajaan Raja Brooke telah luput. Sesungguhnya Bumiputera Sarawak tidak berapa biasa dengan cara-cara orang barat iaitu dengan mengadakan barisan-barisan dan perhimpunan-perhimpunan tunjuk perasaan bagi menzahirkan kepada orang ramai perasaan mereka itu, tetapi tidak syak lagi perasaan yang demikian itu ada pada mereka. Walauapa sekalipun halnya berlaku pada akhirnya bertukar tangan ini, apabila Great Britain telah menarik setengah juta rakyat-rakyat kebawah bendera British, maka tidak syak lagi bahawa sebahagian besar daripada orang yang berjumlah setengah juta itu akan membantah keras atas kehilangan Kerajaan mereka yang beraja itu. Demikian juga diatas cara yang telah membawa kepada kehilangan itu.



Waris-Waris Tahta Keturunan Brooke

Betram Brooke, Tuan Muda Sarawak anak kepada Sir Charles Johnson Brooke Raja yang kedua, adalah waris tahta Brooke di Sarawak tetapi Sir Charles Vyner Brooke (Raja Ketiga) yang menyerah Negeri Sarawak kepada Mahkota British.



Raja Muda Sarawak Anthony Brooke

Yang sepatutnya mewaris Tahta Kerajaan Brooke di Sarawak. Beliau telah berjuang berganding bahu bersama PKMS.

PETUALANG PENYERAHAN SARAWAK



Gerald MacBryan
Pertualang Penyerahan Sarawak

Setiausaha Sulit kepada Raja Charles Vyner Brooke adalah orang yang bertanggung jawab membujuk Datuk-datuk Melayu dengan tipu helahnya supaya bersetuju kepada cadangan menyerah Negeri Sarawak kepada Kerajaan Inggeris. Beliau pernah dipenjara di Singapura.

Gerald MacBryan telah memeluki Agama Islam dan berkahwin dengan gadis Melayu, Hajjah Saerah. Beliau pernah menunai ibadat Haji di Mekkah.

Dengan caranya yang begitu lincah beliau telah mendapat kepercayaan yang penuh dari Raja Charles Vyner Brooke.

MacBryan sendiri telah mencuba membujuk Raja untuk berkahwin dengan Leonora anak kepada Raja Charles Vyner Brooke, dengan cita-cita bahawa dengan perkahwinan itu beliau sendiri boleh menaiki tahta Kerajaan Brooke di Sarawak. Ranee Sarawak tidak sekali-kali bersetuju atas rancangan itu. Akhirnya cita-citanya terkandas. Raja Vyner Brooke tidak mempunyai waris lelaki, oleh yang demikian waris kepada tahta Kerajaan Brooke ialah Tuan Muda, Betram Brooke dan Raja Muda, Anthony Brooke.

Menurut kata bidalan ; "Biar puteh tulang jangan puteh mata," maka Vyner Brooke menyarah Sarawak kepada Kerajaan Inggeris. Hajjah Saerah pula, sebagai isteri MacBryan, beliau memain peranan penting jua mengumpul maklumat untuk suaminya melawan pergerakan Anti-Cession.



Hajjah Sa'erah isteri kepada
Gerald MacBryan

Bahagian V
Pengesahan Penyerahan Sarawak Kepada Inggeris

Pengesahan Penyerahan Sarawak Kepada Inggeris

Setelah kita mengkaji kembali hal ehwal cita-cita Inggeris atau penyerahan Sarawak yang sebenarnya, dapatlah kita suatu gambaran yang jelas bagaimana hakikat yang tersembunyi disanubari Charles Vyner Brooke pula yang menyebabkan mengapa dia tergamak menghapus Pemerintahan Brooke yang dipusakainya itu. Nyatalah bahawa oleh kerana dia tidak mempunyai putra untuk mewarisi tahta Kerajaan Sarawak maka dia sanggup membuat seribu daya dan helah untuk menyingkirkan waris-waris yang diwasiatkan oleh James Brooke dan ayahnya serta mungkir dari perjanjian angkat sumpahnya diwaktu hendak menaiki tahta dahulu.

Penyerahan Sarawak dilakukan secara haram dengan tidak berunding terlebih dahulu dengan Tuan Muda (Betram Brooke) dan Raja Muda (Anthony Brooke). Kedua, tidak juga diterang secara jelas kepada para pemimpin dan rakyat bumiputera Sarawak. Ketiga, mengadakan pertukaran perlembagaan mengikut kehendak-kehendak demi untuk kepentingannya sendiri. Keempat mengesahkan rancangan penyerahan itu dengan menggunakan pegawai-pegawai kulit putihnya sendiri untuk mengundi bagi merestui penyerahan Sarawak kepada British.

MacBrayn Petualang "Cession", Siapa Dia MacBrayn Itu?

Disebalik tabir rancangan penyerahan Sarawak itu, petualang yang memegang peranan penting itu ialah Gerard T. MacBrayn, bekas Setiausaha Sulit kepada Charles Vyner Brooke dalam tahun 1941. MacBrayn telah bersama Raja menuju ke Brisbane, Australia, setelah Pearl Harbour diserang Jepun, mereka melarikan diri meninggalkan rakyatnya untuk mencari perlindungan.

Vyner Brooke telah mempunyai suatu rancangan khas untuk dilakukan oleh MacBrayn dan dilantiknya MacBrayn sebagai wakil pribadinya dalam rancangan sulit itu. Apakala mereka sampai ke Surabaya pada 25hb. Disember, 1941, Kuching telah jatuh ketangan Jepun. Perhubungan dari luar sudah terputus. Mereka terus pergi ke Bandung. Raja telah memberi arahan agar MacBrayn pergi ke Kalimantan Watasan Belanda bersama-sama Colonel Gortman, seorang pakar dalam hal peperangan gerila untuk membantu pelarian British dari Sarawak yang berada di kawasan itu mengadakan satu angkatan gerila menentang Jepun.

MacBrayn tiba di Pontianak pada 31hb Disember tahun 1941. Dia telah dapat berjumpa dengan orang-orang pelarian terdiri dari pegawai-pegawai kulit putih disana dan setelah tujuan itu dikemukakan kepada pihak pelarian, mereka tidak bersetuju dengan syor untuk mengambil tenaga orang Iban untuk menubuhkan gerila itu. Malah orang-orang Iban sendiri telah mengetahui bahawa kedudukan tentera Jepun disitu adalah kuat dan mereka tidak rela mengkorbankan nyawa mereka melawan tentera Jepun. Kedatangan MacBrayn disana telah menimbulkan bantahan, apakala diketahui tujuannya itu oleh Penyimpan Wang Negeri Sarawak, B.A. Trechman, bahawa MacBrayn cuba untuk mengambil wang tabung simpanan Sarawak yang telah dibawa lari dari Kuching dan disimpan dalam bank di Pontianak.

MacBrayn tidak berganjak dalam pekara ini, dia meneruskan tugasnya bersama Gortman di Sanggau Lidau, dekat sebuah landasan kapalterbang terletak disempadan dengan Bahagian Pertama, Sarawak. Disana dia berjumpa dengan saki baki tentera Punjab yang dipimpin oleh Colonel C.M. Lane dan bilangan kecil pegawai-pegawai Inggeris dari Sarawak. Colonel Lane yang nampaknya telah mengetahui siapa dia MacBrayn dari penerangan pegawai-pegawai yang datang dari Sarawak di Pontianak pada masa itu, tidak membenarkan MacBrayn melintasi batas kawalannya biar apa pun terjadi. Lane telah mengadakan satu laporan mengenai kegiatan MacBrayn dan telah memberitahu pihak Belanda bahawa MacBrayn yang telah dicurigai sebagai pengintip rahsia hendak masuk ke Sarawak untuk bekerjasama dengan Jepun. Pekara ini dilaporkan kepada kerajaan Singapura dan kemudian MacBrayn ditangkap atas arahan Sir Shenton Thomas dan dikirim balik ke Batavia (Jakarta) dibawah kawalan ketat tentera. Sungguhpun pada masa itu Raja masih lagi berada diibukota itu MacBrayn tidak dibenarkan menghubungi Raja. Setelah disoal beberapa hari, namun rahsia tidak juga terbongkar dan keputusannya dia dihantar ke Singapura untuk disiasat oleh Pemerintah British disana.

MacBrayn di penjara

MacBrayn telah ditahan di Penjara Changi, tetapi apakala Sir Roland Braddell, peguam yang terkenal di Singapura, yang pernah mewakili Raja, melawat Changi untuk menemuduga seorang pelanggannya (seorang banduan), beliau sempat bertemu MacBrayn dan sanggup membawa masaalah MacBrayn kepada Sir Shenton Thomas. Braddell merayu kepada Govenor Singapura agar memberi bukti-bukti yang sah terhadap penangkapan MacBrayn atau dia harus dikeluarkan dari tahanan. Beberapa hari kemudian MacBrayn telah dikeluarkan dan dipindah dengan pelarian-pelarian lain dengan kapal menuju ke Perth Australia.

Kerajaan Sarawak telah membuka sebuah pejabat di Sydney diketuai oleh Pitt Hardarce dalam bulan October 1941, iaitu sebelum Jepun menakluki Sarawak. Ini ialah satu persedian bagi menghadapi masaalah apakala segala perhubungan

dengan Sarawak telah terputus disebab peperangan. Disitulah tempat yang sesuai bagi menempat kerajaan buangan dan ahli-ahlinya berkumpul semula. Pada masa itu Wang Simpanan Sarawak berjumlah £300,000 telahpun disimpan disana. Perlantikan empat orang lagi pegawai-pegawai kanan Sarawak disana, berarti cukuplah bilangan (Quorum) untuk mengadakan suatu Mesyuarat Majlis Tertinggi - sebagaimana yang dikehendaki oleh syarat-syarat dalam Perlembagaan 1941 itu. Pegawai-pegawai yang berempat itu ialah B.A. Trechman, T. Corson, C.E. Gascoign, dan F.H. Pollard. Tindakan selanjutnya ialah untuk mendapat kebenaran mengada mesyuarat ini dari Kerajaan Australia dan Pejabat Tanah Jajahan Takluk saja.

Penubuhan Majlis Mesyuarat Tertinggi ini amat penting bagi Raja, sebab menurut Perlembagaan 1941, dia dikehendaki mendapat kebenaran dari Majlis itu untuk mengeluarkan wang simpanan Negeri. Betram Brooke (Tuan Muda) telah membantah dengan kerasnya rancangan itu dan mendesak supaya Raja balik ke England. Lebih-lebih lagi mereka takut Raja dipengaruhi oleh MacBrayn.

MacBrayn sebagaimana yang telah diterangkan dahulu memainkan peranan penting dalam kisah Penyerahan Negeri Sarawak kepada British. Dia bukan saja merunsingkan pemimpin-pemimpin Melayu, Rakyat Sarawak dan keluarga Brooke terutama waris-waris Brooke yang sah dan berhak itu, malah merunsingkan Gabenor Singapura, Gabenor Malayan Union, Kerajaan Australia, Pejabat Tanah Jajahan Takluk dan lain-lain pihak yang berkaitan dengan masaalah Sarawak. Dalam akhir bulan Januari 1942 Corson telah menulis surat kepada Menteri Hal ehwal luar British Dr. H.V. Evatt bertanya, sama ada beliau bersetuju Raja mengadakan mesyuarat Majlis Tertinggi di Australia. Dia memberi jaminan bahawa ini tidak akan menjejaskan perhubungan biasa menerusi wakil British di Singapura tetap berjalan seperti biasa.

Nampaknya Kerajaan Australia menyatakan tidak ada halangan bagi membenarkan persidangan itu diadakan asalkan Kerajaan British bersetuju, tetapi pihak Pejabat Jajahan Takluk telah mengkaji cadangan itu, begitu juga tentang lantikan Pitt Hardacre sebagai wakil Kerajaan Sarawak dikawasan Hindia Belanda Timur untuk tujuan perhubungan dengan ibu pejabat Pemerintah Bersekutu.

Sir Ronald Cross telah diperintah bertanya kepada Raja berkenaan dengan butir-butir lanjut cadangan ini dan dia telah menegaskan bahawa dibawah perjanjian 1888, Kerajaan British hendaklah dibawa berunding dalam sebarang cadangan bagi menubuh Kerajaan berperlembagaan diluar Wilayah Sarawak. C.E.J. Gent, atau lebih terkenal dengan nama Edward Gent, bekas Gabenor Malayan Union dan waktu itu menjawat sebagai Ketua Jabatan Hal-ehwal Timur, dan rakan-rakannya percaya bahawa adalah amat bahaya membenarkan Raja mentadbir Sarawak dengan bebasnya di Australia.

Peranan MacBrayn di Sarawak adalah sama dengan peranan Mac Micheal (Sir Harold MacMicheal) di Malaya yang memujuk Raja-raja Melayu dalam tahun 1945 untuk menubuh Malayan Union. Tetapi apa yang dahsyatnya peranan MacBrayn ini adalah menggunakan tipu helah licin hingga terserahnya Sarawak.

Setelah MacBrayn balik dari Sarawak dengan membawa tanda-tanda tangan Datuk-datuk, dia telah menghantarkan laporan kepada Raja yang berbunyi demikian:- "Persetujuan telah dicapai sebulat suara dan tercapailah pula impian Duli Yang Mulia dengan sepenuhnya". Dan Corry, rakan sama rombongan MacBrayn itu, telah menghantar laporan kepada Pejabat Jajahan Takluk bahawa rombongan itu "berjaya diselesaikan".

Selain daripada membahagikan wang kepada datuk-datuk, Raja telah pun memberi saguhati kesengsaraan perang sebanyak $42,500 kepada Datuk Pahlawan dan $42,500 kepada Baba Ong Tiang Swee untuk dibahagi kepada orang Melayu dan Cina. Wang itu telah dibahagikan kepada kedua golongan masyarakat tersebut oleh Ketua-ketua yang disebut diatas ini.

Penulis sendiri pada masa itu masih lagi dibangku sekolah telah dapat bahagian $1.00 dari wang tersebut.

Raja Balik Ke Sarawak

Setelah semua rancangan hendak menyerah Sarawak itu selesai, walaupun Raja memang berhajat tidak akan balik ke Sarawak pada mulanya, akhirnya terpaksa juga balik bagi menyelesai beberapa masaalah, tetapi MacBrayn tidak bersama.

Setibanya Raja ke Singapura pada 13hb. April 1946 Raja telah membuat perundingan terakhir dengan Lord Mountbatten untuk mengembalikan Kerajaan Awam. Raja juga telah membuat keterangan rasmi dalam persidangan akhbar untuk menafikan salah pengertian tentang tujuannya menyerah Sarawak, terutama dia telah dituduh menjual Sarawak dengan harga £1,000,000,00. Ketibaan Rombongan Raja di Kuching adalah satu detik sejarah yang mengandungi kenangan manis. Disepanjang tebing Sungai Sarawak beribu orang berbaris dengan bendera yang panjang dan kecil, dihadapan Istana telah sedia satu barisan kehormatan terdiri dari tentera Punjabi dan tentera laut British.

Keesokan harinya, disebelah pagi Raja menghadiri mesyuarat Majlis Tertinggi Negeri dimana beliau telah mengistiharkan perjanjiannya dengan Lord Mountbatten. Raja kemudiannya telah membaca pengistiharannya sendiri berkenaan kembalinya Kerajaan Awam dan Datuk Patinggi Abang Haji Abdillah telah menghadiahkan kepadanya dengan pedang Kerajaan Negeri melambangkan kembalinya Pemerintahan Brooke. Raja tidak menyentuh soal masa depan Sarawak dalam pertemuannya dengan ahli-ahli Mesyuarat Majlis 1941 yang masih hidup itu. Walau bagaimana pun, Datuk Patinggi telah menyampai kepada Raja, surat bantahan beliau terhadap penyerahan Sarawak bersama dengan satu memorandam Mac 12 dari Persatuan Kebangsaan

Melayu Sarawak dan ketua-ketua Kampung Melayu kepada Raja, sekiranya dia sendiri tidak dapat menyambung memerintah kerajaan, dia sepatutnya menyerahkan tugas itu kepada Tuan Muda (Anthony Brooke). Apakala Datuk Patinggi telah menyatakan bahawa dia akan mengistiharkan niatnya untuk membongkar butir-butir selanjutnya tentang wang "SUAP" kepada Rombongan Parliamen British, Raja telah menyifatkan wang itu sebagai elaun datuk-datuk semenjak pecah perang dunia kedua. "Kami belum lagi sempat berpeluang menerangkan kedudukan sebenarnya kepada ketua-ketua, yang sedang berada dalam keadaan kebimbangan kerana itu mereka berfikir bahawa wang itu soggokan.

Pada sebelah petangnya Raja telah mengadakan lawatan di bandar Kuching. Ini adalah peluang pertama baginya melihat sendiri bagaimana reaksi kepada cadangan penyerahan, sambutan orang ramai adalah amat meriah sekali, anak-anak sekolah berbaris disepanjang jalan, nyanyian lagu kebesaran dinyanyikan, pintu gerbang bendera-bendera Sarawak dan China dan beras kuning telah ditaburkan diatas kenderaan Raja itu. Raja dan Ranee telah diberi sambutan yang mesra dan meriah sekali dengan senyuman dari orang-orang yang berpakaian warna-warni dan kacak berseri.

Tetapi dikawasan Kampung Melayu seluruhnya dihiasi dengan poster-poster, sepanduk-sepanduk yang membantah penyerahan Sarawak dan merayu agar pemerintahan Brooke disambung semula. Ranee amatlah marah serta mengarah supaya kenderaan itu diberhentikan dan ia berteriak dengan nyaringnya "What?, No Cession?" (Apa?, Tiada Penyerahan?)

Raja telah mengadakan Mesyuarat Majlis Tertinggi pada 24hb. April 1946, dia telah melantik pengganti bagi ahli-ahli yang sudah meninggal dunia dan membuat perubahan pula kepada rang undang-undang bagi memperkuatkan perlembagaan, dan ahli-ahli yang baru itu dilantik dengan Kuasa Raja dalam Majlis Tertinggi.

Dalam mesyuarat itu juga Raja telah memberi keterangan buat pertama kalinya berkenaan dengan masaalah penyerahan kepada rakyat Sarawak, semenjak keterangan pertama pada 6 Februari itu. Dia telah memberi jaminan bahawa adat lama tidak dibuang dan dasar Perlembagaan 1941 akan dipatuhi, dia menegaskan bahawa dia tidak meninggalkan Sarawak dan akan mengadakan lawatan biasa diluar bandar. Kerajaan British, katanya adalah akan membawa kemajuan yang besar dan Kerajaan yang stabil. kalau tidak sebaliknya tentulah akan terjadi huru-hara dan tidak berketentuan bagi Sarawak. Beliau tidak percaya bahawa Anthony Brooke akan menjadi Raja yang baik. Saya telah memberinya tiga kali peluang untuk dia membuktikan kebolehannya tetapi dia gagal. Waris saya ialah "King". Tuan Archer telah memangku Jawatan Ketua Setiausaha Kerajaan pada masa itu hingga masaalah penyerahan telah selesai, sungguhpun Tuan Dawsom, sebenarnya orang yang telah memikul banyak tanggungjawab.

Raja dan Ranee telah juga melawat Sibu pada 26hb. April, dan Simanggang pada 1hb. May 1946.

Lawatan Pemerhati Dari Parliamen British

Untuk membuat penyelidikan secara dekat lagi Pejabat Jajahan Takluk telah mengirim dua orang perwakilan untuk mendengar laporan-laporan dan reaksi rakyat Sarawak. Mereka itu terdiri dari D.R. Rees - Williams M.P. dan L.D. Gammans M.P.

D.R. Rees - Williams telah sampai ke Singapura pada 28hb. April 1946 diiringi oleh setiausaha kepada Rombongan itu E.C.G Barrett. Cpt. L.D Gammans sampai pada 2hb. Mei 1946 dan keduanya itu sampai dengan kapalterbang ke Kuching, serta ditempatkan disebuah kapal H.M.S Pickle, sebuah kapal perang penyapu periuk api British yang disediakan oleh Lord Mountbatten untuk mereka tinggal semasa menjalani tugas di Kuching. L.D. Gammans telah dikenali sebagai seorang ahli Parlimen British yang menentang rancangan Malayan Union dengan lantangnya. Dawson merasa curiga bahawa Gammans akan mendesak masaalah penyerahan akan dibawa kepersidangan Parlimen British akan meluluskannya. Begitu juga pendapat Rees Williams.

Rombongan itu telah berjumpa dengan Datuk Patinggi Abang Haji Abdillah dirumahnya. Kedatangan mereka telah disambut oleh beratus-ratus pemuda Melayu dengan sepanduk-sepanduk dalam bahasa Inggeris berbunyi "No Cession" dan "We Want Brooke Rule" dan bermacam-macam bantahan. Apakala kenderaan rombongan itu masuk dalam pekarangan rumah "Darul Kurnia" penunjuk perasaan itu telah bertariak sekuat hati perkataan "No Cession". Surat bantahan anti-cession telah dibaca dihadapan rombongan itu oleh setiausaha kepada Datuk Patinggi.

Persatuan Kebangsaan Melayu telah mengirim tiga orang wakil dalam perjumpaan itu, iaitu Al-Ustaz Sharkawi Haji Othman, Encik Mohamad Maamon Nor dan Encik Edham bin Bojeng. Mereka telah menghantar surat bantahan Penyerahan dengan rasminya ditandatangani oleh Abang Haji Zainie bin Datuk Bentara Haji Hashim, Yang Dipertua Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak. Mereka telah menegaskan bahawa 99 peratus orang Melayu Sarawak berkehendakkan Kemerdekaan. Mereka tidak rela suara masyarakat Melayu akan lenyap kalau Sarawak masuk menjadi sebahagian dari Kerajaan Koloni dalam Empire British. Selain dari itu Sarawak akan dibanjiri oleh pendatang-pendatang dan Kebudayaan Melayu akan hapus. Mereka telah menyatakan bahawa hanya 2 orang ahli Majlis Mesyuarat Negeri itu yang menyokong penyerahan ialah Datuk Abang Haji Mustapha dan Abang Haji Abdul Rahim Abang Haji Moasili.

Menyentuh tentang lawatan MacBrayn, mereka menjelaskan perkara yang sebenarnya, iaitu surat mengenai penyerahan adalah dalam bahasa Inggeris dan tidak diterangkan maksudnya dengan jelas atau diterjemah. Datuk Patinggi

telah menanda tangani surat itu ialah kerana memikirkan surat itu hanya untuk merayu agar Raja balik ke Sarawak. Apabila tandatangan telah diturunkan, MacBrayn telah menyerah wang $12,000 dan hanya sebulan kemudian baharulah Datuk Patinggi sedar dan mengetahui bahawa dia telah memberi persetujuan kepada penyerahan itu. Wakil-wakil Persatuan Kebangsaan Melayu telah menjelaskan pendapat mereka bahawa Datuk Patinggi adalah lebih utama dari siapa jua dalam Majlis Mesyuarat Negeri ataupun Majlis Tertinggi kerana keturunannya sendiri adalah pemerintah Sarawak. Sekiranya Raja tidak mahu memerintah, dia patutlah menyerah kepada adiknya sehingga suatu masa Anthony Brooke bolehlah diangkat jadi Raja. Persatuan Kebangsaan Melayu mengakui Datuk Patinggi adalah pemimpin utama mereka dalam perjuangan menentang penyerahan. Sebagai ketua orang-orang Melayu adalah menjadi kewajibannya mempertahankan hak Melayu umumnya dan pihak perabangan khasnya.

Pada petang itu perjumpaan umum telah diadakan dengan rombongan ahli Parliamen itu, suatu peluang bagi beberapa perwakilan rakyat menyampai hasrat mereka mengenai cadangan penyerahan itu. Sekali lagi, pemimpin yang mula-mula membangkang ialah Datuk Patinggi Abang Haji Abdillah dalam satu ucapannya yang disampai oleh setiausahanya, dan Abang Haji Zainie bin Datuk Bentara Haji Hashim, dan Encik Mohamad Maamoon Nor telah berucap sebagai wakil utama Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak. Yang memberi sokongan sepenuhnya kepada penyerahan ialah Abang Haji Mustapha, Datu Amar, Hong Guan Lin dan Ong Kwan Hin (mewakili bapanya, Ong Tiang Swee) mereka menyarankan bahawa wang hasil negeri tidak mencukupi untuk ongkos pembangunan dan pembinaan semula. Hasil pendapatan Negeri pada masa yang lepas adalah datangnya dari cukai candu, arak dan perjudian, cukai getah, lada, lemanta, kelapa kering dan hasil hutan, cukai minyak dan mas. Ong Kwan Hin mengesyorkan adalah perlu cukai candu dan perjudian dihapuskan, sementara getah, lemanta dan kelapa kering mendatangkan pendapatan hasil kewangan yang lumayan. Malahan pula perusahaan minyak dan mas telah rosak diwaktu peperangan, ia akan mengambil masa untuk dibuka semula. Sarawak bukan negeri yang bangkrap katanya, tetapi hanya Britain boleh mengadakan modal yang dikehendaki untuk pemulihan semula dan kemajuan. Mewakili persatuan Hua Khow Tsui Nien, Lim Kong Ngan telah berminat dalam soal-soal politik. Dia menyifarkan Brooke sebagai autokratik dan pemerintah lapuk serta ketinggalan zaman. ia mengeritikkan Brooke menumpukan kepada Kuasa Ketuanan, perlembagaan dan kuasa undang-undang berada didalam tangan seorang pemerintah saja. Kebudayaan, pelajaran, perkembangan ekonomi dan pengangkutan adalah dalam keadaan mundur. Dia menyokong penyerahan kalaulah dia bererti mendatangnya kemajuan dan perubahan, dia telah menegur Kerajaan British kerana belum lagi menjelaskan polisi mereka. Adakah Sarawak akan jadi koloni atau sebagai satu bahagian dari Malayan Union?

Dua wakil masyarakat Iban telah berucap, Philip Jitam dan Rev. Basil

Temenggong telah menyatakan sokongan mereka tidak berbelah bagi untuk penyerahan, mereka mendesak agar Sembilan Dasar Utama dari Perlembagaan 1941 dipegang teguh dan adat lama bumiputera dihormati. Padri Temenggong telah pernah bertempur dalam peperangan di India adalah seorang Iban yang mendapat pelajaran yang baik. Dia menyatakan bahawa Iban belum lagi bersedia menerima perubahan yang mengejut dan mereka amat takut menghadapi cabaran, tindasan dan exsploitasi. Dia juga meminta agar British memberi penerangan yang jelas tentang dasar-dasar mereka di Sarawak. Hanya seorang saja orang Eropah yang berucap ialah Monsignor Hoptgartner yang menyatakan Cina dan Iban akan menerima penyerahan asalkan saja jangan menyerahkan kasih kepada satu kaum saja dan Sarawak diperintah sebagai sebuah koloni yang berasingan. Kalau tidak katanya kepentingan mereka akan diabaikan.

Masyarakat Nasrani tidak diwakil pada petang itu, tetapi Edwin Howell kemudian memberitahu kedua ahli Parliamen itu secara bersendirian bahawa Raja, Tuan Muda dan Anthony Brooke adalah tidak terdaya bagi memenuhi syarat sebagai pentadbir sepenuhnya dan penyerahan sajalah yang menjadi penyelesaian untuk Sarawak. D.M. Deen wakil dari Liga Seluruh Kaum India Muslim juga menyokong penyerahan, "Kepentingan kami terletak dalam dasar pemerintahan" Katanya dalam keadaan yang sukar difaham maksudnya "dan kami menerima apa yang baik untuk masa depan".

Mengulung apa yang terdapat dalam perjumpaan itu Dawson - menulis dalam buku hariannya, amat gembira sekali, bahawa orang Melayu berpecah belah, tetapi Cina dan perniaga-perniaga India menyukung penyerahan; pemuda-pemuda Cina bersetuju kalau ia membawa satu pemerintahan yang progresif; Iban bersetuju asalkan Sembilan Dasar dihormati. Sebenar jemputan untuk perjumpaan itu hanya dikeluarkan pada pagi hari itu juga, yang hadhir itu hanya orang dijemput saja. Bilangan kehadiran ialah kira-kira 75 orang saja, kalau ditimbang ini adalah jumlah kecil saja dari yang sepatutnya, sekiranya jemputan itu dikeluarkan lebih banyak dan lebih awal dan ia akan merupakan satu perjumpaan yang sempurna.

Rombongan ahli-ahli Parliamen itu dengan diiring oleh Barret dan Dawson telah pergi ke Miri, Limbang, Lawas, Bintulu, Sibu, Sarikei dan Lingga. Mereka itu ingin mendengar pendapat-pendapat yang berbagai rupa dimana saja secara mengejut dan tidak memberi masa untuk orang datang keperjumpaan yang diadakan itu, dan oleh kerana sukarnya perhubungan seperti jalanraya dan kenderaan maka orang-orang yang diam dipendalaman diulu-ulu sungai tidaklah dapat hadir menyampai hasrat dan pendapat mereka, hanya kaum Melayu dan Cina dalam bandar saja yang dapat diwakili.

Dalam perjumpaan-perjumpaan itu terdapatlah bantahan kepada penyerahan itu tetapi di Bintulu adalah sungguh ketara dan menarik sekali. Di Bintulu dimana Anthony Brooke pernah berkhidmat dimasa belum perang, adalah patut diambil kira. H. Buxton, pegawai Eurasian yang bekerja menjadi Penyelia

pembinaan lapangan kapalterbang disana, telah bekerja keras menyusunkan perpaduan orang-orang Melayu dan Melanau sebagai satu benteng membantah penyerahan. Bantahan yang sebulat suara itu amat menarik perhatian rombongan Parliamen British itu. Dawson merasa tidak senang dan curiga mengenai hal ini. Dia terasa bahawa Residen Miri, John Gilbert, siapa yang dikenali sebagai seorang pembantah telah mencuba untuk membawa keadaan perjumpaan itu berat kearah sebelah, membantah penyerahan. Perjumpaan di Miri dan Limbang tidaklah mengubah pendapat seperti apa yang telah didapat di Kuching. Perjumpaan di Bintulu telah mengeluarkan pendapat Melayu/Melanau, Iban dan Cina yang amat menarik. Perjumpaan di Sibu pula amat menyenangkan hati Dawson, kerana Temenggong Koh, yang mewakili 13 orang penghulu itu telah mengaku beliau juga mewakili pegawai kerajaan dari keturunan Iban dan juga seluruh Kaum Iban dalam Bahagian Ketiga menyokong penyerahan. Satu yang diragui oleh mereka ialah berkenaan dengan adat lama patut tidak boleh ditukar-tukar.

Keseluruhannya pendapat-pendapat yang telah disampaikan di beberapa perjumpaan Ahli-ahli Parliamen British dengan 'wakil-wakil' yang diberi kesempatan meluahkan perasaan mereka ini adalah disusun dalam enam Katogeri dibawah ini.

(1) Perniaga-perniaga Cina serta mereka yang berjiwa politik menyokong penyerahan disebab mereka berharapkan banyak peluang perniagaan dan menguatkan kedudukan politik serta perwakilan bagi kaum mereka.

(2) Orang Melayu dan Iban yang terpelajar yang mana memberi sokongan mereka kepada penyerahan disebabkan mereka mengharapkan banyak peluang untuk meluaskan pelajaran dan pekerjaan dari masa pemerintahan Brooke.

(3) Orang-orang Iban dan Melayu yang bersetuju kepada penyerahan disebabkan ketaatan mereka kepada Raja boleh mengatasi rasa kecurigaan mereka yang begitu tebal mengenai tujuan yang sebenarnya penyerahan itu.

(4) Orang Iban dan Melayu yang taat kepada Raja, mereka telah mendapat nikmat kesenangan dan 'upahan' dari Raja atas ketaatan mereka itu terpaksa sanggup mengikut kata Raja.

(5) Orang Iban dan Melayu dari golongan Perabangan yang mempunyai kepentingan yang terletak kepada Raja memanglah suka mengabadikan pemerintahan Brooke.

(6) Orang Melayu kebanyakan (Rakyat biasa) memandang jauh bahawa dengan adanya lanjutan pemerintahan Brooke itu adalah satu jalan untuk menuntut pemerintahan sendiri dan kemerdekaan yang sebenarnya untuk Sarawak dalam jangka masa yang akan datang.

Kedua kategori yang akhir itu, merupakan golongan orang-orang Melayu bersama-sama dengan segolongan kecil kaum terpelajar Iban di Kuching yang telah rapat perhubungan mereka itu telah menubuhkan asas pergerakan "anti-cession" - pembangkang penyerahan yang berkembang beberapa bulan setelah lawatan rombongan ahli-ahli Parliamen itu.

Menurut Gammans, Vyner Brooke apakala perjumpaan menyiasat fikiran rakyat itu selesai, beliau telah mendesakkan supaya Persidangan Majlis Mesyuarat Negeri itu diadakan pada 15hb. Mei kerana dia ingin pulang ke England lebih awal untuk menyaksi perlumbaan kuda yang terkenal "Derby" disana. Tuan Muda menyifatkan perbuatan ini sebagai "Tidak berotak" dan sudah "Nyanyok" dan terlalu tua untuk memerintah walaupun dia masih lagi sihat.

Garmmans dan Rees William balik ke England membawa berbagai-bagai pandangan terdapat di Sarawak dan melapurkannya kepada Pejabat Jajahan Takluk. Gammans berpendapat bahawa sebahagian dari pegawai-pegawai kanan Kerajaan Brooke bertingkah laku yang tidak memuaskan, begitu juga keluarga Brooke sendiri, kalau ditimbang sama berat dengan pandangannya terhadap fikiran bumiputera dalam membuat keputusan dalam penyerahan itu.

Lawatan Tuan Muda

Pada 8 Mei, seminggu sebelum Majlis Mesyuarat Negeri bersidang Tuan Muda Betram Brooke sampai ke Kuching ditemani oleh C.D. Adams, bekas Residen Bahagian Keempat, Pollard dan Combe. Mereka ditempatkan di "Residency". (Rumah kediaman Residen Bahagian Pertama). Dia telah melawat rumah Baba Ong Tiang Swee dimana dia dapat mendengar cerita lawatan MacBrayn.

Datuk Patinggi dan ahli-ahli Jawatankuasa Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak telah segera datang mengadakan kunjungan hormat, begitu juga kebanyakan dari pegawai Eropah sebelum perang dan Pegawai Bumiputera, seluruh perbincangan pada masa itu tidak lain dari soal penyerahan saja.

Apakala dijelaskan bahawa Betram Brooke tidak pernah bersetuju keatas penyerahan itu dan dia tidak pernah dibawa berunding oleh Raja, maka timbullah pertukaran fikiran dan sikap dikalangan kebanyakan orang. Philip Jitam yang pada mulanya menyokong penyerahan dalam perjumpaan 3 Mei dan telah diatur untuk menyokong cadangan itu dalam Majlis Mesyuarat Negeri yang akan dicadangkan oleh Datuk Pahlawan itu, nampak telah dibantah oleh adiknya, Robert Jitam. Betram Brooke pula tidak diberitahu dengan rasmi berkenaan dengan itu, kecuali pada hari mesyuarat diadakan. Betram mungkin dapat menahankan penyerahan itu, jikalau dia berkempen secara benar-benar membantahnya, tetapi dia tidak berbuat demikian. Dia hanya berutus dengan Raja saja dan membantah bahawa MacBrayn lah yang mengelirukan datuk-datuk dan Ong Tiang Swee agar bersikap menyokong penyerahan dan kebanyakan

orang tidak faham apa maksud penyerahan itu.

Dawson berhasrat tidak mahu hendak membenarkan Tuan Muda berucap dipersidangan itu, takut terjadinya "pertikaman lidah" antara Raja dan adiknya, dan khuatir ucapan Betram akan mengubah sokongan ahli-ahli dalam persidangan itu. Walau bagaimana pun Betram tidaklah boleh diketepikan sama sekali, akhirnya ia dijemput untuk berucap dan ditempatkan disebelah Yang Di-pertua Majlis.

Dasar British Diisytiharkan

Satu perkembangan baru telah berlaku ialah datangnya keterangan rasmi dasar Kerajaan British mengenai Sarawak, jikalau penyerahan itu dilulus oleh Majlis Mesyuarat Negeri. Keterangan itu telah disiarkan dalam akhbar pada pagi persidangan itu mula membuat bacaan pertama bagi Rang Undang-undang Penyerahan itu, keterangan itu sengaja dibuat kurang jelas dan samar-samar dan tidak terlalu terikat.

Sarawak tidaklah akan masuk dalam Malayan Union tetapi pentakbirannya adakah sebagai sebuah koloni - tanah Jajahan sejajar dengan lain-lain tanah Jajahan dalam empayar British dan umumnya sejajar pula dengan kemahuan Sembilan Dasar Utama Pemerintah Brooke.

Perlembagaan akan diubah untuk membenarkan pindaan-pindaan yang perlu disebabkan penyerahan itu, tetapi Gabenor akan membincangkan soalan perlembagaan seluruhnya dengan wakil-wakil kaum dan orang-orang yang berkenaan, demi untuk mengesyorkan apa-apa langkah yang akan diambil apakala perubahan-perubahan dibuat untuk mengabungkan Rakyat Sarawak dengan kerajaan dan pentadbirannya atas satu landasan perwakilan yang luas seberapa yang boleh dibenarkan oleh syaratnya. Pertimbangan yang sepenuhnya akan diberi kepada hak-hak dan adat semua kaum dan tidaklah ada tujuan untuk mengeksploitasi dan keuntungan untuk kepentingan sendiri dari rakyat dan hasil mahsul negeri. Diantara tujuan utama ialah untuk menyusun semula perubahan perkhidmatan perubatan dan perhubungan dan 'perkembangan perniagaan dan sumbar hasil yang tersusun dan terkawal dengan tujuan untuk meninggikan taraf hidup penduduk.'

Kesan kenyataan itu disa'at yang penting ini adalah susah untuk ditaksirkan. Biarpun bagaimana setelah dikaji dengan teliti orang-orang seperti Philip Jitam telah menyatakan kecurigaan mereka terhadap dasar masa depan Sarawak dan Dawson mengaku dengan pengakuan yang terhad saja.

Raja sendiri telah memainkan peranannya dengan cepat memanggil semua pegawai-pegawai Eropah termasuk Gilbert, Ditmas dan Barcroft mereka yang dianggap oleh Raja sebagai orang yang tidak jelas pendirian sama ada menyokong atau tidak penyerahan itu, mereka dipanggil di Istana, sementara

J.C.B. Archer pula tidak ketinggalan mengunakan pengaruhnya untuk memujuk Pegawai-pegawai Bumiputera, Tuanku Mohamad dari Daerah Baram, Abang Mustapha dari Limbang dan Edward Jerah dari Simanggang, memberitahu mereka ini adalah tanggungjawab mereka mengundi untuk menyokong Penyerahan itu. Edward Jerah memberitahu Archer, bahawa pekara ini adalah salah disebabkan Tuan Muda tidak diajak berunding, malah rakyat di Bahagian Kedua memang menentangkan penyerahan itu. Apabila Temenggong Koh, siapa yang berada bersama Edward Jerah dimasa temuduga ini, mendengar untuk pertama kalinya bahawa Tuan Muda tidak bersetuju dia pun berteriak, "kalau begini Raja telah menipu kita dalam hal ini!"

Dalam saat ini, pergeseran yang sengit telah berlaku diantara Ahli-ahli Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak dengan Datuk Pahlawan dan penyokong-penyokong bumiputera yang mengundi menyokong penyerahan dalam Majlis Mesyuarat Negeri itu. Orang yang giat memberi sokongan yang penuh kepada khemah Datuk Pahlawan ialah Hajjah Saerah, isteri kepada MacBrayn, yang ditugas untuk menggumpul maklumat-maklumat, percakapan-percakapan dan syarahan orang-orang Anti-Cession. Rumahnya digunakan sebagai bilik gerakan untuk memproses, penggumpulan dan penyebaran maklumat perisik rahsia, demikian telah diceritakan oleh R.H. Morris. Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negeri dari perwakilan Cina juga terdedah kepada tekanan politik. Tan Bak Lim, ketua kaum Teochew telah diugut akan dibunuh oleh Hua Kheow Tshin Nien, kalau dia mengundi menentang penyerahan, walaupun bagaimana beliau enggan mendapat perlindungan dari polis, itulah menyebabkan dia mengundi untuk menyokong penyerahan. Ong Hap Leong yang tidak hadir dipersidangan itu kononnya sakit, mungkin juga menghadapi tekanan politik. Tetapi Khoo Peng Loong yang benar-benar menyokong penyerahan telah hadir di majlis itu.

Majlis Mesyuarat Negeri yang bersejarah itu telah dirasmikan oleh Raja pada 14hb. Mei 1946 - hari Hitam bagi Sarawak - suasana dihari itu sungguh tegang sekali. Raja telah berkeliling sebelum itu diluar bandar untuk menjaminkan semua kakitangan Eropahnya tetap mengundi penyerahan. Pada hari persidangan itu, Raja Vyner Brooke diam-diam saja kelakuannya. Dalam ucapan ringkasnya dimajlis pembukaan Persidangan itu dia menegaskan, bahawa kenyataan yang dikeluarkan oleh Kerajaan British itu sepatutnya boleh menghilangkan keraguan bahawa "Kegembiraan dan kemakmuran Sarawak dimasa depan" bergantung dengan penyerahan, setelah itu dia pun meninggalkan Majlis Mesyuarat Negeri buat kali terakhirnya.

Ringkasnya dengan itu tamatlah riwayat Pemerintahan Brooke dihari itu dan untuk kenangan kita bersama diturunkan senarai III, Pengundian Rang Undang-undang yang dibentangkan dalam Majlis Mesyuarat Negeri (dihari kedua) 15hb. Mei, 1946.

Majlis Mesyuarat Negeri Mengundi Melulus Penyerahan

PENYOKONG	PEMBANGKANG
1. J.B. Archer (Pemangku Ketua Setiausaha)	1. J.O. Gillbert (Residen Bhg. keempat & kelima)
2. G.E. Gascoigne (Bendahari)	2. W.P.N.L. Ditmas (Residen Bahagian Pertama)
3. L.D. Kennedy (Pengarah, Perdangang dan Kastam)	3. Abang Openg Abang Safiee (Pegawai Bumiputera Bahagian Pertama)
4. B.J.C. Spurway (Pengarah Hutan)	4. Abang Kiprawi (Pegawai)
5. C.D. Adams (Pemangku Residen Bahagian Ketiga)	5. Abang Samsuddin
6. R.E. Edwards	6. Datuk Patinggi Abang Haji Abdillah
7. Datu Pahlawan Abang Haji Mustapha Datuk Hakim Abang Moasili.	7. Abang Abu Latip (Native Officer, Bahagian Pertama)
8. Datu Amar Abang Sulaiman bin Abang Haji Taha	8. Datu Zin (Native Officer, Bahagian Kedua)
9. Datu Menteri Encik Zain Mohamad	9. Abang Haji Draup (Pegawai Bumiputera, Bahagian Kedua)
10. Haji Nawawi (Mufti)	10. Abang Ali (Miri)
11. Tan Bak Lim	11. Datu Tuanku Mohamad (Pegawai Bumiputera, Bahagian Keempat)
12. Father A. Mulder	12. Abang Mustapha (Pegawai Bumiputera, Bahagian Kelima)
13. Temenggong Koh	13. Revd. P.H.H. Howes
14. Bennet Jarraw (Pegawai Bumiputera, Bahagian Ketiga)	14. Philip Jitam
15. J. Owen (wakil Serani)	

PENYOKONG	PEMBANGKANG
16. Khoo Peng Loong (wakil Cina, Sibu)	15. D.M. Deen (wakil kaum India Muslim)
17. Abang Ahmad (Sibu)	16. Edward Jerah (Pegawai Bumiputera, Bahagian Kedua)
18. Abang Haji Abdul Rahim (Pegawai Bumiputera, Bahagian Kelima)	
BERKECUALI	
J.C.H. Barcroft (Residen Bahagian Kedua) Datuk Hakim Abang Haji Mohidin	
Tidak Hadir	
Ong Hap Leong Tse Shuen Sung	

Begitulah kisah yang berliku-liku dengan pujuk memujuk, ugut mengugut untuk mendapat suara pengundian bagi mengesahkan penyerahan negeri Sarawak yang merdeka dibawah panji-panji Brooke kepada taraf sebuah Koloni British - tanah jajahan yang terbaharu dalam dunia pada masa itu.

Empat Gabenor Inggeris Yang Memerintah Sarawak



Sir Charles Arden Clarke, G.C.M.G.
Gabenor Sarawak Pertama



Mr. Ducan Stewart
Gabenor Sarawak Kedua



Sir Anthony Abell, G.C.M.G.
Gabenor Sarawak Ketiga



Sir Alexander Waddel, G.C.M.G.
Gabenor yang Keempat dan terakhir

Bahagian VI
Cession Day Diisytiharkan

"Cession Day" Diisytiharkan

Hari bulan Julai 1946, adalah suatu hari yang "hitam" dalam sejarah Sarawak, kerana dihari itulah diisytiharkan sebagai hari "CESSION DAY", sebagai tanda kerajaan British telah menerima penyerahan Negeri Sarawak dengan rasminya.

Upacara rasmi bagi pengesahan British menerima penyerahan dan menakluk Negeri Sarawak telah diadakan di Kuching dalam suasana yang berupa suatu penindasan dan peristiwa yang menyakitkan hati rakyat bumiputera. Diupacara itu tidak ada perwakilan kaum Iban yang hadir dan Datu Patinggi Abang Haji Abdillah juga tidak hadir. Beliau tidak sudi menerima kedatangan Malcom MacDonald, sebagai Pesuruhjaya Khas British di Asia Tenggara, untuk mengunjungi beliau dirumahnya. Ini merupakan suatu ketinggian semangat, keunggulan jiwa perjuangan Datu Patinggi Abang Haji Abdillah menentang penjajahan British yang patut dibanggakan oleh rakyat.

Mulai pada hari itu turunlah Bendera Sarawak "Kuning, Hitam dan Merah" yang telah berkebar lebih 100 tahun itu dan naiklah bendera Union Jack ditiang-tiang bendera di pejabat-pejabat, di bangunan-bangunan swasta dan rumah-rumah perniagaan di kota Kuching dan di bandar-bandar seluruh Sarawak.

Upacara perbarisan telah diadakan di Pengkalan Batu dihadapan Bangunan Mahkamah Besar untuk menyambut kedatangan Malcom MacDonald, Pesuruhjaya Khas British yang diiringi oleh Lord Louis Mountbatten. Malcom MacDonald telah membaca perutusan dari Raja Charles Vyner Brooke dan Baginda King, dengan menyampai ucapan selamat untuk masa depan Sarawak. Dimajlis itu juga dia mengesahkan perlantikan C.W. Dawson sebagai Ketua Setiausaha Kerajaan dan juga sebagai pemangku Gabenor. Ucapan itu telah dibacakan terjemahannya dalam bahasa Melayu oleh Datu Bandar Abang Haji Mustapha.

Pada sebelah petangnya, Malcom MacDonald mendesak hendak melawat kampung-kampung Melayu, walaupun dia telah diberitahu, bahawa orang-orang Melayu telah memulau sebarang temasya bagi meraikan upacara "Hari Cession" itu. Lawatan Malcom MacDonald di kampung-kampung itu diselubungi oleh suasana muram dan sunyi sepi, tidak ada sambutan meriah, lambaian bendera, teriakan anak-anak sekolah, malah jendela-jendela dan pintu rumah di kampung telah ditutup rapat. Keadaan yang kosong dan lengang itu menunjukkan kesan yang lebih buruk dari upacara "tunjuk perasaan secara terbuka" oleh pihak "Anti-Cession."

Pada sebelah malamnya, diadakan suatu majlis keraian dipekarangan Istana dan tetamu-tetamu yang hadir itu kebanyakan terdiri dari orang-orang Eropah dan Cina saja. Keesokan hari sebelum MacDonald berangkat balik ke Singapura, sebelum itu dia sempat memberi ucapan kepada murid-murid sekolah di Kuching.

Datu Patinggi Diugut Lagi

Beberapa hari setelah upacara itu berlalu, Datu Patinggi Abang Haji Abdillah telah menerima surat dari C.W. Dawson mengugut Datu Patinggi agar mengaku secara mengangkat sumpah bagi menunjukkan ketaat-setiannya kepada kerajaan baru, kalau tidak dia akan menghapuskan keahliannya sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Negeri dan Majlis Mesyuarat Tertinggi. Walau bagaimanapun, pemimpin agung ini, tidak berganjak dengan pendiriannya yang mulia itu, dan dia tidak mahu sama sekali tunduk kepada ugutan seperti itu. Beliau telah menulis surat kepada Anthony Brooke pada 8hb. Julai 1946, "Perbuatan untuk pengesahan baru ini ialah satu alat untuk mengelirukan Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negeri dan dunia supaya dapat dikatakan bahawa Sarawak telah diakui sebagai sebuah tanah jajahan takluk. Dengan berpendirian demikian, Datuk Patinggi Abang Haji Abdillah telah dapat mengelakkan dan mempertahankan penyokong-penyokong pihak Anti-Cession dari berpaling tadah kearah pihak yang menyokong penyerahan (Pro-cession).

Walau bagaimanapun W.C. Dawson sentiasa amat cermat menjalan diplomasinya bagi mengelakkan sebarang perpecahan yang ketara dengan Datu Patinggi. Tetapi dia amat marah apakala mendengar ucapan Abang Haji Zaini Presiden Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak setelah upacara itu dengan menyifatkan British sebagai "penghisap darah" dan mendesak penyokongnya supaya jangan menaiki atau menggunakan bendera Union Jack di pertandingan-pertandingan sukan di sekolah-sekolah atau dimana istiadat yang lain. Dawson amat marah dengan tindakan itu, tetapi dia tidak tergamak dan sampai hati hendak menyuruh penyokong-penyokong Datuk Bandar yang berkhidmat dalam angkatan polis itu untuk "memecah belah" Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak.

Gabenor Pertama British

Pada pertengahan Julai 1946, Kerajaan British telah mengisytiharkan nama Gabenor yang pertama bagi Sarawak iaitu Sri Charles Arden-Clarke, bekas Pesuruhjaya Tetap Inggeris Basutoland. Perlantikan ini mengejut dan mengeciwa C.W. Dawson. Perasaan tidak puas hati amat melukakan hatinya, walaupun dia sebenarnya adalah orang yang paling bekerja keras untuk menjayakan rancangan penyerahan Sarawak kepada Mahkota British, setelah MacBrayn berjaya mengugut datuk-datuk untuk menanda tangani surat persetujuan pertama-tama kalinya secara tipu helah yang licin.

Raja sendiri berhajat supaya Dawson lah yang patut dilantik sebagai Gabenor kerana pengalamannya dan kepintarannya yang begitu baik sekali. Malcom MacDonald telahpun memberi sokongannya yang kuat agar Dawson dilantik untuk jawatan itu. Beliau telah memberitahu Pejabat Tanah Jajahan Takluk - "Apa yang dikehendaki ialah kesinambungan pentadbiran yang kian dan tidak

ada gangguan pentadbiran, Dawson nampaknya, bagi saya, adalah seorang yang disukai dan dihormati, beliau penuh dengan perasaan timbang rasa dan bijaksana yang sebenarnya untuk tanggungjawab yang berat ini."

Dasar Dawson ialah untuk membuat pemindahan Pemerintahan Brooke kepada pemerintahan koloni berjalan selembut-lembut dan selicin-licinnya. Tetapi ini tidaklah sejajar dengan pendapat Pejabat Tanah Jajahan Takluk. Arden-Clarke dianggap sebagai seorang yang terlalu tinggi kebolehannya untuk pekerjaan itu, tetapi beliau terpilih ialah dengan tujuan membuat suatu pembaharuan dan memperbaiki zaman pemerintahan Brooke yang lalu itu. Arden-Clarke tidak mempunyai pengetahuan dan pengalaman mengenai kawasan ini tetapi Pejabat Tanah Jajahan Takluk khuatir dengan adanya kedudukan undi bumiputera yang membantah dalam Majlis Mesyuarat Negeri dan bagaimana hebatnya publisiti telah diberi oleh media-masa kepada aktiviti-aktiviti anti-cession yang dianjur oleh Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak, Sarawak Dayak Association dan juga kegiatan Anti-Cession di England, mereka terpaksa menlantik seorang pentadbir yang baru bagi Sarawak. Kumpulan Pembangkang penyerahan Sarawak bukan saja ujud di negeri Sarawak, namun ia juga bangkit di England, Singapura dan di luar negeri.

Sir Charles Noble Arden-Clarke lahir pada 1898 dan meninggal dunia dalam 1962, berkhidmat di dalam pasukan meriam dalam peperangan dunia yang pertama pada tahun 1914-1918, kemudian berkhidmat dalam Perkhidmatan Tanah Jajahan Takluk dalam tahun 1920. Pada 1933 beliau telah menjawat jawatan Pegawai Pentadbir di Nigeria Utara, dia dinaikkan kepangkat Penolong Setiausaha Tetap di Jabatan Urusetia Nigeria dalam tahun 1934. Dia juga telah dilantik sebagai Penolong Pesuruhjaya Tetap dan Setiausaha Kerajaan di Bechuanaland dalam tahun 1936. Sebagai Pesuruhjaya Tetap dalam tahun 1937 sebelum berpindah di Bechuanaland dalam tahun 1942, Gabenor Sarawak 1946-1949, setelah itu berkhidmat sebagai Gabenor di Ghana hingga 1957 apakala Ghana merdeka.

Kempen Anti-Cession Di-Perhebatkan

Setelah enam bulan Persidangan Majlis Mesyuarat yang bersejarah itu berlalu, kempen membantah cession telah diadakan dengan hebat oleh Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak dan Sarawak Dayak Association sejajar dengan bantahan yang dibuat oleh Kumpulan Anti-Cession di England. Tiga minggu setelah Majlis Mesyuarat Negeri mengundi untuk menyokong Penyerahan, seorang peguam yang terkenal di England William Charles Crocker telah menasihatkan Betram Brooke agar membuat dua pekara, iaitu:- Pertama, memberi panduan dan sokongan kepada pejuang-pejuang Anti-Cession dalam tuntutan mereka mengambalikan kemerdekaan. Kedua, memberitahu Kerajaan Buruh British bahawa kakitangan awam British telah menggunakan kerajaan baru

yang belum lagi berpengalaman itu sebagai alat melebarkan penjajahan yang dibenci itu. Tidaklah ada harapan untuk menaruhkan kepercayaan kepada pihak Konservatif yang tidak ambil peduli tentang perkara yang diajukan selama ini dan juga menegaskan bahawa Kerajaan British telah memungkiri Perjanjian-nya yang terkenal sebagai Perjanjian Atlantic Charter (Perjanjian Atlantik).

Nampaknya Betram Brooke sendiri merasa ragu-ragu disegi tatasusila moral-nya sama ada untuk menggalakkan penduduk-penduduk Sarawak supaya tetap menentang penyerahan seterusnya atau tidak, kerana beliau sendiri tidak yakin bahawa ada kemungkinan Kerajaan British akan membubarkan pen-yerahan itu menurut kehendak pejuang-pejuang anti penyerahan itu. Dia juga mempunyai perasaan yang bercampur adok tentang ujudnya kegiatan politik yang sedang berlaku di Sarawak di waktu itu.

Setahunya sejak dahulu lagi masyarakat Sarawak tidak pernah berpecah belah dan dia berniat untuk menyatukan mereka kembali dengan apa jua jalan yang boleh diusahakan. Begitu banyak perubahan dan banyak masaalah yang telah terjadi semenjak beliau melawat Sarawak dalam tahun 1936, keadaan keamanan yang harmonis tidak akan kembali lagi seperti zaman Raja sebelum perang dahulu.

Betram Brooke (Tuan Muda), berhajat hendak membawa perkara berkenaan dengan tindakan Raja itu kepada mahkamah, ia telah membincangkan perkara ini dengan kedua peguam yang terkenal iaitu William Crocker dan Theodore Page (seorang peguam yang mempunyai pengetahuan tentang undang-undang Islam dan mempunyai kebolehan dalam perkara isu-isu perlembagaan). Walau bagaimanapun perkara-perkara yang akan dibawa kemahkamah itu amatlah rumit, sehinggalah dalam tahun 1950, perkara itu telah diputuskan di Privy Council di England memberi persetujuan kepada pihak Raja.

Anne Bryant, adik Anthony Brooke sentiasa berhubung dengan Persatuan Ke-bangsaan Melayu Sarawak dan Sarawak Dayak Association. Semangat per-juangan kedua pertubuhan itu amat menurun dengan rendahnya kerana ke-putusan Betram Brooke yang tidak yakin meneruskan perjuangannya itu. Pada 5hb. Jun, 1946, Anthony Brooke telah menghantar perutusan bagi memper-olehi pendapat kedua pertubuhan itu mengenai suatu kenyataan yang telah di-buat oleh Cpt. Gammans dalam sebuah akhbar Inggeris "Evening Standard" menyatakan bahawa "Rakyat Sarawak tidak peduli lagi sama ada 'Pemerintahan Beraja' itu dihapuskan atau tidak." Datu Patinggi dan Presiden Persatuan Ke-bangsaan Melayu Sarawak serta Sarawak Dayak Association telah manafikan keterangan ini dan merayu agar Tuan Muda jadi Raja. Datu Patinggi juga telah mengirim satu perutusan peribadinya kepada Anthony Brooke dengan menyatakan perasaan hatinya dengan sebuah bidalan Melayu.

> "Harimau mati meninggal belang,
> Gajah mati meninggal tulang,
> Manusia mati meninggalkan nama."

Bantahan Kepada Atlee

Pertukaran telegram telah menjadi begitu rapat diwaktu hampir pada 1 Julai, usaha kemuncak bagi bantahan dari Datu Patinggi dan Abang Haji Zaini kepada Perdana Menteri British, Atlee, bagi menegaskan bahawa "CESSION" itu tidak mendapat persetujuan dari wakil-wakil bumiputera, dan lima dari Ahli Bumiputera yang mengundi menyokong "Cession" itu adalah dibawah "Tekanan Pengaruh Wang." Mereka juga menegaskan bahawa Raja telah melakukan, "Pecah Amanah" terhadap rakyat Sarawak dan patut digantikan dengan adiknya. Mereka merayu kepada Atlee untuk berpegang kepada keadilan dan wasiat politik Raja kedua. Pada esoknya Datu Patinggi telah mengisytiharkan bahawa, beliau ialah dari "Keturunan ketua generasi yang keempat belas dan wakil rakyat Sarawak sejak sebelum kedatangan Pemerintahan Brooke". Mereka telah menjemput Betram dan Anthony Brooke datang ke Sarawak untuk memulakan perbincangan baru dalam masalah "Cession". Datu Patinggi telah berkata "Saya mempunyai penuh kepercayaan kepada Baginda King dan Kerajaan British adalah amat adil untuk memberi pertimbangan atas permohonan saya demi untuk memberi keyakinan kepada Rakyat."

Raja telah begitu marah terhadap bantahan ini dan tuduhan Betram bahawa beliau telah menggunakan Pegawai Eropahnya untuk mendapat kelebihan undi daripada pihak pembangkang penyerahan. Raja telah membuat cacian yang keras dan pedih kepada Datu Patinggi kerana keterangannya mengenai pengakuan beliau sebagai "Ketua generasi yang keempat belas dalam keturunannya." Sebaliknya Raja telah menegaskan kononnya tidak ada suatu keturunan ketua dan tidak ada taraf Negeri bagi Sarawak sebelum James Brooke.

Sementara itu, Kempen Anti-Cession terus berjalan dengan menegaskan ketaatan kepada Betram dan Anthony. Harijadi Betram Brooke pada 8 Ogos, telah diraikan di Sarawak oleh Kerajaan Koloni dibawah pentadbiran C.W. Dawson sebagai hari kelepasan umum. Pejabat Kerajaan dan kedai-kedai swasta telah turut menghormatinya.

Pada petangnya beratus-ratus orang ahli Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak telah mengadakan perhimpunan dan sembahyang berjemaah diiringi dengan ucapan-ucapan dan doa selamat. Oleh kerana Mufti Sarawak Haji Nawawi adalah salah seorang pengundi yang menyokong penyerahan, maka penyokong-penyokong Anti-Cession telah memulaukan Masjid Besar Negeri, mereka bersembahyang di Masjid India dan lain-lain masjid dan surau. Perbuatan ini menguatkan lagi pulau memulau yang telah berlaku dalam pengaulan masyarakat Melayu. Bagi menentukan permulaan bulan puasa, pihak Anti-Cession telah melantik pertugas-pertugas khas mereka sendiri untuk melihat anak bulan. Mereka mengadakan sambutan Hari Raya dihari yang tidak sama dan membuat Majlis Ramah-tamah untuk berkempen menentang penyerahan.

Dawson telah berusaha membuat langkah-langkah untuk mendampingi dirinya dengan pihak "Anti-Cession" lebih rapat lagi, beliau tiap-tiap petang berjalan kaki dan menaiki kenderaan di kampung-kampung Melayu. Ia telahpun berhasrat menziarahi beberapa banyak rumah termasuklah pihak pemimpin-pemimpin "Anti-Cession". Menurut Encik Mohd. Maamoon Nor, tujuan yang sebenarnya Dawson melawat itu ialah untuk membeli perasaan rakyat supaya semangat waja orang Melayu membantah Cession itu boleh lenyap dengan senyap. Biarpun bagaimana, Datu Patinggi tidak mahu tunduk dan menyerah kepada sesuatu, lalu beliau pun memberi tahu Dawson dengan peribahasa Melayu, "Pokok yang besar tidak akan hidup kalau tidak mempunyai akar." Dengan adanya tentangan ini, Pemangku Gabenor, C.W. Dawson telah membatalkan rancangannya hendak menziarahi pemimpin-pemimpin "Anti-Cession" itu.

Kekuatan pergerakan Anti-Cession telah mengkagumkan MacBrayn, bila dia melawat Sarawak dalam bulan September 1946 kerana menyelesaikan masalah perceraiannya dengan Hajjah Saerah dan tugasnya yang lain ialah menjual harta-harta Raja yang masih tinggal itu. Almarhum Encik Johari Anang, takala mengulas berkenaan dengan kedatangan MacBrayn ke Sarawak itu, dalam suratnya kepada Anthony Brooke, dia menegaskan "Saya harap tidak ada ayam yang telah dicurikan oleh musang." MacBrayn telah diiringi oleh dua orang pegawai peribadinya bangsa Eropah dan beberapa pasukan polis khas yang berpakaian periman, berjaga-jaga kerana takut sesuatu yang berlaku mungkin dimulakan oleh Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak. Harijadi Raja jatuhnya pada 26 September 1946 adalah berbeza dengan sambutan yang diberi kepada Betram Brooke, Tuan Muda di Kuching, ia merupakan sambutan yang tidak begitu meriah. MacBrayn telah memanggil datuk-datuk yang menyokong Cession di pejabat Urusetia Halehwal Bumiputera dan disitu dia telah menyatakan rasa tidak puas hatinya kerana datuk-datuk itu tidak berupaya menyatukan tenaga mereka menyatupadu rakyat untuk menyokong penyerahan. Dia telah menjelaskan bahawa "Cession" telah membangkitkan kesedaran untuk berpolitik dan kebangkitan semangat kebangsaan, dan ini akan membawa kesan buruk yang tidak langsung tetapi akan meluas Penentangan terhadap kerajaan. Datuk-datuk yang hadir itu tidaklah menjawab apa-apa kerana dengan berbuat demikian mereka berharap MacBrayn akan dapat membantu mereka, mungkin dengan bantuan wang lagi. Datuk-datuk itu telah berhajat hendak mengada jamuan selamat kepada MacBrayn dirumah Datuk Amar, tetapi telah dibatal kerana MacBrayn telah memendekkan lawatannya.

Di Kuching kelima-lima Datuk pro-cession sentiasa dicaci atas perbuatan mereka yang dianggap menjual Negeri, menjual tanah air, mereka terpaksa dalam keadaan serba salah dan jarang keluar kemana-mana kerana dimana mereka berada disitulah teriakan mengejek mereka.

Kempen Dibaharui Lagi

Sarawak Gazette dalam keluarannya yang sulung selepas perang, pada 1hb. September 1946, telah menyiarkan keputusan mesyuarat Majlis Mesyuarat Negeri sebagai suatu panduan kepada ahli sejarah akan datang seolah-olah bukan untuk mengingatkan Rakyat Sarawak terhadap apa yang telah berlaku. Antara lain dia menegaskan "Pertelingkahan sekarang sesungguhnya telah mati dan mungkin ia tidak pernah menyala dengan begitu kecemerlangannya kalau apinya tidak dikipas penyokong-penyokong dari luar Sarawak oleh pihak-pihak yang berlawanan itu." Apa yang dimaksudkan dengan "Kipas" yang menyala api itu ialah kawat-kawat yang bertubi-tubi datang dari England yang dikirim oleh Anthony Brooke dan lain-lain lagi telah membantu menghidupkan semangat kedua ahli-ahli pertubuhan Anti-Cession itu.

Apabila London menyiarkan keputusan pihak British berkenaan dengan Perlembagaan Rancangan Malayan Union akan dihapuskan pada awal Oktober 1946, pihak Anti-Cession merasa senang hati. Anthony Brooke menyatakan dalam akhbar Observer keluaran 6hb. Oktober 1946, bahawa ia akan menuntut keputusan mahkamah untuk mengisytiharkan bahawa Cession itu haram. Berita itu telahpun disiarkan oleh Sarawak Tribune beberapa hari kemudian menyebabkan pihak Anti-Cession sungguh gembira. Encik Johari Anang telah berkata "Hari kegembiraan akan tiba." Inilah perangsang yang diidam-idami oleh Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak dan Sarawak Dayak Association yang telah menempuhi kelemahan semangat sejak bulan Mei itu. Tindakan Kerajaan British memansuhkan rancangan Malayan Union telah menunjuk ada kemungkinan "Cession" dikaji semula.

Peluang pertama untuk menunjuk perasaan semangat anti-cession ialah pada hari Gabenor baru ditabalkan pada 28hb. Oktober 1946. Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak telah mengadakan tiga kali mesyuarat untuk merancangkan bantahan secara berbesar-besaran dan "Golongan Dalam" telah mengadakan beberapa majlis syarahan untuk membangkitan kesedaran orang-orang kampung. Pegawai-pegawai petugas khas telah mengarahkan orang-orang kampung supaya membuat poster-poster ditiap-tiap rumah untuk ditampal dihadapan rumah dan didinding dekat dengan pintu masuk. Ada pula beberapa poster ditampal di pokok-pokok di simpang-simpang jalan.

Datuk Patinggi sendiri telah berusaha untuk mengetuai orang-orang Melayu memulaukan upacara sambutan bagi ketibaan Gabenor baru - Sir Charles Arden-Clarke. Beliau juga telah memanggil ketua-ketua kampung yang digajikan oleh kerajaan untuk menerangkan rancangan pemulauan upacara tersebut. Saya akan membuat propaganda menentang koloni, ujar beliau, saya akan mengambil jalan yang tegas, dan biarlah saya dituduh menyalakan semangat rakyat untuk menunjukkan perasaan dan fikiran mereka.

Pada hari ketibaan Arden-Clake di Kuching upacara sambutan itu, selain dari perbarisan kehormatan, tidaklah ada ucapan alu-aluan dari pemimpin kaum Iban. Ucapan dalam bahasa Melayu saya disampaikan oleh Datu Bandar Abang Haji Mustapha. Datu Patinggi Abang Haji Abdillah dan Abang Haji Zaini telah menghantar surat bantahan terhadap penyerahan Sarawak kepada Gabenor yang baru itu. Pada keesokan harinya Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak telah mengirim sepucuk surat bagi mencabar pengakuan Datu Bandar Abang Haji Mustapha yang bercakap bagi pihak orang Melayu itu. Ini telah membangkitkan suatu pertentangan hebat diantara Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak dan Young Malay Association yang disiarkan oleh Sarawak Tribune pada 1, 6, 7, 8 November 1946.

Persatuan Melayu Muda (YMA)
Kumpulan Pró-Cession

Orang-orang yang menyokong penyerahan Sarawak kepada Kerajaan Inggeris terdiri daripada segolongan kecil penduduk di Kuching yang dipimpin oleh golongan perabangan. Mereka telah menubuhkan Persatuan Melayu Muda yang lebih terkenal dengan gelaran YMA (Young Malay Association) Ujudnya persatuan ini ialah bagi membuktikan adanya golongan yang menyokong penyerahan (Pro-Cession). Persatuan ini mendapat sokongan dari Kerajaan Koloni tetapi penyokong-penyokongnya lebih sedikit dari seribu orang.

Persatuan Melayu Muda (YMA) telah diasaskan oleh Datu Pahlawan Abang Haji Mostapha. Datuk Pahlawan telah dilahirkan dalam bulan Mac 1906 di Wilayah Simanggang, Bahagian Kedua. Beliau mendapat didikan permulaan di Sekolah Melayu Kerajaan, kemudian meneruskan pelajarannya di Sekolah St. Joseph dan St. Thomas. Demi untuk melanjutkan pelajaran yang lebih tinggi lagi beliau telah berangkat ke Mekkah untuk mempelajari Undang-undang Syariah.

Beliau kemudian bekerja sebagai guru dalam Daerah Saribas dalam masa tiga tahun sebelum memasuki Perkhidmatan Awam Kerajaan Brooke dalam 1925. Dalam tahun 1927 beliau dinaikkan ke pangkat Sub-Inspector di Jabatan Polis. Dalam tahun 1931, beliau dipindahkan ke Balai Datuk untuk melatih beliau menjadi seorang pemimpin atau seorang Datuk. Waktu berumur genap 38 tahun beliau dilantik menjadi Pegawai Hal-Ehwal Bumiputera dan berkhidmat di Lundu, Bintulu dan Saratok. Waktu pemerintah Jepun beliau berkhidmat di Limbang. Beliaulah orang yang telah menyelamatkan seorang Residen Inggeris dari dibunuh oleh Jepun.

Penubuhan Persatuan Melayu Muda (YMA) ialah kerana beberapa sebab dan tujuan yang tertentu:-

1. Untuk menyediakan satu pusat perhimpunan bagi ahli-ahli Pro-Cession atau penyokong Penyerahan, kerana akibat tindakan pulau memulau

dalam pergaulan harian atau pun istiadat keagamaan dari pihak Anti-Cession yang paling agresif itu. Tujuannya ialah untuk mengadakan kegiatan sosial, kebudayaan dan sukan saja.

2. Mereka mengadakan Majlis Marhaban pada tiap-tiap malam Jumaat.
3. Majlis Ramah Tamah, pertunjukan filem wayang gambar.
4. Pertandingan Badminton dan sebagainya.

Dengan adanya Y.M.A. itu, pihak Kerajaan Koloni dapat menyatakan kepada dunia bahawa bukan semua orang Melayu yang membangkang penyerahan. Ahli-ahli persatuan itu amat kecil sekali yang terdiri dari pegawai-pegawai kerajaan yang ta'at kepada arahan Kerajaan Koloni dan dari golongan Perabangan saja. Walau bagaimana pun mereka berjaya menubuhkan sebuah cawangan di Sibu salah sebuah kota yang menjadi Kubu pihak Anti-Cession. Kemudian beberapa cawangan ditubuhkan di Kalaka, Miri dan Kampung Sambir. Ahli-ahli YMA cuba mempengaruhi pihak Anti-Cession supaya mereka berpaling tadah dan masuk persatuan mereka dengan memberi amaran, sekiranya mereka tidak masuk dalam golongan YMA nescaya tidak akan dapat memasuki anak-anak mereka ke sekolah kerajaan atau pun mereka tidak diterima masuk bekerja dalam Perkhidmatan Awam. Nampaknya propaganda-propaganda mereka itu tidak berjaya. Malah tindak balas, pulau memulau bertambah hebat sehingga ada ahli keluarga yang Pro-Cession itu meninggal dunia juga dipulaukan tetapi di majlis kematian dikalangan yang Anti-Cession pula dihadiri dengan keramaian orang yang menziarahi mereka.

Pihak Anti-Cession Bertambah Kuat

Keujudan Persatuan Melayu Muda (YMA) itu tidaklah memberi kesan kepada pihak pembangkang penyerahan (Anti-Cession). Malahan menaikkan pula semangat mereka bersatu padu. Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak tidak lagi menjadi sebuah Persatuan yang tunggal menentang Penyerahan. Beberapa pertubuhan telah ujud dalam masa bermulanya pergolakan menentang penyerahan itu serta memberi sokongan yang padu kepada PKMS.

Pada mulanya mereka menyokong ujudnya kembali "Kerajaan Brooke" itu, tetapi akhirnya ahli-ahli Persatuan Melayu Sarawak dan lain-lain pertubuhan itu telah bertukar menjadi satu Pertubuhan Nasionalis yang tolen dan gigih untuk memperjuangkan kemerdekaan Negeri Sarawak.

Tujuan hakiki mereka tidak lain, pertamanya mengembalikan Kerajaan Raja kemudian menuntut Kemerdekaan dari Regim Brooke yang lemah itu. Mereka berniat akan menjadi satu benteng untuk menuntut Kemerdekaan Sarawak, walaupun pada masa itu belumlah lagi ada ketua-ketua ataupun pemimpin yang benar-benar unggul dalam arena kepimpinan dinegeri ini.

Kepermergian Datuk Patinggi Abang Haji Abdillah, kembali kerahmatullah telah menjadi kehilangan yang besar bagi pejuang Kemerdekaan itu. Datuk Patinggi mempunyai daya kepimpinan yang kuat dan teratur kerana beliau sendiri bagitu gigih memimpin orang Melayu dan Dayak membangkang penyerahan Sarawak dalam Persidangan Majlis Mesyuarat Negeri itu.

PKMS dan Persatuan Dayak Sarawak telah berjaya mencabar pengisytiharan Vyner Brooke berkenaan penyerahan pada 8 Februari 1946. Walaupun Rang Undang-undang Cession itu telah diluluskan oleh Persidangan Majlis Mesyuarat Negeri itu tetapi oleh kerana tipu helah Brooke menggunakan Pegawai Kerajaan bagi mengundi menyokong Penyerahan, tetap membara kepanasan dihati pihak Anti-Cession untuk memperkuatkan bantahan mereka.

Mulai dari tahun 1946 dan awal 1947 terdapat 52 buah pertubuhan Anti-Cession seluruh negeri. Diantaranya ialah Barisan Pemuda Sarawak yang begitu berpengaruh sekali.

Barisan Pemuda Sarawak ditubuhkan di Kuching oleh Pemuda Pemuda yang terpelajar yang agak kurang senang dengan kepimpinan PKMS pada masa itu. Barisan Pemuda Sarawak telah diketuai oleh Abang Kassim bin Abang Taha dan Tuan Haji Suut Tahir sebagai setiausahanya.

Gabenor Arden-Clarke tidaklah seperti Dawson, beliau tidak mahu membiarkan penampal-penampal poster yang dipasang pada masa lawatan wartawan-wartawan British yang dikirim dari England untuk liputan hari perlantikan itu. Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak telah terlebih dahulu mendapat berita bahawa polis telah diperintah untuk menghancurkan sepandok-sepandok yang ditampal itu, mereka telah bersiap sedia membuat persediaan sepandok-sepandok iaitu apakala yang ada dikampung itu dicabut dan dihancur diwaktu malam, mereka akan menggantikanya dengan yang baru diwaktu sebelum fajar menyingsing pada pagi itu juga. Pada awal pagi, 2hb. November 1946, 200 orang polis lengkap bersenjata, kebanyakan dari mereka itu datangnya dari luar bandar, telah mencabut dan memusnahkan poster-poster di kampung-kampung sepanjang Jalan Datuk sekarang (Jalan Datuk Ajibah Abol Kuching). Nampaknya kebanyakan poster-poster itu dibuat daripada papan-papan dan kertas dan ada pula yang dibuat daripada besi. Ini telah memberi kesulitan bagi polis menjalankan tugas mereka. Perkara ini telahpun dilapurkan kemahkamah Residen tetapi ditolak oleh pihak yang berkenaan.

Kalaulah Arden-Clarke telah begitu marah melihat cogankata-cagankata Anti-Cession di Kuching, dia juga akan melihat pertunjukkan yang serupa di Sibu yang diatur oleh Pergerakan Pemuda Melayu Sibu (PPM). Arden-Clarke telah diberitahu oleh penasihat-penasihat Eropah kononnya hanya satu dua kampung saja yang membantah Penyerahan di Kuching dan seluruh kawasan luar bandar adalah menyokong kerajaan baru. Kerajaan telah memerintah supaya sepandok-sepandok di Sibu pun dimusnahkan juga.

Pegerakan Pemuda Melayu Di Sibu

Semenjak tertubuh Pergerakan Pemuda Melayu, ia merupakan sebuah pertubuhan yang lebih radical dari pada Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak. Salah satu dari sebabnya ialah di Sibu kekurangan pemimpin elit tradisional yang kuat seperti di Kuching yang mengamalkan pengaruh konservatif menerusi kepimpinan Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak. Apatah lagi, kalau ditinjau dimasa lampau, teringatlah kita kepada suatu pemberontakkan senjata yang berlaku diantara orang Melayu di Batang Rajang. Sungguhpun Tuan Haji Abdul Rahman Hj. Kassim Naib Yang Di-Pertua PKMS telah mencuba dan berusaha untuk menguatkan perhubungan antara kedua-dua pertubuhan Melayu itu, iaitu Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak dan Pergerakkan Pemuda Melayu tetapi kebanyakkan ahli-ahli mereka telah menolak cara pendekatan yang secara konstitional itu. Semua kegiatan-kegiatan Pergerakkan Pemuda Melayu adalah tindakan mereka sendiri, tidak terikat atau hubung kait dengan Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak. Kebanyakan dari ahli-ahli mereka telah terpengaruh oleh pengaruh-pengaruh luar.

Pergerakkan Pemuda Melayu adalah dipimpin oleh Awang Rambli bin Mohd. Deli yang dilahir di Muara, (Brunei) dalam tahun 1912, beliau sejak kecil lagi diangkat oleh seorang Mandor di Brooketon colliery. Kedua ibu bapanya ialah keturunan Melayu Brunei dan sebab itulah dia mendapat gelaran Awang. Awang Rambli telah tinggal di Kuching beberapa tahun sejak kecil dan bersekolah Inggeris sehingga darjah 3. Dia telah memasuki Jabatan Kastam dalam bulan Julai 1929 dan berhenti dalam tahun 1946. Beliau adalah seorang ahli Persatuan Melayu Muda yang lebih dikenali dengan YMA - atau Young Malay Association, di Sibu. Dia telah berhenti dari YMA dan masuk menjadi ahli yang cergas Pergerakkan Pemuda Melayu dan penaja "Semangat Rukun Tigabelas", yang telah merancangkan perjuangan membunuh pengganti Arden-Clarke iaitu Duncun Stewart dalam bulan Disember 1946. Beliau telah tertangkap kerana dituduh menubuhkan suatu komplot membunuh itu dan telah didapati bersalah. Beliau telah di hukum gantung sampai mati dalam Penjara Kuching pada 23hb. Mac 1950 waktu berumur 38 tahun.

Ketika Gabenor Arden-Clarke melawat Miri, berita tentang pemulauan yang berlaku di Kuching telah disiarkan dalam akhbar British dan disiar pula dalam akhbar Sarawak Tribune. Pada hari itu juga berita Anthony Brooke yang menegaskan sekali lagi janjinya akan berjuang terus menentang penyerahan dengan cogan kata "Harap Selagi Bernafas' atau "Dum Spiro Spero" telah disiar dalam akhbar yang sama. Dia juga menyatakan hasratnya akan balik melawat Sarawak dan telahpun memohon izin daripada Pejabat Tanah Jajahan Takluk untuk kebenaran berangkat ke Singapura. Diwaktu itu semua tempahan tempat duduk kapalterbang adalah dikuasai oleh Tentera. Tujuannya untuk melawat Sarawak ialah bagi menunaikan jemputan dari Pemimpin-pemimpin Pembangkang Penyerahan dan mengumpul keterangan-keterangan untuk dia menghadapi

tuduhan mahkamah yang dibuat oleh MacBrayn keatasnya, suatu perkara yang pada pandangannya sebagai menghidupkan lagi isu Sarawak di Britain. Pada waktu itu juga Buku "Facts about Sarawak" atau "Perihal Sarawak yang sebenarnya" baharu saja diterbit dan telah dibahagikan kepada orang-orang diluar negeri dan ahli-ahli Parliamen dan Pengarang-pengarang akhbar di Britain.

Berita Anthony Brooke akan datang ke Sarawak telah tersebar dengan serta merta diseluruh negeri. Beribu-ribu poster anti-cession di Sibu telah terpampang memberitahu Gabenor Arden-Clarke - "Kami mahu Anthony Brooke menjadi Raja Sarawak" dan di Miri pula, orang-orang Melayu telah memulau sambutan kedatangan gabenor itu. Keesokan harinya gabenor Arden-Clarke telah memanggil ketua-ketua masyarakat tempatan untuk menerangkan kepada mereka bahawa masalah penyerahan Sarawak telah selesai. Datu Tuanku Mohamad seorang Pegawai Bumiputera (yang telah mengundi membantah penyerahan dalam Majlis Mesyuarat Negeri) walau bagaimanapun telah dengan tegasnya memberitahu Arden-Clarke bahawa orang-orang Melayu, Iban dan Kedayan tetap membantah penyerahan dan tidak akan diam.

Suatu mesyuarat telah diadakan oleh ahli-ahli kumpulan anti-cession disana pada 14hb. November 1946 untuk menghantar satu perwakilan bagi menyambut kedatangan Anthony Brooke dan merancangkan untuk mengadakan satu majlis jamuan baginya apabila dia sampai ke Miri. Di Bahagian ketiga pula surat-surat bantahan telah dikirim kepada Gabenor Arden-Clarke menerusi Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak dan Pergerakkan Pemuda Melayu oleh ketua-ketua orang-orang Melayu dan Kayan di Belaga dan cawangan Pergerakkan Pemuda Melayu di Kapit, Penghulu Janting yang telah mengakui mewakili 2,421 orang Melayu dan Iban di Song dan Penghulu Hiang Nyipa (yang mewakili 2,000 Iban di Kapit).

Pejabat Tanah Jajahan Takluk tidak berniat hendak melepaskan Sarawak sebagaimana yang dibuatnya keatas Malaya. Malahan pula puak Anti-Cession di Britain tidaklah sekuat jentera perjuangan yang disusunkan oleh golongan penentang-penentang yang terdiri dari pegawai-pegawai Kerajaan dan swasta Melayu yang telah lama berkhidmat disana diperkuatkan pula oleh kepentingan perniagaan mereka. Walau bagaimanapun, Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak, ketika itu berpeluang memperkuatkan cawangan-cawangan yang ada dan membuka pula yang baru. Tuan Haji Abdul Rahman telah membuat dayausaha untuk menubuh kaum Ibu, langkah yang menunjukkan beliau bukanlah seorang yang semata-mata konservatif seperti yang dianggap oleh "Golongan Dalam" itu. Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak juga telah dapat berjaya meruntuhkan ahli-ahli Young Malay Association. Pada pertengahan bulan November 1946, 27 orang ahli Young Malay Association telah berhenti dan masuk Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak. Ini adalah satu pertanda bahawa ahli-ahli Young Malay Association di Sibu dapat juga di pengaruhi oleh Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak.

Anthony Brooke Diharamkan Datang Ke Sarawak
Datuk Patinggi Meninggal Dunia

Pada 17hb. November 1946, Datuk Patinggi Abang Haji Abdillah telah mengirim kawat kepada Betram Brooke menyatakan bahawa beliau ingin hendak berjumpanya dengan segera. Kawat tersebut telah berbunyi: "Saya rasa hayat saya akan berakhir dan oleh yang demikian, saya ingin hendak berjumpa tuan semasa saya masih lagi ada didunia ini." Empat hari kemudian iaitu pada 21hb. November 1946 beliau telah menghembus nafas yang akhir. Kematian beliau telah menggempar seluruh negeri terutama pihak Anti-Cession yang mengakui bahawa Datu Patinggi lah bapa perjuangan kemerdekaan Sarawak. Hilangnya Datuk Patinggi Abang Haji Abdillah adalah satu kehilangan yang payah dicari ganti, seorang pemimpin yang berdarah Raja berjiwa rakyat.

Hari perkebumiannya telah dihadiri oleh beribu-ribu rakyat dari berbagai kaum, sebelum jenazahnya berangkat dari Darul-Kurnia, telah diadakan penghormatan terakhir ketika itu juga wasiatnya telah dibaca dihalayak ramai. Alustaz Haji Sharkawi Sheikh Osman telah berucap kepada kira-kira 4,000 yang hadir dengan satu ucapan yang bersemangat dan menyayat hati para pendengarnya. Perjuangan Datu Patinggi telah dipaparkan satu persatu. Jenazahnya telah diiringi oleh beribu-ribu rakyat termasuk guru-guru dan anak-anak sekolah dari beberapa sekolah di Kuching. Jenazah beliau telah disembahyang di Masjid Besar Negeri.

Kehilangan Datuk Patinggi Abang Haji Abdillah adalah kehilangan yang besar bagi orang Melayu. Walau bagaimanapun kematian beliau tidak mematikan semangat mereka malah telah meninggi dan menguatkan lagi semangat perjuangan mereka. Datuk Patinggi lah orang yang telah menyatukan ahli Persatuan Dayak Sarawak (Sarawak Dayak Association) dengan orang Melayu dan beliau adalah disifatkan sebagai Pahlawan Politik - dalam sejarah Sarawak yang pertama. Beliau sentiasa membuka pintunya kepada rakyat bumiputera sehingga rumah kediamannya telah dijadi pusat pergerakan perjuangan menentang penyerahan oleh Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak dan kemudian "Darul-Kurnia" juga telah dijadikan sebagai ibu pejabat Barisan Pemuda Sarawak.

Seminggu setelah kematian Datuk Patinggi, keluarga Datuk Patinggi dan Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak telah menjemput Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negeri, wakil-wakil dari Persatuan Dayak Sarawak (Sarawak Dayak Association) ketua-ketua kampung dalam Daerah Kuching untuk membincangkan langkah-langkah perjuangan menerusi konsela-konsela Melayu. Kesan dari keputusan itu ialah apakala Majlis Mesyuarat Negeri yang berlangsung pada 2hb. Disember 1946, Datu Hakim Abang Haji Mohiddin dan Datu Menteri Encik Zain dan dua orang ahli lagi telah enggan menandatangani minit rasmi mesyuarat tersebut. Walau bagaimanapun tidak seorangpun ahli-

ahli majlis yang lain itu menolak apakala diminta mengangkat sumpah taat setia kepada Baginda King seperti dilakukan oleh Allahyarham Datuk Patinggi Abang Haji Abdillah. Pada upacara pembukaan persidangan Majlis Negeri itu, Gabenor Arden-Clarke telah menegaskan dalam ucapannya bahawa walaupun dimasa sebelum Datuk Patinggi meninggal dunia. Keputusan mengenai Cession -'(Penyerahan) adalah mutamad dan tidak akan ditarik balik.

Sebelum Datu Patinggi meninggal, Anthony Brooke telah mengutus surat kepada Pejabat Jajahan Takluk untuk minta bantuan bagi mendapat kebenaran perjalanan ke Sarawak untuk membolehkannya mengumpul bahan-bahan untuk perbicaraan berkaitan tuduhan fitnah yang dibuat oleh MacBrayn terhadapnya. Pada 13hb. November, Pejabat Tanah Jajahan Takluk telah memberitahu bahawa mereka tidak dapat menolong menguruskan perjalanan itu dengan tidak pun menjelaskan bahawa dia tidak dibenar masuk ke Sarawak. Berikutan dengan itu, dia terbang ke New York pada 6hb. Disember 1946 dengan tujuan hendak menyeberang Lautan Pasifik ke Sarawak. Anthony Brooke berkata bahawa "Saya tidak akan menghasut pemimpin bumiputera dan saya hanya datang untuk berunding dengan kawan-kawan di Sarawak berkenaan dengan masalah undang-undang." Waktu di New York dan di San Francisco Anthony telah membuat beberapa keterangan menerusi akhbar yang disebar luas menegaskan bahawa beliau telah dijemput oleh Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak untuk membincang kehendak-kehendak bumiputera berhubung perkembalian kemerdekaan Sarawak. Dia juga menjelaskan bahawa Privy Council akan mengambil masa dua atau tiga tahun untuk memutuskan sama ada "Cession" itu sah atau tidak, sementara itu sekiranya nyata rakyat tidak mahu taraf koloni (penjajahan) Mahkota British boleh juga menggunakan kuasanya dibawah arahan dalam Majlis Mesyuarat untuk membatalkan cession (penyerahan).

Gabenor Arden-Clarke tidak bersedia untuk membenar Anthony.Brooke masuk ke Sarawak, dan belian telahpun diberi kuasa oleh Pejabat Tanah Jajahan Takluk untuk mengeluarkan arahan pencegahan dibawah undang-undang yang sama yang dikeluarkan kepada MacBrayn dalam tahun 1936. Dalam sebuah kenyataan rasmi, Kerajaan Koloni telah menuduh Anthony Brooke hendak mempengaruhi rakyat yang mahukan kemerdekaan Sarawak dibawah Brooke itu.


Anthony Brooke telah sampai di Manila pada tengah bulan Disember, 1946, dia mendapat tahu bahawa beliau telah disekat masuk ke Sarawak dan tidak diberi Visa untuk ke Singapura apabila dia menolak syarat yang dikena keatasnya agar meninggalkan perjuangan politik menuntut Sarawak. Kemudian diapun bertolak ke Hong Kong dimana beliau diarah oleh pihak yang berkuasa supaya jangan berhubung dengan akhbar. Walau bagaimanapun dia dengan segera mengadakan persidangan akhbar. Tidak berapa lama dari itu perkara ini dibangkitkan dalam Parliamen British, maka George Hall terpaksa bersetuju membenarkan dia pergi ke Singapura dan ke negeri-negeri Malayan Union.

Pada awal Januari 1947, Anthony Brooke tiba di Singapura dan berhajat hendak tinggal disana sehingga sekatan keatasnya untuk melawat Sarawak itu dimansuhkan. Gladys Brooke telah berada disana beberapa minggu dahulu dan mereka mendapat sebuah rumah yang digelarkan "Rumah Sarawak" yang dijadikan ibu pejabat pergerakan Anti-Cession di Singapura.


Rancangan Anthony Brooke hendak melawat Sarawak telah menyebabkan timbulnya kegiatan bertambah sibuk bagi Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak dan Persatuan Dayak Sarawak di Kuching dan semua pihak Anti-Cession diseluruh Negeri. Sekumpulan besar kira-kira 20,000 atau 30,000 orang Melayu dan Iban dari semua daerah merancangkan hendak menyambut kedatangan Anthony Brooke. Sambutan besar-besaran ini sengaja dirancangkan agar menunjukkan satu perbezaan besar dengan sambutan diwaktu kedatangan Gabenor Arden-Clarke yang amat sunyi kerana dipulaukan oleh pihak orang Melayu. Sibu dan Miri juga telah menghantar jemputan kepada Anthony Brooke, begitu juga tempat-tempat lain, menerusi Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak dan Pergerakan Pemuda Melayu. Encik Mohd. Maamoon Nor dilantik sebagai Pegawai Pengiring.

Sembahyang Hajat di Masjid Besar

Pada 24hb. November 1946, beribu-ribu orang Melayu telah mengadakan satu perhimpunan di Masjid Besar serta mengadakan sembahyang hajat, dan memohon kehadrat Allah untuk mendapat kembalinya kemerdekaan tanah air mereka dan tahta kerajaannya. Tidak disangka-sangka berita diterima mengenai kedatangan Anthony Brooke itu telah dibatalkan. Kerajaan British telah menyekatkan kedatangannya dengan kekuatan undang-undang dan menganggapkan beliau sebagai seorang Persona-non-Grata. Rakyat yang telah membuat persedian yang berbesar-besaran itu amat keciwa sekali dan bertambah pula marah mereka kerana lawatan itu dibatalkan. Adalah tidak wajar bagi seorang keluarga Brooke sendiri tidak dibenarkan datang ke Sarawak. Surat-surat bantahan dibuat dengan serta merta dan pada 18hb. Januari 1947, sepandok-sepandok dipasang diperkarangan masjid negeri. Sekali lagi sembahyang hajat diketuai oleh Tuan Haji Bolhassan Haji Daud memohon agar sekatan keatas Anthony Brooke itu diangkat dan berdoa mendapat petunjuk dan hidayah dari Allah supaya perjuangan dilancarkan itu menurut tatasusila undang-undang dan perjuang-perjuang dapat perlindungan Allah waktu mengadakan kempen-kempen mereka. Abang Haji Zaini dan Tuan Haji Bolhassan terpaksa berangkat ke Singapura merayu pertolongan Malcom MacDonald.




Barisan ahli-ahli 338 orang Pegawai-pegawai Kerajaan yang berjuang menentang gagasan Penyerahan Sarawak kepada Mahkota Inggeris, mereka meletak jawatan masing-masing kerana tidak patuh kepada arahan "Circular No. 9" Kerajaan Inggeris.



Satu lagi gambar Barisan Pejuang 338 yang mementang Penyerahan Negeri Sarawak kepada Mahkota British. Darul Kornia tempat kediaman pemimpin Agung Kemerdekaan Sarawak, Datuk Patinggi Abg. Haji Abdillah.



Beribu-ribu rakyat behimpun di Kota Kuching pada Julai 1947 mengadakan rapat raksasa membantah penyerahan Negeri Sarawak kepada kerajaan Inggeris.



rarakan tunjuk Perasaan yang terbesar dalam sejarah di Kuching dalam 1947, tidak keting-an beribu-ribu kaum Wanita yang turut serta.




Satu lagi pemandangan Perarakan Anti-Cession yang berlangsung pada 1 Julai 1947.





Selain dari perarak raksaksa diadakan u membantah Penyera Sarawak itu, diada juga perhimpunan syarahan. Di sini PKMS sebagai pemba kang Penyerahan m gangkat tangan u berikrar berjuang me tang penjajah.


Semangat Kaum Ibu kita berkobar-kobar berjuang berganding bahu dengan Kaum Bapa dan Pemuda dalam panas yang terik tersenyum berarak dalam suatu tunjuk perasaan di Kuching pada 1.7.47 - berkeliling di sekitar bandar Kuching.



Ranee Muda Sarawak, isteri kepada Anthony Brooke telah melawat Sarawak dan berjumpa khas dengan golongan Anti-Cession. Beliau disambut dimana saja beliau pergi dengan meriah dan berbesar-besaran. Di Sibu beliau di temani oleh Pemimpin Kaum Ibu PKMS Puan Lily Eberweine. Ranee Muda duduk berpakaian tradisional Melayu No. 6 dari kanan dan Puan Lily disebelah kanannya.



Sebahagian dari kakitangan Jabatan Percetakan Kerajaan yang meletak jawatan mereka kerana menuntut kebebasan dan keadilan, mereka bersama dengan 338 rakan sejawat mereka sama sama berjuang terus membangkang penyerahan.



Pancaragam Bandarsah Melayu Bersatu yang sama sama berjuang menentang 'Cession' setiap rapat raksasa dan perarakan tunjuk perasaan merekalah mengepalai perbarisan. Mereka bergambar bersama sama dengan Tuan Haji Suut Tahir, Setiausaha Agung, Barisan Pemuda Sarawak.



Majlis Kampung PKMS ditubuh di merata-rata kampung di sekitar Kuching. Disini Ahli-ahli Majlis Kampung No. 5 Kuching bergambar, dihadapan rumah Encik Mohd. Hasbie Sulaiman No. 6 dari kanan, Setiausaha Majlis Kampung No. 5 bersama anggota-anggota. Ditengah No. 7 Encik Mohamad Nor, Penasihat dan No. 8 Encik Majalis Rais Pengerusi majlis.

Kumpulan Anti-Cession di Kampung No. 6, Kuching bergambar bersama sama Yang Dipertua PKMS, Abang Haji Zaini Datuk Bentara Hj. Hashim No. 6 dari kanan.



Rosli Dhobie - Perwira Menentang Penjajah Inggeris

Tidak pernah gentar walaupun dibelenggu, Rosli Dhobie, pemuda yang telah membunuh Ducun Stewart, Gabenor Inggeris yang Kedua. Rosli Dhobie adalah ahli Kumpulan Rukun 13 P.P.M. di Sibu. Beliau ditangkap pada bulan Disember 1949.




Awang Rambli bin Awang Deli, Pemimpin Pergerakan Pemuda Melayu Sibu bersama dengan ahli-ahli Pergerakannya sebelum menjalan hukuman kerana dituduh perancang pembunuhan Ducun Stewart, Gabenor Inggeris Kedua di Sibu - 1947. Duduk dari kanan: Abang Suhai, Awang Rambli bin Mohd Deli dan Tua Kampung Abang Sulhi.
Berdiri dari kanan: Bujang Razali, Zain Abu, Yusuf Ahmad dan Yusuf Haji Marais.





Roslie Dhoby: Pemuda Sarawak yang mengorbankan Gabenor Duncan Stewart, Gabenor Inggeris Kedua, akibat tentangan terhadap penyerahan Sarawak kepada Kerajaan British.

MALAM SENI ANEKA WARNA ANJURAN L.K.K/PKMS



Untuk memungut derma dari orang ramai bagi tabung membina Sekolah Rakyat Kuching, sebuah Jawatan Kuasa khas ditubuhkan oleh Lembaga Kebudayaan dan Kesenian PKMS bagi mengadakan satu petunjukkan Seni Anika Warna di Bangunan Taman MBHT. Jalan Haji Taha Kuching. Pertunjukkan ini telah dapat memungut wang sebanyak $7,800.00. Upacara penyerahan wang itu telah diadakan pada 5.1.58 kepada Encik Mohamad Haji Bakeri yang Di Pertua Persatuan Melayu Sarawak oleh Encik [illegible] Salleh, [illegible] Lembaga Kebudayaan PKMS.



Pengerusi Lembaga Kebudayaan dan Kesenian PKMS Encik Abdul Kadir Marikan Salleh telah menyampaikan cek berharga $7,800.00 untuk membina bangunan Sekolah Rakyat di Jalan Haji Bolhassan, Kuching. Wang tersebut adalah hasil pungutan dari malam Seni Aneka Warna PKMS. Berdiri dihadapan sebelah kanan ialah Encik Mohd. Hasbie Sulaiman, Pengerusi Majlis dan Setiausaha LKK/PKMS.



Sekolah Rakyat pada mulanya tidak mempunyai bangunannya sendiri. Ia menumpang di rumah-rumah orang. Di sini kelihatan mereka yang belajar di rumah Encik Dahan Ahmad di Kampung Bintangor Kuching.



Kerusi dan bangku semua dalam keadaan yang mendukacitakan . Guru-guru mengajar pun tidak menerima gaji mereka. Demi untuk bejuang bagi mendidik anak-anak bangsa mereka rela berkorban.



Kaum Ibu PKMS sedang mengadakan persidangan di Bangunan MBHT di Jalan Haji Taha, Kuching. Mereka sedang mendengar ucapan dari Puan Lily Eberwine Yang Di-Pertua Kaum Ibu, berbaju putih, berdiri di hadapan Cikgu Ajibah Abol yang berbaju berbunga itu.



Sebahagian dari murid-murid Sekolah Rakyat yang di tubuhkan oleh guru-guru dan ahli-ahli PKMS yang telah meletak jawatan mereka kerana membantah penyerahan Sarawak kepada Inggeris.



Sebahagian dari Kakitangan Kerajaan di Pejabat Perdagangan dan Kastam, di Kuching yang enggan menandatangani Surat Perkelilingan No. 9.

Barisan hadapan duduk dari kanan: Encik Mohd. Hasbie Sulaiman, (Pengarang Buku ini), Encik Othman Haji Abdul Rahman, Encik Salleh Udin.

Barisan tengah: Encik Hamid bin Sapong, Encik Ahmad bin Ali Bombay, Encik Daud, Abang Ibrahim bin Abg. Jalani, Encik Tomy bin Rashid, Encik Hashim bin Bol, Encik Mokhtar bin Udin, Encik Nawawi Hj. Zain.

Berdiri di belakang: Encik Ismail bin Mohamad, Encik Badwi bin Ahmad, Encik Yak bin Othman, Encik Weng bin Abdul Rahim, Encik Sahari bin Hashim, Encik Zen bin Haji Ahmad, Encik Hipni bin Abdul Rahman, Encik Kiplawi bin Salleh, Encik Salleh bin [illegible] dan Encik Zani bin Jol.

Bahagian VII
Circular No. 9

Circular No. 9

Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak dan Persatuan Dayak Sarawak merasa begitu hampa dan tidak puashati atas tindakan kerajaan British menyekatkan kedatangan Anthony Brooke ke Sarawak, dan bertambah lagi gentingnya isu politik di Sarawak. Sementara itu kerajaan koloni telah membuat satu lagi tekanan politik yang berkesan. Pada 11hb. Disember 1946, Encik Suhaili Matlayer telah menerima surat amaran kerajaan iaitu "Circular No. 9" yang bertujuan untuk melemahkan kegiatan pergerakan Anti-Cession. Sesiapa sahaja dari kakitangan kerajaan yang menghubungi dirinya dengan sebarang kegiatan yang dibentuk untuk membangkitkan soal penyerahan, atau melakukan sebarang tindakan yang tidak taat kepada Kerajaan akan diberhentikan kerja dengan serta merta. Sesiapa yang tidak sanggup menurut peraturan ini dikehendaki memberitahu ketua-ketua jabatan masing-masing selewat-lewatnya pada 13hb. Disember 1946.

Mesyuarat Tergempar Pegawai-Pegawai Kerajaan

Satu mesyuarat tergempar telah diadakan dengan serta merta oleh Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak yang diketuai oleh Encik Suhaili Matlayer dan ahli-ahli "Golongan Dalam", dimana kakitangan-kakitangan kerajaan telah hadir untuk membincangkan pasal "Circular No. 9" itu bertempat di Darul-Kurnia. Tiap-tiap kakitangan kerajaan dinasihatkan agar mereka jangan menandatangani Circular itu, kerana tiap-tiap tanda tangan mereka itu adalah paling berharga bagi mereka. Pada ketika itu Alustaz Sharkawi Syiekh Osman yakin 80% dari kakitangan kerajaan akan meletak jawatan daripada menyerahkan tanah tumpah darah dan kemerdekaan mereka. Walau bagaimanapun beliau bersyukur kerana Kerajaan tidak mengambil tindakan itu terlebih awal dahulu, kalau tidak nescaya banyaklah yang menyerah dan tunduk dengan tidak mengetahui "Kebenaran" yang sebenarnya disematkan dihati mereka itu hingga hari ini. Sungguhpun kumpulan "Golongan Dalam" telah memberitahu berita itu lebih awal, tetapi pengeluaran resmi Circular No. 9 itu ialah pada 20hb. Disember 1946, dan tetap juga menjadi satu perkara yang mengejutkan bagi kebanyakan orang Melayu. Menurut satu kawat yang dikirimkan oleh Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak kepada William Crocker, kedatangan circular itu adalah sebagai "pukulan hebat" yang dijatuhkan ke atas mereka.

Memang tidak diragukan lagi bahawa Gabenor Arden-Clarke tidak dapat bersabar lagi dengan kegiatan pembangkang penyerahan itu dan kecenderungannya mengamalkan tatasusila pentadbiran koloni ala Afrika itulah yang menyebabkan dia memerintah agar diadakan Circular No. 9 itu. Sejak dia mula-mula

memijak kaki di Sarawak memanglah sanubarinya telah dipenuhi dengan "semangat hendak berperang" dan nekad untuk menghancurkan pergerakan Anti-Cession secepat mungkin.

Langkah perjuangan Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak, telah dipengaruhi oleh apa yang berlaku di Malaya dimana tindakan pulau memulau amat berkesan sekali. Dalam beberapa bulan terdahulu dari itu ahli-ahli persatuan bekerja keras untuk mengajak rakyat agar jangan memperaku Circular itu dengan bertujuan agar pentadbiran Kerajaan terhenti sehinggalah circular ditarik balik hendaknya. Borang-borang khas untuk membantah tindakan Kerajaan itu telah disediakan dan ditandatangani oleh 353 kakitangan Kerajaan. Kempen Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak untuk mendapat tandatangan seberapa banyak yang boleh telah berjalan dengan lancar dan tindakan yang sama telah diselanggarakan oleh Pergerakan Pemuda Melayu di Sibu. Tuan Haji Sau'ut Tahir yang ditugaskan dalam menyelanggarakan tindakan ini, merasa bahawa tindakan ini bukanlah perkara yang mudah untuk mendapat sokongan seluruh orang Melayu. Terdapat banyak halangan dan kerumitan bagi menyatakan kepada rakyat agar mereka menyedari akan betapa pentingnya dan besarnya erti kemerdekaan itu kepada mereka, di sebabkan ketiadaan surat-surat khabar Melayu untuk menyampaikan berita perjuangan, membangkitkan semangat kesedaran dan kebangkitan politik serta menyebarkan pendapat-pendapat di Sarawak seperti adanya Utusan Melayu dan Warta Negara di Malaya pada masa itu. Cara yang paling berkesan pada masa itu, ialah menterjemahkan rencana-rencana pengarang dan surat-surat dihalaman pembaca akhbar-akhbar Inggeris dari England dan Singapura untuk diedarkan dalam bentuk risalah-risalah. Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak terpaksa bergantung dengan bantuan sukarela dari ahli-ahlinya, keluarga dan perhubungan lain untuk menyebarkan asas-asas perjuangan. Kempen dijalankan dari seorang keseorang secara peribadi.

Dalam masa empat bulan mulai dari bulan Disember 1946 hingga April 1947 adalah jangka masa yang paling hebat pertentangan diantara pihak Anti-Cession dan Kerajaan koloni dan ini merupakan cabaran besar atas ketaatan kakitangan Melayu dalam Jabatan Kerajaan. Timbalan Pengarah Perhubungan Awam Kerajaan Malayan Union, A.J.W. Hoekenhull telah dihantar ke Kuching pada awal Disember 1946 untuk melaporkan keadaan politik di Sarawak dan diarah untuk melaporkan kegiatan kempen Anti-Cession dan bagaimana cara untuk bertindak terhadapnya.

Laporan beliau itu telah jatuh ketangan pihak Anti-Cession dan dikirimkan kepada Anthony Brooke, K.H. Digby juga datang ke Sarawak untuk menyambung semula jawatannya sebagai Penasihat Undang-undang dan sebagai Pengarang "Sarawak Gazette". Dia telah ditugaskan untuk menulis rencana-rencana bagi menjawab kupasan-kupasan Anthony Brooke. Kemudian disiarkan dalam akhbar Sarawak Tribune dibawah nama samaran dengan tujuan untuk melawan siaran-siaran dari benteng Anti-Cession yang dikutip dari akhbar

Singapura. Rencana-rencana Digby yang telah disiarkan itu menyebabkan Anthony Brooke mengambil tindakan mahkamah keatas Digby dan Akhbar Tribune. Kerajaan Koloni telah menyekat akhbar Sarawak Tribune dari menyiarkan berita-berita perjuangan Anti-Cession. Sebab itulah Sarawak Tribune tidak lagi mengeluarkan berita-berita perjuangan Anti-Cession semenjak bulan Mac 1946, kecuali apa yang disiar diakhbar-akhbar Singapura dan England saja.

Sementara itu, ketua-ketua jabatan telah diarahkan untuk menasihati kakitangan mereka yang memberi notis hendak berhenti kerja itu supaya jangan berbuat demikian, kerana mereka akan kehilangan bonus-bonus mereka dan pencen-pencen serta wang sumbangan Kerajaan kepada meréka. Kerajaan Koloni juga membuat tekanan kepada Pegawai-pegawai Eropah yang telah berkhidmat sebelum perang dan yang bersimpati kepada perjuangan Anti-Cession. Gabenor Arden-Clarke telah memberi amaran kepada mereka supaya memberi sepenuh-penuh ketaatan kepada Kerajaan kalau tidak berhenti dari berkhidmat. Kenneth Whale, Pengurus Besar, Syarikat Sarawak Steamship Ltd, yang turut membangkang diatas penyerahan dan telah membantu pergerakan itu dengan berbagai cara, telah melaporkan bahawa sebahagian dari pegawai-pegawai yang selalunya membayangkan pandangan dan pendapat mereka tentang "Cession" selepas Persidangan Majlis Undangan Negeri dahulu, telah berubah sikap sama sekali, mereka terpaksa lah berdiam diri saja dari membuat ulasan-ulasan seperti dahulu. Lebih-lebih lagi, dipercayai bahawa segala surat-surat yang dikirim keluar negeri telah diperiksa dan ditapis terlebih dahulu. Tindakan positif yang dijalankan oleh Kerajaan koloni ialah untuk mengkaji semula tanggagaji dan syarat-syarat kerja Pegawai Pentadbiran Rendah. Sebulan awal dari itu pula $5,000.000 telah diperuntukkan untuk Sarawak dari Tabung Pembangunan Tanah Jajahan Takluk. Ini semua untuk mengambil hati rakyat.

Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak tidaklah ada mempunyai apa-apa pendapatan kewangan seperti pertubuhan-pertubuhan lain ia bergantung hanya kepada perpaduan orang Melayu dan derma dari ahlinya sahaja. Kegiatan pulau memulau disegi agama dan sosial keatas keluarga kumpulan pro-cession dilakukan keatas pegawai-pegawai kerajaan yang 'RUJUK' - balik menyokong kerajaan dan yang tidak mahu berhenti bekerja. Tindakan ini disifatkan oleh kerajaan koloni sebagai 'ugutan' dari PKMS. Demi untuk mendapatkan nasihat dan sokongan moral, Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak telah mengirim suatu perwakilan ke Singapura untuk berjumpa Anthony Brooke dalam bulan Februari 1947. Selain dari itu Encik Mohd. Maamoon Nor dan Encik Robert Jitam juga pergi secara tidak rasmi dengan tujuan menguatkan rancangan kempen mereka. Anthony Brooke telah menasihatkan mereka supaya menarik balik surat perletakan jawatan mereka. Tetapi apabila rombongan Encik Mohd. Maamoon Nor dan Encik Robert Jitam balik dari Singapura, mereka telah mengadakan satu mesyuarat dengan lebih dari 50 orang pegawai-pegawai yang berhenti itu dalam masa empat jam setengah dan membuat keputusan berikut:-

1. Mereka jangan menarik balik surat perletakan jawatan mereka.
2. Sekolah-sekolah kerajaan hendaklah dipulaukan setelah 1 April.
3. Tindakan pulau-memulau disegi keagamaan dan social hendaklah diteruskan hingga mereka menarik balik surat perkeliling tersebut.
4. Kakitangan kerajaan yang tidak tetap (non-establishment) hendaklah jangan bekerja pada 1 April untuk membantah terhadap Circular itu.

Berikutan dengan ini, 28 dari jumlah 353 pegawai-pegawai yang akan bersara itu tidak mahu menurut arahan surat perkelilingan yang dikeluarkan oleh Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak yang mengandungi tujuan seperti diatas itu dan telah menarik diri mereka, tetapi dua puluh tiga lagi guru-guru Melayu berhenti pada 31 Mac 1947.

Pihak anti-cession di Kuching amat gembira kerana mendapat berita dari Young Malay Association Sibu bahawa jawatankuasa serta ahli-ahli mereka telah menukar haluan untuk menyokong perjuangan anti-cession. Abang Kipli Haji Osman, Setiausaha Young Malay Association Sibu, telah menyatakan bahawa oleh kerana dengan adanya aliran politik telah ditukar kearah perjuangan yang sebenarnya untuk memulihkan kemerdekaan dan kembalinya Brooke buat sementaranya, maka ahli-ahlinya telah memberi sokongan kepada barisan Anti-Cession. Berikutan dengan tindakan ini beliau telah pergi ke Singapura untuk berjuang bersama Anthony Brooke dan kemudian menubuhkan pertubuhan United Sarawak National Association (USNA) yang mempunyai ahli-ahli terdiri dari orang-orang Melayu dan Iban dari Sarawak.

Sultan Brunei Mencemuh Vyner Brooke

Suatu masalah yang kusut menyebabkan kerajaan koloni dan pihak yang berkuasa di Singapura berasa tersinggung dan malu apabila Sultan Brunei telah mengeluarkan suatu keterangan kepada akhbar di Singapura pada hujung bulan Februari 1947 berkata "bahawa kalaulah Sarawak hendak diserah kepada seseorang, ianya adalah saya." Ini memeranjatkan Anthony Brooke dan dia mula-mulanya berfikir ini ada kaitan dengan rancangan Pejabat Tanah Jajahan untuk menempatkan Sarawak dibawah pemerintahan Brunei, suatu langkah yang boleh memadamkan masalah Sarawak sebagai sebuah Tanah Jajahan Takluk. Walaupun demikian Sultan hanya sekadar mengulangkan apa yang telah dikatanya bagi menjawab kawat dari Datu Patinggi dan Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak dalam awal tahun 1946, antara lain berbunyi "Sarawak bukanlah sebuah ladang getah yang boleh dijual oleh Raja." Sultan juga menegaskan demikian kepada Gammans dan Rees-William apakala mereka telah mengunjungi Baginda Sultan di Brunei pada bulan Mei 1946, baginda juga menambah kata: Kalau Raja hendak menyerah Negeri itu, mengapa dianya tidak mengembalikannya kepada saya. Adalah menjadi perkara

yang anih juga, mengapakah tidak terlintas disanubari pihak Anti-Cession untuk meminta Sultan Brunei menuntut semula kedaulatan baginda keatas Sarawak.

Lahirnya Barisan 338

Pada 2nd. April 1947 lebih dari 338 orang pegawai kerajaan, 3 saja yang bukan Melayu, telah menamatkan tempoh notis 3 bulan yang diberi kepada merèka untuk berfikir semula, kerana tidak mahu mematuhi kandungan Circular No. 9 itu. Kemudian dari itu rupa-rupanya pegawai-pegawai yang meletak jawatan itu telah mencapai jumlah lebih dari 400 orang. Kumpulan yang meletakan jawatan itu telah digelarkan sebagai benteng perjuangan 338. Angka 338 ini dipilih oleh Alustaz Sharkawi Sheikh Osman, mengambil sempena dengan angka tentera Rasulullah Mohamad Al-Amin dimedan perang Badar yang termasyur itu, walaupun sedikit bilangannya tetapi membawa Rasulullah menang dengan gilang gemilang. Sehari sebelum itu 56 orang guru-guru pelatih di Kolej Latihan Guru-guru Melayu telah berhenti belajar kerana memprotes terhadap circular itu. Sejumlah 500 pula pegawai-pegawai kerajaan dari keturunan Melayu dari sekolah-sekolah dan badan-badan yang bukan kerajaan telah memohon cuti pada hari itu sebagai menghormati pengorbanan saudara-saudaranya dan ahli-ahli kumpulan 338 itu.

Pada pagi itu telah diadakan satu perhimpunan yang besar, di Darul Kurnia, tempat kediaman Datu Patinggi Abang Haji Abdillah, bapak Perjuangan Kemerdekaan Negeri Sarawak itu. Ucapan-ucapan yang bersemangat telah berkumandang diudara yang dikelolakan oleh Cikgu Johari bin Bojeng. Kemudian gambar beramai-ramai pula diadakan, satu bentuk "C No. 9" telah dibuat melambangkan peristiwa penekanan penjajah untuk menyekat dan menutup mulut rakyat dari bersuara untuk mendapat kemerdekaan. Suatu mesyuarat telah diadakan setelah itu bagi menyusun suatu rancangan menubuh sebuah syarikat koperasi yang bermodalkan sejumlah $50,000.00. Wang modal itu akan dikumpulkan wang bonos sebanyak 1/3 dari seseorang ahli yang lepas kerja dari kerajaan itu.

Sungguhpun tidakan meletakan jawatan beramai-ramai itu tidak mendatangkan kesan yang efektif namun ia menunjukkan kepada pemerhati-pemerhati politik bahawa pergerakan Anti-Cession bukanlah hanya seperti yang dianggap oleh Arden-Clarke sebagai satu kumpulan orang yang pernah bersetuju dengan Jepun dan golongan orang yang tidak puas hati. Tetapi bagi pegawai-pegawai itu, ini adalah suatu keputusan peribadi yang bersejarah bagi mereka sebagai suatu perjuangan, pengorbanan dan tanggungjawab politik kepada bangsa dan nusa memandangkan bahawa peluang mendapat kerja diluar perkhidmatan kerajaan adalah tidak begitu baik.

Untuk menjadi suatu contohnya kepada generasi baru dalam bulan Januari

1947, dua orang Pegawai Halehwal Bumiputera dan 4 orang kakitangan kerajaan yang dikumpul sama jangka masa perkhidmatan mereka berjumlah lebih 100 tahun kesemuanya, telah memberitahu Betram Brooke betapa besarnya harga tindakan yang mereka ambil itu. Dengan mengambil tindakan ini, kami telah mengorbankan mata pencarian kami dan kesenangan dunia untuk menunjukkan cinta kami kepada tanah air kami yang kini dijadi sebagai tanah jajahan mahkota British dan mempertahan kemerdekaan negeri dibawah pemerintahan Brooke. Almarhum Tan Sri Haji Sau'ut Tahir, pernah menegaskan dalam suratnya kepada Anne Bryant, pada 29 Mac 1949, iaitu, tindakan pegawai-pegawai meletakkan jawatan mereka, bermulalah masa susah bagi sejumlah rakyat, akan tetapi ia berarti bahawa lebih luas dan banyak kemudahan dan banyak pula masa untuk menumpukan perjuangan kami. Perkara seperti inilah yang tidak dipertimbangkan orang seperti Arden-Clarke dan Dawson. Mereka memikir bahawa dalam masa seminggu dua lagi ada yang telah meletak jawatan itu akan kembali mengetuk pintu kerajaan untuk mendapat kerja mereka balik. Memang ada juga sedikit saja yang berbuat demikian. Tetapi sebahagian besar ahli-ahli Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak yang muda berazam hendak menghidupkan semangat 338 (Pergerakan 338). Merekalah menjadi tulang belakang pergerakan politik di Sarawak dan tidak akan ujud "obor" api kemerdekaan sekiranya tidak kerana Circular No. 9 dan perjuangan Anti-Cession.

Kumpulan yang terbesar meletakkan jawatan ialah guru-guru Melayu, 60 orang yang bekerja dalam daerah Kuching, hanya dua orang saja yang masih bekerja setelah bulan Februari 1947. Seperti rakan-rakan mereka di Malaya yang telah memberi sokongan penuh kepada perjuangan UMNO, guru-guru Sarawak sedar bahawa mereka adalah merupakan benteng yang memeliharakan kebudayaan Melayu dan Islam daripada dihapus oleh arus pengaruh kebudayaan luar. Pengorbanan dan perjuangan mereka menubuhkan sekolah-sekolah rakyat di Kuching dan Sibu melambangkan hasrat mereka yang lagi tabah dan cekal menghidupkan tujuan Anti-Cession disanubari generasi muda untuk membangkit serta meninggikan kedudukan social dan ekonomi orang-orang Melayu. Pergerakan dan tindakan menujukan kearah pembaharuan kedudukan social ini pernah diusahakan oleh Encik Rakawi Yusoff dan Fajar Sarawak dalam tahun tiga puluhan.

Robert Jitam telahpun berusaha keras untuk menganjurkan supaya pegawai kerajaan dari keturunan Iban juga turut meletak jawatan, tetapi ahli jawatankuasa Sarawak Dayak Association tidakpun berbuat apa-apa. Mereka khuatir golongan pegawai mereka yang sedikit itu kalaulah semua meletak jawatan, tidaklah yang ada tinggal untuk memimpin mereka dalam arena perkhidmatan di pejabat-pejabat.

Disini diturunkan senarai kakitangan kerajaan dari keturunan Melayu yang telah berkorban kesenangan hidup, pangkat, kedudukan dan mata pencarian mereka kerana menuntut kemerdekaan tanah air mereka yang dicintai. Senarai

ini amat penting sebagai catitan sejarah yang akan ditatapi oleh generasi baru yang akan menjadi pemimpin-pemimpin negeri ini dimasa muka. Kalaupun tidak ada orang mengenang dan menghormati mereka kelak, tetapi sejarah perjuangan mereka harus dimetrikan dalam lambaran sejarah bagi membuktikan bahawa orang Melayu tidak takut berkorban kerana tanah air mereka.

Senarai dibawah ini telahpun disiar dalam akhbar Sarawak Tribune pada 3 April, 1947 menujukan jabatan-jabatan yang terlibat mengeluarkan benteng 338:-

1.	Jabatan Pelajaran	76
2.	Jabatan Pertanian	4
3.	Jabatan Tanah dan Ukur	18
4.	Perbandaran Kuching	4
5.	Jabatan Pos dan Telegraf	43
6.	Jabatan Bomba	17
7.	Museum	9
8.	Jabatan Laut	40
9.	Jabatan Hutan	7
10.	Jabatan Kastam	26
11.	Jabatan Kerjaraya	12
12.	Jabatan Perubatan dan Kesihatan	18
13.	Jabatan Perbendaharaan	8
14.	Jabatan Percetakan	18
15.	Jabatan Urusetia	4
16.	Jabatan Halehwal Bumiputera	1
17.	Jabatan Residen dan Mahkamah Daerah Kuching	5
18.	Jabatan Urusetia Halehwal Cina	1
19.	Jabatan Istana	2
20.	Jabatan Polis	13
21.	Depot	1
22.	Jabatan Undang-undang	1

Senarai Nama-Nama Ahli Tiga-Tiga Lapan

JABATAN PELAJAR

1. Cikgu Haji Johari Bojeng	*Kampung Bintangor, Kuching*	
2. Cikgu Kadri bin Wai	*Jalan Ellis, Kuching*	*Meninggal*
3. Cikgu Arfan Haji Salleh	*Kampung No. 4, Kuching*	*Meninggal*
4. Cikgu Lily Eberwine	*Kampung Satok, Kuching*	*Meninggal*
5. Cikgu Ajibah Abol	*Kampung Masjid, Kuching*	*Meninggal*
6. Cikgu Wan Habib Kassim bin Tuanku Haji Ali	*Meninggal*	
7. Cikgu Tuanku Madhi bin Tuanku Othman	*Jalan Haji Mataim, Kuching*	*Meninggal*
8. Cikgu Haji Othman bin Zainuddin	*Jalan Laruh, Kuching*	
9. Cikgu Alis bin Musa	*Kenyalang, Kuching*	
10. Cikgu Wan Sharbini bin Tuanku Shukran	*Kampung Lintang, Kuching*	*Meninggal*
11. Cikgu Haji Hussein Haji Paris	*Jalan Astana, Kuching*	
12. Cikgu Haji Perhi bin Bujang	*Jalan Muhibbah, Kuching*	
13. Cikgu Haji Dolhan Haji Paris	*Jalan Pisang Barat, Kuching*	
14. Cikgu Haji Yusuf bin Johari	*Miri, Sarawak.*	*Meninggal*
15. Cikgu Haji Edwin Haji Bakri	*Kampung Muda Hashim, Kuching*	
16. Cikgu Ibrahim bin Ali	*Kampung Tupong Ulu, Kuching*	*Meninggal*
17. Cikgu Abang Saufi Abang Haji Gapur	*Kampung Masjid, Kuching*	*Meninggal*
18. Cikgu Abang Anuar Abang Juaini	*Jalan Abong Taib, Kuching*	*Meninggal*
19. Cikgu Abet Abdul Rahim	*Kampung No. 4, Kuching*	*Meninggal*
20. Cikgu Narawi bin Man	*Kampung Tanjong, Kuching*	
21. Alustuz Haji Sharkawi bin Othman	*Jeddah, Saudi Arabia*	
22. Cikgu Haji Zain bin Hashim	*Kampung Patingan, Kuching*	
23. Cikgu Ahmad bin Topen, Guru Pelatih	*Kampung No. 4, Kuching*	
24. Cikgu Zain bin Satem	*Kampung Masjid, Kuching*	*Meninggal*
25. Cikgu Mustapha bin Ismail	*Kampung No. 2, Kuching*	
26. Cikgu Julaihi bin Musa	*Kampung Bintangor, Kuching*	*Meninggal*
27. Cikgu Othman bin Bojeng	*Kampung Gita, Kuching*	
28. Cikgu Khatib bin Drahman	*Kampung Istana, Kuching*	
29. Cikgu Derap bin Isa	*Kampung Parit Lama, Kuching*	
30. Cikgu Bisuni bin Sabang	*Kampung Parit Lama, Kuching*	

31. Cikgu Haji Aliman bin Samad	Kampung Parit Lama, Kuching	
32. Cikgu Umar bin Bujang	Kampung Parit Lama, Kuching	Meninggal
33. Cikgu Haji Hashim bin Ismail	Kampung Metang, Kuching	
34. Cikgu Juita bt. Lambong	Kampung Metang, Kuching	
35. Cikgu Sulong bin Bujang	Jalan Laruh, Kuching	
36. Cikgu Nawawi bin Bujang		Meninggal
37. Cikgu Hipni bin Bakri	Kampung Tupong Batu, Kuching	
38. Cikgu Nasar bin Alias	Kampung Tupong Batu, Kuching	Meninggal
39. Cikgu Raliah bt. Mohamad	Kampung Satok, Kuching	Meninggal
40. Cikgu Masni bt. Bakar	Jalan Kulas, Kuching	
41. Cikgu Jita bt. Mohamad	Kenyalang Park, Kuching	
42. Cikgu Poly bin Bakar	Kampung Muara Tuang, Kuching	
43. Cikgu Haji Jahidin bin Hassan	Kampung Gita, Kuching	
44. Cikgu Ismail bin Ibrahim	Kampung Baram	
45. Cikgu Dolhan bin Materang	Kampung Panglima Seman, Kuching	
46. Cikgu Sulaiman bin Ebi	Kenyalang Park, Kuching	
47. Cikgu Haji Arbi bin Mahmud	Miri, Sarawak	Meninggal
48. Cikgu Zaini bin Mohamad	Seria, Brunei	
49. Cikgu Wan Ibrahim bin Tuanku Alwi	Jalan Haji Bolhassan, Kuching	Meninggal
50. Cikgu Sharifah Salhah bt Syed A. Rahman		Meninggal
51. Cikgu Tuanku Haji Fauzi Tuanku Othman	Kampung Lintang, Kuching	Meninggal
52. Cikgu Ibrahim bin Mohsen	Cardiff, Wales	
53. Cikgu Haji Reduan bin Mohsen	Kampung No. 2, Kuching	
54. Cikgu Haji Adeng bin Mohsen	Kampung No. 3, Kuching	Meninggal
55. Cikgu Hamdan bin Jais	Kampung Tupong, Kuching	
56. Cikgu Shukri bin Mahidi	Kampung Panglima Seman Lama, Kuching.	Meninggal
57. Cikgu Suut bin Ali	Kampung No. 2, Kuching	Meninggal
58. Cikgu Ali bin Ben	Kampung Gita, Kuching	
59. Cikgu Abdul Kudus bin Kawi	Kampung Lintang, Kuching	
60. Cikgu Adnan bin Kawi	Kampung Samarahan, Kuching	
61. Cikgu Sharifah Hasidah bt Tuanku Mansor	Kampung Tanjung, Kuching	
62. Cikgu Bojeng bin Bujang	Kampung Tanjung, Kuching	
63. Cikgu Abang bin Kachon	Kampung Lintang, Kuching	

64. *Cikgu Haji Abdul Rahman bin Ismail*	*Kampung Sungei Bedil, Kuching*	
65. *Cikgu Fadzil bin Ahmad*		*Meninggal*
66. *Cikgu Adis bin Sapong*		
67. *Cikgu Haji Daud bin Zain*	*Kampung Tupong Batu, Kuching*	
68. *Cikgu Abang Zawawi Abang Haji Latif*	*Kampung Masjid, Kuching*	*Meninggal*
69. *Cikgu Salleh bin Bojeng*		*Meninggal*
70. *Cikgu Ulis bin Hashim*	*Sarikei*	
71. *Cikgu Yahya bin Taib*	*Kampung Boyan, Kuching*	
72. *Cikgu Salem bin Jomel*		*Meninggal*
73. *Cikgu Hj. Hashim bin Hassan*	*Kampung No. 4, Kuching*	*Meninggal*
74. *Cikgu Haji Taha bin Lembong*	*Kampung Parit Lama, Kuching*	
75. *Cikgu Hasbie bin Haji Busrah*	*Kampung Masjid, Kuching*	
76. *Cikgu Haji Abdul Rahim bin Mada'an*	*Kampung Bintangor, Kuching*	
77. *Cikgu Salhah bt. Sheikh Abdullah*	*Kampung Gita, Kuching*	
78. *Cikgu Bujang bin Hassan*	*Kampung Tembirat, Kuching*	
79. *Cikgu Hol bin Jamaluddin*	*Taman Hijrah Petra Jaya, Kuching*	
80. *Cikgu Nor bin Razak*	*Kampung Satok, Kuching*	
81. *Cikgu Haji Bolhassan bin Jamaluddin*	*Kampung Satok, Kuching*	
82. *Cikgu Hasnah bt. Haji Abdul Rahman*	*Kampung Muda Hashim, Kuching*	
83. *Cikgu Ellis bin Abang*	*Kampung Gita, Kuching*	
84. *Cikgu Sheikh Abu Bakar bin Sheikh Talib*	*Kampung Gita, Kuching*	
85. *Cikgu Ibrahim bin Sham*	*Limbang*	
86. *Cikgu Nusi bin Haji Ahmad*	*Kampung Surabaya Ulu, Kuching*	
87. *Cikgu Taha bin Adam*	*Kampung Sinjan, Kuching*	
88. *Cikgu Ramli bin Hussen*	*Kampung Lintang, Kuching*	
89. *Cikgu Abang Khalik bin Haji Abg. Madhan*	*Kampung Bintangor, Kuching*	
90. *Cikgu Basri bin Abon*	*Seria, Brunei*	
91. *Cikgu Ain bin Abang Juaini*	*Kampung Masjid, Kuching*	
92. *Cikgu Tambi bin Dillah*	*Kampung Satok, Kuching*	
93. *Cikgu Morshidi bin Jumat*	*Kampung Gita, Kuching*	
94. *Cikgu Julaihi bin Ana*	*Kampung Pendam, Simunjan*	

95. *Cikgu Mohiddin bin Ibrahim*	*Kampung Ulu Simanggang*	
96. *Cikgu Yusuf bin Mahmud*	*Kampung Dagang Bintulu*	
97. *Cikgu Abang Boeng bin Abang Zailani*	*Kampung Patinggi Ali, Kuching*	
98. *Cikgu Madeli bin Bujang*	*Bintulu*	
99. *Cikgu Hasnan bin Ledek*	*Sarikei*	
100. *Cikgu Bujang bin Junit*	*Kampung Surabaya, Kuching*	
101. *Cikgu Nancy bt Haji Ahmad*	*Kampung Surabaya Ulu, Kuching*	
102. *Cikgu Dayang Masbah bt Abang Bunsu*	*Jalan Datuk Ajibah Abol, Kuching*	
103. *Cikgu Faridah bt. Lambong*	*Kampung Matang, Kuching*	*Meninggal*
104. *Cikgu Haji Mahrip bin Haji Keri*	*Kabong*	
105. *Cikgu daud bin Arup*	*Kabong*	
106. *Cikgu Ahmad Fauzi bin Haji Mahmud*	*Kampung Panglima Seman, Kuching*	*Meninggal*
107. *Cikgu Ahmad bin Mahmud*	*Limbang*	
108. *Cikgu Adenan bin Adan*	*Kampung Muda Hashim, Kuching*	
109. *Cikgu Bujang bin Abdul Rahman*		
110. *Cikgu Amin bin Ledek*	*Miri*	*Meninggal*
111. *Cikgu Abang Ahmad*	*Kampung Tengah, Saratok*	
112. *Cikgu Basri bin Abang Abdul Latif*	*Kampung Tengah, Saratok*	
113. *Cikgu Wasli bin Taha*	*Kampung Sekaan, Matu*	
114. *Cikgu Husain bin Haji Drahman*	*Sarikei*	
115. *Cikgu Abu Bakar bin Bujang*	*Sarikei*	
116. *Cikgu Yusuf bin Hossen*	*Sibu*	
117. *Cikgu Abdul Rahman*	*Tebekang*	
118. *Cikgu Agan Raja, Kelabit*	*Bario*	
119. *Cikgu Bahib*	*Baram*	
120. *Cikgu Bujang*	*Belaga*	
121. *Cikgu Hamzah bin Johari*	*Mukah*	
122. *Cikgu Zain bin Diman*	*Buntal*	
123. *Cikgu Sahari bin Yakup*	*Bako*	
124. *Cikgu Iri bin Seruji*	*Kampung Sileng, Lundu*	
125. *Cikgu Haji Bakar*	*Marudi*	
126. *Cikgu Zam Zam*	*Belaga*	
127. *Cikgu Suhaili bin Bujang*	*Paloh*	
128. *Cikgu Abang Rabaie bin Abang Abd. Gapor*	*Kampung Rabu, Debak*	

129.	*Cikgu Abang Abdul Rahman*	*Sarikei*	
130.	*Cikgu Hipni*	*Baram*	
131.	*Cikgu Hj. Gobil bin Ismawi*	*Kampung Parit Lama, Kuching*	
132.	*Cikgu Morshidi bin Nambi*	*Kota Kinabalu*	
133.	*Cikgu Wan Bujang bin Wan Umar*	*Jalan Sembulang, Sibu*	
134.	*Cikgu Wasli bin Abdul Rahman*	*Matang, Kuching*	
135.	*Cikgu Mahli bin Gapor*		
136.	*Cikgu Hj. Sabian bin Bujang*	*Kampung Tanjung, Kuching*	
137.	*Cikgu Marulalam bin Abang Bakir*	*Betong*	
138.	*Cikgu Abang Othman bin Abang Teh*	*Sibu*	
139.	*cikgu Haji Mohamad bin Bujang*	*Kampung Hilir, Simanggang*	
140.	*Cikgu Rashidi bin Haji Hassan*	*Kampung No. 2, Kuching*	
141.	*Cikgu Awang Hamdan bin Awang Omar*		*Meninggal*
142.	*Cikgu Yusuf bin Sadon*	*Kampung Lintang, Kuching*	*Meninggal*
143.	*Cikgu Abang Haji Malem bin Datuk Zain*	*Bandar Sri Aman, Simanggang*	*Meninggal*

JABATAN POS DAN TELEGRAP

144.	*Tani bin Sanjek*	*Kampung No. 6, Kuching*	*Meninggal*
145.	*Haji Sapong bin Taril*	*Kampung Jalan Patinggan, Kuching*	*Meninggal*
146.	*Fadil bin Haji Kassim*	*Kampung Muda Hashim, Kuching*	*Meninggal*
147.	*Let bin Ali*	*Kampung Sungei Bedil Besar, Kuching*	
148.	*Haji Kontol bin Sulaiman*	*Kampung Sourabaya, Kuching*	
149.	*Salleh bin Bujang*		*Meninggal*
150.	*Haji Othman bin Junit*	*Kampung Bintangor, Kuching*	
151.	*Johari bin Said*		*Meninggal*
152.	*Abang bin Persih*	*Kampung Bintangor, Kuching*	*Meninggal*
153.	*Haji Bol bin Haji Zain*	*Kampung No. 5, Kuching*	*Meninggal*
154.	*Haji Junid bin Abdul Rahman*	*Kampung Astana Lot, Kuching*	*Meninggal*
155.	*Mat bin Haji Yusuf*	*Kampung Tanjung, Kuching*	*Meninggal*
156.	*Haji Awi bin Sawek*	*Kampung No. 2, Kuching*	*Meninggal*

157.	*Keria bin Said*	*Kampung Sinjan, Kuching*	
158.	*Gobil bin Bakar*	*Kampung Siol Kandis, Kuching*	
159.	*Mat bin Hassan*		*Meninggal*
160.	*Mohamad bin Dol*	*Kampung Sinjan, Kuching*	
161.	*Sejili bin Haji Ibrahim*	*Kampung Masjid, Kuching*	
162.	*Ali bin Haji Hashim*	*Kampung Satok, Kuching*	*Meninggal*
163.	*Yok bin Tapa*	*Kampung Gita, Kuching*	*Meninggal*
164.	*Abdul Rahman bin Rais*		*Meninggal*
165.	*Ghani bin Umar*		*Meninggal*
166.	*Othman bin Abang Dollah*	*Kampung Lintang, Kuching*	*Meninggal*
167.	*Halel bin Abon*	*Seria*	
168.	*Haji Pi'ee bin Bohari*	*Kampung Sungei Bedil Besar, Kuching*	
169.	*Omar bin Sulaiman*	*Jalan Muhibbah, Kuching*	*Meninggal*
170.	*Sirat bin Haji Jaraee*	*Jalan Haji Taha, Kuching*	*Meninggal*
171.	*Bolok bin Mohamad*	*Kampung No. 3, Kuching*	*Meninggal*
172.	*Ismurni bin Tassan*	*Kampung No. 2, Kuching*	
173.	*Haji Chem bin Ali*	*Kampung No. 3, Kuching*	
174.	*Awang Zimi bin Awang Sulaiman*		*Meninggal*
175.	*Ali bin Bujang*		*Meninggal*
176.	*Simpoh bin Wan Osman*	*Kampung Haji Taha, Kuching*	*Meninggal*
177.	*Taha bin Brahim*	*Kampung Satok, Kuching*	
178.	*Rodi bin Sahari*	*Kampung Sungei Periok, Kuching*	
179.	*Wahid bin Medeli*	*Kpg. Tabuan, Kuching*	
180.	*Mat bin Sadam*	*Kampung Gita, Kuching*	*Meninggal*
181.	*Halel bin Hassan*		
182.	*Bohari bin Medeli*	*Kampung Muhibbah, Kuching*	
183.	*Mat Taha bin Abang*	*Kampung Muhibbah, Kuching*	
184.	*Haji Sedek bin Matsah*	*Kampung Sungei, Periok, Kuching*	*Meninggal*
185.	*Matahir bin Mataha*	*Kampung Kulas, Kuching*	*Meninggal*
186.	*Sebol bin Mat*		*Meninggal*
187.	*Bujang ak Suboh*	*Kampung Tabuan Rentis, Kuching*	

JABATAN LAUT

188.	*Abdul Karim bin Haji Mustapha*		*Meninggal*
189.	*Arif bin Sa'at*	*Kampung Muhibbah, Kuching*	
190.	*Haji Salleh bin T.K. Sudin*	*Jalan Haji Bolhassan, Kuching*	*Meninggal*

191. Kassim bin Salleh	*Kampung Pulo, Kuching*	
192. Awang Tong bin Awang Ali	*Kampung Lintang, Kuching*	
193. Lamat bin Tarip		*Meninggal*
194. Adam bin Haji Jenal		*Meninggal*
195. Zainal bin Sadon	*Kampung Lintang, Kuching*	*Meninggal*
196. Mohd. Brahim bin Awang Taip	*Kampung Sungei Bedil Besar, Kuching*	
197. Haji Hipni bin Haji Rais	*Kampung Muda Hashim, Kuching*	
198. Awang Hashim bin Awang Johari	*Kampung Panglima Seman, Kuching*	
199. Suib bin Seman		*Meninggal*
200. Deris bin Bohari	*Jalan Muhibbah, Kuching*	
201. Mansor bin Karim	*Kampung Bintangor, Kuching*	
202. Pathi bin Taha	*Kampung No. 4, Kuching.*	
203. Jelet bin Pendek	*Kampung No. 5, Kuching*	
204. Sulong bin Sulaiman	*Kampung Sourabaya, Kuching*	
205. Haji Daud bin Gani	*Miri*	
206. Ahai bin Abdullah	*Kampung Semera, Simunjan*	
207. Samat bin Isa	*Kampung No. 2, Kuching*	
208. Bojeng	*Brunei*	
209. Kili bin Abeng		*Meninggal*
210. Abu bin Taha		*Meninggal*
211. Idris bin Ali	*Kampung Sungei Bedel Besar, Kuching*	
212. Kirah bin Abdul Razak	*Kampung Sungei Bedel Besar, Kuching*	
213. Abang bin Sapong	*Kampung Sungei Bedel Besar, Kuching*	
214. Haji Sahari bin Drahman	*Kampung Parit Lama, Kuching*	
215. Bujang bin Umar		*Meninggal*
216. Reduan bin Safuddin	*Kampung Tanjong, Kuching*	
217. Haji Sabang bin Raee		*Meninggal*
218. Manan bin Seman		
219. Hashim bin Zainal		
220. Haji Abi bin Lazan		
221. Drahman bin Medan		*Meninggal*
222. Udin	*Limbang*	
223. Abon bin Johari		*Meninggal*
224. Abu Bakar bin Ali	*Kampung No. 1, Kuching*	
225. Ali bin Rais		*Meninggal*
226. Arsad bin Tajuddin	*Kampung Sourabaya Hilir, Kuching*	

JABATAN KASTAM

227. Haji Mohd. Salleh Embai	Jalan Laruh, Kuching	
228. Weng Abdul Rahim	Kampung No. 4, Kuching	
229. Zain bin Jol	Kampung Bintangor, Kuching	Meninggal
230. Hipni bin Abdul Rahman	Kampung Batu 9, Matang Kuching	
231. Haji Sahari bin Hashim	Jalan Laruh, Kuching	
232. Haji Yak bin Othman	Kampung Satok, Kuching	Meninggal
233. Usop bin Akim	Limbang	Meninggal
234. Nor bin Arai		Meninggal
235. Haji Mahidi bin Ana	Kampung Bintangor, Kuching	Meninggal
236. Nawawi bin Haji Zain	Kampung Bintangor, Kuching	Meninggal
237. Amit bin Sapong	Kampung Bintangor, Kuching	Meninggal
238. Zen bin Haji Ahmad	Kampung Kudei, Kuching	
239. Mustapha bin Keli	Kampung Lintang, Kuching	Meninggal
240. Matrip bin Bakar	Kampung Lumba Kuda, Kuching	Meninggal
241. Haji Tomy bin Rasid	Kampung No. 2, Kuching	Meninggal
242. Haji Kiplawi bin Salleh	Kampung Sourabaya, Kuching	
243. Haji Badwi bin Ahmad	Kampung Bintangor, Kuching	Meninggal
244. Ismail bin Mohamed	Kampung Boyan, Kuching	Meninggal
245. Haji Sabli bin Drahman	Kampung No. 2, Kuching	Meninggal
246. Haji Othman bin Haji Drahman	Kampung Tanjong, Kuching	Meninggal
247. Salleh bin Uden	Kampung Bintangor, Kuching	Meninggal
248. Haji Hasbie Sulaiman	Kampung no. 4, Kuching	
249. Ahmad bin Ali Bombay	Kampung Panglima Seman, Kuching	Meninggal
250. Abang Ibrahim bin Abang Jalani	Kampung No. 3, Kuching	Meninggal
251. Mohtar bin Udin	Kampung Boyan, Kuching	Meninggal
252. Haji Led bin Yusup	Kampung Muda Hashim, Kuching	Meninggal
253. Awang Kassim	Sarikei	Meninggal
254. Daud	Kampung Gita, Kuching	Meninggal
255. Hashim Bol		

JABATAN TANAH DAN UKUR

256. Datuk Tem: Abang Haji Safuani Abang Juaini	Jalan Haji Taha, Kuching	Meninggal
257. Haji Julai bin Yahya	Kampung Tanjong, Kuching	Meninggal
258. Manis bin Jol	Kampung Masjid, Kuching	
259. Bujang bin Majid	Kampung No. 5, Kuching	Meninggal

260. Awang Ejih bin Awang Umar	*Kampung Sourabaya, Kuching*	*Meninggal*
261. Salleh bin Nor	*Kampung No. 4, Kuching*	*Meninggal*
262. Said bin Haji Ahmad		
263. Ejas bin Jais	*Kampung Bintangor, Kuching*	
264. Ramzi bin Rashidi	*Jalan Laruh, Kuching*	*Meninggal*
265. Zaini bin Bakar	*Jalan Kulas, Kuching*	
266. Wan Anuar bin Syed Hashim	*Kampung Gersik, Kuching*	*Meninggal*
267. Mohamad (Mambo) Sarfan	*Kampung Satok, Kuching*	*Meninggal*
268. Juis bin Lumbak	*Kampung Masjid, Kuching*	*Meninggal*
269. Haji Bujang bin Abdul Rahman	*Kampung No. 4, Kuching*	
270. Hj. Zainuddin bin Haji Azhari	*Kampung Istana, Kuching*	*Meninggal*
271. Hj. Jalal bin Hassan	*Jalan Muda Hashim, Kuching*	*Meninggal*
272. Haji Gani bin Haji Wahid	*Jalan Haji Taha, Kuching*	*Meninggal*
273. Pawek bin Sudin	*Kampung No. 3, Kuching*	*Meninggal*
274. Abang Ahad bin Abang Ahmad	*Sibu*	*Meninggal*

JABATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN

275. Tan Sri Datuk Haji Su'aut Tahir	*Jalan Tun Abdul Rahman Ya'akub, Petra Jaya, Kuching*	*Meninggal*
276. Naim bin Haji Sulaiman	*Kampung Ulu Serian*	
277. Haji Suhaili bin Hassim	*Kampung Haji Metaim, Kuching*	
278. Ojek bin Pet	*Kampung No. 1, Kuching*	
279. Nawawi bin Forkan	*Jalan Muda Hashim, Kuching*	
280. Nor bin Lambong	*Jalan Muda Hashim*	*Meninggal*
281. Hossen bin Lampong	*Sabah*	
282. Haji Razali bin Sarpan	*Kampung Gita, Kuching*	
283. Taha bin Uden	*Jalan Haji Metaim, Kuching*	*Meninggal*
284. Razali bin Abdul Rahim	*Kampung No. 4, Kuching*	*Meninggal*
285. Su'ut bin Buang	*Kampung Patinggi Ali, Kuching*	*Meninggal*
286. Reduan bin Jol	*Kampung No. 2, Kuching*	*Meninggal*
287. Ali bin Latif	*Kampung Tanjong, Kuching*	*Meninggal*
288. Hj. Gol bin Sapah	*Kampung No. 3, Kuching*	
289. Haji Dawi bin Abdul Rahman	*Kampung No. 6, Kuching*	
290. Haji Ariffin bin Abd. Rahman	*Kampung No. 6, Kuching*	
291. Haji Ismail bin Hassan	*Jalan Haji Bolhassan, Kuching*	

JABATAN PERCETAKAN

292. Haji Sawi bin Ibrahim	*Kampung No. 6, Kuching*	*Meninggal*
293. Mahri bin T.K. Othman	*Kampung No. 5, Kuching*	*Meninggal*
294. Abang Abdul Wahab bin Abang Haji Azhari	*Jalan Muhibbah, Kuching*	*Meninggal*
295. Haji Busrah bin Othman	*Kampung Masjid, Kuching*	*Meninggal*
296. Jamel bin Haji Busrah	*Kampung Masjid, Kuching*	
297. Haji Hussin bin Jais	*Jalan Laruh Barat, Kuching*	*Meninggal*
298. Rosli bin Sulong	*Singapura*	*Meninggal*
299. Sabang bin Ibrahim	*Kampung Masjid, Kuching*	
300. Basri bin Rais		
301. Abang Mustapha bin T.K.A. Haji Spawi	*Kampung Gita, Kuching*	*Meninggal*
302. Abdul Latif bin Drahman	*Kampung No. 3, Kuching*	*Meninggal*
303. Haji Nawawi bin Othman	*Jalan Haji Mataim, Kuching*	
304. Haji Sirat bin Jali	*Kampung Bintangor, Kuching*	*Meninggal*
305. Dahlan bin Sulong	*Kampung Satok, Kuching*	*Meninggal*
306. Haji Dahlan bin Yahya	*Kampung Muda Hashim, Kuching*	
307. Haji Len bin Yahya	*Kampung Bintangor, Kuching*	
308. Haji Dollah bin Jair	*Kampung Muda Hashim, Kuching*	

JABATAN BOMBA

309. Haji Fadzil bin Bujang		
310. Buang bin Mat		
311. Sebli bin Lamat	*Kampung No. 6, Kuching*	*Meninggal*
312. Abang bin Indek		*Meninggal*
313. Bakat		
314. Was bin Bakar	*Kampung Tanjong, Kuching*	
315. Tambek bin Bakar	*Kampung Tanjong, Kuching*	
316. Abot bin Abdul Razak	*Kampung Landeh, Kuching*	
317. Tambik	*Kampung Pulo, Kuching*	
318. Job	*Kampung Kudei, Kuching*	
319. Elli bin Seni	*Parit Lama Barat, Kuching*	*Meninggal*
320. Kawi	*Kampung Sungei Maong, Kuching*	
321. Suhaili bin Gani		*Meninggal*
322. Suhai bin Taba	*Kampung Patinggan, Kuching*	
323. Osman	*Kampung Sungei Maong, Kuching*	
324. Mahidi bin Daud		*Meninggal*

325. Abdul Razak (Dol) bin Mohamad	*Kampung Sungei Bedel Besar, Kuching*	
326. Alwi bin Basri	*Kampung Sinjan, Kuching*	
327. Razali bin Salleh	*Kampung Sinjan, Kuching*	
328. Selet	*Kampung No. 6, Kuching*	*Meninggal*
329. Hamdan bin Endi		*Meninggal*

JABATAN PERBENDAHARAAN

330. Abang bin Jol	*Kampung Haji Bolhassan, Kuching*	
331. Aiknee bin Taip	*Kampung Haji Metaim, Kuching*	
332. Roben bin Rasid	*Kampung Haji Bolhassan, Kuching*	*Meninggal*
333. Abdul Rahman bin Sarpan	*Kampung Gita, Kuching*	
334. Sahari bin Abdul Rahman	*Kampung Boyan, Kuching*	
335. Abdul Rahim bin Sahari	*Jalan Muhibbah, Kuching*	
336. Hipni bin Sa'at	*Kampung No. 4, Kuching*	*Meninggal*
337. Abang Nusi bin Datuk Haji Suhaili	*Kampung Bintangor, Kuching*	*Meninggal*

JABATAN POLIS SARAWAK

338. Haji Ahmad Zaidel bin Haji Tahir	*Kampung Masjid, Kuching*	
339. Abang Haji Kassim bin Abang Taha	*Kampung Masjid, Kuching*	*Meninggal*
340. Hj. Haron bin Haris	*Kampung Satok, Kuching*	
341. Hamdan bin Eden	*Kampung Boyan, Kuching*	
342. Petani bin Manan	*Kampung No. 5, Kuching*	
343. Ibrahim bin Ali	*Kampung Tabuan, Kuching*	
344. Haili bin Samat		*Meninggal*
345. Abang Ali Basah bin Abang Iden	*Kampung No. 6, Kuching*	*Meninggal*
346. Morshidi bin Olo	*Kampung No. 1, Kuching*	
347. Abang Haji Zain bin Abang Haji Latif	*Jalan Tanjong, Kuching*	
348. Edi bin Arif	*Kampung Patinggan, Kuching*	*Meninggal*
349. Ellen bin Zen	*Kampung Haji Kassan, Kuching*	
350. Jaraee bin Johari	*Lutong, Miri*	
351. Wan Abdul Rahman bin Tuanku Haji Hamid	*Betong*	
352. Hj. Sa'ar bin Yahya	*Kampung Dagang, Miri*	

JABATAN KERJA RAYA

353. Hassan bin Udin	*Jalan Laruh, Kuching*	*Meninggal*
354. Haji Omar bin Amit		*Meninggal*
355. Said bin Singak	*Kampung No. 6, Kuching*	*Meninggal*
356. Haji Gedong bin Haji Salleh	*Kampung No. 4, Kuching*	*Meninggal*
357. Haji Man bin Satem		*Meninggal*
358. Sulaiman bin Ali	*Jalan Haji Mataim, Kuching*	*Meninggal*
359. Haji Mustapha bin Junit	*Jalan Muda Hashim, Kuching*	*Meninggal*
360. Shafiee bin Amin	*Kampung Panglima Seman, Kuching*	
361. Luntong bin Taha		
362. Haji Nor bin Deris	*Kampung No. 1, Masjid Kuching*	
363. Melian bin Saifuddin	*Kampung No. 2, Kuching*	*Meninggal*
364. Bujang bin Dollah		

MUSEUM

365. Sedek bin Yusuf	*Kampung Boyan, Kuching*	*Meninggal*
366. Kem bin Haji Jeman	*Kampung Muhibbah, Kuching*	*Meninggal*
367. Embun bin Zain	*Kampung Lumba Kuda, Kuching*	
368. Sulaiman bin Salleh		*Meninggal*
369. Abon bin Ghani		*Meninggal*
370. Yaman bin Sa'at		*Meninggal*
371. Ismail bin Said		*Meninggal*
372. Dobet bin Buang		*Meninggal*
373. Dahlan bin Meterang	*Kampung Pulo, Kuching*	

JABATAN PERHUTANAN

374. Madhi bin Sa'at	*Kampung No. 4, Kuching*	
375. Haji Sulaiman bin Latif	*Kampung Lintang, Kuching*	
376. Tayu (Fadzli) bin Mohamad	*Kampung Gita, Kuching*	*Meninggal*
377. Tahir bin Taha		
378. Seli bin Haji Abeng	*Kampung Satok, Kuching*	
379. Abu Bakar bin Mat		*Meninggal*
380. Abong bin Haji Bojeng		*Meninggal*
381. Alfred Jamuh		*Meninggal*

JABATAN RESIDEN DAN PEGAWAI DAERAH

382. Abang Haji Abdul Latif bin Haji Zaini	*Kampung Haji Kassan, Kuching*	
383. Jamel bin Haji Su'ut	*Kampung Sinjan, Kuching*	
384. Fadzil bin Majli	*Kampung Santubong, Kuching*	
385. Busrah	*Sarikei*	
386. Zawawi bin Awang		

JABATAN PERTANIAN

387. Saji bin Haji Dris	*Kampung Tanjong, Kuching*	*Meninggal*
388. Zain bin Hussen	*Kampung Lintang, Kuching*	
389. Haji Safian bin Haji Azhari	*Kampung Astana, Kuching*	*Meninggal*
390. Haji Johara bin Said		*Meninggal*
391. Haji Tepol bin Debot	*Miri*	*Meninggal*

JABATAN PERBANDARAN

392. Haji Dollah bin Haji Bakawi	*Kampung No. 3, Kuching*	
393. Ainnie bin Hassan	*Kampung Tanjong, Kuching*	*Meninggal*
394. Abang bin Serah	*Jalan Dagok Barat, Kuching*	*Meninggal*
395. Sulong bin Sahari	*Kampung Masjid, Kuching*	*Meninggal*

JABATAN URUSETIA KERAJAAN

396. Mat bin Sijin		*Meninggal*
397. Haji Abdul Rahman bin Wahid	*Kampung Sinjan, Kuching*	
398. Zain bin Mat (Zainal Abidin)		*Meninggal*
399. Penghulu Hj. Ibrahim bin Hassan Sendu	*Kampung Astana, Kuching*	

ISTANA

400. Bujang bin Piee	*Kampung Boyan, Kuching*	
401. Abang Yan bin Abang Haji Jol	*Kampung Patinggan, Kuching*	
402. Jamel bin Boyong	*Kampung Sungei Bedel Besar, Kuching*	
403. Nahrawi bin Abang		*Meninggal*

JABATAN HAL EHWAL BUMIPUTERA

404. Tan Sri Datuk Amar bin Abang Ikhwan	*Kampung Patinggan, Kuching*	*Meninggal*
405. Tuanku Haji Ahmad bin Syed Mustapha	*Kampung Haji Mateim, Kuching*	*Meninggal*

JABATAN UNDANG-UNDANG

406. Said bin Sijin	*Kampung Gita, Kuching*	*Meninggal*

POLIS DEPOT

407. Kipli	*Kampang Panglima Seman, Kuching*	

JABATAN URUSETIA HAL EHWAL CHINA

408. Sirat bin Haji Bakawi	*Kampung Jalan Haji Mataim, Kuching*	

LEMBAGA PERATURAN GETAH

409. Robert Jitam	*Kuching*	*Meninggal*

Surat Perkelilingan No. 9/1946

Berhubung dengan pertukaran taraf politik Negeri Sarawak, sebagaimana yang berlaku pada 1hb Julai, 1946, telah menjadi sebuah Jajahan Mahkota Inggeris (British Colony). Tuan Yang Terutama Gabenur telah memberi arahan agar surat Perkelilingan ini dihantar kepada semua Pegawai Kerajaan yang telah diperakukan.

(a) Kerajaan berharap dan berkehendakkan kesetiaan yang tidak berbelah bagi dari semua kakitangannya.

(b) Oleh kerana tidak akan berlakunya sebarang pertukaran dalam Kerajaan yang ada sekarang atau masalah akan kembalinya kepada Pemerintahan Brooke, Kerajaan tidak membenar atau membiarkan sebarang perhubungan oleh kakitangannya dengan kegiatan yang dirancangkan untuk menghidup kembali masalah penyerahan.

(c) Tiada akan ada tindakan hukuman keatas sebarang kakitangan yang telah melakukan ucapan atau sebarang tindakan dalam masa yang telah lalu berkenaan dengan masalah penyerahan. Tetapi setiap kakitangan Kerajaan hendaklah membuat keputusan sama ada ia akan berhajat untuk berkhidmat kepada Kerajaan yang ada sekarang dengan ta'at setia dan patuh atau tidak.

(d) Sekiranya anda merasa bahawa anda berkehendak meneruskan perkhidmatan dalam perkhidmatan Kerajaan dibawah syarat-syarat ini, anda hendaklah berhubung dengan Residen Pegawai Daerah atau Ketua Jabatan anda dan sebagainya sebelum 31hb. Disember 1946, dan beliau akan menasihati awak berkenaan dengan langkah-langkah yang patut diambil.

(e) Sebarang Pegawai Kerajaan dalam masa akan datang yang melibat diri dengan sebarang kegiatan yang membangkit-bangkitkan masalah "Cession" atau melakukan sebarang kelakuan yang sengaja tidak ta'at setia kepada Kerajaan akan menyebabkan dirinya dibuang kerja serta merta.

Anda diminta memperaku penerimaan surat arahan ini dengan menandatangani kepingan yang dikembarkan itu dan kembalikan segera kepada Ketua Jabatan atau Pegawai Daerah di tempat anda.

C.W. Dawson
Ketua Setiausaha

Kuching 10 Disember 1946

Bahagian VIII
Perbelahan Dalam Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak

Perbalahan Dalam Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak

Dalam bulan Oktober 1946, berlakunya perbalahan pendapat dalam Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak apakala timbulnya perkara yang tidak menyenangkan golongan tua dalam gerakan Anti-Cession itu sendiri terhadap golongan muda yang aktif hendak menjalankan kerjasama dengan Persatuan Dayak Sarawak (SDA). Golongan yang tua tidak bersetuju menggabungkan kedua pertubuhan itu disatukan sebagai sebuah pertubuhan saja. Mereka lebih suka kerjasama seperti yang telah sedia ada itu.

Pada Mesyuarat yang berlangsung pada 13 Oktober 1946, setelah Sarawak Tribune menyiarkan berita pembatalan gagasan Malaysian Union, Jawatankuasa Tertinggi Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak membubarkan Jawatankuasa kecil politiknya secara mengejut dan menggantikan mereka itu dengan orang-orang baru yang senang diatur-arahkan oleh mereka.

Pemecatan jawatankuasa kecil politik itu ialah disebabkan mereka telah mengirim surat bantahan terhadap masalah penyerahan Sarawak kepada Presiden Trunan Amerika Syarikat dengan tidak berunding terlebih dahulu dengan pihak golongan tua. Encik Mohd. Ma'amoon Nor, salah seorang golongan muda telah mengulas tentang pemecatan itu dengan perkataan ringkas bahawa "mereka tidak suka tindakan kami itu kerana mereka ingin merebutkan kedudukan kepimpinan yang selaku terbayang dimata mereka". Biar bagaimanapun nama-nama ahli jawatankuasa kecil politik yang lama itu masih dalam pendaftaran rasmi PKMS. Pengarah golongan muda ini begitu kuat diantara ahli-ahli Persatuan Melayu Sarawak. Segala inisiatif dan usaha mereka tidak mudah dilupai.

Pada 22 Januari 1947 satu lagi mesyuarat Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak diadakan dan memilih Encik Mohd. Ma'amoon Nor, sebagai wakil Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak untuk berbincang berkenaan dengan langkah-langkah mengatur program pergerakan Anti-Cession dengan Anthony Brooke di Singapura. Tuan Haji Abdul Rahman tidak bersetuju dan membatalkan pemilihan itu. Beliau berkeras supaya Encik Edham Bojeng (anak saudara Johari Anang) dipilih untuk pergi ke Singapura. Mereka yang tidak setuju dengan keputusan itu mendesakkan supaya Encik Mohd. Ma'amoon Nor dan Encik Robert Jitam pergi juga bersama sebagai wakil tidak rasmi.

Suatu lagi perkara yang menimbulkan pertelagahan pendapat dikalangan anggota Tinggi Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak, ialah berhubung dengan usaha hendak menubuh sebuah badan tambahan iaitu pertubuhan pemuda bagi orang Melayu dan Iban.

Ini adalah keputusan yang diperolehi dari mesyuarat khas di Darul Kurnia pada 29 Januari, 1946 dengan tujuan untuk mengukuhkan kerjasama diantara Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak dan Persatuan Dayak Sarawak (Sarawak Dayak Association). Majlis ini telah dihadiri oleh 83 orang guru, penuntut, kakitangan kerajaan yang mewakili 1,500 pemuda-pemuda Melayu dan Iban dalam daerah Kuching. Mesyuarat itu telah bersetuju untuk menubuh badan pemuda yang diberi nama JASA Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak yang merupakan satu badan yang benar-benar demokratik dibawah ra'ayah Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak. Tujuannya agak lebih luas dari tujuan-tujuan Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak sejajar dengan tujuan pertubuhan ASAS (Angkatan Semangat Anak Negeri Sarawak) yang telah ditubuh dahulu. Ahli-ahli Jawatankuasanya (kecuali seorang dari SDA) adalah terdiri dari "Golongan Dalam" Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak. "Kami bukanlah hendak berpisah dari Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak," kata Encik, Mohd. Ma'amoon Nor apakala menulis surat kepada Anne Bryant, "Kerana saya tahu merbahayanya perpisahan itu - kerana memang diketahui umum bahawa tujuan Kerajaan ialah "pecah belah dan perintah" itu akan berjalan dengan lancar." Masalah yang akan timbul ialah bagaimana hendak mendapat kebenaran dari Jawatankuasa Tertinggi Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak. Sebagaimana yang telah dijangka Tuan Haji Abdul Rahman telah menolak sepenuhnya cadangan ini. Pihak konservatif berhasrat hendak memelihara Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak sebagai pergerakan Melayu tulen.

Ujudnya Barisan Pemuda Sarawak

Oleh kerana sudah tidak ada jalan lain lagi, "Golongan Dalam" terpaksalah menubuh sebuah pertubuhan yang berasingan iaitu Barisan Pemuda Sarawak. Menurut pendapat Encik Robert Jitam, ujudnya Barisan Pemuda Sarawak ialah tindakan balas kepada "langkah-langkah yang amat otokratik Majlis Tinggi Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak yang telah menggagalkan kehendak ahli-ahli muda dan membodoh-bodohkan cadangan-cadangan mereka. Pertubuhan yang baru itu terbuka kepada bumiputera dari berbilang bangsa dan agama. Ia bertujuan untuk memperkembangkan sosial, kebudayaan, ekonomi dan halehwal politik dan penubuhannya berlangsung pada bulan Jun 1946. Abang Mohd. Kassim bin Abang Taha, cucu Datu Patinggi yang bungsu, dan seorang ahli 338 telah dilantik menjadi yang Di-pertua. Naib yang Di-pertua ialah, Encik Mohd. Ma'amoon Nor, Al-Ustaz Sharkawi Syeikh Osman dan Cikgu Johari Bojeng. Setiausaha Agungnya ialah Tuan Haji Sau'ut Tahir. Encik Suhaili Matlayer telah dilantik mengetua jawatankuasa halehwal politik. Dengan adanya perlantikan Abang Mohd. Kassim itu tidaklah putus perhubungan "Golongan Dalam" dengan pemimpin-pemimpin dan pembesar-pembesar tradisional.

Barisan Pemuda Sarawak telah mendaftar ahli-ahlinya berjumlah 3,000 orang yang aktif dan 2,000 orang penyokong-penyokong dalam Bahagian Pertama.

Tugas utama Barisan Pemuda Sarawak ialah untuk memperingati ulang tahun Penyerahan Sarawak. Berikutan dengan itu pada 28 Jun, Persidangan Kebangsaan (Pertubuhan-pertubuhan Anti-Cession) Sarawak telah diadakan di Darul Kurnia. Persidangan itu telah dihadiri oleh 40 perwakilan. Persidangan itu merupakan sebuah persidangan yang melambangkan satu petanda betapa cemerlangnya pihak pembangkang penyerahan (Anti-Cession) telah dapat menyatukan bumiputera untuk memberi sokongan kuat kepada perjuangan menuntut kemerdekaan bagi negeri Sarawak. Selain dari perwakilan tertentu, majlis itu juga dihadiri oleh wakil-wakil Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak; Barisan Pemuda Sarawak; Sarawak Dayak Association; Kaum Ibu Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak; Persekutuan Bumiputera Sarawak; Persatuan Melayu Miri; Angkatan Semangat Anaknegeri Sarawak (ASAS); Persatuan Melayu Limbang; Perhimpunan Kebajikan Baram, USNA dari Singapura. Turut juga hadir ialah 19 tua-tua Kampung dari Daerah Kuching. Persidangan itu telah sebulat suara membuat keputusan akan mengadakan satu perarakan tunjuk perasaan raksaksa di Kuching pada 1 Julai 1947 dan menghantar kawat protes kepada King dan Perdana Menteri British, Atlee.

Barisan Pemuda Sarawak meneruskan perjuangannya dengan berkempen untuk membawa Ahli Majlis Mesyuarat Negeri terlibat menyokong penyerahan dan yang telah menerima wang, kesebelah perjuangan pihak Pembangkang "Anti-Cession". Satu kejayaannya ialah mereka telah dapat membawa Datu Menteri Abang Zain melawat Anthony Brooke di Singapura. Selain dari itu mereka mencuba untuk memujuk ahli-ahli majlis yang lain.

Dalam bulan Ogos 1947, Kathleen Brooke (isteri Anthony Brooke) tiba di Sarawak. Ketibaanya disambut dengan meriah sekali. Disepanjang lawatannya keseluruh negeri dia diiringi oleh Puan Lily Eberwien dan Tuan Haji Sau'ut Tahir dan ahli-ahli Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak. Dimana saja dia pergi telah disambut meriah oleh rakyat. Mereka telah menunjukkan semangat yang luarbiasa bagi menghadapi cabaran dan kebencian Kerajaan Koloni dan juga tidak mengenal penat lelah menjelajah dipelusuk negeri. Tidak dapat disangkal lagi bahawa sebagai wakil keluarga Brooke dan juga kewibawaannya sendiri telah menjadi sumber inspirasi pergerakan pembangkang penyerahan.

Rapat Raksaksa Anti-Cession

Pada 1 Julai 1947, hari ulang tahun pertama Sarawak diserah menjadi koloni, pergerakan Pembangkang Penyerahan (Anti-Cession) menjulang kekemuncaknya. Sejak subuh-subuh lagi, 16 Kumpulan yang terdiri dari beribu-ribu orang telah berkumpul dihalaman "Darul Kurnia" (tempat kediaman Datu Patinggi), mereka berbaris berempat-empat diketuai oleh pencaragam mereka sendiri. Mereka membawa sepandok, poster-poster, banner-banner dan bendera-bendera Sarawak berbaris dan seterusnya berjalan mengikut jalan-jalan melintasi

kampung kepusat bandar Kuching. Apakala mereka sampai ke Tugu Peringatan Brooke dihadapan Bangunan Mahkamah Tinggi bertentangan dengan Pengkalan Batu, bendera-bendera Sarawak dan poster-poster telah dijunjung tinggi di tengah-tengah teriakan suara yang bergema seperti "KAMI MAHU KEMERDEKAAN." "KAMI MAHU BROOKE." "HANCUR PENJAJAH BRITISH." "NO-CESSION - ATLANTIC CHARTER MUST BE RESPECTED" "HARAP SELAGI BERNAFAS" dan beratus-ratus cogan kata yang lain telah diteriak sekuat hati dengan penuh semangat.

Menurut ulasan "Sarawak Tribune", pada keesokan harinya, "Hanya dengan apa yang telah berlaku seperti ini telah menunjukkan kepada kita sejauh mana negeri ini telah berkembang dan maju mengikut aliran masa. Hanya satu saja yang mendukacitakan ialah disebab "CESSION" itu telah memecahkan rakyat Sarawak kedalam dua kumpulan bertentangan, bertelagah fikiran antara satu sama lain dalam semua hal-hal kehidupan mereka."

Perbantahan Penyerahan Negeri Sarawak melibat sebahagian besar orang-orang Melayu. Walaupun pada mulanya ada penyertaan Iban didalamnya, tetapi apa yang lebih ketara ia adalah merupakan suatu "fenomena Melayu" seluruhnya. Persatuan Dayak Sarawak telah tidak berupaya melebarkan pengaruhnya diluar sempadan Bahagian Pertama, Kerajaan Koloni telah dapat memikat sokongan Iban dengan memperbaiki kemajuan pelajaran dan kemajuan-kemajuan lain terutama di Bahagian Ketiga. Kerajaan Koloni telah berjaya menerangkan kepada orang Iban bahawa pergerakan Anti-Cession itu adalah semata-mata masalah mengembalikan kedudukan yang dimanfaat oleh orang Melayu saja.

Corak pertelingkahan yang timbul dalam Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak dalam tahun 1946, berulang lagi dalam kumpulan-kumpulan lain dari pergerakan Anti-Cession di Kuching dan juga di Sibu. Perasaan tidak puas hati selalu timbul menyebabkan perbalahan pendapat tidak dapat tidak ujud diantara pemimpin tradisional dengan golongan terpelajar muda yang berasal bukan dari perabangan. Golongan pemimpin tua itu selalu berjaga-jaga dalam mengambil tindakan politik mereka, mereka memilih cara perwakilan dan perundingan dalam rangka undang-undang sebagai panduan. Tetapi golongan muda itu pula gusar atas sekatan-sekatan dan cara yang tidak demokratik yang seterusnya menegakkan kedudukan taraf tradisional mereka itu.

Ujudnya "Rukun Tiga Belas" Di Sibu

Sementara pihak kerajaan koloni terus tidak mengindahkan pergerakan membantah penyerahan itu, dengan harapan bahawa ia akan lenyap begitu saja, apabila orang Melayu telah hilang minat mereka dan yang konservatif itu hilang tempat mereka berpijak. Tetapi di Kuching, Barisan Pemuda Sarawak telah giat bekerja keras sebagai angkatan bertindak memperkuat perjuangan

mereka dan di Sibu pula Pergerakan Pemuda Melayu (P.P.M.) lah yang lebih radical sehingga mereka tidak dapat mengawalkan tindakan-tindakan ahli-ahlinya yang sudah hilang kesabaran mereka terhadap sikap penjajah British yang acuh tak acuh bagi melayankan permohonan mereka secara berperlembagaan itu.

Mesyurat pertama untuk menubuh Pakatan Rukun Tiga Belas telah berlangsung dalam pertengahan tahun 1948 di rumah kediaman Dr. Majoribank, dijalan Cross di Sibu. Mesyuarat sulit ini telah dihadiri oleh Awang Ramli bin Deli, Abang Han bin Ahmad, Encik Bujang Suntong, Encik Morshidi bin Lee, Abang Ahmad bin Abang Abu Bakar, Encik Osman bin Dollah, Encik Osman bin Mohamad, Encik Morni bin Junid, Awang Othman bin Abang Ahmad, Wan Zain bin Wan Abdullah, Encik Tambek bin Adon, Haji Yaman dan Jumat bin Takip.

Perjumpaan ini khusus membincangkan masalah yang dihadapi oleh Pergerakan Pemuda Melayu (PPM) yang berpusat di Sibu itu selama ini belum mendatang kesan sama sekali. Mereka berazam untuk menyusun strategi baru lagi teratur supaya berjuang untuk menuntut kemerdekaan Sarawak itu mendatangkan hasil.

Selain dari itu mereka menerima lapuran dari Ketua Bahagian Pemuda, Abang Han Abang Ahmad dan Tuan Haji Sirat bin Yaman Pengerusi P.P.M. yang baru saja balik dari Singapura setelah berjumpa dengan Raja Muda, Anthony Brooke di Sea View Hotel di Singapura. Menurut himmah mereka setelah mengadakan berbagai cara membantah Penyerahan Sarawak itu kepada Inggeris, sama ada dengan bantahan terus kepada Setiausaha Tanah Jajahan Takluk di London dan Agen Inggeris di Sarawak nampaknya tidak juga dihiraukan oleh pihak yang berkenaan.

Awang Ramli dan Abang Han terpaksa menghadap Gebenur Arden Clarke di Pejabat Residen di Sibu diwaktu beliau mengadakan lawatan disana. Mereka merayu supaya Arden Clarke membawa perkara rayuan mereka kepada Kerajaan Inggeris. Tetapi mereka telah memberitahu bahawa sebagai wakil Baginda King beliau tidak mempunyai kuasa tentang perkara tersebut. Begitu juga tentang rayuan P.P.M. meminta agar Raja Muda Anthony Brooke dibenarkan masuk ke Sarawak, tidaklah beliau dapat berbuat apa-apa dan terpulanglah kepada Pejabat Setiausaha Tanah Jajahan Takluk. Akibat dari perjumpaan itu ahli-ahli yang hadir amat kecewa dengan perkara yang berlaku itu. Akhirnya mereka terpaksa mengambil keputusan melakukan pembunuhan keatas Duncan Stewart.

Pembunuhan Gabenor Duncan Stewart Di Sibu

Awang Rambli telah memilih Rosly Dhobie untuk melakukan pembunuhan itu kerana dia masih muda dan tidak sepatutnya dihukum. Awang Rambli telah

menegaskan, "Memasang poster-poster adalah perkara yang terlalu kecil, malah ada jalan lain untuk bertindak. Berjuang secara lama kurang berkesan "laksana menunggu hujan mas jatuh dari langit," adalah tidak berguna. Kita mesti ingat bahawa kemerdekaan kita adalah ditangan kita sendiri, kita mesti berani berkorban."

Nampaknya detik-detik yang ditunggu-tunggukan oleh "Rukun Tiga-belas" telah tiba, iaitu Duncan Stewart, Gabenor kedua kerajaan koloni telah tiba di Sibu pada 3/12/1949. Waktu upacara sambutan perbarisan kehormatan diadakan, diwaktu itulah Rosly bin Dhobie yang muda itu dengan beraninya menyerbu dan terus menikam Duncan Stewart dengan kerisnya dibahagian perutnya. Suasana yang disusun secara teratur itu telah bertukar menjadi kucar kacir bertumpahan darah akhir Rosly bin Dhobie telah ditangkap. Pembunuhan ini telah dirancangkan oleh Awang Rambli untuk mengambalikan kemerdekaan Sarawak setelah beberapa tahun menanggung perasaan hampa atas layanan British itu.

Kematian Duncan Stewart menimbulkan perasaan takut dan ngeri dikalangan semua kaum, tambahan pula tindakan yang keras dari kerajaan telah menghancurkan pergerakan pembangkang-pembangkang penyerahan (Anti-Cession) itu. Pergerakan Pemuda Melayu dan semua cawangan-cawangannya diharamkan dan ahli-ahlinya disoal siasat, ibu pejabat Pergerakan Pemuda Melayu dan segala dokumen-dokumen dirampas. Semua pertubuhan-pertubuhan anti-cession di Kuching dan dimana-mana jua telah digeladah dan disiasat. Peristiwa yang berlaku itu telah menguatkan lagi sokongan Iban kepada Kerajaan Koloni dan seolah-olah membenarkan bahawa kedatangan Anthony Brooke ke Sarawak akan menimbulkan pertumpahan darah. Apabila mendengar berita pembunuhan gabenor itu, orang Iban dari Balleh dan pelosok Kawasan Batang Rejang telah bersedia untuk membantu kerajaan. Temenggung Koh bersama-sama dengan tujuh orang Penghulu menghadiri perbicaraan 11 orang yang terlibat dalam pembunuhan itu, berpakaian lengkap seolah-olah pakaian orang hendak berperang.

Perbicaraan itu telah berlangsung dengan tidak begitu sempurna dengan tujuan semata-mata hendak membalas dendam saja, yang tertuduh tidak dibenar mengambil peguam bela dan mereka dibelakan oleh seorang pegawai Kerajaan yang tidak pernah dilatih disegi undang-undang. Mereka hanya dapat pembelaan peguam apabila menghadapi ulang bicara di Kuching. Walau bagaimanapun mereka kesemuanya didapati bersalah oleh Hakim R.V. Hadges. Pada 2hb. Mac, 1950, Rosly bin Dhobie dan Morshidi bin Sedek telah digantung sampai mati. Awang Rambli dan Bujang bin Suntong digantung tiga minggu kemudian. Tujuh orang yang lain telah dipenjara mengikut penglibatan mereka masing-masing. Abang Han telah dihukum 15 tahun penjara, Osman Ahmad, Morni bin Onei dan Othman bin Dollah 10 tahun penjara, Ahmad bin Abu Bakar 7 tahun dan Awang Othman bin Moh dan Wan Zain bin Abdullah 5 tahun. Anthony Brooke menganalisakan bahawa pembunuhan itu berlaku ialah kerana Kerajaan koloni tidak menimbangkan masaalah anti-cession itu

dengan seriusnya. Raja telah menuduh bahawa pergerakan anti-cession itu adalah kumpulan subersif. Tuduhan ini telah dinafikan oleh Anthony Brooke dan pertubuhan-pertubuhan anti-cession dengan kerasnya.

Padamnya Api Anti-Cession

Akhirnya oleh kerana Anthony Brooke merasa kesal dan hampa atas kedudukannya, malahan pula oleh kerana rayuan-rayuannya kepada Privy Council telahpun ditolak, beliau mengambil keputusan untuk memberhentikan perjuangannya selama 6 tahun itu dalam tahun 1951. Anthony Brooke terpaksa menasihati pertubuhan-pertubuhan anti-cession untuk memberhenti saja perjuangan mereka itu. Pihak anti-cession amat terperanjat dan sungguh hampa atas keputusan itu. Mereka seolah-olah tidak mahu menerima nasihat itu, malah mereka hendak terus berjuang untuk mendapat kemerdekaan sepenuhnya daripada menuntut kembalinya pemerintahan Brooke. Dengan ada peristiwa pembunuhan Gabenor oleh kumpulan "Rukun Tiga-belas" itu menyebabkan sukar untuk mendapat sokongan orang-orang Melayu sebagaimana yang pernah berlaku dalam tahun 1946-1947.

Retak perbalahan dikalangan masyarakat Melayu Sarawak disebabkan penyerahan Sarawak kepada British oleh Raja Charles Vyner Brooke itu adalah masih terasa dikalangan orang Melayu. Ianya menjadi suatu faktor inspirasi politik yang amat ketara. Datuk Bandar Abang Haji Mustapha telah menubuh sebuah parti politik iaitu Parti Negara Sarawak dalam 9 April tahun 1960 sebagai menyahut cabaran daripada penubuhan sebuah parti politik yang ditubuhkan oleh orang-orang Cina iaitu Parti S.U.P.P. (Sarawak United People Party). Orang-orang Melayu yang berjuang dalam Pergerakan Anti-Cession telah memulaukan parti politik itu dan mereka telah menubuh parti politik mereka sendiri diberinama Barisan Rakyat Jati Sarawak - BERJASA.

Ahli-ahli dari Persatuan Dayak Sarawak (Sarawak Dayak Association) dan Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak telah menganggotai BERJASA. Ini merupa salah satu tujuan asal dari ahli-ahli "Golongan Dalam" PKMS iaitu untuk menyatupadukan bumiputera.

Suatu perkembangan baru dalam arena Politik di Sarawak telah berlaku dalam tahun 1967 dimana kedua Parti Negara dan Parti Berjasa telah dicantumkan menjadi satu dengan dinamakan sebagai parti Bumiputera, sebuah parti Melayu yang ditubuhkan sejajar dengan Parti UMNO - (Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu) di Semenanjung.

Begitulah gerak langkah perjuangan orang-orang Melayu di Sarawak yang dipelopori oleh Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak. Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak telah memberi inspirasi untuk memperjuangkan nasib bangsa

dan Negara kearah kemerdekaan.

Perkembangan Parti-Parti Politik Setelah Zaman Anti-Cession

Semenjak tahun 1946, Persatuan Kebangsaan Melayu lah yang mula-mula berjuang diarena politik Sarawak secara terang-terangan menentang penjajahan British, walaupun susunan dan organisasinya tidak ujud sebagai parti-parti politik yang ada sekarang. Namun tidak dapat dinafikan bahawa Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak lah yang menjadi pelopor utama politik di Bumi Kenyalang. Parti-parti politik di Sarawak telah berkembang setelah zaman "Anti-Cession" berakhir dalam 1951, lapan tahun kemudian sebagaimana yang disebut itu, (S.U.P.P.) atau Sarawak People's Party telah didaftarkan dalam bulan Jun 1959 diketuai oleh Ong Kee Hui (sekarang Tan Sri Datuk Ong Kee Hui) dan Stephen Yong (sekarang Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze) sebagai Setiausaha Agungnya.

10 bulan kemudian, iaitu pada 9 April, 1960, muncul Parti Negara Sarawak (PANAS) yang dipimpin oleh Datuk Bandar Abang Haji Mustapha sebagai Presidennya dan adiknya Datuk Abang Othman sebagai Setiausaha Agungnya.

Pada 10 April, 1961, sebuah parti politik Iban telah ujud - Sarawak National Party - (SNAP). Presiden pertamanya jalan - J.S. Tinker dan Setiausaha Agungnya - Datuk Stephen Kalong Ningkan.

Dua tahun lagi sebelum Sarawak masuk Malaysia, tiga buah lagi parti politik telah ditubuh, iaitu - Barisan Rakyat Jati Sarawak (BERJASA) ditubuh dalam bulan Disember, 1961 yang diketuai oleh Datuk Tuanku Haji Bujang Osman dan Encik Alfred Unteng Mason sebagai Setiausaha Agungnya.

Parti Pesaka (PAPAS) - parti politik Iban yang kedua ditubuhkan dalam 1962. Tun Datu Patinggi Temenggong Jugah, yang pada mulanya ahli PANAS telah dilantik menjadi Presiden pertamanya. Parti politik yang kedua bagi orang-orang Cina ialah: Sarawak Chinese Association (SCA) ditubuh dalam bulan Julai 1962. Presidennya yang pertama ialah Encik Ling Beng Siew (sekarang Tan Sri Datuk Amar Ling Beng Siew) dan Encik Cheng Ko Ming sebagai Setiausaha Agungnya. Parti ini sejajarnya MCA di Semenanjung.

Dalam bulan Januari 1963, Parti Perikatan Sarawak terdiri dari BERJASA, PAPAS, SNAP, PANAS dan SCA telah ditubuhkan dengan dipengurusi oleh Tun Datuk Patinggi Temenggong Jugah. Setiausaha Agungnya ialah Datuk Stephen Kalong Ningkan. Tiga bulan kemudian, PANAS menarik diri dari menjadi ahli Perikatan Sarawak.

Semenjak bulan Januari 1963, beberapa buah parti politik telah menjelma tetapi hidupnya tidak lama dan terpaksa golong tikar beberapa tahun kemudian. Per-

tubuhan itu termasuklah Sarawak Indian Kongress yang didaftar dalam tahun 1963 dan dibubar dalam tahun 1968, Parti Machinda ditubuh dalam tahun 1964 dan dibubar dalam tahun 1967 dan Parti Rakyat Bersatu Tugau (TUPP) didaftar dalam 1965 dan dibubar dalam tahun 1968.

Dalam bulan Mac 1968, BERJASA dan PANAS telah bercantum menubuhkan Parti Bumiputera Sarawak. Parti ini telah dipengurusi oleh Tan Sri Datuk Amar Abang Ikhwan Zaini dan Datuk Patinggi Haji Abdul Taib Mahmud dilantik sebagai Setiausaha Agungnya.

Dalam bulan April 1969, sebuah Parti Bidayuh telah ditubuh: Parti Umat Sarawak yang pada mulanya dikenali sebagai Parti Bisamah Encik Leonard Sircord telah dilantik sebagai Presiden pertama dan Encik Frank Dustin Sirau sebagai Setiausaha Agungnya. Parti itu telah dibubar dalam tahun 1981.

Parti Bumiputera dan Parti Pesaka telah bercantum dalam tahun 1973 dan hasil dari percantuman ini ujudnya Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB). Presiden Pertama PBB ialah Tun Datu Patinggi Temenggong Jugah dan Setiausaha Agungnya ialah Tun Datu Patinggi Haji Abdul Rahman Ya'akub.

Dalam bulan Julai 1974, Parti Negara Rakyat Sarawak (NEGARA) yang pada mulanya dikenali sebagai Parti PEACE telah ditubuh dibawah pengurusinya Encik Stanley Daniels James dan Encik Alexander Arumugam Nagasuwaran sebagai Setiausaha Agungnya.

Parti Rakyat Jati Sarawak (PAJAR) telah didaftar dalam bulan Mac 1978, Tuan Haji Alli Kawi sebagai Presidennya dan Encik Razali Sabang sebagai Setiausaha Agungnya. Dengan adanya pertukaran kepimpinannya dalam tahun 1982, Parti tersebut telah ditukar namanya kepada Parti Demokratik Bersatu Sarawak (BERSATU) dan Tuan Haji Eden Abdullah ialah Presidennya.

Dalam bulan Mac 1978, Parti Sarawak Peoples Organisation (Pertubuhan Rakyat Sarawak) - (SAPO) telah muncul di Miri dibawah pimpinan pengurusinya Encik Antalai Sawing. Setiausaha Agungnya ialah Encik Raymond Szetu Mei Tong.

Parti Bersatu Rakyat Jelata Sarawak (BERJASA) telah memohon pendaftaran, pada 2 Disember 1978 tetapi menarik balik permohonan pada hari yang sama. Presiden parti tersebut ialah Abang Mohamad bin Abang Anding dan Setiausaha Agungnya ialah Encik Stanley Oscar Bryan dan Suntai.

Dalam Jun 1978, Kongress Indian Muslim Malaysia (KIMMA) yang beribu pejabat di Kuala Lumpur telah memohon untuk menubuh cawangannya di Kuching, tetapi tidak dilulus oleh Kerajaan dalam 1982.

Parti Tindakan Demokratik (Demokratic Action Parti DAP) yang beribu pejabat di Kuala Lumpur telah menubuh cawangannya di Kuching, Sibu, Miri,

Sarikei, Binatang, Bintulu, Igan dan Mukah. Cawangan pertamanya ditubuh di Sarawak ialah di Sibu dan Sarikei dalam bulan September 1978.

Ahli Jawatankuasa Wanita Melayu Sarawak 1947-1952

Pengerusi	: *Lily Eberwine*
Setiausaha	: *Ajibah Abol*
Pen. Setiausaha	: *Masni Abu Bakar*
Bendahari	: *Mak Dori Ali*
	Puan Adot binti Johan
	Dayang Temah bt. Hj. Kassim
	Dayang Bahjah binti Datu Imam Hj. Merais
	Dayang Mariam bt. Abg. Azahari
	Puan Zahrah binti Hj. Salleh
	Puan Hajjah Rafeah bin Hj. Matahir
	Puan Hajjah Hamdiah bt. Sulong
	Puan Bahani bte. Gani

Ahli Jawatankuasa Wanita Melayu Sarawak 1952-1957

Pengerusi	: *Datuk Ajibah Abol*
Setiausaha	: *Dayang Hasiah Abang Safuani*
Bendahari	: *Puan Malihah binti Mohsen*
Ahli-Ahli	: *Cikgu Masni Abu Bakar*
	Cikgu Hasnah Abdul Rahman
	Cikgu Dayang Mariam Abang Zawawi
	Cikgu Raliah Ali
	Cikgu Aminah Sebli
	Dayang Bahjah Datuk Iman Hj. Merais
	Dayang Majidiah Ahmad
	Puan Hamdiah Sulung
	Hajjah Zahariah Sulaiman
	Hajjah Nor Tambi
	Dayang Helem bt. Abang Abd. Latip

Hajjah Nis
Dayang Hamdiah Razak
Puan Darok bin Sabok
Hajjah Rahanah Sebli

1957-1975

Pengerusi	: *Puan Ajibah Abol*
Setiausaha	: *Maimunah Hj. Daud*
Pen. Setiausaha	: *Dyg. Hasiah Datuk Abg. Hj. Sufani*
Bendahari	: *Puan Malihah (Mohsen)* *(Bonda Lehot)*
Ahli Jawatankuasa	: *Puan Darok Sabok* *Puan Masnah Shafiee* *Puan Sh. Fatimah Wan Agus* *Sh. Madhiah Tuanku Hj. Ahmad* *Dyg. Hajjah Madinah* *Puan Salbiah Musa* *Dyg. Saftuyah Abg. Hj. Jaya* *Puan Hamdiah Hj. Usop*

Jawatankuasa 1975-1984

Pengerusi	: *Allahyarhamah Datuk Ajibah Abol* *(14 Jun 1976)*
Naib Pengerusi/Perp	: *Jamilah Hj. Hussein*
Setiausaha	: *Hjh. Lauyah Hj. Nor*
Bendahari	: *Hjh. Hanifah Yaman*
Ahli-Ahli	: *Hjh. Masnah Shafiee* *Dyg. Hjh. Madinah* *Hjh. Norisa Saufi* *Dyg. Mariam Abg. Zawawi* *Dyg. Hasiah Datuk Abg. Hj. Safunai* *Maimunah Hj. Daud* *Hjh. Zahrah Hj. Munir* *Dyg. Hjh. Aishah Mansawi* *Kathleen Bidari* *Hasnah Abdul Rahman* *Salbiah Musa*

Jawatankuasa Pergerakan Wanita PMS 1984

Pengerusi	: *Salbiah binti Painah*
N..Pengerusi I	: *Hjh. Norisa Saufi*
N. Pengerusi I	: *Hjh. Norolah Othman*
Setiausaha	: *D. Hjh. Aminah Abg. Pauzan*
Pen. Setiausaha	: *Jamilah Hj. Hussein*
Bendahari	: *Sh. Madhiah Tku Hj. Ahmad*
Pen. Bendahari	: *Hjh. Hanifah Yaman*
Ahli-Ahli	: *Hjh. Masnah Shafiee* *Hassanah Hj. Daud* *Hjh. Halimah Abang* *Hjh. Maimunah Salleh* *Hjh. Norjanah Hj. Hasbi* *Ustazah Sh. Aini Tku. Sharbini* *D. Hjh. Saftuyah Jaya* *Hapipah Abang*

Sejarah ......


Sejarah tidak mungkin dilupai
Maupun diselindungi,
Dikikis, dilengis
Dihapus dan dipupus

Setiap detik peristiwa
Insan dan Negara
Tetap bermenara
Dalam lipatan sejarahnya

Perjuangan bukanlah enteng
Persatuan merupakan benteng
Benteng menyangga runtuh,
Tanpa Melayu Bersatu teguh
Zuriat warisan akan rubuh

Melayu, tidak mampu layu,
Pantang hapus dipupus bayu
Berterbangan tanpa dituju
Bangun, Bangun Melayu, Bangsaku

Haji Mohd. Hasbie Sulaiman



10.11.62.

Dear Mr Hasbie Sulaiman,

I very much regret your letter arrived while I was abroad & became mislaid in my files.

Here is the photo you ask for. I'm afraid I find difficulty in giving you a brief biography but by all means say anything you like about me & make any use you want of the material contained in "The facts about Sarawak" if it is relevant to the kind of book you are compiling. But we want the maximum unity in Sarawak hereafter, so be sure you won't quote any fact which might lead to further controversy.

I'm afraid I can't answer for my father the Tuan Muda but I suggest you write to him separately, if you want his picture.

With all good wishes

Yours sincerely

Anthony Brooke

Surat dari Raja Muda Sarawak, Mr. Anthony Brooke kepada Encik Hasbie Sulaiman.



Datuk Patinggi Abang Haji Abdillah bin Datuk Bandar Kassim D.P., D.S.B., C.S.S.



Datuk Amar Abang Sulaiman bin Abang Taha Shahdan D.A., C.S.S.



Abang Haji Ikhwan Hj. Zainie



Tuan Haji Dawi Abdul Rahman



Y. Berhormat Datuk Imam Abang Haji Morshidi bin Abang Nuruddin



Tuan Imam Haji Daud Abdul Ghani



Tun Datuk Patinggi Tuanku Haji Bujang bin Tuanku Osman



Encik Tuah bin Kasa



Y.M. Abang Haji Zainie bin Datuk Bentara Haji Hashim



Tuan Haji Bolhassan bin Haji Daud



Tuan Haji Mohamad Maamoon bin Nor



Tuan Haji Suut Tahir



Datuk Bentara Abang Haji Hashim bin Arif



Tuan Haji Ali bin Hussein



Encik Rashidi bin Muslim



Tuan Haji Kawi bin Saed



Cikgu Masni Abu Bakar



Abg. Daim Abg. Hj. Abd. Rahim



Tan Sri Datuk Mohamad Hj. Bakeri



Temenggung Datuk Abg Haji Safuani Abg Juaini



Datuk Ajibah Abol, P.N.B.S.



Puan Lily Eberwine




Datuk Abdul Kadir Marikan Salleh




Encik Bolhassan bin Matasip



Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putera Alhaj, Perdana Menteri Malaysia, yang pertama telah berkunjung ke Sarawak dan diraiekan oleh Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak di Majlis Jamuan Makan Malam di Sekolah Rakyat, Jalan Haji Bolhassan Kuching.
Dari Kanan Barisan Depan: Encik Hasbie Sulaiman sebagai jurucara, Awang Hipni Pengeran Annu, Datuk Haris Salleh, Datuk Haji Abdul Taib Mahmud.



Yang Berhormat Encik Khir Johari selaku wakil dari Kerajaan Persekutuan membaca Perisytiharan Kemerdekaan Sarawak dalam Malaysia.



Tun Datuk Abang Haji Openg bin Abang Shafiee, seorang ahli PKMS yang berjaya menaiki mercu kejayaan, anak watan yang pertama dilantik sebagai Yang Dipertua Negeri Sarawak. Beliau sedang mengangkat sumpah pertabalan dihadapan Hakim Besar Borneo pada 31 Ogos 1963 - bertempat di padang Central disaksi oleh ribuan rakyat.



Abang Haji Openg Shafiee bekas Naib Yang Dipertua PKMS dan ahlinya seumur hidup telah dilantik sebagai T.Y.T Gabenor Sarawak yang pertama setelah Sarawak merdeka dalam Malaysia pada 16 September 1963, berjabat tangan dan memberi selamat jalan kepada Gabenor Inggeris yang terakhir dibumi Sarawak, Sir Alexander Waddel. Perlantikan beliau adalah menjadi kebanggaan PKMS dalam seluruh orang Melayu. Dengan ini tamatlah Sarawak dijajah oleh Inggeris untuk selama-lamanya.



Puan Lily Eberweine

Puan Lily Eberweine, seorang yang pertama mengepalai pucuk pemimpin Kaum Ibu PKMS. Beliau dilahir pada 11hb Julai 1900. Berkhidmat di pejabat Telekom dalam tahun 1927-1929. Kemudian menjadi Guru Besar di Sekolah Perempuan Permaisuri. Pada 1 Julai 1947 beliau meletak jawatan dan bergiat dalam Gerakan Anti-Cession dan berkhidmat dalam PKMS sehingga akhir hayatnya. Beliau meninggal pada 1 April 1980.



Datuk Ajibah Abol

Datuk Ajibah Abol dilahir dalam tahun 1921. Beliau telah memimpin Kaum Ibu PKMS dengan penuh didikasi sejak muda-muda lagi. Beliau ialah tokoh utama membentuk Parti BERJASA dalam 1961. Beliau berjaya terpilih dalam pilihan Raya dan dilantik sebagai Menteri Kebajikan Am Negeri Sarawak hingga pada 1976 beliau telah meninggal dunia. Beliau adalah seorang pemimpin Gerakan Anti-Cession yang paling berani.



Datuk Hafsah Haji Harun

Datuk Hafsah Haji Harun, Ketua Kaum Ibu Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak telah berjaya melanjutkan perjuangan dalam lapangan politik tanah-air. Beliau telah berkhidmat dalam Kabinet Kerajaan Negeri Sarawak dengan menjawat jawatan Menteri Kebajikan Am bagi mengganti Y.B. Puan Ajibah Abol yang telah meninggal. Kemudian beliau telah menjawat jawatan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan Negeri dan terpaksa bersara kerana sesuatu perkara yang tertentu.

Bahagian IX
Senarai Para Pemimpin Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak

Barisan Para Pemimpin PKMS 1939-1989

Sempena dengan temasha kita merayakan Hari Ulang Tahun ke 50 PKMS, adalah wajarnya kita memperingatkan mereka yang telah bertungkus lumus mengasaskan, memimpin, berkorban tenaga, fikiran dan wang ringgit untuk menubuhkan Persatuan ini dan berjuang bagi menyatu padu bangsa Melayu. Setelah kita mengkaji lambaran sejarah PKMS selama usianya genap 50 tahun ini, nyatalah pengorbanan para pemimpin kita itu amat besar ertinya kepada masyarakat Melayu.

Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak terkenal di seluruh dunia, namanya terpampang di bidang akhbar dalam dan luar negeri, terutama di saat saat perjuangan rakyat menentang penyerahan negeri Sarawak kepada Kerajaan Inggeris.

Segala perjuangan dan pengorbanan PKMS dan ahli ahlinya, walaupun pada masa itu tidak menemui matlamatnya, tetapi ia telah diakui oleh cendikiawan dan ahli pengukir sejarah di seluruh negara sebagai kemunculan semangat Nasionalisma di Sarawak yang tidak boleh dilupa oleh generasi baru.

Demi untuk mengabadikan jasa jasa mereka dari sejak zaman mereka yang menjadi pengasasnya hingga ke zaman era baru ini dimana berberapa tokoh muncul meneruskan perjuangan para pengasas terdahulu itu adalah dicatit dengan TINTA EMAS dalam lambaran buku ini. Walaupun banyak lagi tokoh tokoh yang telah turut memeliharakan Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak ini tetapi disini hanya sekadar yang dapat dibentangkan saja. Di lembaran yang berikutnya adalah merupakan barisan Nasionalisma yang gigih.

Kepada generasi baru yang bakal mengambil alih pucuk kepimpinan di masa muka akan memilihara kepimpinan yang penuh dengan tatasusila sopan santun tradisi Melayu sejati memperjuang nasib dan menebus meruah bangsa.

'JASAMU TETAP DIKENANG'

YANG DI-PERTUA PERTAMA
1939-1946



Y. B. Datuk Amar Abang Sulaiman bin Abang Taha Shahdan D.A., C.S.S.

NAIB YANG DI-PERTUA



Tuan Haji Abdul Rahman Hj. Kassim



Tuan Haji Kawi bin Saed



Tuan Haji Ali Hosen

SETIAUSAHA AGUNG



Encik Johari bin Anang

BENDAHARI



Abang Mohamad Daim Bin Abang Abdul Rahim

YANG DI-PERTUA KEDUA
1947-1953



Y.M. Abang Haji Zainie bin Datuk Bentara Haji Hashim

NAIB YANG DI-PERTUA



Tuan Haji Abd. Rahman Hj. Kassim



Haji Kawi Hj. Saed



Tuan Haji Ali bin Hussein



Abg. Safuani bin Abang Juaini

SETIAUSAHA



En. Johari Awang

NAIB DI-PERTUA



Tuan Haji Bolhassan bin Haji Daud

BENDAHARI



Abg. Haji Zawawi Abg. Haji Latif

YANG DI-PERTUA KETIGA 1953-1957



Tuan Haji Abdul Rahman bin Haji Kassim

▼ NAIB YANG DI-PERTUA ▼



Tuan Haji Bolhassan bin Haji Daud



Puan Lily Eberwine

SETIAUSAHA AGUNG



Encik Johari bin Anang

BENDAHARI



Abang Haji Jaya bin Datu Bentara Haji Hashim

YANG DI-PERTUA KEEMPAT
1957-1964



Tan Sri Datuk Mohamad Haji Bakeri

NAIB YANG DI-PERTUA 1957-1959



Abang Ikhwan Zainie



Tuan Haji Suut Tahir



Puan Lily Eberwine

SETIAUSAHA



Encik Johari Anang

BENDAHARI



Abang Haji Jaya Datu Bentara Haji Hashim

SAMBUNGAN

NAIB YANG DI-PERTUA 1959-1961



Abang Haji Ikhwan Hj. Zaini



Puan Ajibah Abol

NAIB YANG DI-PERTUA 1961-1964



Tuan Haji Satem Haji Sulong



Puan Ajibah Abol



Tuan Haji Suut Haji Tahir

YANG DI-PERTUA KELIMA
1964-1974



Tuan Haji Dawi Abdul Rahman .

NAIB YANG DI-PERTUA



Abang Haji Jaya Datu Bentara 1964-1968



Abang Safuani Abang Juaini



Y.B. Puan Ajibah Abol



Tuan Haji Mohd. Hasbie Sulaiman

SETIAUSAHA AGUNG

En. Naim Haji Sulaiman 1964-1967 Berhenti



Tuan Haji Mohtar bin Deli 1967-1974

BENDAHARI



Ustaz Haji Mohd. Mortadza Haji Daud

YANG DI-PERTUA KEENAM
1975-1982



Y.B. Tan Sri Datuk Amar Abg. Haji Marzuki Nor

NAIB YANG DI-PERTUA



Y.B. Datuk Amar Abang Haji Yusuf Puteh



Y.B. Datuk Haji Jemuri Sarjan



Datuk Hajjah Hafsah Harun

SETIAUSAHA AGUNG



Datuk Haji Saad Hassan

BENDAHARI



Datuk Amar Haji Bujang Nor

YANG DI-PERTUA KETUJUH
1983-1988



Y. Bhg. Datuk Wan Yusof b. Tun Datuk Patinggi Tuanku Haji Bujang

TIMBALAN YANG DI-PERTUA I



Y. Bhg. Datuk Haji Safri Awang bin Haji Zaidell

TIMBALAN YANG DI-PERTUA II



Puan Hajjah Salbiah Painah

NAIB YANG DI-PERTUA



Y.B. Datuk Wan Hashim bin Datu Tuanku Taha



Tuan Haji Mohamad Taha Ariffin

NAIB YANG DI-PERTUA



Encik Abdillah Mohd. Noor

SETIAUSAHA AGUNG



Tuan Haji Dawi Abd. Rahman

BENDAHARI



Wan Zain b. Tuanku Madhi

YANG DI-PERTUA KELAPAN
1988-1990

YANG DI-PERTUA



YB. Datuk Haji Wan Yusuf

TIM. DI-PERTUA



Datuk Hajjah Hafsah bte. Hj. Harun

NAIB DI-PERTUA



Abang Hj Han Abang Ahmad

SETIAUSAHA AGUNG



Datuk Amar Abg. Hj. Yusuf Puteh

TIMBALAN SETIAUSAHA AGUNG



Dr. Hj. Wan Ali Tku. Madhi



Encik Kaderi Tan Sri Mohammad

BENDAHARI



Dr. Mohd. Abas Hj. Abang

TIMBALAN BENDAHARI



Encik Idris Hj. Putit

AHLI-AHLI JAWATANKUASA KEBANGSAAN MELAYU SARAWAK

DARI DAHULU HINGGA SEKARANG
Tarikh pendaftaran 10.10.39
TAHUN 1939
(Dari bulan October sampai Disember)

Yang Di-Pertua	– *Y.B. Abang Sulaiman, Datuk Amar.*
Naib-naib Yang Di-Pertua	– *Tuan Haji Ali bin Hosen.*
	– *Tuan Haji Kawi bin Saad.*
	– *Tuan Haji Rahman bin Haji Kassim.*
Setiausaha Yang Kehormat	– *Mohamad Johari Anang.*
Penolong Setiausaha	– *Bolhassan bin Matasip.*
Penyimpan Wang	– *Abang Mohamad bin Abang Haji Abdul Rahman.*
Pemeriksa Kira-kira	– *Tuan Haji Bolhassan bin Haji Daud.*
Penolong Pemeriksa Kira-kira	– *Tuan Haji Supian Azahari.*
Jawatankuasa	– *Haji Bakawi bin Bahar.*
	– *Haji Busrah bin Osman.*
	– *Haji Kena bin Haji Salleh.*
	– *Haji Sulaiman bin Haji Saed.*
	– *Mohamad Rashidi bin Muslim.*
	– *Mohamad Karim bin Haji Ali.*
	– *Abang Arifin bin Haji Merais.*
	– *Mohamad Daud bin Ismail.*
	– *Ali bin Haji Hassan.*
	– *Haji Yaman bin Haji Abdul Rahman.*
	– *Haji Bolhir bin Madon.*

TAHUN 1940-41

(Dari Januari, 1940 sampai Jun, 1941)

Yang Di-Pertua	– *Y.B. Abang Sulaiman, Datuk Amar.*
Naib-naib Yang Di-Pertua	– *Haji Ali bin Hosen.*
	– *Haji Kawi bin Saed.*
	– *Haji Bolhassan bin Haji Daud.*
	– *Haji Abdul Rahman bin Haji Kassim.*
Setiausaha Kehormat	– *Johari bin Anang.*
Penolong Setiausaha	– *Bolhassan bin Matasip.*
Penyimpan Wang Kehormat	– *Abang Mohamad Daim bin Abang Abdul Rahim.*
Pemeriksa Kira-kira	– *Tuah bin Kasa.*
Jawatankuasa	– *Haji Bolhir bin Madon.*
	– *Haji Bakeri bin Fatah.*
	– *Haji Busrah bin Osman.*
	– *Haji Kena Ibrahim bin Haji Salleh.*
	– *Haji Supian bin Haji Azahari.*
	– *Haji Yaman bin Haji Abdul Rahman.*
	– *Mohamad Rashidi bin Muslim.*
	– *Mohamad Daud bin Ismail.*
	– *Abdul Rahman bin Haji Ali.*
	– *T.K. Hassan bin Osman.*
	– *Osman bin Yahya.*

TAHUN 1941-1946

Yang Di-Pertua	– *Y.B. Abang Sulaiman, Datuk Amar*
Naib Yang Di-Pertua	– *Tuan Haji Hashim bin Haji Arif, (Datu Bentara)**
	– *Tuan Haji Ali bin Hosen.*
	– *Tuan Haji Kawi bin Saed.*
	– *Abang Haji Zainie bin Datu Bentara.*

	– *Tuan Haji Bolhassan bin Haji Daud.*
	– *Tuan Haji Abdul Rahman bin Haji Kassim.*
Setiausaha Kehormat	– *Mohamad Johari bin Anang.*
Penolong Setiausaha	– *Abang Mohamad Ikhwan bin Abang Haji Zainie.*
	– *Mohamad Bolhassan bin Matasip.*
Bendahari Kehormat	– *Abang Mohamad Daim Abang Haji Abdul Rahim.*
Penolong Bendahari	– *Mohamad Maamon bin Nor.*
Pemeriksa Kira-kira Yang Kehormat	– *Mohamad Aiknee bin Taip.*
Penolong Pemeriksa Kira-kira	– *Mohamad Sulaiman bin Osman.*
Ahli Jawatankuasa	– *Haji Supian bin Haji Azahari.*
	– *Mohamad Sahari bin Haji Kassim.*
	– *Mohamad Rashidi bin Muslim.*
	– *Haji Busrah bin Osman.*
	– *Haji Yaman bin Haji Abdul Rahman.*
	– *Mohamad Ali bin Haji Hassan.*
	– *Mohamad Sarkawi bin Haji Osman.*

**Diganti oleh Datu Temenggong Abang Kipali.*

TAHUN 1947-1950

Yang Di-Pertua	– *Abang Haji Zainie bin Datu Bentara.*
Naib Yang Di-Pertua	– *Tuan Haji Bolhassan bin Haji Daud.*
	– *Tuan Haji Abdul Rahman bin Haji Kassim.*
	– *Abang Openg bin Abang Safiee.*
	– *Tuan Haji Ali bin Hosen.*
Setiausaha Agung	– *Encik Johari bin Anang.*
Penolong Setiausaha	– *Abang Ikhwan Zainie.*
Ketua Bendahari	– *Encik Aiknee bin Talip.*

Ketua Pemeriksa Kira-kira	– *Encik Mustapha bin Junid.*
Ahli Jawatankuasa	– *Tuan Haji Busrah bin Osman.*
	– *Tuan Haji Yaman bin Haji Abdul Rahman.*
	– *Abang Safuani bin Abang Juaini.*
	– *Abang Zawawi bin Abang Haji Latif.*
	– *Encik Sulaiman bin Osman.*
	– *Encik Bolhassan bin Matasip.*
	– *Encik Rashidi bin Muslim.*
	– *Tuan Haji Supian bin Haji Azahari.*

TAHUN 1950-1953

Yang Di-Pertua	– *Abang Haji Zainie bin Datu Bentara.*
Naib Yang Di-Pertua	– *Tuan Haji Bolhassan bin Haji Daud.*
	– *Abang Safuani bin Abang Juaini.*
Setiausaha Agung	– *Encik Johari bin Anang.*
Penolong Setiausaha	– *Encik Bolhassan bin Matasip.*
Ketua Bendahari	- *Abang Mohamad Zawawi Abang Haji Latif.*
Ketua Pemeriksa Kira-kira	– *Encik Mohamad Dahan bin Ahmad.*
Ahli Jawatankuasa	– *Tuan Haji Busrha bin Osman.*
	– *Encik Daud bin Keli.*
	– *Tuan Haji Mostapha bin Junid.*
	– *Tuan Haji Yusuf bin Haji Hassan.*
	– *Encik Mohamad Nor bin Haji Hassan.*
	– *Encik Mohamad Julaihi bin Yahya.*
	– *Abang Haji Gobil bin Datu Bentara.*
	– *Encik Mohamad Edham bin Bojeng.*
	– *Abang Ikhwan Zainie.*
	– *Encik Deli bin Jumat.*

TAHUN 1953-1957

Yang Di-Pertua	– *Tuan Haji Abdul Rahman bin Haji Kassim.*
Naib Yang Di-Pertua	– *Tuan Haji Bolhassan bin Haji Daud.*
	– *Che'gu Lily Eberwine (Lantikan Baru)*
Setiausaha Agung	– *Encik Bolhassan bin Matasip. (Diganti oleh Encik Johari bin Anang sebagai Pembantu).*
Ketua Bendahari	– *Abang Haji Jaya bin Datu Bentara.*
Ketua Pemeriksa Kira-kira	– *Encik Aliman bin Sahmat. (Diganti oleh Che Dol bin Osman)*
Jawatankuasa	– *Abang Ikhwan Zainie.*
	– *Encik Mohamad bin Haji Bakeri.*
	– *Encik Abang bin Jol. (Berhenti)*
	– *Abang Mohd. Zawawi Abang Haji Abdul Latif. (Berhenti)*
	– *Encik Ghani bin Wahed.*
	– *Encik Matnor bin Haji Hassan.*
	– *Encik Pawi bin Haji Ibrahim.*
	– *Tuan Haji Yusuf bin Haji Hassan.*
	– *Encik Rashidi bin Muslim.*
	– *Tuan Haji Rambli bin Haji Leman.*
	– *Encik Hasbie Sulaiman.*
	– *Tuan Haji Suut Tahir (Lantikan Baru)*
	– *Encik Jali Hassan (Lantikan Baru)*
	– *Tuan Haji Busrah bin Osman.*
	– *Encik Salleh bin Mat Embi.*
Jawatankuasa	– *Tuan Haji Mostapha bin Junid. (Berhenti)*
	– *Encik Marikan Salleh.*

TAHUN 1957-1959

Yang Di-Pertua	– *Encik Mohamad Haji Bakeri.*
Naib Yang Di-Pertua	– *Abang Ikhwan Zainie.*
	– *Tuan Haji Suut Tahir.*
	– *Cikgu Lily Eberwine.*
Setiausaha Agung	– *Encik Johari Anang.*
Penolong Setiausaha Agung	– *Encik Marikan Salleh.*
Bendahari Kehormat	– *Abang Haji Jaya bin Datu Bentara.*
Jawatankuasa	– *Encik Dawi bin Abdul Rahman.*
	– *Encik Ghani Wahed.*
	– *Encik Pawi Haji Ibrahim.*
	– *Tuan Haji Busrah Osman.*
	– *Encik Hasbie Sulaiman.*
	– *Encik Dolhan Haji Paris.*
	– *Tuan Haji Ramli Haji Leman.*
	– *Cikgu Kaderi bin Wai.*
	– *Abang Safuaini Juaini.*
	– *Encik Jally Hassan.*
	– *Encik Tuah Kasa (diganti oleh)* *Mohtar bin Deli.*
	– *Encik Abang bin Jol (diganti oleh)* *Tuan Haji Nawawi bin Haji Othman.*
	– *Cikgu Gol bin Sapah.*
	– *Abang Yan bin Abang Jol. (diganti oleh)**

**Encik Abdul bin Nor.*

TAHUN 1959-1961

Yang Di-Pertua	– *Encik Mohamad bin Haji Bakeri.*
Naib Yang Di-Pertua	– *Tuan Haji Mustapha Junid.*
	– *Cikgu Ajibah bte Abol.*

Setiausaha Agung	– *Encik Johari bin Anang.*
Pemeriksa Kira-kira	– *Awang Ejei bin Awang Umar.*
Penolong Pemeriksa Kira-kira	– *Abang Abdul Latif Zaini.*
Bendahari	– *Tuan Haji Satem Haji Sulong.*
Jawatankuasa	– *Encik Merikan Salleh.*
	– *Encik Naim Haji Sulaiman.*
Jawatankuasa	– *Encik Ghani bin Wahed.*
	– *Encik Dawi Abdul Rahman.*
	– *Abang Ikhwan Zaini.*
	– *Abang Safuani Juaini.*
	– *Tuan Haji Busrah Othman.*
	– *Encik Deli Jumat.*
	– *Tuan Haji Hossen Haji Kawi.*
	– *Encik Moktar bin Deli.*
	– *Tuan Haji Suut Tahir.*
	– *Abang Haji Yan Abang Haji Jol.*
	– *Abang Haji Jaya Datu Bentara.*

TAHUN 1961-1964

Yang Di-Pertua	– *Encik Mohamad Haji Bakeri. A.M.N., P.B.S.*
Naib Yang Di-Pertua	– *Tuan Haji Satem Haji Sulong.*
	– *Y.B. Tuan Haji Suut Haji Tahir, M.P.*
	– *Y.B. Cik Ajibah bte Abol, M.P.*
Setiausaha Agung	– *Encik Johari bin Anang.*
Ahli Jawatankuasa	– *Tuan Haji Zen Malek.*
	– *Tuan Haji Jaraiee Haji Ibrahim.*
	– *Al-Ustaz Mohd. Mortadza Haji Daud.*
	– *Encik Moktar bin Deli.*
	– *Tuan Haji Ibrahim Haji Ahmad.*
	– *Encik Dawi Abdul Rahman.*

	– *Abang Abdul Latif Zaini.*
	– *Encik Fathi Taha.*

TAHUN 1964-1966

Yang Di-Pertua	– *Encik Dawi Abdul Rahman.*
Naib Yang Di-Pertua	– *Y.B. Puan Ajibah Abol.*
	– *Abang Haji Jaya Datu Bentara.*
	– *Encik Hasbie Sulaiman.*
Bendahari Kehormat	– *Al-Ustaz Mohd. Mortadza Haji Daud.*
Penolong Bendahari Kehormat	– *Encik Mohd. Hanis Mahlie.*
Setiausaha Agung	– *Encik Naim Haji Sulaiman.*
Penolong Setiausaha Agung	– *Encik Moktar bin Deli.*
Jawatankuasa	– *Y.B. Datuk Abang Haji Safuaini Juaini.*
Jawatankuasa	– *Y.B. Encik Abdul Taib Mahmud.*
	– *Y.B. Abang Ikhwan Zaini.*
	– *Y.B. Tuan Haji Suut Tahir, M.P.*
	– *Encik Jemuri Serjan.*
	– *Al-Ustaz Abdul Kadir Hassan.*
	– *Encik Jally Hassan.*
	– *Encik Ibrahim bin Ali.*
	– *T.K. Abang Haji Gobil Datu Bentara.*
	– *Abang Haji Mustapha Abang Haji Gapor.*
	– *T.Y. Awang Ije Awang Umar.*

*Nota**

TAHUN 1969-1970-1973-1974

Tiada ada Mesyuarat Agong telah diadakan oleh kerana beberapa sebab tertentu. Tuan Haji Dawi Abdul Rahman telah meletak jawatan sebagai Yang Di-Pertua PKMS pada 2, November 1974 - Jawatan di pangku oleh Y.Bhg. Datuk Abang Haji Safuani.

TAHUN 1975-1982

Yang Di-Pertua	*– Datuk Abang Haji Marzuki Nor.*
Timbalan Yang Di-Pertua	*– Datuk Abang Haji Yusuf Puteh.*
Naib Yang Di-Pertua	*– Datuk Haji Jemuri Serjan.*
Setiausaha Agung	*– Tuan Haji Saad Hassan.*
Timbalan Setiausaha Agung	*– Encik Mohamad Taha Ariffin.*
Bendahari	*– Datuk Haji Bujang Mohd. Nor.*
Penolong Bendahari	*– Al-Ustaz Haji Mohd. Mortadza Haji Daud.*
Majlis Tertinggi	*– Datuk Haji Safri Awang Zaidel.*
	– Datuk Kadir Hassan.
	– Encik Hasbie Sulaiman.
	– Encik Moktar Deli.
	– Puan Siti Zaharah Hussaini.
	– Puan Alauyah Nor.
	– Encik Mohd. Hanis Mahlie.

**Nota*
Dalam tahun 1976-1982, Persatuan Melayu Sarawak tidak ada Mesyuarat Agungnya, sehingga dalam tahun 1982 baharu Persidangan Perwakilan Agung Tahunan diadakan lagi.

TAHUN 1983-1986

Yang Di-Pertua	*– Y.B. Datuk Haji Wan Yusuf bin Tun Datuk Patinggi Haji Bujang.*
Timbalan Yang Di-Pertua	*– Y.B. Datuk Haji Safri Haji Zaidel.*
	– Datuk Wan Hashim Datuk Tuanku Taha.
	– Tuan Haji Mohd. Taha Haji Ariffin.
	– Puan Salbiah Painah (Ketua Wanita)
	– Encik Abdullah Mohd. Nor.

Setiausaha Kehormat	– *Tuan Haji Dawi Abdul Rahman.*
Penolong Setiausaha	– *Encik Adi Badiozaman Tuah.*
	– *Dr. Abang Haji Drauf Abang Haji Zain.*
Bendahari	– *Wan Zain Tuanku Haji Madhi.*
Jawatankuasa	– *Tuan Haji Ahmad Haji Ebon.*
	– *Tuan Haji Abang Narawi Haji Fauzi.*
	– *Encik Morshidi Haji Abdul Rahman.*
	– *Dr. Abang Yusuf Abang Haji Abdul Razak.*
	– *Dr. Assad Haji Ghani.*
	– *Puan Siti Zahrah Abang Haji Husaini.*
	– *Puan Maliah Ali.*
	– *Wan Zainal Wan Senusi.*

BUKU-BUKU DAN BAHAN-BAHAN RUJUKAN

1. Facts about Sarawak	–	Mr. Anthony Brooke
2. Sarawak Under Two White Rajahs		
3. Sarawak Under Three White Rajahs	–	Ranee Sylvia (Ranee of Sarawak)
4. Fajar Sarawak	–	Dr. Philip Lee Thomas
	–	Penerbitan Fajar Bakti Sdn. Bhd bagi Pihak Persatuan Persuratan Sarawak.
5. The Name of Brooke	–	R.H.W Reece - *Oxford University Press*
6. Malay Nationalism in Sarawak	–	Sanib Saed
7. Threaties and Engagement affecting The Malay States	–	W.G. Maxwell and W.S. Gibbon Les Truscolt Sdn. Bhd. Ltd. - London 1924.
8. Men of Sarawak	–	A.M. Cooper Oxford University Press
9. Kenegaraan 25 Tahun	–	Persatuan Museum Malaysia
10. Sarawak 20 Tahun 1963-1983	–	Penerbitan Kerajaan Sarawak menyambut 20 Tahun Merdeka.
11. Sarawak Gazete		
12. Sarawak Tribune		
13. Sarawak Annual Reports	–	Keluaran Kerajaan Koloni
14. Penyertaan Kita	–	Penerbitan Kerajaan menyambut 20 Tahun Merdeka.
15. Fail-fail lama PKMS		
16. Temuduga dengan Tokoh-Tokoh Tempatan.		